



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



upsi

**PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODUL PENGAJARAN ISYARAT
PERKATAAN BERFUNGSI BAGI MURID BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN
TANPA KOMUNIKASI LISAN**

AHMAD YAZID BIN YAHYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian kuantitatif ini bertujuan untuk membina dan menguji modul pengajaran isyarat perkataan berfungsi (IPB) menggunakan isyarat tangan bagi kegunaan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) tanpa komunikasi lisan. Seramai 134 orang peserta kajian, iaitu 115 orang guru pendidikan khas, tujuh orang pakar dan 12 orang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dipilih menggunakan multiphase sampling. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik, borang penilaian pakar, modul, ujian pra dan ujian pasca. Data dianalisis secara deskriptif dan inferens. Dapatan kajian menunjukkan 83.8% guru memerlukan modul pengajaran untuk mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan 81.3% guru mempunyai masalah menjalankan pengajaran dan berkomunikasi bersama murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dapatan kajian menyenaraikan 70 perkataan berfungsi mengikut tema dan daripada senarai ini, 10 perkataan paling utama dikenalpasti, iaitu [duduk] (M=9.33), [makan] (M=9.30), [rumah] (M=9.23), [bapa] (M=9.23), [ibu] (M=9.20), [nasi] (M=9.20), [minum] (M=9.20), [sekolah] (M=9.17), [lelaki] (M=9.17) dan [perempuan] (M=9.13). Pengkaji mendapati tahap kesahan (M=0.68, SD=6.89), tahap kebolehpercayaan (M=0.94, SD=0.94) dan tahap kebolegunaan (M=0.81, SD=8.10) modul berada pada aras yang tinggi. Dapatan menunjukkan bagi kumpulan rawatan, skor ujian pra adalah 22.78% (M=0.23) dan skor ujian pasca adalah 58.89% (M=0.59). Manakala bagi kumpulan kawalan pula, skor ujian pra adalah 20.0% (M=0.20) dan skor ujian pasca adalah 22.78% (M=0.23). Kesimpulannya, modul pengajaran IPB dapat membantu guru pendidikan khas untuk berkomunikasi secara lebih berkesan bersama murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan meningkatkan kemahiran komunikasi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa modul pengajaran IPB amat sesuai diperluaskan penggunaannya di sekolah kerana pada kebiasaannya isyarat tangan hanya diajar kepada murid berkeperluan khas ketidak upayaan pendengaran dan tidak digunakan dalam pengajaran murid BPKMP. Modul pengajaran IPB yang dibina boleh digunakan sebagai panduan guru apabila mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berinteraksi bersama ahli masyarakat.





THE DEVELOPMENT AND TESTING OF A FUNCTION WORD SIGNALS TEACHING MODULE FOR NON-VERBAL STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES

ABSTRACT

The main aim of this quantitative study is to develop and test a function word signals teaching module using sign language for non-verbal students with learning disabilities. Multiphase sampling had been used to select 134 participants in this study, which are 115 special education teachers, seven experts and 12 non-verbal students with learning disabilities. The research instruments were questionnaire, expert assessment form, module, pre-test and post-test. Descriptive and inferential statistics were used to analyze the objective of the study. The findings show that 83.8% of participants need teaching module to teach non-verbal students with learning disabilities and 81.3% participants faced problems in teaching and communicating with them. The findings listed 70 function words according to themes and from the listed function words, 10 main words were identified as the most important words namely [sitting] (M=9.33), [eating] (M=9.30), [house] (M=9.23), [father] (M=9.23), [mother] (M=9.20), [rice] (M=9.20), [drink] (M=9.20), [school] (M=9.17), [male] (M=9.17) and [female] (M=9.13). The researcher found that the validity level (M=0.68, SD=6.89), reliability level (M=0.94, SD=9.40) and usability level (M=0.81, SD=8.10) of the module was high. The results showed that for the treatment group, pre-test score was 22.78% (M=0.23) and the post-test score was 58.89% (M=0.59) while for the control group, pre-test score was 20.0% (M=0.20) and the post-test score was 22.78% (M=0.23). In conclusion, the IPB teaching module helps special education teachers to communicate more effectively with non-verbal students with learning disabilities. It also improved communication skills among non-verbal students with learning disabilities. The implication of the study shows that the IPB teaching module is appropriate to be used in schools because currently the sign language are only used to students with hearing impairment. Furthermore, the IPB teaching module can be used as guidance for teachers to improve communication skills among non-verbal students with learning disabilities during interacting with community members.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Tujuan Kajian	12
1.4.1 Objektif Kajian	12
1.4.2 Persoalan Kajian	13
1.4.3 Hipotesis Kajian	14
1.5 Kerangka Teoritikal Kajian	15
1.5.1 Teori Pembelajaran Bruner	16
1.5.2 Komunikasi Augmentatif dan Alternatif	18



1.5.3	Iventori Perkataan Berfungsi	21
1.5.4	Reka Bentuk Instruksional Model Addie	22
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.6.1	Teori Pembelajaran Bruner	24
1.6.2	Komunikasi Augmentatif dan Alternatif	25
1.6.3	Iventori Perkataan Berfungsi	27
1.6.4	Reka Bentuk Instruksional Model Addie	28
1.6.5	Modul Pengajaran Isyarat Perkataan Berfungsi	29
1.6.6	Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	31
1.6.7	Pengajaran Bahasa	32
1.6.8	Penguasaan Isyarat dan Perkataan Berfungsi	33
1.7	Batasan Kajian	34
1.7.1	Kandungan dan Pengajaran Modul	35
1.7.2	Lokasi Kajian	35
1.7.3	Masa Kajian	36
1.7.4	Item Penilaian Ujian Pra dan Pasca	36
1.7.5	Peserta Kajian	37
1.8	Kepentingan Kajian	37
1.8.1	Pihak Berwajib	38
1.8.2	Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	38
1.8.3	Ibu Bapa	39
1.8.4	Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	39
1.9	Definisi Operasional	40
1.9.1	Pengajaran Bahasa	40
1.9.2	Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	41

1.9.3	Komunikasi Augmentatif dan Alternatif	41
1.9.4	Perkataan Berfungsi	42
1.9.5	Komunikasi Isyarat	43
1.9.6	Isyarat Perkataan Berfungsi	44
1.10	Rumusan	44

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	46
2.2	Teori Pembelajaran Kognitif Bruner	47
2.2.1	Teori Pembelajaran Kognitif	47
2.2.2	Teori Pembelajaran Kognitif menurut Bruner	50
2.3	Model Reka Bentuk Instruksional Modul Addie	53
2.4	Kemahiran Komunikasi	57
2.4.1	Definisi, Konsep dan Kepentingan Komunikasi	58
2.4.2	Komunikasi Lisan	60
2.4.3	Komunikasi Tanpa Lisan	63
2.4.4	Komunikasi Tulisan	67
2.5	Komunikasi Augmentatif dan Alternatif	69
2.5.1	Definisi dan Konsep Kaedah AAC	69
2.5.2	Bentuk dan Jenis Kaedah AAC	71
2.6	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	77
2.6.1	Definisi dan Ciri Murid BPKMP	77
2.6.2	Jenis dan Permasalahan Murid BPKMP	80
2.7	Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	83
2.7.1	Definisi dan Ciri Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	83
2.7.2	Permasalahan Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	87

2.8	Pengajaran Komunikasi Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	92
2.8.1	Pengajaran Kemahiran Bahasa	92
2.8.2	Pengajaran Berasaskan Komunikasi Isyarat	97
2.8.3	Pengajaran Berbantuan Gambar Rajah	101
2.8.4	Pengajaran Berteraskan Perkataan Berfungsi	106
2.9	Pengajaran Berpandukan Modul	118
2.9.1	Ciri-Ciri Modul Pengajaran	119
2.9.2	Pengajaran Modul Bahasa dan Komunikasi	122
2.9.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul	126
2.10	Rumusan	130

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	131
3.2	Reka Bentuk Kajian	132
3.3	Peserta Kajian	133
3.4	Lokasi Kajian	138
3.5	Instrumen Kajian	138
3.5.1	Fasa Pembinaan Modul	139
3.5.1.1	Soal Selidik Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	139
3.5.1.2	Soal Selidik Senarai Perkataan Berfungsi	142
3.5.1.3	Borang Penilaian Kesahan Modul	147
3.5.1.4	Borang Penilaian Kesesuaian Modul	152
3.5.2	Fasa Pengujian Modul	156
3.5.2.1	Ujian Saringan Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	157
3.5.2.2	Modul Pengajaran Isyarat Perkataan Berfungsi	159

3.5.2.3	Borang Penilaian Penguasaan Perkataan	163
3.5.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	167
3.5.3.1	Instrumen Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	168
3.5.3.2	Instrumen Tinjauan Perkataan Berfungsi	169
3.5.3.3	Instrumen Penilaian Kesahan Modul	171
3.5.3.4	Instrumen Penilaian Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul	173
3.5.3.5	Instrumen Penilaian Penguasaan Perkataan	174
3.6	Proses Pengumpulan Data	176
3.6.1	Peringkat Tinjauan Literatur	176
3.6.2	Peringkat Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	177
3.6.3	Peringkat Tinjauan Perkataan Berfungsi	178
3.6.4	Peringkat Pembinaan Modul Pengajaran IPB	179
3.6.5	Peringkat Kesahan, Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul	179
3.6.6	Peringkat Rintis Keberkesanan Modul Pengajaran	180
3.6.7	Peringkat Penambahbaikan Modul Pengajaran IPB	182
3.6.8	Peringkat Kuasi Eksperimental	183
3.7	Proses Penganalisan Data	188
3.7.1	Analisis Statistik Deskriptif	188
3.7.2	Analisis Statistik Inferensi	189
3.7.3	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian	192
3.8	Rumusan	194
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	196

4.2	Demografi Peserta Kajian	197
4.2.1	Penyertaan Peserta berdasarkan Fasa dan Peringkat Kajian	197
4.2.2	Peserta Kajian Kuasi Eksperimental	202
4.2.3	Peserta Kajian Kuasi Eksperimental berdasarkan Jantina	203
4.3	Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	204
4.3.1	Masalah Pengajaran Guru	204
4.3.2	Keperluan Pembinaan Modul Pengajaran	205
4.3.3	Reka Bentuk Modul Pengajaran	206
4.3.4	Rumusan Dapatan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	208
4.4	Sepuluh Perkataan Utama bagi Perkataan Berfungsi	208
4.5	Perkataan Berfungsi Mengikut Tema	210
4.5.1	Susunan Keutamaan Tema Perkataan	210
4.5.2	Tema Makanan dan Minuman	212
4.5.3	Tema Ahli Keluarga/Diri/Orang	213
4.5.4	Tema Alatan/Barangan Lazim	214
4.5.5	Tema Perbuatan Lazim	215
4.5.6	Tema Pakaian dan Aksesori	216
4.5.7	Tema Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah	217
4.5.8	Rumusan Dapatan Perkataan Berfungsi	218
4.6	Kesahan Modul Pengajaran IPB	218
4.7	Kesesuaian Penggunaan Modul Pengajaran IPB	220
4.8	Kebolehpercayaan Modul Pengajaran IPB	221
4.9	Tahap Perubahan Pembelajaran Perkataan Berfungsi	222
4.9.1	Dapatan Statistik Deskriptif Penguasaan Perkataan	223
4.9.2	Hipotesis Perbandingan Ho1	226

4.9.3	Hipotesis Perbandingan Ho2	228
4.9.4	Hipotesis Perbandingan Ho3	229
4.9.5	Hipotesis Perbandingan Ho4	230
4.9.6	Rumusan Dapatan Hipotesis Perbandingan	231
4.10	Rumusan Dapatan Kajian	232

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	236
5.2	Perbincangan dan Ringkasan Permasalahan Kajian	237
5.2.1	Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	238
5.2.1.1	Masalah Pengajaran dalam Kalangan Guru	238
5.2.1.2	Keperluan Modul Pengajaran	240
5.2.2	Senarai Perkataan Berfungsi	246
5.2.2.1	Sepuluh Perkataan Utama bagi Perkataan Berfungsi	247
5.2.2.2	Perkataan Berfungsi Mengikut Tema	249
5.2.3	Kesahan, Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul	251
5.2.3.1	Kesahan Modul Pengajaran IPB	251
5.2.3.2	Kesesuaian Modul Pengajaran IPB	252
5.2.3.3	Kebolehpercayaan Modul Pengajaran IPB	253
5.2.4	Tahap Perubahan Pembelajaran Perkataan Berfungsi	254
5.3	Cadangan dan Saranan	258
5.4	Kesimpulan	261

RUJUKAN	264
----------------	-----

LAMPIRAN	285
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Rumusan Elemen Model Addie	55
2.2 Senarai Perkataan Berfungsi Dolch	111
2.3 Senarai Perkataan Awalan/Asas	113
2.4 Senarai 25 Perkataan Asas bagi Kanak-Kanak	114
2.5 Senarai Perkataan Berfungsi Inventori Cahaya	115
2.6 Jenis Perkataan Berfungsi berdasarkan Persekitaran Murid	116
2.7 Tema dan Unit Kosa Kata Perkataan Berfungsi Addington	117
3.1 Pecahan Peserta Kajian berdasarkan Fasa Penyelidikan	134
3.2 Analisis Item Soal Selidik Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	140
3.3 Analisis Tema Perkataan Berfungsi	143
3.4 Analisis Item Senarai Perkataan Berfungsi	144
3.5 Analisis Item Soal Selidik Kesahan Modul	148
3.6 Analisis Item Soal Selidik Kesesuaian Modul	152
3.7 Kesahan Instrumen Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	168
3.8 Kebolehpercayaan Instrumen Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul	169
3.9 Kesahan Instrumen Tinjauan Perkataan Berfungsi	169
3.10 Kebolehpercayaan Instrumen Tinjauan Perkataan Berfungsi	170
3.11 Kesahan Instrumen Penilaian Kesahan Modul	171
3.12 Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kesahan Modul	172





3.13	Kesahan Instrumen Penilaian Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul	173
3.14	Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul	173
3.15	Kesahan Instrumen Penilaian Penguasaan Perkataan	174
3.16	Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Penguasaan Perkataan	175
3.17	Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian	192
4.1	Analisis Peserta berdasarkan Peringkat Kajian	197
4.2	Peserta Kajian Kuasi Eksperimental	202
4.3	Peserta Kajian Kuasi Eksperimental berdasarkan Jantina	203
4.4	Dapatan Tinjauan Aspek Masalah Pengajaran	204
4.5	Dapatan Tinjauan Aspek Keperluan Pembinaan Modul Pengajaran	205
4.6	Dapatan Tinjauan Aspek Reka Bentuk Modul Pengajaran	206
4.7	Dapatan Tinjauan Sepuluh Perkataan Utama bagi Perkataan Berfungsi	209
4.8	Dapatan Tinjauan Keutamaan Tema Perkataan Berfungsi	210
4.9	Dapatan Tinjauan Tema Makanan dan Minuman	212
4.10	Dapatan Tinjauan Tema Ahli Keluarga/Diri/Orang	213
4.11	Dapatan Tinjauan Tema Alatan/Barangan Lazim	214
4.12	Dapatan Tinjauan Tema Perbuatan Lazim	215
4.13	Dapatan Tinjauan Tema Pakaian dan Aksesori	216
4.14	Dapatan Tinjauan Tema Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah	217
4.15	Dapatan Penilaian Kesahan Modul Pengajaran	219
4.16	Dapatan Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran IPB	220
4.17	Dapatan Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Modul Pengajaran IPB	221
4.18	Dapatan Data Penguasaan Perkataan Berfungsi	224
4.19	Ujian Pra Penguasaan Perkataan Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan	227





4.20	Ujian Pasca Penguasaan Perkataan Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan	228
4.21	Perbandingan Min antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	229
4.22	Perbandingan Min antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	231
2.23	Rumusan Dapatan Kajian Pembinaan dan Pengujian Modul Pengajaran IPB	233



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian	23
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	34
2.1 Model Reka Bentuk Instruksional Modul Addie	54
2.2 Cabang dan Bentuk Jenis Kaedah AAC	76
3.1 Pengubahsuaian Item Ujian Saringan WISC	158
3.2 Halaman Bahagian Asas Modul Pengajaran IPB	160
3.3 Halaman Bahagian Informasi dan Permasalahan Murid	161
3.4 Halaman Bahagian Pengajaran dan Pembelajaran	162
3.5 Kedudukan dan Kad Imbasan Isyarat Perkataan Berfungsi	163
3.6 Format Pengujian berdasarkan Kaedah Konvensional	166
3.7 Format Pengujian berdasarkan Kaedah Komunikasi Isyarat	166
3.8 Jejak Audit Proses Pengumpulan Data	187
4.1 Jantina Peserta Kajian	198
4.2 Pecahan Peserta Mengikut Jenis Kategori	199
4.3 Pecahan Peserta Mengikut Peringkat Kajian	200
4.4 Penguasaan Perkataan Kumpulan Rawatan	225
4.5 Penguasaan Perkataan Kumpulan Kawalan	226



**SENARAI SINGKATAN**

AAC	Komunikasi Augmentatif dan Alternatif
ADHD	<i>Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
BPKMP	Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
GPK	Guru Pendidikan Khas
H _A	Hipotesis Alternatif
H _o	Hipotesis Null
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IPB	Isyarat Perkataan Berfungsi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PECS	<i>Picturer Exchange Communication System</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	Pembantu Pengurus Murid
SM	Sebelum Masihi
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
WISC	<i>Wechsler Intelligence Scale for Children</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
(Kementerian Pendidikan Malaysia)
- B Borang Soal Selidik Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul
(GPK Masalah Pembelajaran)
- C Borang Soal Selidik Tinjauan Perkataan Berfungsi
(GPK Masalah Pembelajaran)
- D Borang Penilaian Kesahan Modul Pengajaran IPB
(Pakar Masalah Pembelajaran dan Komunikasi Isyarat)
- E Borang Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran IPB
(GPK Masalah Pembelajaran)
- F Ujian Saringan Pemilihan Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan
(*Weshler Intelligence Scale for Children*)-onlineⁿ
- G Modul Pengajaran Isyarat Perkataan Berfungsi
(Modul Pengajaran Guru)
- H Borang Penilaian Penguasaan Perkataan
(Kaedah Konvensional - Ujian Pra & Ujian Pasca)
- I Borang Penilaian Penguasaan Perkataan
(Kaedah Isyarat - Ujian Pasca)
- J Perakuan Penglibatan Kajian Pengujian Modul Pengajaran IPB
(GPK Masalah Pembelajaran)
- K Borang Penglibatan dan Kebenaran Peserta Kajian
(Ibu Bapa / Pengjaga / Waris)



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) di Malaysia telah lama digerakkan. Menurut Abdullah dan Che Rabiaah (2014), kedatangan British membawa perubahan terhadap corak pendidikan khas secara formal seawal tahun 1920 an. Pada peringkat awal, pendidikan khas lebih tertumpu pada murid bermasalah penglihatan dan pendengaran. Mohd Anuar (2012) menyatakan, para sukarelawan merupakan perintis bagi program pendidikan khas secara formal sejak sebelum kemerdekaan. Sekitar tahun 1978, kerajaan mula menumpukan pada program pemulihan bagi murid bermasalah membaca, menulis dan mengira (3M). Manakala pada tahun 1988, kerajaan memulakan kelas rintis bagi program pendidikan khas masalah pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Jalan Batu, Kuala Lumpur.



Pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid BPKMP memerlukan pelbagai kaedah dan modifikasi pengajaran agar bersesuaian dengan ketidakupayaan murid. Menurut Ward (2014), terdapat banyak cara atau situasi dalam menjalankan pengajaran bagi murid BPKMP sama ada dengan cara tersendiri atau berdasarkan kurikulum yang ditetapkan. McBride dan Goedecke (2012), menekankan sesuatu modifikasi perlu memberi tumpuan kepada pengetahuan dan kemahiran berdasarkan keupayaan murid serta memastikan pengajaran lebih jelas dan intensif. Akta Pendidikan (1996), dengan jelas membenarkan seseorang guru membuat pengubahsuaian dalam melaksanakan Kurikulum Pendidikan Khas bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas (Warta Kerajaan Persekutuan (2013) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas)).



Keperluan modifikasi sejajar dengan kepelbagaian masalah dalam kalangan murid BPKMP seperti murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Permasalahan ini secara umumnya merujuk kepada ketidakupayaan murid berkomunikasi secara lisan. Ketidakupayaan ini memberi kesan secara langsung terhadap aspek komunikasi murid. Menurut Agoratus (2014), ketidakupayaan murid berkomunikasi menyebabkan mereka sering merasa kecewa kerana tidak mampu untuk menyampaikan maksud atau keperluan diri sendiri.

Secara umumnya dapat dikatakan, permasalahan pendidikan khas wujud dalam pelbagai bentuk, jenis dan sifat. Kepelbagaian ini menuntut guru untuk lebih berkemampuan dan berupaya memodifikasi pengajaran bagi memastikan PdP bersesuaian dengan ketidakupayaan murid. Ketidakupayaan berkomunikasi lisan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mengakibatkan murid bermasalah dalam





menjalankan interaksi atau berkomunikasi dengan individu dalam persekitaran mereka. Oleh itu penerapan komunikasi alternatif wajar dilakukan sebagai menggantikan komunikasi lisan dan seterusnya membantu murid berkomunikasi atau berinteraksi dengan individu dalam persekitaran mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan khas merupakan satu bidang yang luas dengan pelbagai jenis kategori, isu, aspek atau permasalahan. Salah satu bentuk permasalahan yang wujud dalam pendidikan khas adalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan atau turut dikenali dengan terma *nonverbal learning disabilities* (NVLD). Permasalahan ini umumnya merujuk kepada ketidakupayaan murid BPKMP berkomunikasi secara lisan dan ia tidak bersifat secara tunggal kerana wujud secara bersama dengan permasalahan lain. Ketidakupayaan ini menjadikan murid menjadikan murid mempunyai lebih dari satu ketidakupayaan yang turut dikenali dengan terma ketidakupayaan pelbagai atau *multiple disabilities*.

Menurut Hahn (2004) murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merujuk kepada murid BPKMP bermasalah dalam fungsi bahasa. Ketidakfungsian ini wajar diberi perhatian kerana menurut McCartney (2009) antara satu hingga tiga atau separuh daripada murid BPKMP mempunyai ketidakupayaan fungsi bahasa. Butcher (2009) turut menyatakan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan sebagai satu sindrom ketidakupayaan dalam persepsi sosial, kemahiran *visual-spatial*, mengkoordinasi kemahiran motor dan bermasalah matematik.





Berdasarkan ketidakupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dari aspek komunikasi lisan, mengakibatkan murid bermasalah dalam interaksi. Pernyataan ini dipersetujui oleh Landwer (2008), yang menyatakan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai masalah dalam fungsi sosial. Cikeman-Semrud dan Glass (2008) turut menegaskan wujud hubungan antara kefahaman dengan aspek hubungan sosial, berdasarkan perbandingan. Hasil dari penelitian menunjukkan wujud perbezaan tahap penerimaan dan kefahaman, apabila murid BPKMP tanpa komunikasi lisan diasingkan dari murid BPKMP biasa dan murid normal.

Simpson (2008) menyatakan, masalah ketidakupayaan komunikasi lisan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat ditangani dengan menggunakan kaedah gabungan *social skill training* dan interaksi berstruktur rakan sebaya. Gabungan kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran sosial untuk memulakan dan mengekalkan sesuatu hubungan. Hasil dari penelitian terhadap teori-teori dan konsep yang lazim digunakan, Sampson mencadangkan *Model Social Facilitation* sebagai satu intervensi bagi meningkat interaksi, persepsi interpersonal dan meningkat kemahiran sosial murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Aspek komunikasi atau interaksi merupakan perkara penting pada manusia untuk membolehkan manusia berhubung bagi memenuhi keperluan hidup masing-masing. Menurut Tim Mitra Guru (2007) komunikasi atau interaksi merupakan satu bentuk hubungan iaitu antara orang perseorangan, antara kelompok atau antara orang perseorangan dengan kelompok. Interaksi yang terbentuk hasil dari komunikasi boleh wujud tidak hanya bergantung kepada bahasa tetapi ia juga boleh terbentuk berdasarkan persekitaran atau tingkah laku manusia. Menurut Walayo, Suwardi,





Agung dan Tri Haryanto (2008) interaksi merupakan proses sosial melibatkan hubungan antara dua atau lebih individu untuk mencapai tujuan. Mila dan Ida (2006) pula menyatakan proses sosial adalah suatu interaksi atau hubungan timbal balik atau saling mempengaruhi antara manusia yang berlangsung sepanjang hidup dalam masyarakat. Tanpa interaksi maka tidak wujud kehidupan bersama. Manakala John (2011) merumuskan setiap perilaku dari makhluk sosial adalah interaksi.

Berdasarkan keunikan masalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan ia memerlukan kaedah dan cara tersendiri bagi menangani permasalahan ini. Modifikasi pengajaran merupakan salah satu cara yang wajar diaplikasikan oleh guru pendidikan khas (GPK) masalah pembelajaran. Menurut Mizan Adiliah (2001) pelaksanaan modifikasi pengajaran memerlukan sikap dan kefahaman guru yang mendalam terhadap profil atau maklumat diri murid bagi membolehkan modifikasi memberi kesan yang lebih baik serta memastikan amalan pengajaran berkesan dapat dilakukan dan bersesuaian dengan tahap kelemahan atau ketidakupayaan murid.

Modifikasi pengajaran bahasa merupakan antara intervensi yang boleh dilaksanakan. Menurut Bauckham (2013) pengajaran bahasa merupakan perkara penting dalam kehidupan bagi membolehkan manusia mengekspresikan hasrat dan pemikiran. Noor Aini (2010) menyatakan secara relatifnya pengajaran bahasa bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berkait rapat dengan pengajaran komponen Bahasa Malaysia. Berdasarkan Huraian Sukatan Pendidikan Khas, pengajaran komunikasi atau bahasa dinyatakan dengan jelas pada topik ke tujuh iaitu kemahiran komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2004). Pada topik tersebut menyenaraikan komunikasi augmentatif sebagai salah satu sub topik pembelajaran.



Komunikasi augmentatif merujuk kepada komunikasi alternatif yang digunakan bagi menangani masalah dalam kalangan murid yang mempunyai masalah komunikasi lisan.

Modifikasi pengajaran bahasa bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan harus dilihat dalam pelbagai aspek terutamanya dari segi keperluan dan ketidakupayaan murid menguasai komunikasi lisan. Ketidakupayaan murid mewajarkan komunikasi alternatif diajar kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bagi menggantikan komunikasi lisan. Menurut Soorya, Carpenter dan Warren (2013) komunikasi alternatif lazim digunakan bagi menangani permasalahan komunikasi dalam kalangan murid bermasalah komunikasi lisan atau kemahiran komunikasi lisan yang lemah. Terdapat banyak kaedah komunikasi alternatif antaranya komunikasi augmentatif dan alternatif (ACC). *International Society for Augmentative and Alternative Communication (ISAAC)* (2014), menyatakan AAC adalah satu set alat dan strategi yang digunakan bagi menyelesaikan masalah komunikasi setiap hari. Komunikasi ini wujud dalam pelbagai bentuk seperti ucapan, pandangan yang dikongsi bersama, teks, gerak isyarat, ekspresi muka, sentuhan, isyarat, simbol, gambar, alat-alat penjana bunyi perkataan atau papan komunikasi dan lain-lain.

Berdasarkan keperluan dan ketidakupayaan murid, modifikasi pengajaran bahasa yang bersesuaian dijalankan, adalah berkonsepkan kaedah AAC. Terdapat tiga aspek utama modifikasi pengajaran bahasa iaitu dari aspek jenis komunikasi, kaedah pengajaran dan teras kandungan pengajaran. Modifikasi dari aspek jenis, merujuk kepada komunikasi berdasarkan konsep AAC iaitu komunikasi isyarat. Penguasaan

komunikasi isyarat khususnya isyarat asas mampu memberi impak yang besar kepada murid yang tidak mampu menguasai komunikasi lisan. Anderson (2001) menyatakan pengajaran komunikasi isyarat terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menunjukkan hasil yang baik sepanjang 30 tahun yang lalu.

Modifikasi dari aspek kaedah pengajaran pula merujuk kepada pengaplikasian gambar rajah dalam sesi PdP. Menurut Carr dan Felce (2008) penggunaan gambar rajah mampu memberi hasil yang baik terutama bagi murid autisme. Tonzar, Lotto dan Job (2009), menyatakan pengajaran menggunakan gambar rajah menunjukkan hasil lebih yang baik, namun dari sudut yang lain ianya dipengaruhi oleh faktor umur. Lawton, Layton, Goldbart, Lacey dan Miller (2012), menegaskan penggunaan gambar rajah atau simbol dapat meningkatkan komunikasi murid BPKMP tanpa komunikasi

Manakala modifikasi dari aspek teras kandungan merujuk kepada pengajaran perkataan berfungsi dengan mengambil kira faktor persekitaran dan keperluan murid. Noor Aini (2010) menyatakan perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan biasa atau kerap digunakan mengikut konteks persekitaran murid seperti rumah, sekolah, kedai, tandas, bilik tidur dan ruang tamu. Dari segi maksud perkataan Rohani (2004) menyatakan perkataan berfungsi merujuk perkataan yang semata-mata berfungsi sebagai tatabahasa. Manakala Alberto, Waugh, Fredrick dan Davis (2013) menyatakan pengenalan perkataan berfungsi, membolehkan murid atau individu menghubungkan diri dengan komuniti.



Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat dirumuskan sebagai masalah yang berlaku disebabkan kerencatan perkembangan fungsi bahasa dan mengakibatkan murid tidak berupaya berkomunikasi secara lisan. Lantaran dari ketidakupayaan ini menyebabkan murid bermasalah dalam membina interaksi dengan individu dalam persekitaran mereka. Modifikasi pengajaran bahasa dengan penerapan konsep kaedah AAC sesuai digunakan bagi menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Dalam konteks kajian ini bentuk komunikasi yang dipilih adalah komunikasi isyarat manakala kaedah pengajaran adalah dengan berbantuan gambar rajah. Aspek teras kandungan pengajaran pula adalah berteraskan perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Pemilihan jenis, bentuk dan teras kandungan pengajaran ini adalah berdasarkan keperluan dan keupayaan murid untuk menguasai komunikasi alternatif bagi menggantikan komunikasi lisan yang tidak mampu dikuasai mereka.

1.3 Permasalahan Kajian

Kegagalan interaksi atau berkomunikasi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan wujud disebabkan ketidakupayaan berkomunikasi secara lisan. Keupayaan komunikasi merupakan elemen penting dalam kehidupan bagi setiap manusia. Menurut Yogik (2013) komunikasi merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia yang merupakan makhluk sosial yang saling berhubungan dan bergantung antara satu sama lain dengan individu dalam persekitaran mereka. Yogik





juga menyatakan komunikasi lisan atau tanpa lisan merupakan satu-satunya alat untuk berhubung dengan orang lain dalam persekitaran mereka.

Komunikasi tidak hanya berperanan sebagai alat hubungan interaksi dan pernyataan kehendak seseorang individu, ia juga berperanan sebagai agen dalam perkembangan ilmu dan pendidikan. *The Salamanca Statement* (1994), menegaskan pendidikan bagi semua kanak-kanak mesti diiktiraf sebagai satu dasar utama kerajaan dan diberi kedudukan istimewa dalam agenda pembangunan negara. Akta Pendidikan (1996) jelas memperuntukkan kuasa menteri bagi mengadakan pendidikan khas di sekolah khas yang ditubuhkan di bawah perenggan 34(1)(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh menteri bersesuaian dan bermanfaat.



Persidangan *World Declaration on Education for All* (WDEHA) (1990), turut menegaskan semua kumpulan termasuk orang kurang upaya, layak mendapat bahagian yang saksama dalam pendidikan. Di Malaysia melalui Akta Pendidikan Khas (1997) telah memperuntukkan, dalam melaksanakan kurikulum pendidikan khas, guru boleh mengubahsuai sama ada kaedah atau teknik PdP, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) bagi mencapai tujuan serta matlamat pendidikan khas.

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut melibatkan GPK masalah pembelajaran. Menurut Wright (2008), majoriti GPK masalah pembelajaran tidak mempunyai pengalaman dalam menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012) pula mendapati pengetahuan



GPK masalah pembelajaran berkaitan kaedah AAC masih di tahap rendah dan tidak mempunyai kemahiran menggunakan komunikasi isyarat tangan. Noor Aini, Zamri dan Zahara turut mengemukakan cadangan agar ibu bapa, guru dan Pembantu Pengurus Murid (PPM) diberi pengetahuan menerusi siri latihan dan bengkel berkenaan penggunaan kaedah AAC dalam proses PdP.

Abdullah dan Che Rabiaah (2014) turut mencadangkan kaedah AAC bagi mengajar murid BPKMP bermasalah komunikasi lisan. Manakala Simpson (2008) pula, mencadangkan gabungan kaedah *social skill training* dengan interaksi berstruktur rakan sebaya untuk meningkatkan kemahiran sosial. Selain itu Noor Aini (2010) turut mencadangkan penggunaan inventori perkataan berfungsi dan BBM berteknologi rendah dalam menjalankan pengajaran. Cowden (2010) pula mencadangkan kaedah *phone-graphic* atau bunyi gambar. Sterland (2013) turut mencadangkan penggunaan *flash card* atau gambar rajah sebagai bahan alternatif bagi mewakili sesuatu perkataan. Wright (2008) pula mencadangkan kursus-kursus ringkas secara berkala, membina bahan-bahan pembelajaran yang sesuai dengan murid, menyemak semula kurikulum di institut latihan guru bagi tujuan memastikan semua permasalahan murid diberi penekanan dan pendedahan semasa melatih guru.

Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, pembinaan modul pengajaran merupakan kaedah penyelesaian yang mampu memberi kesan secara langsung bukan sahaja kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan malah turut kepada GPK masalah pembelajaran. Pembinaan modul harus mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan ianya bersesuaian dengan permasalahan yang diberi tumpuan. Ikhsan (2012), menyatakan sesebuah modul dapat berfungsi untuk memperjelaskan

dan mempermudah pengajaran agar tidak terlalu bersifat lisan serta dapat meningkatkan motivasi. Nardine (2004) menyatakan terdapat empat ciri penting dalam membina sesebuah modul atau bahan pengajaran yang berkualiti iaitu, (1) ketepatan kandungan dan boleh dipercayai, (2) mempunyai kepentingan dari aspek konsep kandungan pengajaran yang penting seperti modul atau kemahiran dalam bidang yang berkenaan, (3) kaedah atau bahan yang digunakan mampu berfungsi sebagai bahan alat mengajar yang mampu mencapai objektif pembelajaran dengan berkesan, dan (4) bahan yang dibina mampu dipersembahkan dengan berkesan dan mesra pengguna.

Keberkesanan dan keupayaan modul dalam membantu PdP tidak dapat dinafikan. Saripah Salbiah, Asmahani, Salihan, Othman, Nor Zuhaidah, Tengku Putri dan Norisah (2013) serta Md Noor (2012), menyatakan penggunaan modul dapat meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran yang diajar. Manakala Tian dan Kamisah (2012), menyatakan modul berkonsepkan animasi dan simulasi menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) boleh membantu murid membayangkan dan memperkuatkan pemahaman murid dalam mempelajari sesuatu pelajaran khususnya yang bersifat abstrak. Hasil penelitian Tian dan Kamisah mendapati wujud peningkatan tahap pemahaman terhadap konsep pembelajaran di mana kumpulan rawatan lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan.

Secara rumusannya dapat dikatakan ketidakupayaan berkomunikasi lisan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menjejaskan hubungan interaksi antara murid dengan individu dalam persekitaran mereka. Bagi menangani permasalahan ini, penyelesaian harus bersifat menyeluruh melibatkan murid dan GPK



masalah pembelajaran. Pembinaan modul harus mengambil kira pelbagai aspek dan elemen pembelajaran agar modul dapat membantu guru menjalankan pengajaran bahasa yang bersesuaian dengan tahap keupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Melalui pengajaran bahasa berpandukan modul dapat memberi impak kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dari aspek keupayaan berkomunikasi. Pembinaan modul juga dapat meningkatkan kemahiran pengajaran dan menambah pengetahuan guru berkenaan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah modul pengajaran isyarat perkataan berfungsi (IPB) dan menilai tahap perubahan pembelajaran perkataan berfungsi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

1.4.1 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan, terdapat lima objektif kajian digariskan seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap masalah pengajaran dan keperluan membina modul dalam kalangan GPK masalah pembelajaran bagi menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan;



2. Mengenal pasti 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid;
3. Mengenal pasti senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid bagi tujuan menjadi kandungan utama pembelajaran modul pengajaran IPB;
4. Menilai tahap kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian modul pengajaran IPB; dan
5. Menilai tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan setelah mengikuti pengajaran perkataan berfungsi berdasarkan perbezaan min yang signifikan.

1.4.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang digariskan, terdapat lima persoalan kajian diutarakan seperti berikut:

1. Apakah tahap masalah pengajaran dan keperluan membina modul dalam kalangan GPK masalah pembelajaran bagi menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan?;
2. Apakah 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid?;

3. Apakah senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid bagi tujuan menjadi kandungan utama pembelajaran modul pengajaran IPB?;
4. Apakah tahap kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian modul pengajaran IPB?; dan
5. Apakah tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan setelah mengikuti pengajaran perkataan berfungsi berdasarkan perbezaan min yang signifikan?

1.4.3 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian kelima, terdapat empat hipotesis null (H_0) dikemukakan iaitu:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan;
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan;
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan; dan



Ho4 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan.

1.5 Kerangka Teoritikal Kajian

Merujuk Rajah 1.1, menerangkan teori, konsep pengajaran dan reka bentuk instruksional pembinaan modul yang digunakan bagi menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penggunaan teori dan konsep ini penting bagi memastikan objektif dan matlamat yang digariskan dapat dicapai dengan baik dan mampu memberi kesan seperti mana dikehendaki. Terdapat empat elemen utama iaitu, (1) teori pembelajaran Bruner, (2) kaedah AAC, (3) inventori perkataan berfungsi, dan (4) reka bentuk instruksional model Addie. Pemilihan teori dan konsep ini adalah berdasarkan sifat ketidakupayaan dan keperluan murid serta kaedah pembangunan modul dalam menangani permasalahan murid. Keempat-empat teori dan konsep ini saling berkait dan digabungkan sebagai elemen pembinaan modul dan pengajaran bahasa yang diaplikasikan melalui modul pengajaran bagi membantu guru menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berkomunikasi. Keempat-empat teori dan konsep ini bermatlamatkan murid, namun pada masa sama bermatlamatkan guru agar dapat membantu guru menjalankan pengajaran serta meningkatkan kemahiran pengajaran terutamanya pengajaran menggunakan kaedah AAC dari jenis komunikasi isyarat.





1.5.1 Teori Pembelajaran Bruner

Teori pembelajaran Bruner (1966) secara lazimnya sinonim dengan pengajaran dalam bidang matematik, namun tidak bermakna ianya tidak sesuai digunakan bagi menangani masalah dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Pemilihan teori ini adalah berdasarkan definisi oleh Butcher (2009) yang menyatakan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut mempunyai masalah dalam matematik. Selain itu teori ini juga berkaitan dengan pembinaan bahasa. Seperti mana menurut McLeod (2008), Bruner turut bersetuju dengan Vygotsky bahawa bahasa berfungsi menjadi pengantara antara rangsangan persekitaran dan tindak balas individu. Selain itu Lawton et al. (2012), menyatakan Bruner berpandangan dalam memberi pendidikan bagi murid yang lebih muda atau aras rendah, kaedah atau pedagogi haruslah berlandaskan kepada keupayaan intelektual. Selain itu menurut Bruner (1961) faktor persekitaran mempunyai kaitan dan pengaruh terhadap pembelajaran murid terutamanya dari aspek penemuan sendiri.

Bruner (1966) mengemukakan empat prinsip pembelajaran iaitu, (1) prinsip motivasi, (2) prinsip struktur, (3) prinsip sekuan, dan (4) prinsip peneguhan. Prinsip motivasi atau kecenderungan untuk belajar merupakan elemen penting bukan sahaja bagi murid normal malah bagi murid BPKMP. Keupayaan guru menarik minat belajar dan meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan murid dapat memastikan objektif atau matlamat pembelajaran dapat dicapai dengan baik. Dalam elemen ini Bruner menekankan aspek persekitaran sebagai salah satu aspek penting pembelajaran. Faktor persekitaran seperti sosial memudahkan murid memahami dan mengadaptasi pembelajaran. Oleh kerana itu Bruner menekankan keperluan ibu bapa atau guru





menitikberatkan elemen persekitaran sosial murid sebagai elemen penting bagi sesuatu pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, elemen persekitaran sosial merujuk kepada aspek teras kandungan pengajaran iaitu berdasarkan perkataan berfungsi. Ini bermakna pembelajaran yang diterima oleh murid adalah berkaitan atau dalam ruang lingkup persekitaran diri murid itu sendiri.

Prinsip struktur merujuk kepada peringkat-peringkat dalam memberi pembelajaran. Bruner menekankan keperluan menyusun pembelajaran dari aras rendah ke aras yang lebih tinggi atau kompleks. Pembelajaran secara berperingkat membolehkan murid lebih mudah memahami konsep asas bagi sesuatu perkara sebelum mempelajari perkara lain. Bruner menekankan keperluan guru atau ibu bapa terlebih dahulu memahami sesuatu konsep dan memudahkan pemahaman konsep sebelum memulakan sesuatu pembelajaran. Keupayaan murid memahami konsep asas membolehkan murid mengadaptasi pengetahuan dalam persekitaran sebenar. Dalam konteks kajian ini, penumpuan terhadap pengajaran perkataan berfungsi adalah satu keperluan asas dan penting dalam kehidupan seseorang individu. Kefahaman atau penguasaan murid terhadap aspek ini membolehkan murid mengembangkan pengetahuan dan mengaplikasikan apa yang dipelajari.

Prinsip sekuan pula merujuk kepada kesediaan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Terdapat pelbagai kaedah pembelajaran antaranya seperti mengaplikasikan elemen mod perwakilan bagi sesuatu benda atau perkara untuk menerangkan apa yang dipelajari. Elemen ini lebih merujuk kepada penggunaan kaedah atau bahan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, kaedah atau elemen mod perwakilan diterapkan melalui penggunaan gambar rajah bagi menerangkan atau



mewakili sesuatu perkataan yang dipelajari. Penggunaan gambar rajah penting bagi memastikan murid lebih mudah mengenal dan memahami apa yang dipelajari. Gambar rajah bersifat realistik seperti foto atau gambar rajah yang hampir menyamai bentuk atau sifat asal sesuatu benda atau perkataan diutamakan kerana murid mempunyai masalah dari aspek *visual-spatial*.

Prinsip keempat adalah peneguhan yang merujuk kepada pengukuhan pengetahuan. Bruner mencadangkan penggunaan kaedah inkuiri penemuan atau *discovery*. Melalui prinsip ini, murid diberi peluang untuk mendapatkan atau memperolehi penemuan tersendiri berdasarkan faktor persekitaran. Namun dalam konteks kajian hanya tiga prinsip Bruner diberi penekanan iaitu prinsip motivasi, prinsip struktur dan prinsip sekuan. Ketiga-tiga prinsip yang dikemukakan oleh Bruner ini sejajar dengan konsep modifikasi pengajaran bagi BPKMP tanpa komunikasi lisan. Secara umumnya murid BPKMP tanpa komunikasi lisan wujud dalam kalangan pelbagai jenis ketidakupayaan murid seperti seperti autisme, sindrom Down, sindrom Asperger, terencat akal teruk dan lain-lain ketidakupayaan. Oleh itu kepelbagaian bentuk dan kaedah pembelajaran perlu diutamakan bagi memastikan pembelajaran dapat diikuti sesuai dengan keupayaan dan minat murid.

1.5.2 Komunikasi Augmentatif dan Alternatif

Pengajaran menggunakan kaedah AAC merupakan kaedah yang lazim digunakan bagi menangani isu-isu atau permasalahan dalam kalangan murid yang mempunyai masalah komunikasi khususnya komunikasi lisan. Terdapat dua elemen kaedah AAC



diaplikasikan bagi menangani masalah dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan iaitu komunikasi berasaskan isyarat dan komunikasi yang disokong dengan penggunaan gambar rajah. Pemilihan elemen-elemen ini berdasarkan ketidakupayaan murid dari aspek menguasai komunikasi lisan dan *visual spatial*.

Komunikasi isyarat merujuk kepada komunikasi alternatif utama yang digunakan bagi menggantikan komunikasi lisan. Penggunaan komunikasi isyarat sebagai komunikasi alternatif, bagi membolehkan murid berkomunikasi dan menyampaikan hasrat atau maksud dan seterusnya dapat membantu murid membina interaksi walaupun tidak mampu berkomunikasi secara lisan. Menurut Toth (2009), komunikasi isyarat merupakan jambatan atau landasan yang baik dan wajar diajar kepada murid yang mempunyai masalah ketidakupayaan komunikasi lisan.



Komunikasi isyarat lazimnya sinonim dengan murid bermasalah pendengaran, namun tidak bermakna ianya tidak bersesuaian untuk murid BPKMP. Komunikasi isyarat dalam kalangan murid BPKMP lazimnya merujuk kepada isyarat makaton. Namun dalam konteks kajian ini, isyarat yang digunakan sama seperti isyarat bagi murid bermasalah pendengaran dari sudut bentuk isyarat. Perbezaan utama pembelajaran komunikasi isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah berkonsepkan pengajaran kata dasar yang berkaitan dengan kehidupan harian iaitu perkataan berfungsi. Manakala pengajaran isyarat bagi murid bermasalah pendengaran melebihi dari pengajaran kata dasar dengan melibatkan pembinaan ayat atau sintaksis serta mempunyai sistem tatabahasa yang tersendiri.





Secara umumnya komunikasi isyarat yang digunakan dalam kalangan individu bermasalah pendengaran di Malaysia adalah seperti Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). Kedua-dua komunikasi isyarat ini mempunyai ciri dan perbezaan tersendiri. Menurut Hasuria, Rokiah, Syed Zainal Ariff dan Noriah (2009), perbezaan utama antara KTBM dengan BIM adalah terletak pada struktur ujarannya. KTBM mengikut sistem tatabahasa Melayu sepenuhnya seperti konsep yang didukungnya. BIM pula mempunyai pola yang sesuai dengan cirinya sebagai bahasa bukan verbal yang mengutamakan penyampaian dan penerimaan makna secara manual-visual. Dalam konteks kajian ini, bentuk isyarat yang digunakan berdasarkan KTBM, namun lebih mengutamakan kepada penyampaian, penerimaan makna agar lebih dekat dengan sifat dan tingkah laku seseorang.



Elemen kedua merujuk kepada pengajaran menggunakan unsur gambar rajah bagi memastikan murid lebih mudah menguasai sesuatu perkataan atau mengaitkan isi pembelajaran dengan persekitaran. Penggunaan gambar rajah bersifat realistik seperti gambar foto atau gambar yang hampir menyamai bentuk dan sifat sesuatu benda diutamakan. Ini bagi memastikan murid dapat menggambarkan atau menginterpretasikan atau membayangkan atau mengimajinasikan sesuatu perkara atau benda. Penggunaan elemen-elemen kaedah AAC dalam menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan elemen penting bagi membantu murid berkomunikasi. Penerapan komunikasi alternatif perlu dilakukan bagi menggantikan komunikasi lisan yang tidak mampu dikuasai. Penguasaan komunikasi alternatif membolehkan murid berkomunikasi atau berinteraksi dengan individu yang hampir atau dalam persekitaran mereka.





1.5.3 Inventori Perkataan Berfungsi

Inventori perkataan berfungsi merujuk kepada teras kandungan pengajaran bagi modul yang dibangunkan. Kandungan pengajaran harus bermatlamatkan ke arah membantu atau membina kemahiran berkomunikasi bagi membolehkan murid berinteraksi. Dalam konteks kajian ini, teras kandungan pengajaran adalah berdasarkan perkataan berfungsi. Perkataan ini juga merujuk kepada perkataan yang mempunyai fungsi atau kegunaan asas bagi setiap individu.

Perkataan lazim atau berfungsi bagi individu atau sesuatu kelompok adakalanya berbeza dan tidak sama kerana dipengaruhi faktor demografi atau persekitaran sosial. Ini bermakna sesuatu perkataan yang menjadi kelaziman di sesuatu lokasi tidak semestinya sama bagi semua kawasan seperti antara bandar dengan kawasan luar bandar atau antara negara dengan negara yang lain. Secara umumnya perkataan berfungsi dapat dipecahkan dalam tiga persekitaran utama iaitu berdasarkan persekitaran murid, persekitaran sekolah dan persekitaran komuniti atau sosial. Dalam konteks kajian ini perkataan berfungsi yang digunakan adalah berdasarkan persekitaran murid. Pemilihan ini atas faktor keperluan asas dan persekitaran yang mempunyai hubungan secara langsung dengan murid. Penumpuan pengajaran perkataan berfungsi terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bagi memastikan murid mampu menyampaikan kehendak atau keperluan asas diri sama ada kepada ibu bapa, ahli keluarga, guru atau rakan. Oleh itu pengajaran berteraskan perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid mempunyai kepentingan yang sama seperti mana elemen-elemen lain yang terdapat dalam teori pembelajaran Bruner dan pengajaran menggunakan kaedah AAC.






1.5.4 Reka Bentuk Instruksional Model Addie

Reka bentuk instruksional model Addie turut digunakan dalam usaha menangani permasalahan berkaitan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Reka bentuk atau model ini lebih merujuk kepada proses pembinaan modul bagi menjadi instrumen untuk membantu guru menjalankan PdP. Menurut Nisaul Barokati dan Fajar Annas (2013), model Addie merupakan salah satu model yang menjadi pedoman dalam mengembangkan pembelajaran yang efektif, dinamis dan mendukung pembelajaran yang muncul sekitar tahun 1990 an dan dikembangkan oleh Raiser dan Mollenda.

I Made Tegeh dan I Made Kirna (2013) menyatakan model Addie disusun secara terprogram dengan urutan kegiatan yang sistematik dalam usaha menangani masalah pembelajaran iaitu bermula dengan, (1) analisis, (2) perancangan, (3) pengembangan, (4) implimentasi, dan (5) penilaian. Dalam konteks kajian ini, analisis merujuk kepada proses mengenal pasti masalah dan keperluan menangani permasalahan serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah. Perancangan merujuk kepada penetapan objektif, sasaran dan bentuk instrumen menangani yang sesuai digunakan bagi menangani masalah. Peringkat pengembangan atau pembinaan merujuk kepada pembinaan draf dan instrumen, penilaian instrumen dan percubaan menggunakan atau rintis penggunaan instrumen. Manakala peringkat implimentasi merujuk kepada penggunaan instrumen ke atas sasaran atau subjek. Penilaian pula merujuk kepada penilaian kemampuan instrumen dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.



Semua elemen dari teori, konsep dan model ini digabungjalinkan secara bersama dalam usaha menangani masalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Elemen-elemen ini diterapkan dalam bentuk modul pengajaran bagi digunakan dalam pengajaran bahasa berasaskan komunikasi isyarat. Penggunaan modul bersifat bahan mautud dapat menjadi panduan kepada guru dalam menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Melalui pengajaran bahasa berpandukan modul pengajaran membolehkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berkomunikasi menggunakan komunikasi alternatif iaitu komunikasi isyarat. Keupayaan murid berkomunikasi membolehkan murid berhubung atau membina interaksi dengan individu dalam persekitaran mereka.



Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal Kajian



1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 menerangkan secara konsep, kaedah menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Secara konsepnya terdapat dua fasa kajian iaitu fasa pembinaan modul dan fasa pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan lima komponen utama iaitu, (1) teori pembelajaran Bruner, (2) komunikasi augmentatif dan alternatif, (3) inventori perkataan berfungsi, (4) reka bentuk instruksional model Addie, dan (5) modul pengajaran IPB. Manakala fasa pengujian modul melibatkan tiga komponen iaitu, (1) murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, (2) pengajaran bahasa, dan (3) penguasaan isyarat dan perkataan berfungsi.



1.6.1 Teori Pembelajaran Bruner

Teori pembelajaran Bruner mempunyai empat prinsip utama iaitu, (1) prinsip motivasi, (2) prinsip struktur, (3) prinsip sekuan, dan (4) prinsip peneguhan. Namun dalam konteks kajian ini hanya tiga prinsip diambil kira iaitu prinsip motivasi, struktur dan sekuan. Prinsip motivasi merujuk kepada peranan modul dalam meningkatkan motivasi bukan sahaja bagi murid malah turut kepada GPK masalah pembelajaran. Menurut Zakiah, Azlina dan Jiar (2013) penggunaan modul dapat meningkatkan tahap kefahaman dan motivasi murid. Hassan dan Noor Asmalinda (2011) turut mengakui penggunaan modul secara tidak langsung meningkatkan motivasi untuk belajar.

Prinsip struktur merujuk tentang penyusunan kandungan pengajaran bagi modul pengajaran IPB. Penyusunan ini penting bagi memastikan pembelajaran murid





dilakukan secara berperingkat dengan mengutamakan pembelajaran asas terlebih dahulu berbanding pembelajaran yang lebih kompleks. Menurut Abdull Sukor dan Kalaidevi (2012), murid harus menguasai atau mahir pada satu peringkat pembelajaran sebelum ke peringkat seterusnya. Dalam konteks modul yang dibangunkan, pembelajaran asas atau pembelajaran utama merujuk kepada pembelajaran 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid.

Manakala prinsip sekuan merujuk kepada kepelbagaian kaedah pembelajaran yang dijalankan. Pembelajaran yang pelbagai adalah satu keperluan bagi setiap murid tanpa mengira ketidakupayaan. Menurut Hamdi, Ab Halim, Rosadah dan Safani (2012) murid memerlukan berbagai strategi dan kaedah pengajaran dalam PdP. Noor Aini dan Zamri (2015) turut mengakui matlamat pengajaran dapat dicapai sekiranya guru menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajaran khususnya pengajaran bahasa. Dalam konteks kajian ini, bagi memastikan modul yang dibina menepati prinsip-prinsip seperti mana digariskan oleh Bruner, penilaian kesahan dan kebolehpercayaan dilakukan dengan penglibatan dari pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat serta melibatkan GPK masalah pembelajaran bagi penilaian kebolehpercayaan.

1.6.2 Komunikasi Augmentatif dan Alternatif

Kaedah AAC bukan merupakan perkara baharu dalam permasalahan komunikasi lisan. Pada komponen ini terdapat dua elemen penting iaitu komunikasi isyarat dan





penggunaan gambar rajah. Pemilihan komunikasi isyarat adalah berdasarkan tiga kriteria iaitu penggunaan, kesesuaian komunikasi dan keupayaan murid menguasai atau mengaplikasikan komunikasi. Anderson (2001) menegaskan dari aspek perbualan, komunikasi isyarat lebih sesuai berbanding komunikasi yang menggunakan gambar rajah. Berke (2009), menyatakan penggunaan isyarat dapat menyediakan satu bentuk komunikasi yang cepat bagi ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah komunikasi atau keupayaan komunikasi yang terhad. Johnson (2012), pula menyatakan penggunaan isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat merangsang fungsi otak yang berperanan membina bahasa, komunikasi dan kemahiran sosial.

Manakala penggunaan gambar rajah merujuk kepada cara atau kaedah menyampaikan pengajaran iaitu menggunakan elemen gambar rajah. Secara tidak langsung murid diterapkan dengan dua bentuk komunikasi iaitu komunikasi berasaskan isyarat dan komunikasi berasaskan gambar rajah. Penggunaan gambar rajah penting bagi memastikan murid mudah dan mampu memahami atau mengaitkan pembelajaran dengan persekitaran. Menurut Mazlan (2012) penggunaan gambar rajah dapat memudahkan murid untuk belajar. Kasma, Sabariah dan Alice (2013) turut menyatakan penggunaan gambar rajah dapat menjadikan pembelajaran lebih baik dan boleh memudahkan pelajar. Noor Aini (2014) turut menyatakan pembelajaran bagi kanak-kanak perlu didedahkan menerusi elemen perwakilan seperti gambar, contengan, dan menulis abjad. Selain itu Aidah, Nadzri, Nor Fariza, Meor Hasmadi dan Farihan (2016) turut menyatakan penggunaan BBM seperti fotografi, grafik, gambar rajah dan lain-lain dapat meningkatkan keupayaan pembelajaran dan memotivasikan murid ke arah pembelajaran yang positif.





1.6.3 Inventori Perkataan Berfungsi

Pembinaan modul turut menerapkan komponen inventori perkataan berfungsi sebagai teras kandungan modul pengajaran. Inventori perkataan berfungsi merujuk kepada kelompok senarai perkataan berfungsi. Penggunaan perkataan berfungsi sebagai teras pengajaran penting bagi memastikan perkataan yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan persekitaran murid dan dapat membantu murid menyampaikan kehendak atau keperluan asas kehidupan.

Perkataan berfungsi turut ditekankan kepada kanak-kanak normal di awal perkembangan dalam membantu mereka membina atau mengwujudkan interaksi dengan individu dalam persekitaran mereka. Menurut Logsdon (2014), pengajaran perkataan berfungsi penting bagi membantu murid BPKMP berkomunikasi secara sendiri. Selain itu Reeve (2013) turut menyatakan pengajaran perkataan berfungsi membolehkan murid BPKMP mampu berdikari dalam sesuatu masyarakat di persekitaran mereka. Browder dan Zin (1998) turut menyatakan pengajaran perkataan berfungsi mampu memberi kesan yang baik tanpa mengira ketidakupayaan.

Dalam konteks kajian ini, inventori perkataan berfungsi yang digunakan adalah berdasarkan persekitaran murid. Pemilihan atau penetapan perkataan adalah berdasarkan analisis literatur dan tinjauan yang dijalankan terhadap GPK masalah pembelajaran. Tinjauan ini penting bagi memastikan perkataan yang diajar menepati keperluan murid dan bersesuaian dengan faktor persekitaran atau demografi murid.





1.6.4 Reka Bentuk Instruksional Model Addie

Komponen reka bentuk instruksional model Addie merujuk kepada peringkat atau proses dalam membina modul atau menangani sesuatu masalah pembelajaran. Seperti mana telah dinyatakan model Addie mempunyai lima peringkat atau langkah iaitu, (1) analisis, (2) perancangan, (3) pengembangan, (4) implimentasi, dan (5) penilaian.

Dalam konteks kajian ini, peringkat analisis secara khususnya merujuk kepada peringkat tinjauan literatur serta tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul. Hasil dari tinjauan dapat mengenal pasti isu dan tahap permasalahan yang dikaji. Manakala peringkat perancangan pula merujuk kepada tinjauan perkataan berfungsi bagi menentukan teras kandungan pengajaran agar bersesuaian dengan keperluan dan ketidakupayaan murid. Penetapan objektif pembelajaran, bentuk penyampaian dan aktiviti turut dilakukan pada peringkat ini.

Peringkat pengembangan pula merujuk kepada aktiviti pembinaan draf modul pengajaran, penilaian kesahan dan kebolehpercayaan serta rintis penggunaan modul. Peringkat implimentasi pula merujuk kepada sesi pengujian modul atau dalam konteks kajian ini merujuk kepada kajian kuasi ekperimental. Peringkat ini bertujuan untuk menilai tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan setelah mengikuti sesi PdP menggunakan modul pengajaran yang dibina.

Peringkat penilaian pula merupakan peringkat terakhir dalam proses pembinaan modul pengajaran. Dalam konteks kajian ini, ianya merujuk kepada





peringkat analisis dapatan data dari kajian kuasi eksperimental. Terdapat dua data utama iaitu data ujian pra penguasaan perkataan dan data ujian pasca penguasaan perkataan. Penilaian data adalah berdasarkan tahap perubahan pembelajaran iaitu dengan menilai tahap penguasaan perkataan berfungsi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan yang terlibat dalam kajian kuasi eksperimental. Melalui penilaian ini membolehkan rumusan kemampuan modul pengajaran ditentukan.

1.6.5 Modul Pengajaran Isyarat Perkataan Berfungsi

Komponen modul pengajaran IPB merujuk kepada instrumen yang digunakan bagi menangani permasalahan komunikasi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Modul ini berfungsi sebagai panduan kepada guru dalam menjalankan pengajaran bahasa. Modul ini dibina berdasarkan elemen-elemen dari teori pembelajaran Bruner, kaedah AAC dan isyarat perkataan berfungsi. Ketiga-tiga elemen ini digabungkan dalam bentuk pengajaran modul.

Secara dasar modul ini mempunyai dua bahagian utama iaitu bahagian kenali murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan bahagian PdP isyarat perkataan berfungsi. Bahagian kenali murid adalah berkaitan dengan definisi, ciri-ciri dan permasalahan lazim dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Bahagian ini bertujuan untuk memberi informasi dan maklumat agar GPK masalah pembelajaran dapat mengenal secara ringkas permasalahan yang dihadapi oleh murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Bahagian ini penting kerana berdasarkan tinjauan literatur mendapati GPK masalah pembelajaran tidak mempunyai pengetahuan asas berkenaan





murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Pendedahan maklumat ini sedikit sebanyak memberi informasi dan persediaan kepada guru untuk merancang dan menjalankan PdP.

Manakala bahagian PdP mengandungi dua sub utama iaitu isyarat asas dan inventori perkataan berfungsi. Pada sub topik isyarat asas adalah berkenaan petunjuk isyarat, isyarat huruf dan isyarat angka. Ketiga-tiga sub topik ini merupakan pembelajaran asas bagi komunikasi isyarat. Manakala pada sub inventori perkataan berfungsi dipecahkan kepada tujuh sub pembelajaran iaitu, (1) 10 perkataan utama perkataan berfungsi, (2) tema ahli keluarga/diri/orang, (3) tema makanan dan minuman, (4) alatan/barangan lazim, (5) perbuatan lazim, (6) pakaian dan aksesori, dan (7) lokasi/sudut/bahagian rumah. Setiap sub pembelajaran mempunyai 10 isyarat perkataan berfungsi yang dikemukakan dalam bentuk gambar rajah simbol isyarat dan gambar rajah yang bersesuaian bagi mewakili maksud perkataan. Secara keseluruhan pada topik sub pembelajaran ini mengandungi 70 perkataan atau isyarat perkataan berfungsi.

Dalam konteks pengujian modul, hanya sub pembelajaran 10 isyarat perkataan utama bagi perkataan berfungsi digunakan sepanjang sesi PdP pengujian modul. Pemilihan sub ini adalah kerana perkataan atau isyarat yang disenaraikan merupakan 10 perkataan paling utama berbanding perkataan-perkataan berfungsi yang lain. Ini secara tidak langsung mewajarkan ianya diajar terlebih dahulu berbanding perkataan-perkataan lain bagi membolehkan murid berkomunikasi untuk menyampaikan maksud bagi perkara-perkara asas dalam kehidupan.





1.6.6 Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan antara komponen utama dalam kajian pembinaan dan pengujian modul IPB. Menurut Agoratus (2014), ketidakupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berkomunikasi menyebabkan mereka merasa kecewa. Johnson (2012) menyatakan kekecewaan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat dikurangkan menggunakan komunikasi alternatif iaitu berdasarkan komunikasi isyarat.

Dalam konteks kajian ini murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dikenal pasti melalui ujian saringan *Weschler* atau *Wechsler Intelligence Scale for Children* (WISC). Ujian ini turut digunakan oleh Landwer (2008) dalam kajiannya ke atas 46



orang murid BPKMP yang mendapati murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai masalah dalam fungsi sosial dan bermasalah kemurungan serta perasaan bimbang selain cenderung untuk bergantung kepada individu yang hampir dengan mereka. Setelah melalui ujian saringan semua murid tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Penetapan kumpulan adalah berdasarkan keberadaan murid dan sekolah di mana satu sekolah menjadi kumpulan rawatan dan satu sekolah menjadi kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan tersebut terlibat dalam sesi ujian pra dan pasca serta sesi PdP pengajaran bahasa dalam tempoh yang ditetapkan.



1.6.7 Pengajaran Bahasa

Pengajaran bahasa turut merupakan komponen yang penting dalam kajian pembinaan dan pengujian modul IPB. Pengajaran bahasa bertujuan bagi menerapkan kemahiran bahasa agar murid mampu berkomunikasi atau berinteraksi dengan individu dalam persekitaran mereka. Seperti mana diketahui, komunikasi merupakan aspek penting bagi setiap individu tanpa mengira ketidakupayaan yang dimiliki. Melalui komunikasi membolehkan seseorang individu menyampaikan maksud atau kehendak dalam bentuk lisan atau tanpa lisan.

Matlamat utama pengajaran bahasa bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bertujuan menerapkan komunikasi alternatif sebagai gantian kepada komunikasi lisan yang tidak mampu dikuasai oleh murid. Dalam menjalankan pengajaran bahasa banyak unsur atau elemen perlu diambil kira seperti mana menurut Abdul Rasid dan Hasmah (2013) yang menyatakan unsur humor dapat menjadikan hasil pengajaran bahasa lebih bermakna kepada murid. Kepelbagaian unsur dalam pengajaran bahasa khususnya bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan penting kerana menurut Browder, Gibbs, Ahlgrim-Delzell, Courtade, Mraz, dan Flowers (2009), murid BPKMP yang mempunyai masalah pembelajaran teruk mempunyai fokus yang rendah dan sukar untuk menilai kefasihan sebutan mereka.

Dalam konteks kajian ini, semua peserta mengikuti sesi PdP dalam dua bentuk atau kaedah. Bagi kumpulan rawatan PdP adalah berpandukan modul pengajaran IPB iaitu berasaskan komunikasi isyarat. Manakala bagi kumpulan kawalan adalah berdasarkan kaedah konvensional yang lazim digunakan oleh guru. Manakala



kandungan pembelajaran adalah berdasarkan 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Setelah PdP dijalankan dalam jangka masa yang ditetapkan, semua murid di kumpulan rawatan dan kawalan menjalani peringkat ujian pasca bagi menilai tahap penguasaan perkataan yang telah diajar. Penilaian ini penting bagi menilai tahap perubahan pembelajaran dari aspek penguasaan perkataan berfungsi antara pengajaran berpandukan modul dengan pengajaran berdasarkan kaedah konvensional.


1.6.8 Penguasaan Isyarat dan Perkataan Berfungsi

Komponen penguasaan isyarat dan perkataan berfungsi turut merupakan komponen penting dalam menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Melalui penguasaan isyarat atau perkataan berfungsi dapat memastikan murid berupaya untuk berkomunikasi dengan individu dalam persekitaran mereka. Dapatan dari ujian pra dan pasca dianalisis bagi menilai tahap perubahan pembelajaran antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Terdapat empat pernyataan hipotesis dikemukakan iaitu dua darinya adalah untuk menilai perbezaan dalam kumpulan yang sama iaitu terhadap dapatan ujian pra dan pasca bagi kedua-dua kumpulan. Manakala dua hipotesis untuk menilai perbezaan antara kumpulan terhadap dapatan ujian pra dan ujian pasca. Hasil dari analisis ini dapat merumuskan keupayaan modul meningkatkan tahap penguasaan perkataan berfungsi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Batasan Kajian

Kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran IPB bagi membantu guru menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut mempunyai batasan tersendiri. Terdapat lima batasan kajian iaitu, (1) kandungan dan pengajaran modul, (2) lokasi kajian, (3) masa kajian, (4) item ujian pra dan pasca, dan (5) peserta kajian. Penyataan batasan ini penting bagi memastikan penelitian dan kefahaman pembaca hanya dalam konteks kajian ini sahaja.



1.7.1 Kandungan dan Pengajaran Modul

Batasan kandungan dan pengajaran modul merujuk kepada batasan isi kandungan modul pengajaran IPB. Dalam konteks kajian ini, kandungan dan pengajaran modul hanya terbatas kepada tiga bahagian iaitu, (1) bahagian berkenaan maklumat murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, (2) bahagian PdP, dan (3) bahagian BBM. Bahagian berkenaan maklumat murid BPKMP tanpa komunikasi lisan hanya tertumpu kepada aspek definisi, ciri dan permasalahan yang lazim dihadapi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Manakala bahagian kedua menumpukan tentang kandungan pengajaran perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Pada bahagian ini terdapat dua sub topik iaitu berkenaan isyarat asas dan inventori perkataan berfungsi. Pada sub topik inventori perkataan berfungsi mengandungi tujuh sub pembelajaran dan setiap sub mengandungi 10 perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Manakala dari aspek bentuk isyarat hanya terbatas kepada bentuk isyarat KTBM. Dalam konteks pengujian modul atau kuasi eksperimental hanya 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi digunakan sebagai teras kandungan pengajaran bagi tempoh pengujian modul.

1.7.2 Lokasi Kajian

Batasan lokasi merujuk kepada lokasi atau tempat sesuatu kajian itu dijalankan. Dalam konteks kajian ini secara keseluruhan kajian dijalankan dalam negeri Perak. Lokasi bagi kajian tinjauan masalah pembelajaran dan keperluan modul serta tinjauan perkataan berfungsi dilakukan di sekitar Daerah Kerian. Kajian kuasi ekperimental





turut dilaksanakan dalam Daerah Kerian dengan penglibatan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dari dua buah sekolah atau PPKI Masalah Pembelajaran yang terlibat sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

1.7.3 Masa Kajian

Batasan masa merujuk kepada jangka masa menjalankan sesuatu kajian. Terdapat dua batasan masa iaitu bagi kajian rintis penggunaan modul dan batasan masa kajian kuasi eksperimental untuk menilai tahap perubahan pembelajaran setelah mengikuti PdP perkataan berfungsi. Jangka masa bagi kajian rintis penggunaan modul adalah selama tiga minggu atau bersamaan 12 waktu PdP. Manakala bagi kajian kuasi eksperimental dijalankan selama dua bulan setengah atau bersamaan 10 minggu atau 40 waktu yang bersamaan 20 jam sesi PdP.

1.7.4 Item Penilaian Ujian Pra dan Pasca

Batasan item penilaian ujian pra dan pasca merujuk kepada batasan bilangan perkataan yang diuji. Dalam konteks kajian ini, hanya 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi dipilih sebagai item pengujian. Item-item ini adalah sama seperti mana perkataan-perkataan yang diajar dalam sesi PdP bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Penetapan perkataan adalah berdasarkan ketinggian nilai min bagi sesuatu perkataan yang diperoleh melalui tinjauan senarai perkataan berfungsi.





1.7.5 Peserta Kajian

Batasan peserta kajian merujuk kepada penyertaan yang terlibat secara langsung bagi sesuatu kajian. Dalam konteks kajian ini, terdapat tiga kategori peserta kajian iaitu, (1) GPK masalah pembelajaran, (2) pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat, dan (3) murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Peserta kajian dalam kalangan GPK masalah pembelajaran hanya terlibat pada tiga peringkat kajian iaitu, (1) tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul yang melibatkan 80 orang guru, (2) tinjauan perkataan berfungsi dengan penglibatan seramai 30 orang guru, dan (3) penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul melibatkan lima orang guru. Penglibatan peserta kajian dari kalangan pakar adalah seramai tujuh orang bagi penilaian kesahan modul. Manakala murid BPKMP tanpa komunikasi lisan terlibat dalam kajian kuasi eksperimental yang dibahagikan kepada dua kumpulan dan setiap kumpulan berjumlah enam orang murid. Semua peserta kajian adalah dari dua buah sekolah atau PPKI Masalah Pembelajaran dalam Daerah Kerian, Perak.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian pembinaan dan pengujian modul IPB mempunyai kepentingan tersendiri sama ada bagi institusi atau individu. Terdapat empat pihak berkepentingan iaitu, (1) pihak berwajib yang terlibat secara langsung dengan pendidikan bagi murid BPKMP, (2) murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, (3) ibu bapa, dan (4) GPK masalah pembelajaran.





1.8.1 Pihak Berwajib

Hasil dari kajian ini penting kepada pihak berwajib yang terlibat secara langsung dengan pendidikan khas sama ada pada pihak kerajaan atau bukan kerajaan. Hasil dari kajian ini membolehkan pihak kerajaan seperti Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM merangka pelbagai program, kursus, seminar ataupun dasar bagi memastikan matlamat dan falsafah pendidikan negara khususnya pendidikan khas dapat dicapai dengan baik dan berkesan. Kajian ini juga penting kepada institusi bukan kerajaan dalam usaha bersama-sama memberi perkhidmatan dan menjaga kebajikan individu yang mempunyai ketidakupayaan. Melalui kajian dan pembinaan modul ini juga secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kepelbagaian bahan rujukan serta panduan pengajaran yang



telah sedia ada.

1.8.2 Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Kajian pembinaan modul ini juga penting secara khususnya kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Melalui pengajaran bahasa berpandukan modul pengajaran ini dapat membantu murid menguasai komunikasi alternatif berasaskan komunikasi isyarat bagi meningkatkan keupayaan komunikasi. Kemampuan berkomunikasi dapat membantu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berinteraksi dan berkomunikasi dengan individu dalam persekitaran mereka.





1.8.3 Ibu Bapa

Kajian dan pembinaan modul pengajaran ini juga penting kepada ibu bapa terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah komunikasi lisan. Melalui pengajaran berpandukan modul ini, ibu bapa mempunyai alternatif untuk berkomunikasi atau berinteraksi dengan anak mereka yang tidak berkeupayaan berkomunikasi secara lisan. Keupayaan berkomunikasi menggunakan komunikasi isyarat membolehkan ibu bapa memahami apa yang disampaikan oleh anak mereka dengan lebih jelas dan betul terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan keperluan asas atau kehendak mereka dalam kehidupan.



1.8.4 Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Kajian ini juga penting kepada GPK masalah pembelajaran kerana secara tidak langsung modul yang dibina dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran khususnya pengajaran menggunakan kaedah AAC. Penerapan komunikasi alternatif juga dapat merapatkan jurang komunikasi antara guru dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Melalui modul ini juga dapat membantu guru merancang dan menjalankan pengajaran yang bersesuaian dengan ketidakupayaan murid.





1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa konsep, terma atau istilah yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Penerangan dan penjelasan berkenaan konsep, terma atau istilah-istilah tersebut dalam konteks kajian ini amat penting bagi memastikan matlamat dan hala tuju kajian bersifat terarah dan menjurus kepada penyelesaian masalah utama yang dikaji. Penjelasan ini juga bagi memastikan pemahaman pengkaji atau pembaca hanya berkisar dalam konteks kajian ini dan bukannya dalam konteks umum.

1.9.1 Pengajaran Bahasa

Pengajaran bahasa merupakan gabungan dua istilah utama iaitu pengajaran dan bahasa. Menurut Effandi, Norazah dan Sabri (2007), pengajaran merupakan satu pendekatan sistematik yang dilakukan dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan. Manakala bahasa menurut Rochayah (2009) dapat didefinisikan dalam pelbagai bentuk dan ragam yang bersifat luas, sehingga mencakupi semua bentuk komunikasi bergantung kepada apa yang ingin ditonjolkan. Raminah (1985) menyatakan pengajaran bahasa merupakan satu bidang penerapan linguistik yang kompleks dan bersifat multidisplin bagi membolehkan manusia menguasai sesuatu bahasa dan berkomunikasi. Manakala Bauckham (2013) pula menyatakan pengajaran bahasa merupakan perkara penting bagi mengekspresikan hasrat dan pemikiran. Namun dalam konteks kajian ini, pengajaran bahasa merujuk kepada pengajaran bagi perkataan berfungsi menggunakan kaedah komunikasi isyarat terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.





1.9.2 Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Murid BPKMP tanpa komunikasi lisan secara umumnya merujuk kepada murid BPKMP yang tidak mampu untuk berkomunikasi lisan. Hahn (2004) menyatakan dalam kalangan ahli akademik mentakrifkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah murid BPKMP yang mempunyai masalah dalam fungsi utama bahasa. Butcher (2009) pula mendefinisikannya sebagai murid BPKMP yang mempunyai masalah sindrom dalam keupayaan persepsi sosial, kemahiran *visual-spatial*, mengkoordinasi kemahiran motor dan bermasalah dalam penguasaan matematik. Manakala *McMaster Children's Hospital* (2004) menyatakan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merujuk kepada murid BPKMP yang mempunyai kesukaran dalam menerima dan memahami perbualan sama ada tanpa kata-kata, ekspresi muka, bahasa tubuh badan dan nada suara. Dalam konteks kajian ini, murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merujuk kepada murid BPKMP yang tidak mampu berkomunikasi secara lisan atau berkomunikasi menggunakan bunyi bahasa tersendiri atau menggunakan isyarat ketika berinteraksi dan belajar di PPKI Masalah Pembelajaran sekolah rendah.

1.9.3 Komunikasi Augmentatif dan Alternatif

Komunikasi augmentatif dan alternatif secara umum merujuk kepada sejenis bentuk komunikasi alternatif yang digunakan oleh seseorang individu selain dari bentuk komunikasi lazim seperti komunikasi lisan atau tulisan. Menurut *International Society for Augmentative and Alternative* (2014), AAC merujuk kepada satu set alat dan strategi bagi menyelesaikan komunikasi harian dan boleh wujud dalam pelbagai





bentuk. *Prentke Romich Company* (2014) pula mendefinisikan AAC sebagai komunikasi dalam pelbagai bentuk dan kaedah bagi membantu individu yang tidak dapat menggunakan ucapan lisan bagi berkomunikasi. Manakala Segafos, Schlosser dan Sutherland (2010) mendefinisikan AAC sebagai satu bentuk komunikasi yang menggunakan pelbagai jenis strategi dan kaedah bagi memastikan penyampaian maklumat lebih berkesan sama ada menggunakan simbol atau alat bantuan. Dalam konteks kajian ini, AAC merujuk kepada komunikasi isyarat berteraskan perkataan berfungsi tanpa menggunakan alat bantuan komunikasi.

1.9.4 Perkataan Berfungsi



Perkataan berfungsi secara umumnya merujuk kepada perkataan yang lazim digunakan dan berfungsi untuk digunakan dalam kehidupan harian bagi menyampaikan maksud dan keperluan asas diri. Menurut Noor Aini (2010), perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan yang kerap digunakan dalam konteks persekitaran murid seperti rumah, sekolah, kedai, tandas, bilik tidur dan ruang tamu. Alberto, Waugh, Fredrick dan Davis (2013) pula menyatakan perkataan berfungsi itu merujuk kepada kata perbendaharaan yang membolehkan seseorang individu menghubungkan diri dengan komuniti. Manakala Speechreka (2011) menyatakan perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan bagi perkara-perkara biasa seperti ahli keluarga, prihal anggota badan, makan atau mainan. Logsdon (2014) turut menyatakan perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan yang mempunyai fungsi penting dalam kehidupan bagi membolehkan individu berkomunikasi secara sendiri tanpa bantuan. Dalam konteks kajian ini, perkataan berfungsi merujuk kepada





perkataan berdasarkan persekitaran murid yang lazim digunakan dan mampu berperanan untuk memenuhi keperluan asas kehidupan bagi seseorang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

1.9.5 Komunikasi Isyarat

Secara umum komunikasi isyarat merujuk kepada salah satu bentuk komunikasi yang bersifat pergerakan atau perbentukan simbol tanpa bunyi bahasa. Menurut Inna Hamida (2017), komunikasi isyarat terbahagi kepada dua iaitu isyarat biasa dan isyarat formal. Isyarat formal merujuk kepada bentuk isyarat yang disepakati secara bersama, manakala isyarat biasa merujuk kepada bentuk isyarat yang digunakan oleh sekelompok individu dan berkembang secara biasa dan disepakati dalam kalangan kelompok itu sendiri. Baluska dan Ninkovic (2010) pula menyatakan secara pragmatik istilah isyarat dan komunikasi dari sudut evolusi biologi ianya merujuk kepada satu bentuk komunikasi yang dibatasi hasil dari perilaku pemindahan informasi, fisiologi atau morfologi yang dilakukan oleh sesuatu kelompok secara semulajadi. Manakala Sigit, Nila dan Pramudita (2007) menyatakan komunikasi isyarat merujuk kepada komunikasi yang dilakukan antara individu dengan individu lain menggunakan isyarat seperti berupa gerakan anggota badan atau isyarat kebiasaan lainnya. Dalam konteks kajian ini, komunikasi isyarat yang dimaksudkan adalah merujuk kepada bentuk komunikasi isyarat berdasarkan isyarat KTMB dengan hanya menumpukan kepada isyarat bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid





1.9.6 Isyarat Perkataan Berfungsi

Istilah isyarat perkataan berfungsi merupakan gabungan dua istilah utama iaitu [isyarat] dan [perkataan berfungsi]. Secara umumnya isyarat perkataan berfungsi merujuk kepada isyarat bagi perkataan berfungsi. Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (2014), isyarat merujuk kepada segala sesuatu perlakuan seperti gerakan tangan, anggukkan kepala dan sebagainya yang diguna pakai sebagai sesuatu tanda atau alamat. Manakala perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan yang lazim digunakan dan berfungsi dari aspek penggunaannya dalam kehidupan harian seperti mana dinyatakan pada sebelumnya. Namun dalam konteks kajian ini, isyarat perkataan berfungsi merujuk kepada isyarat KTBM bagi perkataan-perkataan berfungsi. Secara keseluruhan terdapat 70 isyarat perkataan berfungsi iaitu 10 perkataan utama dan 60 perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid yang dipecahkan kepada enam tema iaitu, (1) ahli keluarga/diri/orang, (2) makanan dan minuman, (3) alatan/barangan lazim, (4) perbuatan lazim, (5) pakaian dan aksesori, dan (6) lokasi/sudut/bahagian rumah.

1.10 Rumusan

Permasalahan dalam kalangan murid BPKMP wujud dalam pelbagai bentuk, sifat serta jenis dan salah satu darinya adalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Kewujudan murid ini adalah berpunca dari kerencatan perkembangan neurologi yang menyebabkan gangguan terhadap perkembangan sistem bahasa yang memberi implikasi ke keupayaan berkomunikasi secara lisan. Pengajaran bahasa atau





komunikasi berasaskan kaedah AAC merupakan intervensi yang boleh dilakukan. Namun wujud kekangan dari aspek pelaksanaan kerana GPK masalah pembelajaran didapati kurang berpengetahuan tentang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan kurang berkemahiran dalam pengajaran terutamanya pengajaran menggunakan kaedah AAC khususnya komunikasi isyarat. Pembinaan modul pengajaran dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti jenis komunikasi, bentuk dan kaedah pengajaran serta teras kandungan pembelajaran merupakan intervensi yang sesuai diaplikasikan. Secara tidak langsung melalui modul ini juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dalam kalangan guru. Pembinaan modul juga mampu berperanan dalam merintis kepada pencapaian dasar untuk memastikan setiap murid tanpa mengira ketidakupayaan.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) tanpa komunikasi lisan merupakan antara permasalahan atau isu yang wujud dalam kalangan murid BPKMP dalam sistem pendidikan khas di Malaysia. Menurut Noor Aini (2010) kewujudan murid BPKMP teruk atau murid BPKMP tanpa komunikasi lisan hanya bersifat minoriti, namun tidak bermakna kehadiran mereka hanya dipandang sepi. Pelbagai aspek dan elemen perlu diberikan perhatian dan penelitian bagi memastikan permasalahan ini dapat ditangani dengan baik dan memberi impak seperti mana dikehendaki. Melalui intervensi yang bersesuaian mampu merintis ke arah pencapaian matlamat pendidikan bagi semua pihak tanpa mengira ketidakupayaan.



2.2 Teori Pembelajaran Kognitif Bruner

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan juga wujud dalam konteks pendidikan khas masalah pembelajaran di Malaysia. Usaha menangani sesuatu permasalahan tidak dapat lari dari penelitian ke atas teori pembelajaran. Penyelesaian berdasarkan teori pembelajaran penting dalam memastikan intervensi mampu memberi impak seperti mana dikehendaki. Secara umumnya terdapat pelbagai teori pembelajaran boleh diaplikasikan bagi menangani sesuatu permasalahan antaranya teori pembelajaran kognitif.

2.2.1 Teori Pembelajaran Kognitif



Teori pembelajaran kognitif secara umumnya berkaitan secara langsung dengan perkembangan intelektual seseorang individu. Penggunaan teori ini sesuai digunakan tanpa mengira ketidakupayaan. Menurut Rudi (2014), teori pembelajaran kognitif dapat diertikan sebagai potensi atau keupayaan intelektual yang berkembang berdasarkan enam tahap iaitu, (1) pengetahuan, (2) pemahaman, (3) penerapan, (4) analisis, (5) sintesis, dan (6) evaluasi yang berkaitan dengan keupayaan untuk mengembangkan pemikiran.

Cole dan Chan (1990), menyatakan teori pembelajaran kognitif lebih menumpukan aspek fungsi mental dalaman atau proses pemikiran berbanding tindak balas luaran atau tingkah laku. Tuan Faizah Asmira, Nur Farhana dan Nur Izzati (2010), pula menyatakan teori pembelajaran kognitif merujuk kepada proses





pembelajaran yang bersifat pengumpulan, penyusunan dan penggunaan pengetahuan yang dikeluarkan bagi menyelesaikan masalah. Secara khusus teori ini lebih menekankan aspek penerangan bagaimana otak memproses maklumat dan mentafsir maksud dari maklumat yang diterima. Dalam konteks umum, teori pembelajaran kognitif menerangkan tentang proses perhatian, persepsi, memori, konsep, kefahaman, pemikiran, penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan. Selain itu teori ini juga lebih memberi tumpuan kepada apa yang berlaku dalam otak dan gambaran perubahan pembelajaran yang bersesuaian dengan fungsi kognitif dalam pembelajaran.

Tidak dapat dinafikan teori pembelajaran kognitif mempunyai hubungan dan perkaitan dengan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Givon (2013) dalam penelitiannya mendapati emosi dan kognitif saling berhubungan bagi memastikan murid mampu menangani masalah dan menerima ketidakupayaan yang dimiliki. Berdasarkan penelitiannya mendapati remaja BPKMP menggunakan pelbagai gaya dan kaedah serta merasakan mereka tidak berdaya untuk menangani atau menyelesaikan sesuatu permasalahan. Dari aspek emosi, remaja BPKMP merasakan perlabelan atau istilah yang diberikan terhadap ketidakupayaan mereka umpama ancaman kepada diri mereka. Aquino (2011), menyatakan pendekatan berbeza perlu digunakan agar dapat menyumbang kepada potensi perkembangan interaksi yang lebih positif. Hasil penelitian mendapati guru perlu menggunakan pelbagai kaedah dan teknik serta tidak bersifat *stereotype* atau kaedah yang sama secara berulang.

Evans (2008), menyatakan fungsi dan peranan proses kognitif dapat meningkatkan kemahiran membaca dan mengira. Hasil dari ujian yang dijalankan





terhadap empat kumpulan murid iaitu, (1) murid bermasalah membaca dan mengira, (2) murid bermasalah membaca, (3) murid bermasalah mengira, dan (4) murid normal, mendapati wujud perbezaan ketara pencapaian dari segi kognitif antara murid BPKMP dengan murid normal. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian antara murid ketidakupayaan pelbagai dengan murid yang mempunyai ketidakupayaan tunggal.

Kikas dan Jakobson (2007) pula melihat dari aspek fungsi kognitif dan kemahiran motor dalam kalangan murid bermasalah *Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder* (ADHD) dengan murid bermasalah ADHD ketidakupayaan pelbagai. Hasil perbandingan dari aspek fungsi kognitif menunjukkan murid ADHD ketidakupayaan pelbagai lebih baik berbanding murid yang hanya bermasalah ADHD. Manakala Geary (2005), menegaskan teori pembelajaran kognitif berperanan penting dalam menangani masalah pembelajaran matematik.

Menurut Geary intervensi atau cara menangani masalah perlu dijalankan pada peringkat awal perkembangan murid dan guru perlu menilai keupayaan murid untuk menerima fakta berasaskan rangkaian dalam ingatan jangka panjang. Guru juga disarankan perlu melihat sebarang gangguan atau masalah yang boleh menjadi kekangan kepada murid untuk menyatukan pelajaran yang diterima. Secara umumnya dapat dikatakan teori ini lebih menekankan kepada keupayaan kognitif bagi seseorang individu. Pembelajaran secara bertahap memainkan peranan penting di samping menekankan keperluan pembelajaran di peringkat awal perkembangan seseorang individu atau kanak-kanak.



2.2.2 Teori Pembelajaran Kognitif menurut Bruner

Terdapat banyak pandangan atau pendekatan dalam teori pembelajaran kognitif antaranya berdasarkan pandangan Bruner atau turut dikenali sebagai teori pembelajaran kognitif Bruner. Menurut Azizi (2009), Bruner dilahirkan di New York dan merupakan ahli psikologi. Bruner banyak menghasilkan penulisan berhubung perkembangan dan kebolehan mental manusia serta bagaimana pemikiran berlaku semasa proses pembelajaran. Berdasarkan pandangan Bruner, Azizi menyatakan terdapat tujuh aspek penting dalam proses pembelajaran iaitu, (1) cara manusia berinteraksi dengan persekitaran dan pengalaman, (2) perkembangan mental manusia dan pemikiran semasa proses pembelajaran, (3) pemikiran secara logikal, (4) penggunaan istilah untuk memahami susunan struktur pengetahuan, (5) pemikiran analisis dan intuitif, (6) pembelajaran induktif untuk menguasai konsep atau kategori, dan (7) pemikiran metakognitif iaitu mengenai pemikiran.

Suriana (2012) pula menyatakan berdasarkan pandangan, terdapat tiga peringkat perkembangan kognitif iaitu enaktif, peringkat ikonik dan simbolik. Peringkat enaktif merujuk kepada peringkat deria motor yang berperanan memahami interaksi dengan persekitaran. Ikonik pula merujuk kepada peringkat perkembangan kognitif di mana murid mula memikirkan sesuatu melalui imej atau gambar rajah. Manakala peringkat simbolik merujuk kemampuan murid untuk memahami dan mempelajari sesuatu melalui simbol dan konsep yang lebih luas.

Lawton et al. (2012) menegaskan Bruner berpandangan dalam memberi pendidikan bagi murid di peringkat awal atau muda atau aras yang rendah, kaedah



atau pedagogi haruslah berlandaskan kepada keupayaan intelektual. Dalam maksud yang mudah, pendidikan yang efektif adalah dalam bentuk aras atau tahap yang sesuai dengan tingkat perkembangan intelektual murid. Bruner juga berpandangan, penggunaan bahan pengajaran perlu disusun mengikut urutan yang cekap dalam menjalankan pengajaran agar murid dapat memahami sesuatu pengajaran dengan berkesan.

Bruner (1966), telah mengemukakan empat prinsip pembelajaran iaitu prinsip motivasi, prinsip struktur, prinsip sekuan dan prinsip peneguhan. Prinsip motivasi merujuk kepada dua jenis motivasi iaitu instrinsik ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan. Prinsip struktur merujuk kepada keutamaan isi pelajaran yang bersesuaian dengan bentuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut keupayaan murid itu sendiri. Manakala prinsip sekuan merujuk kepada kesediaan dan kepelbagaian penggunaan serta perlaksanaan kaedah dan teknik mengajar. Bagi prinsip peneguhan Bruner mencadangkan aspek penggunaan kaedah inkuiri penemuan atau *discovery* bagi memberi peluang kepada murid untuk membuat kajian atau penemuan sendiri.

Menurut Syaiful Bahri dan Aswan (2002), berdasarkan pandangan Bruner terdapat enam implikasi pembelajaran berkonsepkan *discovery* atau penemuan iaitu, (1) simulasi, (2) pernyataan masalah, (3) pengumpulan data, (4) memproses data, (5) pengesahan, dan (6) generalisasi. Simulasi merujuk kepada kaedah guru mengajukan soalan atau menyuruh murid untuk membaca bagi menghuraikan rentetan dari permasalahan. Pernyataan masalah pula adalah di mana murid diberi kesempatan untuk mengenal pasti pelbagai masalah. Pada peringkat pengumpulan data murid diberi kesempatan untuk mengumpul pelbagai maklumat dan melakukan percubaan secara





sendiri. Manakala pada peringkat memproses data, murid diberi peluang mengolah maklumat untuk menilai sesuatu perkara. Peringkat pengesahan atau pembuktian pula merujuk kepada pengolahan maklumat oleh murid untuk mentafsir sesuatu permasalahan dan menilai hasil serta membuat tafsiran. Manakala implikasi terakhir iaitu generalisasi, murid membuat kesimpulan tersendiri berdasarkan pembuktian yang dilakukan.

Menurut Syaiful Bahri dan Aswan, kelebihan konsep pembelajaran Bruner adalah dari aspek penggunaan bahan pengajaran yang bersifat kognitif. Manakala kelemahan konsep ini adalah dari aspek jangka masa kerana memerlukan masa atau waktu yang cukup banyak. Guru juga perlu memastikan pembelajaran bersifat terarah bagi mengelakkan kekeliruan atau kekaburan tentang apa yang dipelajari. Secara konsepnya juga Bruner turut menekankan aspek penggunaan BBM yang bersesuaian dalam pembelajaran bagi memastikan murid memahami konsep dengan lebih jelas.

Oleh yang demikian, dapat dikatakan teori pembelajaran Bruner dapat digunakan bagi menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Bruner menekankan aspek keupayaan intelektual, penggunaan BBM dan urutan dalam menjalankan sesuatu pengajaran. Selain itu Bruner turut menekankan aspek hubungan persekitaran dengan pembentuk bahasa sebagai elemen dalam membina kemahiran bahasa dan komunikasi. Pendekatan berdasarkan pandangan Bruner bersesuaian dengan objektif dan matlamat penerapan komunikasi alternatif dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bagi membantu murid berinteraksi atau berkomunikasi.





2.3 Model Reka Bentuk Instruksional Modul Addie


Pendekatan model pembelajaran dalam menangani sesuatu masalah pengajaran bukan merupakan perkara baharu dalam pendidikan. Menurut Ummu Nasibah, Muhammad Izuan dan Nazipah (2015) model merupakan salah satu asas utama dalam menjalankan PdP bagi sesuatu pembelajaran. Penggunaan modul mampu memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan pengetahuan atau kefahaman. Zakiah, Azlina dan Jiar (2013) dalam penelitiannya mendapati penggunaan modul dapat meningkatkan tahap kefahaman dan pengalaman. Dalam konteks permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, penggunaan modul juga tidak terkecuali dalam meningkatkan pengetahuan dan memberi panduan khusus kepada GPK masalah pembelajaran untuk menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.



Terdapat pelbagai jenis model dalam pendidikan sama ada dari aspek menangani masalah atau membina modul. Antara model yang berperanan sama ada bagi menangani masalah atau membangunkan modul adalah model Addie atau turut dikenali dengan sebagai model instruksional modul Addie. Menurut Ummu Nasibah, Muhammad Izuan dan Nazipah (2015) model Addie merupakan model reka bentuk bersifat sistematik dan efektif serta mampu mencapai objektif bagi sesuatu PdP dan seiring dengan citarasa serta keperluan murid. Model ini diperkenalkan oleh Rossett (1987) dengan mengemukakan lima peringkat atau tahap bagi menangani sesuatu isu atau membina modul iaitu, (1) analisis, (2) reka bentuk, (3) pembinaan, (4) implimentasi, dan (6) penilaian. Molenda (2003) turut menyatakan perkataan [addie] adalah akronim dari perkataan [*analysis*], [*design*], [*development*], [*implementation*], dan [*evaluation*].



Rajah 2.1 menunjukkan peringkat-peringkat dalam menangani masalah atau membina modul. Peringkat pertama bermula dengan *analysis*, *design*, dan *develop*. Seterusnya disusuli dengan peringkat *implement* dan berakhir pada *evaluate*. Peringkat *analysis* merujuk kepada peringkat menganalisis permasalahan, keperluan, tugas, sasaran dan kemampuan semasa. Peringkat *design* pula merujuk kepada penetapan objektif, bentuk penyampaian, aktiviti dan latihan. Bagi peringkat *develop* merujuk kepada pembinaan contoh bahan atau *prototype*, membina instrumen atau bahan, semakan dan penilaian serta sesi rintis penggunaan. Manakala peringkat *implement* merujuk kepada latihan implimentasi, kesesuaian dan keperluan bahan penggunaan serta pemantauan penggunaan. Peringkat terakhir iaitu *evaluation* merujuk kepada penilaian kesedaran, pengetahuan, tingkah laku dan hasil keputusan.



Rajah 2.1. Model Reka Bentuk Instruksional Modul Addie. Sumber: _____ (2015). *The Addie series part 1: Introduction*. Dari laman sesawang: <http://readingthinkinglearning.wordpress.com/tag/addie-model/>.

Jadual 2.1

Rumusan Elemen Model Addie

Peringkat	Tugasan	Sasaran
Analisis Proses mengenal pasti apa yang perlu dipelajari	<ul style="list-style-type: none"> * Keperluan penilaian * Kenal pasti masalah * Analisis tugasan 	<ul style="list-style-type: none"> * Profail murid * Kenal pasti kekangan * Keperluan, Penyataan Masalah * Analisis tugasan
Reka Bentuk Proses memperincikan bagaimana cara pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> * Menyenaraikan objektif * Membina item ujian * Merancang panduan * Kenal pasti sumber 	<ul style="list-style-type: none"> * Menilai objektif * Strategi arahan * Spesifikasi prototaip
Pembinaan Proses pembinaan dan pengeluaran bahan	<ul style="list-style-type: none"> * Prosidur kerja * Membina buku kerja, carta aliran, program 	<ul style="list-style-type: none"> * Jalan cerita * Skrip * Latihan * Bantuan arahan komputer
Implimentasi Proses implimen projek terhadap situasi sebenar	<ul style="list-style-type: none"> * Latihan kepada guru * Percubaan guna 	<ul style="list-style-type: none"> * Ulasan murid/guru, data
Penilaian Proses menetapkan keperluan arahan	<ul style="list-style-type: none"> * Merekod data masa * Menilai keputusan ujian * Tinjauan pencapaian * Semak semula aktiviti 	<ul style="list-style-type: none"> * Cadangan/syor * Laporan hasil * Semak semula prototaip

Sumber : McGriff (2000). *Instructional system design (ISD): Using the Addie model*.
College of Education: Pen State University.

Jadual 2.1 menunjukkan secara rumusan elemen-elemen yang terdapat dalam model Addie berdasarkan pandangan McGriff (2000). Pada peringkat analisis merujuk kepada proses mengenal pasti apa yang perlu dipelajari. Menurut Salhah (2006) elemen mengenal pasti masalah dapat membawa kepada usaha untuk mengaitkan prinsip pembelajaran melalui pendedahan situasi yang sebenar. Pada peringkat ini terdapat tiga aktiviti atau tugasannya iaitu, (1) keperluan penilaian, (2) mengenal pasti



masalah, dan (3) menganalisis tugas. Terdapat empat sasaran utama iaitu, (1) mengenal pasti profil murid, (2) mengenal pasti kekangan atau masalah dalam pelaksanaan, (3) membuat analisis keperluan dan pernyataan masalah, serta (4) menganalisis tugas yang disyorkan.

Peringkat kedua pula melibatkan proses memperincikan bagaimana cara pengajaran yang bersesuaian dilaksanakan. Perkara ini penting kerana cara atau kaedah pengajaran mampu mempengaruhi hasil sesuatu pembelajaran. Abdul Rasid dan Hasmah (2013) menyatakan melalui pembelajaran yang menyeronokkan dan berpusatkan murid dapat memenuhi kepelbagaian kecerdasan seseorang murid. Ini menunjukkan kaedah pengajaran memainkan peranan penting dalam mencapai objektif sesuatu pembelajaran. Pada peringkat ini terdapat empat tugas utama iaitu,

(1) menyenaraikan objektif, (2) membina item ujian, (3) merancang panduan, dan (4) mengenal pasti sumber. Pada peringkat ini terdapat tiga sasaran utama yang perlu dicapai iaitu, (1) menilai objektif penyelesaian masalah, (2) menyenaraikan strategi arahan, dan (3) menyenaraikan spesifikasi prototaip. Bagi peringkat ketiga iaitu pembinaan merujuk kepada proses pembinaan dan pengeluaran bahan. Pada peringkat ini melibatkan dua tugas utama iaitu, (1) prosidur kerja, dan (2) membina buku kerja, carta aliran dan program. Sasaran utama pada peringkat ketiga adalah, (1) dari aspek jalan cerita, (2) skrip, (3) latihan, dan (4) bantuan arahan komputer.

Peringkat seterusnya adalah implimentasi atau penggunaan bahan dalam persekitaran atau situasi sebenar. Terdapat dua tugas utama pada peringkat ini iaitu (1) latihan kepada guru, dan (2) percubaan guna bahan. Sasaran utama yang perlu dicapai pada peringkat ini adalah mengenal pasti atau mendapatkan ulasan dari guru





atau murid atau memperoleh data. Setelah peringkat implimentasi, peringkat terakhir menurut model Addie adalah peringkat penilaian. Peringkat ini merujuk kepada proses menetapkan keperluan arahan. Pada peringkat ini melibatkan empat tugas utama iaitu, (1) merekod data masa, (2) menilai keputusan ujian, (3) meninjau pencapaian, dan (4) menyemak semula aktiviti. Sasaran pada peringkat ini adalah mengemukakan cadangan atau syor dan membuat laporan akhir serta menyemak semula prototaip bahan atau instrumen.

Secara rumusannya dapat dikatakan model Addie menekankan aspek perancangan secara berperingkat dan teratur dalam menangani sesuatu isu atau permasalahan. Penyelesaian secara berperingkat membolehkan setiap elemen dari pelbagai aspek diambil kira bagi memastikan kaedah yang digunakan mampu memberi impak seperti mana dikehendaki. Pengaplikasian model Addie tidak terbatas kepada kaedah menjalankan PdP sahaja malah boleh diaplikasikan dalam membina sesebuah modul. Ini kerana bagi membina sesebuah modul yang baik aspek mengenal pasti pengguna dan kaedah yang diterapkan serta kekangan-kekangan yang wujud memainkan peranan penting dalam memastikan modul bersesuaian dan menepati matlamat yang ditetapkan.

2.4 Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi merupakan perkara penting bagi keperluan setiap manusia tanpa mengira ketidakupayaan. Keupayaan berkomunikasi membolehkan seseorang individu menyampaikan hasrat atau kehendak diri. Menurut Chung dan Pennebaker





(2007), manusia menggunakan komunikasi atau kata-kata untuk menyampaikan emosi dan pemikiran bagi memberi tahu cerita dan memahami dunia. Manakala menurut Morreale Osborn dan Pearson (2000), menyatakan setiap manusia dilahirkan dengan keupayaan untuk mengeluarkan bunyi atau bahasa tetapi tidak bersama dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran. Oleh itu, pengajaran kemahiran komunikasi merupakan perkara penting dan harus dipelajari dan perlu diajar.

2.4.1 Definisi, Konsep dan Kepentingan Komunikasi

Komunikasi merupakan satu proses penghantaran dan penerimaan mesej melalui bahasa atau simbol-simbol yang bermakna. Dengan kata lain, komunikasi merupakan pemindahan maklumat dan kefahaman daripada satu individu dengan individu yang lain. Komunikasi merupakan alat penghubung antara manusia dengan lingkungannya atau antara manusia dengan diri sendiri. Yogik (2013), menyatakan komunikasi adalah ketrampilan yang sangat penting dalam kehidupan manusia yang bersifat makhluk sosial dan bergantung satu sama lain dan mandiri serta saling terkait dengan orang lain dalam lingkungan. Menurut Mikoluk (2013) terdapat tiga jenis komunikasi iaitu lisan, tanpa lisan dan tulisan.

Menurut Halina Sendera dan Andreas (2014), komunikasi merupakan wahana dalam realiti fenomena sosial dan wujud dalam bentuk berupa tanda-tanda atau simbol. Komunikasi boleh diekspresikan melalui bahasa pertuturan atau simbol berbentuk lisan yang bersifat linguistik seperti bacaan, doa, mentera dan seumpamanya. Malah komunikasi juga boleh diekspresikan menerusi perlakuan,





ekspresi wajah, penggunaan masa, ruang dan sebagainya. Halina Sandera dan Andreas juga menyatakan pengaruh tanda-tanda tanpa lisan sangat signifikan dalam realiti kehidupan manusia di mana kira-kira 80 peratus mesej disampaikan dan diterima melalui aspek visual iaitu menggunakan pancaindera mata.

Haidir Fitra, Mohd Yusof, Normah dan Fauziah (2014), pula berpandangan komunikasi merupakan percubaan untuk berinteraksi bagi mencipta dan berkongsi maklumat dengan yang lain selain sebagai usaha untuk mencapai *mutual understanding*. Zainuddin dan Ziadatul Hidayan (2006) pula menyatakan, secara umumnya komunikasi mempunyai tiga prinsip utama iaitu, (1) interaksi di mana sekurang-kurangnya dua orang perlu mengambil bahagian dan bertukar-tukar maklumat, (2) komunikasi boleh berlaku walaupun tidak bercakap secara bersemuka, pencetusan dan interpretasi makna dibuat oleh seseorang melalui pengamatan air muka, mimik muka, tindakan dan tingkah laku, dan (3) kadang kala sukar dijangka dan mengawal interpretasi mesej yang diterima kerana, perbezaan budaya, gaya hidup, negara, sikap, nilai masyarakat, bahasa dan taraf hidup.

Seperti mana bidang lain, komunikasi juga mempunyai hubungan rapat dengan murid BPKMP. Puteri Roslina (2008), mendapati murid sindrom Down lebih menggunakan visual (melihat) daripada auditori (dengar), dan memerlukan jangka masa yang panjang berbanding murid normal. Jamison (2010) pula menyatakan murid BPKMP berumur antara dua hingga empat tahun dapat meningkatkan kemahiran interaksi dan komunikasi berbahasa melalui pembelajaran secara kaedah bermain. Bagi Jamison peningkatan dalam kemahiran komunikasi dapat dibentuk melalui permainan.





Manakala Watson, Patten, Baranek, Poe, Boyd, Freular dan Lorenzi (2011) pula, berdasarkan penilaian yang dilakukan ke atas 72 orang murid austisme dan 44 orang murid bermasalah lewat perkembangan mendapati pola deria respon turut menyumbang kepada interaksi, kebolehan berbahasa dan komunikasi. Dapatan turut menunjukkan faktor ketidakupayaan bukan penghalang atau kekangan dalam membina kemahiran komunikasi. Namun demikian, melalui perbandingan antara kedua-dua jenis permasalahan mendapati murid bermasalah lewat perkembangan menunjukkan penguasaan bahasa atau komunikasi lebih baik berbanding murid bermasalah austisme.

Secara rumusannya dapat dikatakan bahawa komunikasi merupakan elemen penting dalam kehidupan setiap manusia. Secara umumnya komunikasi merupakan alat perhubungan untuk menghubungkan antara manusia dengan menggunakan bunyi atau simbol-simbol yang membawa maksud bagi sesuatu perkara. Kaitan antara kemahiran komunikasi dengan murid BPKMP tidak dapat dinafikan berdasarkan penelitian-penelitian yang pernah dilakukan. Komunikasi juga boleh hadir dalam bentuk lisan, tanpa lisan dan tulisan sebagai medium dalam menyampaikan maklumat.

2.4.2 Komunikasi Lisan

Komunikasi lisan lazim digunakan oleh setiap individu dan merupakan bentuk komunikasi terbesar dari segi penggunaannya oleh manusia. Secara umumnya komunikasi lisan merujuk kepada bentuk komunikasi berdasarkan pertuturan atau suara. Menurut Faisal (2013), komunikasi lisan merujuk kepada komunikasi yang





menggunakan kata-kata, sama ada lisan mahupun tulisan. Abdullah dan Che Rabiaah (2014) menyatakan komunikasi lisan merupakan teras kecemerlangan akademik dan lebih tertumpu pada transformasi pelbagai ilmu dan kemahiran. Komunikasi lisan dikatakan tunjang pendidikan yang bermatlamat untuk perkembangan dan pembangunan insan seperti yang dinyatakan dalam falsafah pendidikan negara.

Melalui kata-kata seseorang individu dapat mengungkapkan perasaan, emosi, pemikiran, gagasan atau maksud, menyampaikan fakta, data dan informasi serta menjelaskannya, saling bertukar perasaan dan pemikiran, saling berdebat dan bertengkar. Menurut Mikoluk (2013) terdapat dua unsur penting dalam komunikasi lisan iaitu bahasa dan kata. Komunikasi lisan merupakan penggunaan kata-kata untuk menyampaikan pesanan atau maklumat. Muhammad Farid Kamarulzaman (2010) menyatakan komunikasi lisan boleh disampaikan dengan cepat dan maklum balas boleh diperoleh dengan segera. Selain itu unsur kejujuran dapat dirasakan melalui komunikasi lisan.

Komunikasi lisan turut mempunyai kelemahan tersendiri dari aspek penuturnya. Jika penghantar atau penuturnya tidak pandai berkomunikasi dengan baik boleh mengakibatkan pesanan atau maklumat tidak dapat disampaikan dengan sempurna. Selain itu komunikasi lisan juga tidak mempunyai rekod simpanan kekal kerana ianya bersifat tidak nyata. Manakala dari aspek fungsi, komunikasi lisan mempunyai kepentingan yang sama dan saling berkait rapat dengan komunikasi tulisan. Menurut Norhuda (2014) dalam kehidupan harian, wujud komunikasi lisan dan diikuti dengan komunikasi tanpa lisan untuk memperkukuhkan sesuatu penyampaian pesanan atau maklumat.





Wern (2011), menyatakan secara umum komunikasi lisan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu perbincangan, ucapan dan perbentangan. Komunikasi berbentuk perbincangan bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mengenal pasti kelemahan yang ada dalam diri. Ucapan pula merupakan proses penyampaian melalui kaedah lisan seperti ceramah, pidato, pembacaan laporan bertulis di hadapan sekumpulan pendengar dan sebagainya. Manakala perbentangan merujuk kepada kaedah komunikasi berdasarkan lima jenis kaedah iaitu *slaid*, *liquid crystal display* (LCD), pita rakaman, telekonferens dan juga grafik. *Slaid* dan LCD adalah melalui paparan skrin sama ada warna hitam atau putih yang dicetak di atas kertas telus. Pita rakaman pula merakam suara tanpa sebarang soal jawab. Grafik pula merujuk kepada penggunaan bentuk termudah seperti carta dalam perbentangan dan juga telekonferens iaitu siaran langsung.



Menurut Mohammad Aziz Shah, Mohammad Nasir, Ahmad Jazimin, Syed Sofian dan Md. Noor (2009), komunikasi lisan adalah satu cara interaksi melalui mulut kepada orang lain dengan menggunakan cara penyebaran yang berbeza. Komunikasi lisan berlaku dalam keadaan apabila bunyi mula keluar dari mulut dan berakhir apabila sebutan berhenti. Ia juga bersifat satu saluran iaitu isyarat lisan atau perkataan datang kepada kita satu demi satu berangkalian. Komunikasi lisan juga berada dibawah pengawasan di mana kita dapat berfikir dan merangka apa yang hendak katakan.

Secara rumusannya dapat dikatakan komunikasi lisan merupakan komunikasi yang lazim digunakan oleh kebanyakan individu. Ciri utama komunikasi lisan adalah menggunakan bunyi-bunyi bahasa seperti kata, bagi menyampaikan sesuatu maklumat





atau pesan. Manakala dari aspek fungsi, tidak terdapat perbezaan antara komunikasi lisan dengan tanpa lisan atau tulisan. Namun jika penuturnya tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran komunikasi dengan baik boleh menjejaskan pesan atau maklumat yang hendak disampaikan. Selain itu komunikasi ini juga dikatakan tidak mempunyai rekod simpanan kekal kerana tidak berbentuk nyata.

2.4.3 Komunikasi Tanpa Lisan

Komunikasi tanpa lisan merupakan komunikasi pilihan atau alternatif bagi individu yang tidak mampu menggunakan komunikasi lisan. Komunikasi tanpa lisan adakalanya turut digunakan secara bersama dengan komunikasi lisan bagi memastikan penyampaian pesan atau maklumat lebih difahami. Terdapat pelbagai jenis dan bentuk komunikasi bukan lisan iaitu dari komunikasi isyarat hinggalah ke mimik muka atau bahasa badan yang turut dikenali sebagai *body language*. Secara umumnya komunikasi tanpa lisan merupakan satu set perbualan berhalatuju dan mempunyai maklumat yang jelas serta perlu dikawal bagi mengelakkan ianya disalah tafsir.

Menurut Adi (2008), komunikasi tanpa lisan merujuk kepada penggunaan pesen-pesan tanpa lisan. Istilah tanpa lisan biasanya digunakan untuk melukiskan semua peristiwa komunikasi di luar kata-kata terucap dan tertulis. Secara teorinya komunikasi tanpa lisan dan lisan dapat dipisahkan, namun dari segi realitinya kedua-dua jenis komunikasi ini saling jalin menjalin dan saling melengkapi dalam komunikasi yang kita lakukan sehari-hari. Muhammad Farid Kamarulzaman (2010), menyatakan kebaikan komunikasi tanpa lisan boleh disampaikan dengan cara atau





kaedah yang bersesuaian dengan bakal penerima dan wujud dalam bentuk rekod tetap serta boleh disimpan lama. Komunikasi jenis ini juga tidak ada had penerimaan seperti akhbar. Namun kelemahan komunikasi ini, ia tidak mempunyai kawalan terhadap pesanan atau maklumat yang dihantar dan tidak boleh menentukan pembacanya. Maklum balas dari komunikasi juga tidak dapat diterima dengan segera. Selain itu dari aspek penerimaan pesanan atau maklumat, penerima mungkin hanya memahami sebahagian mesej yang cuba disampaikan.

Menurut Noor Aini (2010), komunikasi tanpa lisan terbahagi kepada tiga jenis iaitu sistem isyarat, simbol dan gambar. Sistem isyarat merangkumi isyarat tangan seperti Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM), Program Perbendaharaan Kata Makaton dan *cued speech*. Noraza Mazlan (2010) menyatakan KTBM merupakan komunikasi isyarat yang diwujudkan menurut asas-asas dan tatabahasa serta prinsip-prinsip Bahasa Melayu seperti mana didengar, diperbualkan, ditulis, dibaca dan difahami. Jika kod tangan ini diperturunkan ke dalam bahasa tulisan tidak terdapat perbezaan dari aspek struktur dan semantik dalam Bahasa Melayu. Ini bermakna ayat-ayat yang disampaikan oleh pengguna komunikasi isyarat adalah sama dari segi makna yang diucapkan oleh individu yang normal.

Perbendaharaan makaton pula menurut *The Makaton Charity* (2014), merujuk kepada program bahasa yang menggunakan tanda atau simbol untuk membantu individu berkomunikasi. Ia direka bagi menyokong bahasa pertuturan dengan penggunaan tanda-tanda atau simbol yang digunakan ketika berkomunikasi bagi menggantikan perkataan yang hendak diucapkan. Manakala *cued speech* menurut *National Cued Speech Association* (2014), merujuk kepada mod komunikasi visual, di





mana pergerakan mulut bersuara bergabung dengan isyarat bagi menghasilkan bunyi bahasa, namun dari segi bunyi yang dihasilkan adalah kelihatan berbeza. Penggunaan isyarat ini membolehkan individu bermasalah bisu, bermasalah pendengaran yang teruk atau yang mempunyai gangguan bahasa mengekses komunikasi, dan sifat-sifat bahasa pertuturan melalui penggunaan penglihatan.

Menurut Parveen (2014) terdapat tujuh jenis komunikasi tanpa lisan iaitu, (1) *kinesis*, (2) *oculisis*, (3) *proxemics*, (4) *paralanguage*, (5) *chronemics*, (6) *artifacts*, dan (7) *touch* atau *haptics*. *Kinesis* merujuk kepada bahasa tubuh, pergerakan badan, gerak isyarat, postur, ekspresi muka dan pergerakan tangan. *Oculisis* pula merujuk kepada isyarat atau hubungan mata untuk mewujudkan hubungan bagi memberi pertunjuk kepada sesuatu mesej. *Proxemics* merujuk kepada jarak ruang, hubungan intim, keakraban antara manusia, kumpulan atau masyarakat. Manakala *paralanguage* adalah merujuk kepada pic atau nada mesej secara lisan atau suara semasa bercakap. Bagi *chronemics* pula merujuk kepada masa dalam berbicara seperti masa bercakap atau perbuatan yang boleh membawa maksud kepada sesuatu mesej seperti permulaan atau penamat bagi sesuatu ucapan atau peristiwa. *Artifacts* merujuk kepada perkara-perkara yang boleh memberi maksud tertentu. *Touch* atau *haptics* pula merujuk kepada perlakuan sentuhan yang boleh membawa maksud-maksud tertentu.

Min dan Wah (2011) menegaskan keperluan pemahaman tingkah laku dan gaya pembelajaran dalam kalangan murid bermasalah komunikasi. Pengenalpastian ini dapat membantu guru merancang pembelajaran dan menggunakan strategi pampasan atau ganjaran bagi meningkatkan kemahiran komunikasi terutamanya dalam kalangan murid autisme yang tidak mampu berkomunikasi secara lisan. Huang





(2011), turut menyatakan keupayaan guru menguasai komunikasi tanpa lisan dapat meningkatkan kualiti pengajaran. Huang juga menyatakan ahli akademik turut berpandangan hubungan antara guru dan murid turut bertambah baik dan keupayaan mengenali dan kecekapan pembelajaran murid dapat ditingkatkan.

Pan (2014) pula menekankan keperluan guru menguasai komunikasi tanpa lisan terutamanya dalam menjalankan pengajaran bahasa menggunakan komunikasi tanpa lisan. Guru harus memastikan ketepatan penggunaan komunikasi tanpa lisan semasa sesi PdP kerana kesilapan penggunaan komunikasi tanpa lisan boleh mengakibatkan pengaruh buruk kepada pemahaman murid. Tambahan pula bahasa tanpa lisan dipengaruhi oleh budaya dan boleh ditafsirkan secara berbeza oleh individu yang mempunyai budaya yang berbeza. Perhatian yang serius perlu diberikan kerana hakikatnya penggunaan bahasa tanpa lisan boleh meningkatkan kemahiran pengajaran dan mendapatkan hasil pengajaran yang lebih baik serta bermanfaat untuk pengajaran bahasa.

Komunikasi tanpa lisan mempunyai kepentingan tersendiri seperti mana komunikasi lain kerana ia mampu menjadi pilihan atau alternatif kepada individu bermasalah komunikasi secara lisan. Komunikasi tanpa lisan adakalanya digunakan secara langsung tanpa disedari seperti mimik muka yang diinterpretasikan bersama ketika pengucapan. Guru juga perlu menguasai komunikasi tanpa lisan kerana komunikasi ini mempunyai pengaruh yang besar dalam PdP di samping memastikan penggunaannya dengan betul kerana pemahaman atau interpretasi sesuatu maksud komunikasi tanpa lisan dipengaruhi oleh faktor budaya dan persekitaran.





2.4.4 Komunikasi Tulisan

Tulisan juga merupakan komunikasi yang penting serta banyak digunakan dalam kalangan manusia. Komunikasi ini tergolong dalam kategori komunikasi lisan dan tanpa lisan. Komunikasi tulisan telah berkembang dari masa ke semasa sejajar dengan peradaban manusia. Secara umumnya komunikasi tulisan atau bertulis merujuk kepada penyampaian maklumat yang rumit seperti statistik atau data yang sukar disampaikan melalui ucapan. Komunikasi jenis ini memerlukan maklumat yang ingin dicapai atau disampaikan perlu dicatat supaya boleh dirujuk pada masa hadapan. Komunikasi ini juga memerlukan perancangan dan perlu berhati-hati untuk memastikan maklumat yang ingin disampaikan tepat, jelas dan ringkas.



Menurut Adrian (2014), komunikasi tulisan adalah proses penyampaian pesan komunikasi dengan menggunakan kata-kata dalam bentuk tulisan yang memiliki makna-makna tertentu. Komunikasi ini merangkumi antara komunikasi lisan dan komunikasi tanpa lisan. Komunikasi tulisan mula dikesan sejak zaman prasejarah dengan menggunakan bahan seperti tanah liat, kayu yang dipahat, batu yang diukir dan logam yang dicetak. Orang *Sumerians* menggunakan tanah liat untuk membuat huruf. Manakala menurut Snijder (2009), zaman *postprimitif* dimulakan sejak tulisan ditemui. Penemuan tulisan membuka zaman baharu dalam sejarah manusia dan menjadikan manusia sebagai makhluk menulis dan membaca.

Menurut Yenita (2012) terdapat dua peringkat perkembangan komunikasi tulisan iaitu bermula dengan interaksi melalui gambar dan lambang-lambang. Pada peringkat kedua perkembangan komunikasi, manusia telah memiliki kecekapan





berkomunikasi secara lisan. Kewujudan komunikasi tulisan mula dikenal pasti sekitar 4000 tahun sebelum masihi (SM) di Sumeria dan Mesopotania dengan penemuan bentuk tulisan pada kulit-kulit binatang dan arca batu. Antara jenis-jenis bentuk tulisan atau huruf peringkat awal ialah seperti huruf Mesir kuno sekitar 3000SM, huruf *Phunesia* 1800SM, huruf Yunani Kuno 1000SM dan huruf latin sekitar 600SM.

Muhammad Rizki (2011), menyatakan komunikasi tulisan dilaksanakan dalam bentuk surat dan digunakan untuk menyampai berita yang bersifat singkat dan jelas. Sigit, Nila dan Pramudita (2007), menyatakan komunikasi tulisan merupakan komunikasi antara manusia dengan menggunakan perantaraan tulisan. Komunikasi tulisan dilakukan bila mana komunikasi secara lisan tidak dapat digunakan. Azizah (2013), turut menyatakan komunikasi tulisan adalah komunikasi yang dilakukan dengan perantaraan tulisan tanpa adanya pembicaraan secara langsung dengan menggunakan bahasa yang singkat, jelas dan dapat difahami oleh penerima.

Komunikasi tulisan telah wujud sejak zaman awal ketamadunan manusia. Bentuk dan jenis komunikasi tulisan telah berkembang dari masa ke semasa hinggalah bentuk tulisan yang digunakan pada masa kini. Peranan dan fungsi komunikasi tulisan sama penting seperti mana komunikasi lisan dan komunikasi tanpa lisan bagi menyampaikan maklumat dan hasrat. Perbezaan komunikasi ini adalah dari aspek kaedah penyampaian komunikasi, manakala dari segi sifat komunikasi ini dapat direkodkan sebagai bahan komunikasi atau pernyataan bagi rujukan pada masa hadapan.





2.5 Komunikasi Augmentatif dan Alternatif

Komunikasi augmentatif dan alternatif (AAC) lazimnya dikaitkan dengan pengajaran bagi individu yang mempunyai masalah dalam penguasaan bahasa atau komunikasi. Komunikasi ini sebenarnya, bukan satu bentuk komunikasi baharu dalam bidang komunikasi kerana ia telah lama dan banyak digunakan terutamanya di Barat bagi pengajaran terhadap murid yang mempunyai masalah komunikasi lisan. Penguasaan atau pembelajaran komunikasi ini secara langsung dapat menerapkan kemahiran komunikasi alternatif bagi menangani ketidakupayaan murid menguasai komunikasi lisan. Keupayaan murid berkomunikasi amat penting bagi membolehkan mereka menyampaikan hasrat dan maksud serta membina interaksi.



2.5.1 Definisi dan Konsep Kaedah AAC

Komunikasi augmentatif dan alternatif merupakan salah satu cabang komunikasi yang berfungsi sebagai komunikasi bagi menggantikan komunikasi biasa atau lisan yang tidak dapat dikuasai oleh seseorang individu atau murid. Pemahaman dan penelitian berkenaan konsep kaedah AAC wajar diberi perhatian agar permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat ditangani dengan baik.

Menurut Vanderheiden (2002), istilah augmentatif merujuk kepada sistem komunikasi bukan pertuturan yang digunakan oleh murid untuk menambah ucapan atau bahasa mereka. Kebiasaan murid berkomunikasi menggunakan komunikasi secara lisan, namun jika tidak berjaya murid beralih kepada sistem komunikasi mereka





tersendiri. Manakala istilah alternatif merujuk kepada alatan bagi menjalankan komunikasi tersebut. *Prentke Romich Company (PRC)* (2014), menyatakan AAC merujuk kepada istilah yang digunakan untuk menggambarkan pelbagai kaedah komunikasi yang digunakan bagi membantu individu yang tidak dapat menggunakan ucapan lisan untuk berkomunikasi. Komunikasi ini dapat memberi manfaat yang pelbagai kepada individu dari aspek hubungan yang lebih baik dan mampu menjana mesej tersendiri.

Segafoos, Schlosser dan Sutherland (2010), mendefinisikan AAC sebagai satu bidang penyelidikan dan pengkhususan klinikal dalam prospek yang lebih luas tidak hanya pada patologi bahasa dan ucapan. AAC juga bukan hanya merujuk kepada pelbagai jenis mod komunikasi bukan ucapan atau sistem komunikasi, tetapi ianya juga merujuk kepada pelbagai jenis strategi atau kaedah dan penggabungan atau penyesuaian bagi membolehkan sesuatu komunikasi itu lebih berkesan dengan menggunakan simbol-simbol atau menggunakan alat bantuan.

Beukelman dan Mirenda (2013), menyatakan AAC adalah sebahagian daripada perkhidmatan rehabilitasi dan habilitasi serta teknologi reka bentuk. Rehabilitasi merujuk kepada strategi kaedah menangani dan teknologi bagi membantu seseorang yang mempunyai ketidakupayaan memperoleh semula keupayaannya. Manakala habilitasi merujuk kepada strategi kaedah menangani dan teknologi untuk membantu seseorang membangunkan keupayaan buat pertama kali. Menurut Abdullah dan Che Rabiaah (2014), AAC adalah sejenis komunikasi yang merujuk kepada satu bentuk bantuan komunikasi kepada mereka yang tidak boleh berkomunikasi melalui pertuturan. Komunikasi AAC boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti bunyian





melalui mulut (bukan pertuturan), bahasa badan, isyarat, simbol, bunyi perkataan yang diubahsuai dan sebarang bantuan komunikasi berasaskan komputer.

Bentuk-bentuk komunikasi tersebut bertujuan membantu murid mendapat kefahaman semasa berinteraksi. Komunikasi AAC merupakan salah satu bentuk komunikasi alternatif yang wujud dalam pelbagai bentuk dan sifat. Ia dapat dikatakan sebagai kaedah menangani ketidakupayaan dari aspek komunikasi dengan menggunakan selain daripada bahasa biasa atau teknologi komunikasi. Komunikasi ini bertujuan untuk membantu seseorang individu menguasainya semula atau menerapkan sesuatu jenis komunikasi baharu kepada seseorang individu. Kepelbagaian jenis dan bentuk AAC membolehkan seseorang individu mampu berkomunikasi walaupun tidak menggunakan komunikasi biasa.



2.5.2 Bentuk dan Jenis Kaedah AAC

Komunikasi augmentatif dan alternatif wujud dalam pelbagai bentuk dan sifat serta berperanan untuk menangani ketidakupayaan dari aspek bahasa atau komunikasi. Diarani dan Zuraini (2011), menyatakan apabila kita membicarakan tentang golongan istimewa, kita merujuk kepada beberapa kategori orang bermasalah komunikasi lisan selain permasalahan pekak seperti buta, autisme dan sindrom Down. Golongan istimewa ini hanya bermasalah dari aspek komunikasi, oleh itu antara komunikasi alternatif yang sesuai digunakan adalah seperti bahasa badan, isyarat, gambar dan alatan lain seperti bunyi, cahaya, komputer bersuara atau klip video pendek.





Selain itu individu yang terlibat secara langsung dengan pendidikan komunikasi bagi golongan ini perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam kaedah komunikasi dan penjagaan terutamanya sikap sabar. *Prentke Romich Company (PRC)* (2014), menyatakan AAC terdapat dalam dua bentuk atau sistem iaitu tanpa bantuan dan dengan bantuan. Sistem tanpa bantuan merujuk kepada tanda dan gerak isyarat tanpa memerlukan bahan-bahan khas atau peralatan. Manakala sistem bantuan merujuk kepada penggunaan carta gambar, buku-buku atau sistem komputer yang khas. Kaedah komunikasi ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk bantuan teknologi yang pelbagai dari aras yang tinggi hingga aras strategi berteknologi rendah.

International Society for Augmentative and Alternative Communication

(2014), menyatakan komunikasi ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti ucapan, pandangan yang dikongsi bersama, teks, gerak isyarat, ekspresi muka, sentuhan, isyarat, simbol, gambar, alat-alat yang menjana bunyi perkataan dan lain-lain. Setiap orang boleh menggunakan pelbagai jenis atau bentuk komunikasi berdasarkan konteks keperluan dan penerima komunikasi. Komunikasi berkesan dapat berlaku apabila maksud yang cuba disampaikan difahami oleh individu yang lain. Jenis atau kaedah yang digunakan bukan satu elemen yang penting berbanding kejayaan memahami pesanan atau maklumat yang disampaikan.

Johnston, McDonnell, Nelson dan Magnavito (2003), menyatakan AAC termasuk dalam mod pemandangan tanpa bantuan komunikasi yang bergantung sepenuhnya pada bahasa badan pengguna untuk menyampaikan mesej seperti isyarat, atau sistem dan ekspresi wajah. Komunikasi ini juga termasuk dalam mod alat bantuan komunikasi yang memerlukan penggunaan bahan-bahan berteknologi rendah hingga





berteknologi tinggi seperti komputer riba bagi memastikan ia dapat digunakan dengan berkesan, penerangan atau pendedahan perlu dilakukan terutamanya dalam kalangan guru atau pengajar.

Menurut Ahmad, Anik, Munce, dan Yulian (2009), terdapat tiga komponen utama AAC iaitu teknik komunikasi, sistem simbol dan keupayaan berkomunikasi. Teknik komunikasi merujuk kepada sifat berkomunikasi sama ada dengan menggunakan bahan bantuan seperti alat elektronik atau apa-apa bahan yang digunakan untuk berkomunikasi. Manakala tanpa bantuan merujuk kepada cara berkomunikasi tanpa menggunakan bahan bantuan seperti isyarat, *gesture* atau mimik muka. Sistem simbol pula merujuk kepada cara atau kaedah berkomunikasi berdasarkan simbol yang dibuat dari benda asli, berbentuk gambar dan simbol abstrak.



Antara contoh sistem simbol ialah seperti *picture communication symbols*, *picsyms*, *sigsymbols*, *blissymbols*, *rebus* dan *non-slip*. Komponen berkomunikasi merujuk kepada prosedur dan alat bantu komunikasi bagi menyediakan peluang untuk individu yang tidak mampu berkomunikasi secara lisan untuk berkomunikasi dengan individu lain.

Zaleha (2010), pula menyatakan AAC merujuk kepada satu sistem multimodal yang mengandungi tiga komponen iaitu teknik komunikasi, sistem simbol dan kemahiran komunikasi yang boleh dimanfaatkan dalam pelbagai kombinasi untuk meningkatkan komunikasi. Terdapat lima elemen perlu diberi perhatian iaitu, (1) penilaian awal termasuk inventori ekologi dan penilaian murid, (2) penyediaan matlamat bagi tujuan meningkat keupayaan murid untuk melibatkan diri dalam semua persekitaran, (3) pemilihan mod komunikasi iaitu sama ada dengan bantuan atau tanpa





bantuan ataupun gabungan, (4) pemilihan sistem simbol iaitu *gesture* ataupun grafik, dan (5) pemilihan kaedah untuk meningkatkan komunikasi.

Novita Children's Services (2011), pula menyatakan terdapat lapan cara atau kaedah dalam menjalankan pengajaran berasaskan AAC. Kaedah berkenaan ialah, (1) tanda merujuk kepada sistem komunikasi visual dan isyarat yang digunakan secara bersuara atau tanpa bersuara, (2) simbol objek merujuk kepada penggambaran sesuatu objek bagi mewakili sesuatu maksud atau perbuatan, (3) gambar, lukisan dan simbol merujuk kepada penggunaan gambar, lukisan atau simbol bagi mewakili perkataan dengan cara visual seperti kad gambar rajah, dan (4) papan komunikasi iaitu merujuk kepada set gambar, lukisan, simbol atau kata-kata yang digunakan oleh individu untuk berkomunikasi.



Manakala (5) buku komunikasi *Pragmatic Organisation Dynamic Display* (PODD) yang merujuk kepada cara memilih dan menyusun simbol bagi memudahkan komunikasi, (6) buku sembang iaitu merujuk kepada buku-buku kecil seperti album foto yang mengandungi gambar, simbol, perkataan dan maklumat berkenaan seseorang, (7) alat menjana bunyi perkataan iaitu merujuk kepada satu bahan yang mempunyai gambar rajah dan mengeluarkan bunyi perkataan, dan (8) kaedah ejaan yang merujuk kepada papan abjad untuk mengeja perkataan.

Rozila Sumardi (2014), turut menyatakan AAC diperlukan oleh individu yang tidak boleh menggunakan pertuturan untuk berkomunikasi secara efektif dalam situasi kehidupan. Individu tersebut kebiasaannya terdiri daripada kanak-kanak atau orang dewasa yang mempunyai masalah fungsi bahasa, pertuturan dan komunikasi. Masalah






ketidakupayaan berkomunikasi boleh berpunca dari faktor-faktor seperti autisme, sindrom Down, *cerebral palsy*, kelainan upaya mental, kecederaan otak atau strok. Pemilihan dan penggunaan kaedah AAC dipengaruhi oleh tujuh faktor iaitu berdasarkan (1) keupayaan fizikal, (2) tahap kemahiran bahasa, (3) pertuturan dan komunikasi, (4) tahap kemahiran kognitif, (5) status sosioekonomi, (6) kemudahan akses mendapatkan AAC, dan (7) motivasi individu dan keluarga untuk menggunakan kaedah AAC.

Rajah 2.2 menerangkan secara umum bentuk dan jenis kaedah AAC berdasarkan definisi dan konsep yang dinyatakan. Komunikasi ini mempunyai tiga komponen utama iaitu kemahiran komunikasi, sistem simbol dan teknik komunikasi. Berdasarkan teknik komunikasi, terdapat dua bentuk iaitu dengan bantuan dan tanpa bantuan. Teknik komunikasi dengan bantuan adalah seperti menggunakan papan komunikasi, alat pertuturan sintetik berkomputer ataupun menggunakan carta. Manakala bagi teknik tanpa bantuan merujuk kepada kaedah pertuturan, kaedah sistem simbol, kaedah komunikasi isyarat dan kaedah mimik muka atau *body language*.

Kaedah sistem simbol merujuk kepada tiga jenis sistem simbol iaitu berdasarkan benda sebenar, gambar dan simbol abstrak. Terdapat empat jenis simbol abstrak antaranya seperti perwakilan gambar, ideograf, simbol arbitari dan *lecigrams*. Dalam konteks kajian ini, kaedah yang digunakan bagi pengajaran perkataan berfungsi terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah berdasarkan kaedah komunikasi isyarat. Komunikasi ini mempunyai pola yang sesuai dengan cirinya dan mengutamakan penyampaian dan penerimaan makna. Oleh yang demikian dapat dirumuskan kaedah ACC merujuk kepada pelbagai jenis komunikasi alternatif yang



lazim digunakan terhadap individu bermasalah komunikasi lisan. Berdasarkan peranan, fungsi dan bentuk kaedah AAC ianya sesuai diterapkan sebagai bahasa komunikasi alternatif bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penerapan komunikasi alternatif mampu membantu murid membina atau menjalinkan hubungan interaksi dengan individu dalam persekitaran mereka.



Rajah 2.2. Cabang dan Bentuk Jenis Kaedah AAC



2.6 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Penumpuan dan penelitian terhadap permasalahan murid BPKMP di Malaysia telah mula giat diberi perhatian sekitar tahun 1980 an. Di sebalik ketidakupayaan murid BPKMP, mereka juga mempunyai potensi-potensi tersendiri. Kefahaman guru berkenaan permasalahan yang dihadapi merupakan kunci utama ke arah kejayaan sesuatu program pendidikan bagi murid BPKMP. Secara tidak langsung juga kewujudan murid merupakan satu cabaran yang besar kepada guru kerana permasalahan wujud dalam pelbagai bentuk, sifat dan ragam.

2.6.1 Definisi dan Ciri Murid BPKMP



Permasalahan dalam kalangan murid BPKMP merupakan isu yang unik kerana wujud dalam pelbagai bentuk. Kefahaman guru terhadap murid BPKMP merupakan sesuatu perkara penting bagi memastikan intervensi atau pengajaran yang dijalankan sesuai dengan keperluan dan ketidakupayaan yang dimiliki. Menurut *National Joint Committee on Learning Disabilities* (1990), murid BPKMP ditakrifkan sebagai satu kumpulan masalah yang pelbagai seperti mendengar, bertutur, membaca, menulis, membuat keputusan atau menyelesaikan masalah matematik. Masalah ini berpunca daripada ketidakfungsian sistem saraf pusat tanpa mengira tahap umur. Ketidakupayaan tingkah laku, persepsi dan interaksi boleh wujud secara bersama dengan masalah pembelajaran tetapi tidak semestinya menyebabkan kepada berlakunya masalah pembelajaran.





Masalah pembelajaran juga mungkin wujud seiring dengan ketidakupayaan lain seperti masalah sensori, kerencatan mental atau gangguan emosi. *Individual with Disabilities Education Act* (1997), mendefinisikan masalah pembelajaran sebagai masalah dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi melibatkan pemahaman atau penguasaan bahasa sama ada pertuturan atau penulisan yang mengakibatkan kebolehan mendengar, berfikir, bertutur dan membaca tidak sempurna. Ini tidak termasuk murid yang bermasalah akibat daripada ketidakupayaan penglihatan, pendengaran dan motor, kerencatan akal, gangguan emosi atau kekurangan persekitaran, budaya atau ekonomi.

Menurut Stephen, Declan dan Mary (2008), murid BPKMP mungkin mempunyai masalah terutamanya dalam menjalankan tugas lapangan. Antara masalah yang wujud kesan dari ketidakupayaan yang dimiliki adalah seperti mengkodkan atau mengambil nota atau maklumat yang lengkap, tugas yang melibatkan pelbagai deria seperti mendengar, memerhati, rakaman dan membaca, tugas yang memerlukan kepantasan menulis dan membaca, mengurus masa, kelancaran dan kefahaman membaca, kesukaran persepsi visual terhadap bahan terutama dalam bentuk hitam putih, kerja berkumpulan, merekod data atau membuat pengiraan matematik.

Aminah (2011), menyatakan terdapat empat jenis kategori BPKMP seperti mana mengikut Akta Orang Kurang Upaya (2008), iaitu lewat perkembangan atau *global developmental delay* bagi kanak-kanak yang berumur bawah empat tahun, sindrom Down, autisme, masalah intelek dan masalah pembelajaran spesifik seperti disleksia dan diskalkulia. Manakala Razhiyah (2006), menyatakan terdapat tujuh jenis





masalah pembelajaran iaitu, (1) masalah pertuturan dan pendengaran, (2) masalah membaca, (3) masalah menulis, (4) masalah matematik, (5) kemahiran organisasi kerja dan urus diri, (6) kemahiran sosial, dan (7) masalah motor. Shamsuddin (2011) menyatakan murid BPKMP merupakan murid yang dikenal pasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal mengalami kecacatan yang mengganggu proses pembelajaran. Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsi murid dalam kebolehan kognitif, tingkah laku sosial atau perkembangan sosial, penguasaan bahasa lisan atau pertuturan, penguasaan membaca, kemahiran perkembangan dan kemahiran matematik.

Jamila (2005), pula menyatakan masalah pembelajaran adalah kategori yang rencam dengan pelbagai jenis kecacatan termasuk terencat akal, sindrom Down, autisme, *cerebral palsy*, masalah dalam komunikasi dan perkembangan bahasa, bermasalah emosi dan tingkah laku, kecacatan anggota, hiperaktif, hipoaktif, keupayaan mental yang rendah dan pintar cerdas. Kesan dari permasalahan ini murid BPKMP menghadapi kesulitan dalam berinteraksi dengan persekitaran iaitu situasi yang menghalang keupayaan belajar dan pembentukan pemahaman dunia sekitar mereka. Kesulitan ini bukan sahaja akibat perkembangan yang lewat tetapi juga berkaitan dengan kecacatan yang kompleks dari segi psikiatri, neurologi, psikologi dan fisiologi yang memberi kesan ke atas fungsi seseorang manusia.

Murid BPKMP dapat dikatakan sebagai individu yang mempunyai sesuatu ketidakupayaan sama ada dari aspek mental atau fizikal. Ketidakupayaan ini berpunca dari ketidakfungsi sistem saraf pusat dan boleh berlaku tanpa mengira tahap umur. Permasalahan dalam kalangan murid boleh wujud sama ada secara tunggal atau





bersama dengan ketidakupayaan yang lain. Ketidakupayaan ini mengganggu proses pembelajaran bagi seseorang murid dan memerlukan pendekatan atau kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan ketidakupayaan yang dimiliki. Permasalahan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsiannya murid dan kebolehan murid seperti kebolehan kognitif, tingkah laku sosial atau perkembangan sosial, penguasaan bahasa lisan atau pertuturan, penguasaan membaca, kemahiran perkembangan dan kemahiran matematik.

2.6.2 Jenis dan Permasalahan Murid BPKMP

Murid BPKMP seperti mana yang telah dinyatakan wujud dalam pelbagai bentuk, sifat dan ragam. Kefahaman guru berkenaan permasalahan ini penting bagi memastikan murid mendapat pendidikan sewajarnya bersesuaian dengan ketidakupayaan yang dimiliki. Kefahaman terhadap kepelbagaian jenis permasalahan juga bagi memastikan intervensi atau kaedah menangani dapat dijalankan dengan baik serta memberi kesan atau implikasi seperti mana yang dihendaki.

Menurut Shamsuddin (2011), murid bermasalah pembelajaran mempunyai ciri-ciri fizikal seperti keupayaan mental yang rendah dan lebih kecil disebabkan faktor-faktor organik berbanding dengan murid yang biasa. Dari segi intelek memperlihatkan kelewatan dalam perkembangan kematangan dan fungsi-fungsi intelek tertentu yang diperlukan dalam perkembangan seperti rendah daya ingatan, bermasalah dalam pengamatan, konsep dan kebolehan berbentuk kreatif. Murid BPKMP juga bermasalah dalam kesediaan belajar dan keupayaan menerima pelajaran.





Manakala dari aspek sosial dan peribadi, murid jenis ini mudah kecewa kerana kegagalan yang berulang, nilai dan sikap mereka juga tidak selaras dengan tingkah laku murid biasa.

Menurut Candace, Cortiella dan Horowitz (2014), masalah pembelajaran wujud disebabkan perbezaan atau masalah perkembangan neurologi dalam struktur dan fungsi otak dan memberi kesan kepada keupayaan seseorang untuk menerima, menyimpan, memproses, mengingat, menyampaikan maklumat, berkomunikasi atau berinteraksi. Secara umumnya terdapat lapan jenis masalah pembelajaran iaitu, (1) *dyslexia*, (2) *dyscalculia*, (3) *dysgraphia*, (4) *auditory processing deficit*, (5) *visual processing deficit*, (6) *non-verbal learning disabilities*, (7) *executive functioning deficits*, dan (8) *attention deficit/hyperactivity disorder*.



Permasalahan dalam kalangan murid BPKMP telah lama mendapat perhatian dunia pendidikan dan banyak penelitian dan penyelidikan dilakukan bagi menerokai permasalahan ini. King, Hengst dan DeThorne (2013), dalam penelitian mereka ke atas peranan alat menjana bunyi perkataan terhadap tiga orang murid BPKMP teruk mendapati berlaku peningkatan dari segi ucapan atau perkataan yang boleh dikuasai oleh murid. Penyelidik menyarankan agar mengintegrasikan pelbagai mod kaedah AAC dengan kaedah konvensional bagi menyokong atau meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam kalangan murid BPKMP teruk.

Mehwish, Muhammad Imran dan Muhammad Imran (2012) pula, meneliti aspek masalah ejaan dalam kalangan murid BPKMP. Permasalahan ejaan lazimnya disebabkan oleh kekurangan dari aspek penerimaan, mengingat dan mengintegrasikan





simbol bunyi. Hasil dari penelitian penyelidik menyarankan penggunaan strategi ejaan yang berbeza bagi meningkatkan penguasaan ejaan dengan betul. Dapatan menunjukkan murid BPKMP memerlukan perhatian tambahan dalam pembelajaran. Ibu bapa serta guru serta perlu sentiasa bekerjasama dan memberi masa serta perhatian khusus bagi menangani permasalahan ini.

Fey, Yoder, Warren dan Bredin-Oja (2013), meneliti dari aspek jangka masa bagi sesuatu tempoh pembelajaran komunikasi. Penelitian ini melibatkan 64 orang murid bermasalah intelektual dan bermasalah lewat pertuturan. Dapatan menunjukkan faktor jangka masa pembelajaran kurang mempengaruhi pencapaian murid kerana lebih dipengaruhi oleh faktor bahan pembelajaran. Ini bermakna jika murid berminat atau menyukai sesuatu permainan atau bahan pembelajaran dapat meningkatkan prestasi. Selain itu guru perlu menentukan jangka masa atau waktu penggunaan sesuatu bahan yang bersesuaian bagi memberi kesan yang lebih optimum.

Yim, Mohd Hanafi dan Mohd Mokhtar (2012) pula meneliti dari aspek keupayaan genggam pensil bagi meningkatkan kemahiran menulis. Sebanyak 225 orang peserta dari tujuh buah sekolah di Daerah Klang terlibat dalam penelitian ini. Dapatan menunjukkan murid bermasalah spesifik memperoleh peratusan tertinggi dalam menguasai ketiga-tiga peringkat genggam pensel. Berdasarkan dapatan ini, dicadangkan agar guru lebih memberi tumpuan dan fokus kepada cara menggenggam pensel semasa menulis. Selain itu ahli terapi disarankan merancang intervensi yang lebih berkesan bagi murid.





Murid BPKMP juga dapat dikatakan mempunyai ciri-ciri ketidakupayaan yang tersendiri. Ketidakupayaan yang pelbagai dalam kalangan murid BPKMP merupakan cabaran kepada guru dalam memastikan setiap murid mendapat pendidikan yang sewajarnya. Banyak penelitian dijalankan bagi menilai permasalahan meliputi pelbagai aspek, bertujuan memastikan murid BPKMP mendapat pendidikan yang bersesuaian dengan ketidakupayaan yang dimiliki.

2.7 Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan salah satu jenis masalah yang wujud dalam kalangan murid BPKMP. Lazimnya permasalahan ini tidak bersifat tunggal dan wujud secara bersama dengan ketidakupayaan lain. Ini bermakna ketidakupayaan berkomunikasi dalam kalangan murid BPKMP adalah kesan sama ada secara atau tidak langsung dari ketidakupayaan utama yang dihadapi oleh murid. Kewujudan bersama ini menjadikan murid BPKMP mempunyai ketidakupayaan pelbagai.

2.7.1 Definisi dan Ciri Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan seperti mana yang telah dinyatakan wujud dalam persekitaran murid BPKMP. Permasalahan ini perlu diberi perhatian dalam memastikan semua murid berhak mendapat pendidikan sewajarnya dan bersesuaian dengan ketidakupayaan. Pemahaman dari aspek definisi dan ciri





adalah penting bagi memastikan permasalahan ini difahami dan membolehkan intervensi yang bersesuaian dilaksanakan oleh guru pendidikan khas (GPK) masalah pembelajaran.

Menurut Hahn (2004), tidak terdapat definisi khusus bagi mentakrifkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dalam kalangan ahli akademik mentakrifkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan sebagai murid BPKMP yang mempunyai masalah dalam fungsi utama bahasa. Permasalahan fungsi bahasa boleh wujud disebabkan kerencatan perkembangan otak atau fungsi otak. Berdasarkan penelitian oleh Hahn mendapati kebanyakan murid yang dikaji mempunyai masalah komunikasi lisan disebabkan masalah ketidakupayaan perkembangan neurologi yang berpunca dari faktor-faktor yang tidak diketahui seperti permasalahan dalam genetik atau disebabkan oleh faktor persekitaran. Butcher (2009) pula mendefinisikan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan sebagai satu sindrom masalah dalam ketidakupayaan persepsi sosial, kemahiran *visual-spatial*, mengkoordinasi kemahiran motor dan bermasalah kebolehan matematik.

Manakala *McMaster Children's Hospital* (2004), menyatakan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai kesukaran dalam menerima dan memahami perbualan tanpa kata-kata melalui ekspresi muka, bahasa tubuh badan dan nada suara daripada orang lain. Kesan dari itu mengakibatkan murid bermasalah dalam memahami komunikasi dan menyampaikan emosi. Murid BPKMP tanpa komunikasi lisan juga turut mempunyai kesukaran untuk membina kemahiran sosial. Murid BPKMP tanpa komunikasi lisan juga didapati tidak dapat memahami isyarat tanpa lisan dan mungkin hanya memahami hanya maksud dasar sesuatu perkataan. Ini





bermakna murid hanya mampu memahami dasar perkataan namun tidak dapat memahami maksud-maksud yang tersirat tentang apa yang disampaikan kepada mereka. Kerana itu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dikatakan sukar untuk memahami jenaka atau sindiran.

Little (1999) pula menyenaraikan ciri-ciri ketidakupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dari aspek *social*, *academic*, *visual-spatial*, *motor* dan *emotional* (SAVME). *Social* merujuk kepada ketidakupayaan untuk memahami komunikasi tanpa lisan dan ketidakupayaan yang ketara dalam penilaian sosial serta interaksi. *Academic* merujuk kepada ketidakupayaan dalam matematik, memahami pembacaan, bermasalah menulis, mengorganisasi atau mengatur, menyelesaikan masalah dan banyak memberi alasan atau sebab. Namun disamping ketidakupayaan ini, murid mempunyai kekuatan lisan, memberi perhatian pendengaran dan kekuatan memori. Ketidakupayaan *visual-spatial* pula merujuk kepada masalah dalam mentafsir imej, menggambarkan semula, bermasalah dalam mentafsir dan menilai hubungan ruang atau bermasalah ruang. *Motor* pula merujuk kepada ketidakupayaan dalam menyelaraskan koordinasi, mengimbang dan kesukaran dalam motor halus. Manakala yang terakhir adalah ketidakupayaan dari aspek *emotional* di mana murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dikatakan mempunyai masalah *tantrum* yang kerap.

Permasalahan *tantrum* secara umum merujuk kepada interpretasi atau tindak balas yang bersifat memberontak. Menurut Rozieta (2012) *tantrum* bermaksud kemarahan secara tiba-tiba apabila kehendak mereka tidak dicapai. Permasalahan *tantrum* boleh mencapai peringkat lebih teruk yang dikenali sebagai *temper tantrum*. *Temper tantrum* adalah suatu luapan emosi yang meledak-ledak sehingga hilang





kawalan diri. *Temper tantrum* sering muncul pada usia kanak-kanak berumur 15 bulan hingga enam tahun. *Tantrum* juga biasanya terjadi pada kanak-kanak bermasalah *hyperactive* dan juga lebih mudah terjadi pada kanak-kanak yang bermasalah dari segi tidak cukup tidur, bermasalah dalam permakanan dan pembuangan najis tidak teratur, kekok dengan situasi baharu atau orang yang tidak dikenali, lambat beradaptasi terhadap perubahan, emosi yang tidak tenteram dan sering bersifat negatif, mudah marah dan mudah menangis serta bermasalah dalam mengalihkan perhatiannya. *Tantrum* adalah manifestasi dalam bentuk tingkah laku dan sukar ditenangkan serta mudah terharu dengan sesuatu keadaan. Murid bermasalah *tantrum* juga sering merasa bimbang dengan sesuatu keadaan atau tempat yang baharu atau perubahan dalam rutin harian. Selain itu mereka mudah terdedah dengan kemurungan dan perasan bimbang yang lebih lama.



Menurut Lyness (2015), terdapat tujuh langkah atau kaedah bagi mengelakkan masalah *tantrum* dalam kalangan murid atau kanak-kanak iaitu (1) memberi ganjaran ke atas perlakuan, (2) memberi peluang untuk mengawal perkara-perkara kecil, (3) mengurangkan limitasi atau batasan, (4) menarik perhatian terhadap benda-benda baharu agar tidak merasa bosan, (5) membantu bagi menguasai kemahiran baharu, (6) mempertimbangkan permintaan atas sesuatu perkara yang dikehendaki, dan (7) mengetahui batas keupayaan murid atau kanak-kanak.

Sterland (2013), pula menyenaraikan 23 cara untuk menangani dan berkomunikasi dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Antara cara-cara menangani dari 23 cara yang dikemukakan ialah, (1) meletakkan diri sebagai murid yang tidak mampu untuk menyampaikan maksud melalui pertuturan, (2) memahami





setiap perbuatan yang dilakukan oleh murid mempunyai maksud-maksud tersendiri, (3) menggunakan pelbagai pendekatan seperti muzik, tarian dan lukisan atau penggunaan patung boneka melalui nyanyian bagi menjadi latihan interaksi atau komunikasi agar membolehkan murid terutamanya autisme menyampaikan atau meluahkan perasaan, dan (4) penggunaan *flash card* atau gambar rajah yang mewakili sesuatu maksud perkataan sebagai bahan alternatif menyampaikan maksud.

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat dikatakan berpunca dari kerencatan perkembangan neurologi hingga menjejaskan perkembangan sistem bahasa. Kerencatan perkembangan neurologi boleh disebabkan genetik atau faktor persekitaran. Disebabkan ketidakupayaan murid berkomunikasi secara lisan menyebabkan murid mempunyai masalah untuk membina interaksi antara murid dengan individu dalam persekitaran mereka. Banyak ciri-ciri ketidakupayaan bagi seseorang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan yang boleh dikenal pasti dan adakalanya ciri-ciri berkenaan tidak sama antara murid. Terdapat banyak cara dan kaedah boleh dilakukan bagi menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dalam usaha menerapkan kemahiran komunikasi alternatif bagi membantu murid untuk berkomunikasi atau menjalinkan interaksi dengan individu dalam persekitaran mereka.

2.7.2 Permasalahan Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan boleh dikatakan sebagai unik kerana masalah ini wujud kesan dari sesuatu ketidakupayaan yang dihadapi oleh





murid. Secara umumnya permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah dari aspek ketidakupayaan mereka berkomunikasi secara lisan dan akhirnya mengakibatkan mereka sukar untuk mengikuti sesi pembelajaran serta berkomunikasi.

Permasalahan berkenaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan telah lama mendapat perhatian dan penelitian para pengkaji dalam bidang pendidikan. Feiler dan Watson (2010) dalam penelitian mereka mendapati murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai kesukaran untuk memahami ilmu baharu atau memahami aspek teori dalam kurikulum. Hasil dari penelitian menunjukkan guru perlu menekankan tentang keperluan jadual PdP yang lebih fleksibel bagi membolehkan guru merancang pengajaran mengikut keupayaan murid. Pembantu Pengurus Murid (PPM) juga berperanan membantu murid untuk lebih mudah berkomunikasi. Landwher (2008)

pula menilai fungsi penilaian *Weschler* atau *Wechsler Intelligence Scale for Children* (WISC) dalam mengdiagnosis murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Sebanyak 46 orang murid telah diuji menggunakan penilaian tersebut dan hasil dari penelitian mendapati murid mempunyai kesukaran dalam pembacaan dan lebih cenderung untuk bergantung kepada pemberi maklumat seperti guru. Dapatan juga menunjukkan murid mempunyai masalah dalam fungsi sosial dan masalah kemurungan serta perasaan bimbang.

Clikeman-Semrud dan Glass (2008) pula menilai kaitan unsur lucu dengan pembinaan interaksi dalam kalangan murid normal, murid BPKMP dan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dapatan menunjukkan wujud perbezaan tahap penerimaan dan kefahaman unsur lucu dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan apabila mereka diasingkan mengikut ketidakupayaan. Dapatan juga





menunjukkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai ciri-ciri berbeza antara satu sama lain. Rumusan dari kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara kefahaman unsur lucu dengan interaksi murid. Ini bermakna faktor sosial mempunyai pengaruh dalam menerima atau memahami maklumat yang disampaikan walaupun murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai masalah *visual-spatial* dan penaklukan ruang.

Antshel dan Khan (2008) pula menilai kaitan kadar permasalahan dengan unsur genetik. Seramai 260 orang murid terlibat dan dibahagikan kepada lima jenis kumpulan mengikut kategori ketidakupayaan. Dapatan menunjukkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, murid bermasalah membaca dan psikiatri lebih tinggi kadar permasalahan berbanding murid bermasalah ADHD dan murid bermasalah pergantungan bahan. Rumusan dari dapatan ini juga menyokong definisi yang menyatakan kewujudan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dipengaruhi oleh kerencatan perkembangan otak disebabkan masalah genetik.

Manakala Simpson (2008) dalam penelitiannya bagi membina sebuah model atau kaedah menangani masalah interaksi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan bermasalah sindrom *Asperger* berdasarkan teori *Theory of Mind*, *Executive Function* dan *Weak Central Coherence*. Simpson mempercayai gabungan antara latihan kemahiran sosial dengan interaksi berstruktur rakan sebaya dapat meningkatkan kemahiran sosial seperti memulakan dan mengekalkan hubungan. Berdasarkan penelitian, Simpson mencadangkan *Model Social Facilitation* sebagai intervensi dalam menangani masalah interaksi. Melalui model ini dapat meningkatkan interaksi, persepsi interpersonal dan meningkatkan kemahiran bersosial. Namun jika





model ini tidak berjaya Simpson mencadangkan pembinaan model penilaian bagi mengenal pasti umur yang sesuai, gred dan tetapan pelaksanaan serta pertimbangan strategi.

Schiff, Bauminger dan Toledo (2009), pula meneliti dari aspek analogi atau keupayaan murid untuk mentafsir perlakuan atau keadaan persekitaran sekeliling murid. Kebiasaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai masalah dalam memproses maklumat yang diterima. Berdasarkan penyelesaian masalah analogi bagi situasi yang berbeza antara murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dengan murid BPKMP biasa dan murid normal mendapati tidak wujud perbezaan signifikan antara murid BPKMP biasa dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Namun penelitian secara terperinci menunjukkan sebaliknya di mana murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai ingatan yang lebih baik berbanding murid BPKMP biasa. Manakala dari aspek penyelesaian masalah murid BPKMP biasa mempunyai potensi yang lebih tinggi menyelesaikan masalah berbanding murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Penelitian Gates (2009) pula menilai dari aspek fungsi eksekutif dan kesalahan ingatan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan murid BPKMP biasa. Sebanyak 41 orang murid telah terlibat berumur antara sembilan hingga 16 tahun di mana 21 orang adalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan 20 orang murid BPKMP biasa. Kedua-dua kumpulan menerima dua tugas pada masa sama bagi memproses maklumat yang pelbagai dan keupayaan berfikir secara fleksibel. Dapatan menunjukkan wujud kesan fungsi kognitif ke atas kedua-dua kumpulan dengan tahap penguasaan yang berbeza, namun dari aspek kesalahan ingatan tidak





wujud perbezaan. Ini menunjukkan keupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan untuk memproses perkataan yang berkaitan dengan pembelajaran tidak jauh berbeza dengan murid BPKMP biasa.

Wright (2008) pula menumpukan pada sudut pengetahuan guru dari aspek ciri dan penerimaan murid serta menilai kaedah intervensi yang sesuai diterapkan kepada guru. Penelitian ini dijalankan di Delawere dengan penglibatan 116 orang guru dari tiga buah sekolah menggunakan pendekatan kaedah tinjauan dan eksperimental. Hasil menunjukkan majoriti guru tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan untuk menangani masalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Intervensi yang sesuai dilakukan adalah dengan mengadakan kursus-kursus singkat secara berkala dan membina bahan-bahan pembelajaran yang bersesuaian. Wright mencadangkan agar institusi latihan guru menyemak semula kurikulum dan memastikan semua jenis permasalahan murid BPKMP terutamanya murid BPKMP tanpa komunikasi lisan diberi penekanan semasa melatih guru di institusi latihan guru.

Penelitian-penelitian terdahulu lebih menumpukan pada aspek keupayaan kognitif dan sosial. Namun permasalahan dalam kalangan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran pengajaran turut wajar diberi perhatian kerana guru berperanan penting dalam memberi pendidikan kepada murid. Dalam usaha menangani permasalahan ini, pelbagai aspek perlu diberi perhatian bagi memastikan intervensi yang dijalankan bersesuaian dengan keperluan guru dan ketidakupayaan murid. Melalui pembinaan modul dapat membantu guru merancang dan melaksanakan PdP serta dapat membantu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan berkomunikasi.





2.8 Pengajaran Komunikasi Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Pengajaran komunikasi merupakan perkara penting bagi setiap individu tanpa mengira ketidakupayaan. Dalam menjalankan pengajaran banyak aspek perlu diambil kira terutamanya pengajaran ke atas murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Terdapat empat elemen utama perlu diambil kira iaitu, (1) pengajaran kemahiran bahasa, (2) pengajaran berasaskan komunikasi isyarat, (3) pengajaran berbantuan gambar rajah, dan (4) pengajaran berteraskan perkataan berfungsi.

2.8.1 Pengajaran Kemahiran Bahasa

Pengajaran kemahiran bahasa bertujuan untuk menangani masalah penguasaan bahasa tidak kira dalam kalangan murid normal atau murid BPKMP khususnya murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Pengajaran kemahiran bahasa bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempunyai cabaran tersendiri lantaran dari ketidakupayaan yang dimiliki. Menurut Browder, Gibbs, Ahlgrim-Delzell, Courtade, Mraz, dan Flowers (2009), murid masalah terencat akal teruk mempunyai keupayaan fokus yang rendah terhadap pembelajaran bahasa, selain itu murid juga sukar untuk dinilai kefasihan sebutan mereka kerana terdapat murid yang tidak mampu untuk berkomunikasi atau murid yang mempunyai masalah pertuturan. Tujuan utama pengajaran bahasa bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah untuk membantu murid menguasai kemahiran komunikasi alternatif bagi membolehkan murid berhubungan atau berkomunikasi dengan individu dalam persekitaran mereka.





Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pengajaran merujuk kepada perihal mengajar atau sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar atau aspek yang dipentingkan. Pengajaran juga merujuk kepada segala sesuatu seperti cara atau perbuatan yang diajarkan atau ajaran. Selain itu pengajaran turut diertikan sebagai suatu peringatan atau pedoman. Manakala maksud bahasa menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994), merujuk kepada satu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia.

Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), merumuskan bahasa adalah bahagian integral, iaitu yang perlu atau hanya menjadi sebahagian daripada hidup manusia. Bahasa menyerap dalam setiap fikiran dan cara penutur itu memandang dirinya.

Raminah (1985) menyatakan, pengajaran bahasa merupakan satu bidang penerapan linguistik yang kompleks dan bersifat multidisplin. Pengajaran bahasa bertujuan mengajar bahasa bagi membolehkan seseorang individu menguasai sesuatu bahasa dan berkomunikasi dengan orang lain. Bagi mencapai tujuan ini, bidang pengajaran bahasa tidak boleh diasingkan daripada disiplin-disiplin linguistik yang lain terutamanya disiplin linguistik teoritis, sosiolinguistik dan psikolinguistik. Semua disiplin ini memberi sumbangan yang berguna bagi menjayakan sesuatu pengajaran bahasa.

Menurut Amira (2012), terdapat lapan prinsip dalam menjalankan pengajaran bahasa iaitu, (1) bahasa yang digunakan mestilah bahasa standard yang diterima oleh masyarakat dan penutur jati, (2) pengajaran bahasa haruslah berdasarkan pendekatan lisan, (3) bahan pengajaran hendaklah dipilih, disusun, dikawal dan dipertingkatkan, (4) mengikut susunan iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, (5) aktiviti





pengajaran menarik dan bermakna, (6) rancangan pelajaran kemas dan teratur, (7) suasana belajar yang baik dan berkesan, dan (8) penilaian pengajaran.

Hamdan (2012), menyatakan terdapat empat kaedah pengajaran bahasa yang boleh dilakukan iaitu, (1) kaedah nahu terjemahan yang menitik berat kepada menghafaz rumus-rumus tatabahasa dan ayat, (2) kaedah terus yang menekankan penggunaan struktur dan perbendaharaan kata, dan (3) kaedah *audio-lingual* atau bunyi-bahasa yang berorientasikan kemahiran mendengar dan bertutur dengan ciri-ciri seperti disampaikan dalam bentuk lisan atau tulisan, kebolehan menganalisis perbezaan, penekanan latih tubi dan keadaan nyata dalam perhubungan. Manakala (4) kaedah kod kognitif bersifat analisis dengan ciri-ciri seperti penguasaan pola-pola fonologi, sintaksis dan leksikal sesuatu bahasa, menganalisis pola-pola fonologi dan penekanan pemahaman murid.



Dawson dan Elder (2013), mengemukakan tujuh aspek yang perlu diambil kira dalam menjalankan pengajaran bahasa atau mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan untuk berkomunikasi. Antara aspek berkenaan ialah seperti berikut, (1) menggalakkan murid untuk bermain dan bersosial, (2) meniru suara atau perbuatan murid, (3) fokuskan kepada jenis komunikasi tanpa lisan yang hendak diajar, (4) berikan ruang untuk murid bercakap, (5) menggunakan bahasa yang mudah, (6) sentiasa mengikuti perkembangan dan kesukaan murid, dan (7) mengimbangi penggunaan bahan dan gambar rajah yang dapat membantu pengajaran.

Menurut Yahya dan Roselan (2007), dalam menjalankan pengajaran bahasa penggunaan komputer dapat memastikan matlamat dan objektif pengajaran dicapai





dengan baik. Selain itu penggunaan komputer juga mampu mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa guru dan penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid. Abdul Rasid dan Hasmah (2013), menegaskan unsur humor atau lucu dapat menjadikan hasil pengajaran bahasa lebih bermakna kepada murid. Selain itu guru perlu menggunakan bahasa yang berupaya menzahirkan perasaan lucu, penggunaan grafik seperti kartun dan bahasa tubuh yang boleh menimbulkan suasana yang menyeronokkan kepada murid.

Haslinda, Hafizoah dan Noor Raha (2006), turut menyatakan *information and communication technology* (ICT) dapat memainkan peranan penting untuk memastikan pembaharuan pengajaran bahasa dilaksanakan dari masa ke semasa bagi membantu murid menguasai sesuatu bahasa. Kepakaran guru menggunakan ICT merupakan aset penting dalam pengajaran bahasa dan ICT, ianya dilihat sebagai elemen motivasi untuk membantu murid. Nuraihan (2014), turut menyatakan kemajuan dalam bidang teknologi memberi impak positif dalam pengajaran bahasa sehingga memperlihatkan banyak perubahan dalam pedagogi. Penggunaan teknologi juga membolehkan sesuatu bahasa digunakan dengan cara yang lebih luas.

Naffi (2012) pula, mengetengahkan satu mekanisme melalui pendekatan magnetism dalam sesuatu pengajaran bahasa. Pendekatan ini membolehkan pembelajaran murid dapat disokong dengan emosi dan intelek bagi membolehkan murid menjangkau dengan lebih jauh berbanding pengetahuan dan kemahiran sedia ada. Naffi juga menyatakan dari aspek penyampaian pada masa kini masih terdapat segelintir guru kurang berjaya dalam menjalankan tanggungjawab untuk memberikan suatu pengajaran bahasa yang berkesan. Abdul Jalil, Normarini, Ghazali dan Saedah





(2011), menyatakan pengajaran bahasa seharusnya disampaikan dengan pendekatan yang menarik dan mempelbagaikan BBM serta kaedah pengajaran yang menarik mampu memperkembangkan keupayaan kemahiran membaca dan menulis. Kepelbagaian kaedah juga bagi memastikan murid tidak cepat bosan dan penat semasa proses pembelajaran berlaku dalam bilik darjah.

Sam Mukhtar, Jamaludin dan Mohamed Amin (2011), turut menegaskan masalah pengajaran bahasa boleh ditangani jika guru-guru memahami faktor ketidakupayaan murid. Murid sebagai manusia harus diberikan perhatian terhadap perasaan mereka yang banyak mempengaruhi perlakuan dalam interaksi berbahasa. Noreen Asghar dan Manzoor (2012), juga turut menegaskan cara atau kaedah pengajaran bahasa oleh guru mempunyai hubungan dengan tahap pencapaian dan penguasaan murid.



Pengajaran kemahiran bahasa dapat memainkan peranan penting ke arah pembinaan kemahiran komunikasi khususnya bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Kefahaman dan kemahiran pengajaran guru turut memainkan peranan penting di samping penelitian ke atas pelbagai aspek, sama ada dari aspek penggunaan bahasa, teknologi dan kaedah pengajaran. Oleh itu tidak dapat dinafikan pengajaran bahasa memainkan peranan penting dalam membina atau menerapkan kemahiran komunikasi bagi murid tidak mengira sama ada murid normal atau murid BPKMP.



2.8.2 Pengajaran Berasaskan Komunikasi Isyarat

Pengajaran komunikasi isyarat lazimnya sinonim dengan masalah pendengaran atau bisu pekak. Tujuan utama pengajaran komunikasi isyarat bagi membolehkan mana-mana individu yang tidak mampu bertutur atau mendengar, dapat berkomunikasi menggunakan komunikasi isyarat atau komunikasi alternatif selain dari komunikasi yang umum. Ketidakupayaan komunikasi lisan bukan kekangan pada proses interaksi kerana ketidakupayaan tersebut dapat ditangani menggunakan komunikasi alternatif. Keupayaan komunikasi alternatif membolehkan individu bermasalah komunikasi lisan dapat berkomunikasi atau berhubung dengan individu dalam persekitaran mereka.

Hasuria (2009), menyatakan dari segi sejarah, komunikasi isyarat digunakan oleh kumpulan rahib *Trappist* bagi membolehkan mereka berkomunikasi dan saling memahami komunikasi dengan orang *Red Indians* di Amerika. Dari aspek penggunaan komunikasi isyarat, orang pribumi Australia, orang Sudan dan Sahara dikatakan antara yang terawal mempunyai komunikasi isyarat yang sempurna. Manakala dari segi pembentukan bahasa adalah berdasarkan gerak isyarat badan yang biasa atau sedia ada dan disertakan atau ditambah dari masa ke semasa seperti bahasa gerak isyarat Neapolitan.

Rindi Putri (2015) menyatakan komunikasi isyarat bermula sejak abad kelima SM di Cratylus oleh Pluto. Terdapat juga pandangan menyatakan komunikasi isyarat bermula sejak kurun ke-16 di Barat. Pada tahun 1755, Abbe' de L'Epee telah menubuhkan sekolah pertama untuk kanak-kanak pekak di Paris. Hasil dari penubuhan itu, Laurent Clerc iaitu salah seorang pelajar di sekolah berkenaan telah



berhijrah ke Amerika dan menubuhkan *American School for the Deaf* yang kemudiannya berkembang menjadi Gallaudet University.

Hubungan antara komunikasi isyarat dengan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bukan perkara yang baharu. Komunikasi isyarat juga merupakan salah satu bentuk komunikasi yang terdapat dalam kelompok kaedah AAC yang lazimnya digunakan bagi menangani ketidakupayaan komunikasi secara lisan. Menurut Anderson (2001), pengajaran berdasarkan kaedah komunikasi isyarat pada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan telah lama digunakan dan menunjukkan hasil yang baik sepanjang 30 tahun yang lalu di Barat. Penggunaan komunikasi isyarat dikatakan kaedah yang terbaik khususnya bagi murid bermasalah autisme yang mempunyai masalah penguasaan komunikasi lisan.



Berke (2009) menyatakan komunikasi isyarat digunakan secara meluas dalam kalangan murid yang mempunyai masalah komunikasi lisan seperti murid bermasalah sindrom Down, autisme, *ceberal palsy*, truma dan gangguan otak atau gangguan pertuturan. Berke juga berpandangan penggunaan komunikasi isyarat dapat menyediakan satu bentuk komunikasi yang cepat khususnya bagi ibu bapa untuk menangani ketidakupayaan komunikasi yang terhad dalam kalangan anak-anak yang mempunyai masalah ketidakupayaan berkomunikasi lisan.

Ricamato (2008) berpandangan komunikasi isyarat merupakan jambatan atau penghubung bagi menyokong ketidakupayaan berkomunikasi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan untuk menyampaikan maksud atau memberi maklumat mengenai sesuatu makna perkataan, peristiwa, konsep atau hubungan.





Dalam konteks Malaysia, Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012), turut menyatakan pengajaran kemahiran bahasa bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan boleh dilakukan berdasarkan konsep komunikasi isyarat tangan.

Penelitian terhadap peranan, fungsi dan implikasi pengajaran komunikasi isyarat dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan pernah dilakukan. Anderson (2001), dalam penelitiannya mendapati pengajaran berasaskan gambar rajah lebih mudah diterima oleh murid. Namun dari aspek perbualan menunjukkan komunikasi isyarat lebih sesuai digunakan. Rumusan dari kajian tersebut menunjukkan gabungan kaedah pengajaran antara komunikasi isyarat dengan komunikasi berasaskan gambar rajah penting dalam membina kemahiran komunikasi bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.



Toth (2009), juga turut melihat peranan komunikasi isyarat dalam membina kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Hasil penelitian menunjukkan pengajaran komunikasi isyarat adalah sesuatu perkara yang sukar dan penglibatan ibu bapa merupakan elemen penting dalam memastikan kemahiran komunikasi isyarat dapat dikuasai dengan baik. Hasil uji kaji selama enam bulan menunjukkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat meniru semua tanda-tanda atau isyarat yang diajar serta mula berkomunikasi menggunakan komunikasi isyarat. Rumusan dapatan menunjukkan wujudnya peningkatan dalam perbendaharaan kata serta murid mampu menyampaikan sesuatu maksud atau perkataan dengan lebih baik dan jelas.





Johnson (2012) pula dalam penelitiannya mendapati pengajaran dan penggunaan komunikasi isyarat boleh merangsang fungsi otak dan meningkatkan pembinaan bahasa, kemahiran sosial, emosi dan intelek murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Komunikasi isyarat juga dapat membina hubungan yang kuat antara ibu bapa dengan murid serta dapat mengurangkan kekecewaan yang ketara. Johnson turut menyatakan penguasaan komunikasi isyarat bergantung kepada ketidakupayaan murid sama ada mengambil masa yang lama atau singkat. Secara rumusan Johnson menyatakan pengajaran komunikasi isyarat dapat meningkatkan potensi murid untuk berkomunikasi dan memerlukan kesabaran yang tinggi bagi mengajar kemahiran komunikasi isyarat.

Peterson (2008) juga turut meneliti dari aspek peranan pengajaran komunikasi isyarat dalam mengukuhkan pertuturan dan pengembangan bahasa bagi murid bermasalah autisme. Hasil dari penelitian menunjukkan penggunaan komunikasi isyarat dapat meningkatkan peluang murid untuk belajar bahasa yang dituturkan. Peterson juga berpandangan pengajaran komunikasi isyarat sewajarnya dimulakan sejak prasekolah bagi membantu mereka untuk merangsang dan mengukuhkan komunikasi selain dapat menyediakan murid kepada kaedah atau mod komunikasi alternatif berbanding dengan cara menangis atau merengek atau memberontak seperti *temper tantrum* dalam menyampaikan maksud atau kehendak. Melalui penggunaan komunikasi isyarat juga membolehkan murid menyatakan keperluan dengan cara lebih baik dan mudah difahami.

Secara rumusannya dapat dikatakan penggunaan komunikasi isyarat sebagai intervensi mampu menangani ketidakupayaan berkomunikasi dalam kalangan murid





BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dari segi perbandingan kaedah AAC antara komunikasi isyarat dengan kaedah-kaedah yang lain menunjukkan murid lebih mudah menguasai kaedah lain berbanding kaedah komunikasi isyarat atau kaedah menggunakan alat menjana pertuturan. Namun bagi negara Barat kaedah komunikasi isyarat lebih diutamakan kerana komunikasi isyarat lebih bersifat fleksibel dan boleh digunakan tanpa mengira waktu dan keadaan. Namun begitu dalam menerapkan kemahiran komunikasi isyarat memerlukan jangka masa yang lebih panjang dan sebaik-baiknya diterapkan sejak peringkat prasekolah.

2.8.3 Pengajaran Berbantuan Gambar Rajah



Menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan perlu mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan pengajaran bersesuaian dengan ketidakupayaan murid. Antara kaedah pengajaran yang dapat diaplikasikan ialah seperti pengajaran berbantuan gambar rajah. Pengajaran jenis ini juga merupakan salah satu jenis kaedah pengajaran yang turut berada dalam kelompok pengajaran berasaskan kaedah AAC. Penggunaan gambar rajah merupakan kaedah yang lazim digunakan dalam sesi PdP tidak mengira sama ada pengajaran bagi murid normal atau pengajaran bagi murid BPKMP.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pengajaran membawa maksud prihal mengajar atau sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain. Manakala maksud gambar menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) (2014), iainya merujuk kepada tiruan sama



ada orang, binatang, tumbuhan dan sebagainya yang dibuat dengan coretan pensel dan sebagainya pada kertas atau lukisan dan sebagainya. Dari segi istilah gambar rajah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), ianya merujuk kepada rangka atau pelan yang menerangkan tentang sesuatu hal, perkembangan dan lain-lain.

Berdasarkan huraian definisi yang dinyatakan, pengajaran berbantuan gambar rajah merujuk kepada satu situasi berkaitan dengan cara atau proses atau sistem mengajar yang disokong atau dibantu menggunakan coretan berupa peniruan sama ada barang, orang, binatang, tumbuhan dan sebagainya bagi menerangkan maksud sesuatu hal atau perkara yang diajar. Konsep atau kaedah pengajaran seperti ini sesuai digunakan dalam sesuatu sesi PdP terutamanya pengajaran bagi sesuatu maksud yang bersifat abstrak. Ini kerana salah satu ketidakupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah dari aspek *visual-spatial*. Melalui penggunaan gambar rajah dapat membantu murid mentafsir maksud sesuatu perkataan dan menghubungkannya dengan perkara yang bersifat maujud.

Menurut Burmark (2002), manusia sebenarnya menggunakan pemikiran visual atau gambar untuk mengimajinasikan atau membayangkan sesuatu masalah dalam pemikiran mereka tentang apa yang berlaku. Manusia mampu memproses visual atau gambar sebanyak 60,000 lebih baik dan laju berbanding pembelajaran berasaskan maklumat secara lisan. Ini bermakna penggunaan gambar atau visual mampu membantu dan mempercepatkan keupayaan otak untuk mentafsirkan dan menghantar sesuatu maklumat. Zaidatun dan Norhayati (2010) menyatakan persembahan bahan atau isi pelajaran yang menggunakan elemen-elemen visual, imej dan gambar mampu



untuk meningkatkan motivasi dan pemahaman murid dalam memahami sesuatu isi pelajaran.

Suraini (2010), pula menyatakan terdapat beberapa ciri penting pengajaran berbantuan gambar rajah. Antara ciri tersebut ialah seperti guru perlu memastikan gambar rajah yang digunakan sesuai dengan pengajaran dan tahap pembelajaran murid di samping tidak mengenyahkan aspek kualiti gambar. Ini bermakna gambar rajah yang digunakan harus bersesuaian dengan tahap keupayaan murid di samping memastikan kualiti gambar rajah yang digunakan. Penggunaan gambar rajah berkualiti bagi memastikan murid mampu mengaitkan gambar rajah dengan keadaan yang sebenar. Ferlazzo (2012) menyatakan penggunaan gambar rajah mampu memberi kesan yang besar dalam membantu murid untuk belajar lebih jauh dan mendalam serta membantu murid bagaimana menggunakannya berbanding dari seribu perkataan



Menurut Rafiza dan Maryam (2013), pengajaran berbantuan gambar rajah serta bahan yang ringkas dan mudah difahami sesuai digunakan bagi mengajar murid yang lemah. Ini kerana pada pandangan dan pengalaman mereka, murid yang lemah tidak suka guru menggunakan bahan yang mengandungi teks semata-mata. Murid juga cepat menjadi bosan dan hilang fokus yang menyebabkan objektif pembelajaran tidak dicapai. Patrice Ann (2012) pula, mendapati penggunaan imej visual berjaya membantu murid menangani masalah menulis huruf besar dan huruf kecil dalam latihan kefahaman Bahasa Malaysia. Suzi Jinan (2012), turut menyatakan penggunaan imej visual memudahkan murid membezakan kata nama am dan kata nama khas. Secara tidak langsung murid dapat mengaplikasikan tanda bacaan yang betul untuk kata nama berkenaan.



Ahmad Rizal dan Jailani (2005) pula menegaskan tidak semua pengajaran boleh menggunakan gambar rajah terutamanya bagi pengajaran konsep-konsep bersifat abstrak seperti kebebasan atau jumlah atau gambar yang bersifat lebih kompleks. Namun tidak menafikan penggunaan gambar rajah lebih berkesan dan baik berbanding pengajaran berasaskan arahan teks atau auditori terutamanya dari aspek mengingat kembali dan mengenal objek. Carr dan Felce (2008), turut menyatakan pengajaran bagi murid bermasalah autisme dengan ketidakupayaan bahasa dan kerencatan akal sesuai menggunakan pendekatan kaedah memadankan antara objek dengan gambar rajah. Tonzar, Lotto dan Job (2009) menyatakan pengajaran berbantuan kaedah gambar lebih menunjukkan hasil yang baik, namun dari sudut yang lain kaedah ini dipengaruhi oleh faktor umur di mana kesesuaiannya lebih merujuk kepada murid yang masih kecil.

Kesesuaian pengajaran berbantuan gambar rajah bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut disentuh oleh Noor Aini (2010), yang mencadangkan penggunaan BBM berteknologi rendah seperti kad gambar. Cowden (2010), juga mencadangkan kaedah *phone-graphic* atau bunyi gambar dalam menjalankan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Kaedah *phone-graphic* merujuk kepada pengajaran yang mengaitkan huruf dengan perkataan atau gambar rajah yang menyamai bunyi huruf. Menurut Cannella-Malone, Fant dan Tullis (2010), penggunaan gambar rajah dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi dengan rakan sebaya terutamanya murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Ruppard, Dymond dan Gaffney (2011), turut menegaskan penggunaan gambar rajah mampu memberi kesan yang cepat dan mendalam. Selain itu Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012), juga menyatakan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mempelajari

kemahiran bahasa adalah melalui penggunaan isyarat tangan berbantuan gambar rajah. Lawton et al. (2012), menekankan keperluan penggunaan simbol-simbol atau gambar rajah dalam meningkatkan komunikasi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Ayu (2012), menyatakan penggunaan aplikasi gambar rajah dapat memudahkan murid autisme berkomunikasi dengan ibu bapa terutamanya dalam melakukan aktiviti harian. Roger (2011) menyatakan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dapat mempelajari kemahiran komunikasi berfungsi menggunakan kaedah *Picturer Exchange Communication System* (PECS). Hasil kajian menunjukkan dua dari tiga peserta kajian dapat menguasai kemahiran yang dikehendaki, manakala seorang peserta menunjukkan tahap penguasaan melebihi dari kemahiran asas yang diperlukan. Namun begitu, menurut Roger, penggunaan PECS memerlukan jangka masa yang lama dan latihan yang banyak.

Yusof (1997), menyatakan pengajaran berbantuan gambar rajah merupakan salah satu cabang dalam kaedah pengajaran berasaskan media. Pengajaran jenis ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian isi pelajaran. Terdapat lapan jenis bahan media digunakan dalam PdP iaitu, (1) media tayang kaku (transparansi, *slaid*, microfilm), (2) media tayang gerak (video, filem, cakera), (3) grafik (lukisan, poster, kartun), (4) gambar kaku (gambar, foto, kad imbasan, poskad), (5) media pameran (model, boneka, drama), (6) media paparan (papan kapur, papan flanel, papann berita), (7) media audio (tutur, pita audio, cakera padat), dan (8) media cetak (modul pengajaran, buku teks, akhbar, majalah).

Oleh yang demikian dapat dikatakan pengajaran berbantuan gambar rajah dapat merintis kepada pembinaan interaksi di samping perlu mengambil kira aspek atau ciri gambar rajah yang digunakan. Aspek ini penting bagi meningkatkan dan memudahkan murid mengaitkan atau menghubungkan sesuatu pembelajaran yang dipelajari. Berdasarkan dapatan dan cadangan yang dikemukakan melalui penelitian terdahulu menunjukkan penggunaan gambar rajah memainkan peranan yang penting dalam meningkat sesuatu kemahiran. Pemilihan gambar rajah juga perlu jelas, ringkas dan tidak terlalu abstrak serta mampu menarik minat murid perlu diambil kira dalam menangani permasalahan berdasarkan kaedah pengajaran berbantuan gambar rajah.

2.8.4 Pengajaran Berteraskan Perkataan Berfungsi

Pengajaran perkataan berfungsi bukan merupakan perkara baharu dalam dunia pendidikan tidak mengira sama ada bagi individu yang normal atau sebaliknya. Pengajaran ini mempunyai kepentingan tersendiri dalam membantu murid atau kanak-kanak terutama di awal perkembangan bagi membolehkan mereka berinteraksi dengan individu dalam persekitaran mereka.

Dari segi bahasa dan istilah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) [perkataan] merujuk kepada gabungan huruf bagi membentuk bahasa yang terkecil untuk mewakili sesuatu makna yang lengkap dan boleh berdiri dengan sendirinya dalam sesuatu ayat. Manakala bagi istilah berfungsi merujuk kepada suatu keadaan yang mempunyai fungsi atau melaksanakan fungsi atau bertugas. Speechreka (2011), menyatakan perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan bagi perkara-perkara biasa



dalam persekitaran murid seperti nama-nama ahli keluarga, bahagian-bahagian badan, makanan yang disukai atau mainan.

Menurut Noor Aini (2010), perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan yang biasa atau kerap digunakan oleh murid mengikut konteks persekitaran murid seperti rumah, sekolah, kedai, tandas, bilik tidur dan ruang tamu. Manakala Clark (2014), menyatakan perkataan atau komunikasi berfungsi merujuk kepada kemahiran komunikasi asas untuk memulakan komunikasi. Melalui pengajaran perkataan berfungsi membolehkan kanak-kanak menyampaikan kehendak atau keperluan mereka, terutamanya kanak-kanak yang tidak mampu berkomunikasi lisan atau belum mampu berkomunikasi atau keupayaan komunikasi lisan yang rendah atau kanak-kanak bermasalah dari segi sebutan yang sukar difahami.



Pengajaran perkataan berfungsi bagi kanak-kanak bermasalah komunikasi lisan dapat menyediakan mereka kemahiran komunikasi alternatif dan seterusnya dapat mengurangkan jurang interaksi antara murid dengan individu dalam persekitaran mereka. Terdapat lima langkah dalam mengaplikasikan pengajaran perkataan berfungsi iaitu, (1) cari perkataan berfungsi yang sesuai, (2) pilih perkataan yang hendak diajar, (3) bina model/ inventori perkataan berfungsi, (4) menyediakan keperluan/bahan untuk menyebut/mempelajari perkataan, dan (5) bersabar.

Selain dikenali dengan istilah perkataan atau komunikasi berfungsi, ia juga dikenali dengan istilah *sight word*. Menurut Coyne, Pisha, Dalton, Zeph dan Smith (2010), pengajaran bahasa bagi murid BPKMP terutama murid terencat akal perlu menekankan pembelajaran perkataan berfokuskan *sight words* dan perbendaharaan kata





asas. Mohd Anuar (2009), menyatakan *sight word* merujuk kepada perkataan-perkataan yang biasa digunakan dalam kehidupan harian saya, makan, lari, main, enak, bapa dan sebagainya.

Scruggs (2008), turut menyatakan pengajaran sesuatu perkataan berfungsi atau *sight words* terhadap murid BPKMP dapat memastikan murid menggunakan kemahiran tersebut secara bebas atau tanpa bantuan dengan sendiri dalam persekitaran atau komuniti mereka. Allor, Champlin, Gifford dan Mathes (2010), menyatakan dalam menjalankan pengajaran *sight word* atau perkataan berfungsi dalam konteks aktiviti harian atau lazim, adalah dengan menggunakan kaedah memadankan gambar dengan perkataan konkrit dan diulang secara sistematik. Kaedah ini digunakan untuk mengajar kefahaman membaca dan ia dapat memberi kesan khusus bagi murid terencat akal sederhana dan teruk. Wallace dan Ticha (2006), turut menegaskan pengajaran bagi murid bermasalah ketidakupayaan kognitif lazimnya berfokus kepada pengajaran *sight words*.

Konsep perkataan berfungsi juga turut dikenali dengan istilah komunikasi berfungsi atau *functional communication*. Menurut Waes, Woudstra, dan Hoven (1994), *functional* merujuk kepada tujuan sesuatu proses komunikasi dan ianya mempunyai banyak dimensi berdasarkan tujuan yang ingin dicapai. Manakala *communication* merujuk kepada proses interaksi yang melibatkan penyertaan. Pelbagai peringkat sama ada secara individu atau berkumpulan. Kent (2004) pula menegaskan, konsep komunikasi berfungsi telah lama digunakan sejak pengenalan profail komunikasi berfungsi oleh Marta Taylor Sarno pada tahun 1968. Sejak dari itu konsep ini diperluaskan hasil dari penyelidikan dan keperluan semasa. Konsep





komunikasi ini bertujuan untuk menangani permasalahan ketidakupayaan berkomunikasi secara normal.

Seperti mana telah dinyatakan pengajaran perkataan berfungsi mempunyai peranan dan kepentingan tersendiri. Menurut Rohena-Diaz dan Browder (1996), pemilihan perkataan berfungsi merupakan salah satu kaedah intervensi yang dapat memberikan faedah kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Logsdon (2014), turut menyatakan pengajaran perkataan yang mempunyai fungsi tertentu penting bagi membantu murid untuk berkomunikasi secara sendiri tanpa bantuan dalam komuniti mereka atau pada ketika mereka telah membesar.

Browder dan Xin (1998), turut menegaskan pendedahan *sight word* dalam persekitaran mereka sangat berkesan, bukan sahaja terhadap murid BPKMP teruk atau sederhana malah turut kepada murid yang normal. Pengajaran perkataan yang bersesuaian adalah dalam konteks masyarakat dan kelas bagi membolehkan murid menggunakannya atau berkomunikasi dalam komuniti atau rakan sebaya. Deloya (2013), berpendapat bahawa perkataan berfungsi boleh menjadi pengajaran yang lebih baik dan bermakna kepada murid. Ini kerana perkataan berfungsi dapat lebih meransangkan murid untuk belajar kerana perkara atau perkataan yang dipelajari berlaku dalam kehidupan harian mereka.

Xilliang (2003), pula menyatakan tidak dapat dinafikan perkataan berfungsi memberi kesan yang baik dalam perkembangan bahasa terutamanya bagi bahasa cina kuno. Jiang, Du dan Way (2010), turut menyatakan perkataan berfungsi memainkan peranan utama dalam proses penyusunan semula sintaksis. Reeve (2013), turut



bersetuju dan menyatakan pengajaran perkataan berfungsi terhadap murid kurang upaya memberi kesan terhadap keupayaan murid untuk berdikari dalam masyarakat di persekitaran mereka.

Franzone (2009), pula menyatakan komunikasi berfungsi lazim digunakan bagi menangani masalah gangguan tingkah laku komunikasi, masalah komunikasi tidak jelas atau sebutan tidak jelas dan masalah ketidakupayaan komunikasi secara normal. Franzone menyenaraikan 12 langkah-langkah bagi menjalankan pengajaran komunikasi berfungsi. Langkah-langkah berkenaan ialah seperti (1) mengenal pasti bentuk masalah komunikasi, (2) merumus dan menilai permasalahan komunikasi, (3) mengenal pasti bentuk komunikasi yang bersesuaian, (4) memilih, merancang dan melaksanakan intervensi, (5) memanipulasi atau menggunakan unsur persekitaran dalam intervensi, (6) mengandaikan pencapaian penguasaan komunikasi baharu, (7) mendorong atau menggalakkan penggunaan komunikasi baharu, (8) mengelakkan penggunaan komunikasi lama/sebelum intervensi, (9) melakukan pengukuhan dari masa ke semasa, (10) mengaplikasikan bentuk komunikasi baharu, (11) mencari dan menggunakan bahan pembelajaran yang bersesuaian, dan (12) menambah kekerapan pengajaran komunikasi baharu dan pengukuhan.

Manakala Leroy, Parise dan Maillart (2013) menyatakan pengajaran perkataan berfungsi adalah berdasarkan kaedah pengulangan dan lazimnya perkataan jenis ini lebih pendek, ringkas dan mempunyai penegasan terhadap sesuatu maksud. Kekerapan pengajaran perkataan berfungsi mempengaruhi prestasi murid terutamanya murid bermasalah perkembangan bahasa yang khusus. Alberto et al. (2013), pula menegaskan pemilihan perkataan adalah berdasarkan keperluan aktiviti dalam

persekitaran. Pemilihan perkataan harus relevan dalam komuniti mereka sendiri seperti benda atau objek atau sesuatu perkara dan konsep, bertujuan menyediakan murid untuk berhadapan dan terlibat dalam komuniti dan ianya sesuai diterapkan di peringkat sekolah rendah atau menengah.

Konsep pengajaran perkataan berfungsi sebenarnya telah lama diperkenalkan bagi meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap kemahiran membaca atau kemahiran berkomunikasi. Antara senarai perkataan berfungsi terawal yang pernah diperkenalkan adalah *Dolch Word List*.

Jadual 2.2

Senarai Perkataan Berfungsi Dolch

Bil	Jenis/ Peringkat	Senarai Perkataan
1.	Tahap Pra Asas <i>Pre-primer</i>	yang, dan, jauh, besar, biru, boleh, datang, ke bawah, mencari, untuk, lucu, pergi, membantu, di sini, saya, dalam, adalah, ia, melompat, sedikit, melihat, membuat, tidak, satu, main, merah, berjalan, berkata, itu, tiga, kepada, dua, sehingga, kami, di mana, kuning, anda
2.	Tahap Asas <i>Primer</i>	semua, pagi, di, makan, jadi, hitam, coklat, tetapi, buat, dimakan, empat, dapat, baik, ada, dia, ke dalam, seperti, mesti, baharu, sekarang, keluar, sila, cantik, lari, perjalanan, tidak lama lagi, bahawa, di sana, mereka, ini, juga, di bawah, mahu, apa, putih, akan, dengan, ya
3.	Tahap Gred 1 <i>1st Grade</i>	selepas, lagi, sesiapa, bertanya, oleh, setiap, terbang, dari, beri, menerima, telah, bagaimana, hanya, tahu, biarkan, hidup, atas, tua, sekali, buka, lebih, meletakkan, sekitar, beberapa, berhenti, ambil, terima, maka, berfikir, apabila
4.	Tahap Gred 2 <i>2nd Grade</i>	selalu, kerana, sebelum, terbaik, kedua-dua, membeli, memanggil, sejuk, jangan, cepat, pertama, lima, jumpa, memberi, hijau, ramai, luar, atau, tarik, baca, betul, menyanyi, duduk, tidur, beritahu, orang, kita, guna, sangat, basuh, mana, mengapa, hasrat, kerja, menulis, awak

(*Bersambung*)

Jadual 2.2 (*sambungan*)

Bil	Jenis/ Peringkat	Senarai Perkataan
5.	Tahap Gred 3 3 rd Grade	tentang, lebih baik, membawa, menjaga, bersih, potong, dilakukan, mewarna, minuman, lapan, kejatuhan, penuh, mendapat, berkembang, memegang, panas, sakit, jika, menyimpan, baik hati, ketawa, cahaya, panjang, banyak, diri saya, tidak pernah,, sendiri, tujuh, hendaklah, persembahan, enam, kecil, mula, sepuluh, hari ini, bersama-sama, cuba, hangat
6.	Kata Nama Nouns	epal, bayi, belakang, bola, beruang, katil, loceng, burung, hari jadi, bot, kotak, lelaki, roti, abang, kek, kereta, kucing, kerusi, ayam, kanak-kanak, Krismas, kot, jagung, lembu, hari, anjing, anak patung, pintu, itik, telur, mata, ladang, petani, bapa, kaki, api, ikan, lantai, bunga, taman permainan, gadis/perempuan, selamat tinggal, rumput, tanah, tangan, kepala, bukit, kuda, rumah, surat, susu, wang, ibu, nama, sarang, malam, kertas, parti, gambar, arnab, hujan, cincin, robin, Santa Claus, sekolah, benih, biri-biri, kasut, kakak, salji, lagu, tupai, kayu, jalan, matahari, meja, benda, masa, mainan, pokok, jam, air, angin, tingkap



Jadual 2.2 menunjukkan senarai perkataan berfungsi yang dikemukakan oleh Dolch (1936). Terdapat 220 perkataan disenaraikan sebagai *service words* atau perkataan berguna bagi meningkatkan kelancaran membaca dalam kalangan murid. Senarai perkataan tersebut dipilih dan disusun berdasarkan buku kanak-kanak pada era berkenaan. Senarai perkataan tersebut dipecahkan kepada enam peringkat iaitu, (1) tahap pra asas, (2) tahap asas, (3) tahap gred 1, (4) tahap gred 2, (5) tahap gred 3, dan (6) kata nama.





Jadual 2.3

Senarai Perkataan Awalan/Asas

Bil	Tema/Jenis	Senarai Perkataan
1.	Kata Fungsi Sosial	lebih, sila, terima kasih, hai, selamat tinggal, sekali lagi, maaf, ya (baik), tidak
2.	Kata Tindakan/Perbuatan Lazim	makan, minum, pergi, berhenti, berlari, melompat, berjalan, tidur, malam, basuh, ciuman, membuka, menutup, menolak, menarik, menetapkan, memecahkan, bermain, mahu, pelukan, kasih sayang, sakit hati, menggelitik, memberi, semua pergi, semua selesai, menari, membantu, kejatuhan, goncang, melihat, menonton, duduk, berdiri, membalang, menangkap, meniup, menangis, membuang, memusing, memapar, mendaki, perjalanan, membatu, datang, mewarna, melukis
3.	Kata Lokasi/Tempat/Kedudukan	atas, bawah, dalam, luar, sini, sana, sekitar, belakang, pada
4.	Kata Sifat	besar, kecil, panas, sejuk, kuat, tenang, menjijikkan, menakutkan, lucu, bodoh, kotor, bersih, lembut, basah, cepat, lambat, perkataan warna (merah, biru, kuning, hijau, merah jambu, oren, ungu, hitam, putih, coklat) dan perkataan kuantiti (semua, tiada, ada, yang lain, perkataan nombor awal terutama 1, 2, 3)
5.	Kata Ganti Diri/Jantina	saya, anda, ia, dia,

Sumber : Luara (2008). *First 100 words - Advance your toddler's vocabulary with word and signs.*

Manakala Jadual 2.3 pula menunjukkan 100 perkataan awalan atau asas yang disenaraikan oleh Laura (2008). Laura mengkategorikan perkataan awalan kepada lima jenis perkataan iaitu, (1) kata fungsi sosial, (2) kata tindakan/perbuatan lazim, (3) kata lokasi/tempat/kedudukan, (4) kata sifat, dan (5) kata ganti diri/jantina.





Montgomery (2004), pula menyatakan terdapat lebih kurang 10 hingga 12 perkataan berfungsi yang penting. Perkataan [tidak] contohnya merupakan perkataan penting bagi murid BPKMP di peringkat prasekolah. Ianya bertujuan membolehkan murid mengawal situasi dalam persekitaran mereka. Terdapat lima tema perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid iaitu keluarga, makanan kesukaan, permainan kesukaan atau aktiviti dan tempat.

Jadual 2.4

Senarai 25 Perkataan Asas bagi Kanak-Kanak

Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan
1.	ibu/emak	11.	bola	21.	buku
2.	bapa/ayah	12.	hidung	22.	lebih
3.	bayi/anak	13.	mata	23.	semua hilang
4.	susu	14.	pisang	24.	anjing
5.	jus	15.	biskut	25.	mandi
6.	hello	16.	kereta		
7.	selamat tinggal	17.	panas		
8.	ya	18.	terima kasih		
9.	tidak	19.	kasut		
10.	kucing	20.	topi		

Sumber : Evans (2012). *Every 2-year should know at lease these 25 words: research*

Jadual 2.4 pula menunjukkan 25 perkataan asas bagi kanak-kanak pada peringkat awalan perkembangan yang dikemukakan oleh Evans (2012). Ketidakupayaan kanak-kanak menguasai senarai perkataan tersebut menunjukkan kanak-kanak berkenaan tidak hanya mempunyai masalah dalam berkomunikasi, tetapi ianya juga sebagai isyarat kanak-kanak berkenaan mempunyai pelbagai masalah lain.





Jadual 2.5

Senarai Perkataan Berfungsi Inventori Cahaya

Bil	Kategori Persekitaran	Senarai Perkataan Berfungsi
1.	Persekitaran Kantin	(a) Makanan Barat sosej, nugget, donut, burger, kentang goreng (b) Makanan Malaysia nasi lemak, keropok lekor, karipap, mi sup, mi goreng, bihun goreng, nasi goreng, roti, roti canai, laksa, nasi, ikan goreng, ayam goreng, sayur goreng
2.	Persekitaran Bilik Darjah	pensel, pensel warna, pemadam pensel, <i>white board</i> , buku, penyapu, bakul sampah, kertas, rak, meja, kerusi, pintu, tingkap, kipas

Sumber : Noor Aini Ahmad (2010). *Penggunaan komunikasi augmentatif dan alternatif dalam persekitaran murid bermasalah pembelajaran tanpa komunikasi; dan* Rohaizah Abdul Wahid, Marzita Mansor dan Noor Aini Ahmad (2010). *Pembangunan simulasi komputer inventori perkataan berfungsi dalam persekitaran bilik darjah sebagai bahan pengajaran muid-murid bermasalah pembelajaran teruk.*

Jadual 2.5 pula menunjukkan senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran sekolah yang dinamakan Inventori Cahaya. Inventori ini diperkenalkan oleh Noor Aini (2010) bagi kategori persekitaran kantin dan Rohaizah, Marzita dan Noor Aini (2010) bagi kategori persekitaran bilik darjah. Senarai perkataan bagi persekitaran kantin menumpukan kepada dua jenis kategori makanan iaitu makanan Barat dan makanan Malaysia. Manakala bagi persekitaran bilik darjah merujuk kepada nama-nama barangan yang lazim terdapat dalam sesebuah bilik darjah.





Jadual 2.6

Jenis Perkataan Berfungsi berdasarkan Persekitaran Murid

Bil.	Jenis Perkataan	Contoh Perkataan
1.	Nama bagi Manusia	keluarga, guru, rakan
2.	Haiwan Peliharaan	
3.	Tempat atau Lokasi	rumah, sekolah, tandas, kedai
4.	Perbuatan atau Tugas	tolong, maaf, terima kasih
5.	Makanan	emping, ayam panggang, air, kerepek, minuman
6.	Benda Kesukaan Murid	boneka, beruang, permainan

Sumber : Crosbie, Holm dan Dodd (2005). *Intervention for children with severe speech disorder: A comparison of two approaches.*

Jadual 2.6 pula menunjukkan senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid yang diperkenalkan oleh Crosbie, Holm dan Dodd (2005).

Menurut Crosbie, Holm dan Dodd perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan yang benar-benar berperanan terhadap murid. Berdasarkan jadual menunjukkan senarai perkataan tersebut dipecahkan kepada enam jenis perkataan atau tema iaitu, (1) nama bagi manusia, (2) haiwan peliharaan, (3) tempat atau lokasi, (4) perbuatan atau tugas, (5) makanan, dan (6) benda-benda kesukaan murid. Pemilihan perkataan ini tidak dipilih mengikut bentuk atau jenis tetapi dipilih berdasarkan kekerapan perkataan berkenaan digunakan oleh komuniti dalam persekitaran murid.



Jadual 2.7

Tema dan Unit Kos Kata Perkataan Berfungsi Addington

Bil	Tema	Unit/Kategori Perkataan	
1.	Rumah/ Kediaman	i. keluarga ii. rumah iii. ruang tamu iv. bilik tidur	v. bilik air vi. dapur vii. waktu makan viii. pakaian
2.	Komuniti Sosial/Masyarakat	i. kejiranan/tetangga ii. taman rekreasi iii. badan kebajikan iv. hospital/perubatan	v. pasar raya vi. restoran vii. kedai runcit viii. pengangkutan
3.	Makanan	i. sarapan ii. makan tengah hari/malam iii. minuman iv. buah buahan	v. sayur sayuran vi. daging/ikan/ayam vii. makanan ringan/snek viii. pencuci mulut/manisan
4.	Sekolah	i. anggota/orang di sekolah ii. lokasi tempat di sekolah iii. kelas/bilik darjah iv. alatan keperluan sekolah	v. kantin vi. kelas seni vii. kelas muzik viii. kelas gym/sukan
5.	Haiwan/Binatang	i. haiwan ladang ii. haiwan zoo iii. haiwan hutan iv. haiwan laut	v. haiwan peliharaan vi. hidupan liar vii. serangga viii. haiwan unik/merayap

Sumber : Addington (2008). *For nonverbal children: Functional vocabulary kit*

Jadual 2.7 pula menunjukkan senarai tema dan unit kosa kata perkataan berfungsi berdasarkan kit pembelajaran yang diperkenalkan oleh Addington (2008). Perkataan ini dipecahkan kepada lima persekitaran atau tema bagi pembelajaran kosa kata perkataan berfungsi iaitu, (1) tema rumah atau kediaman, (2) tema komuniti sosial atau masyarakat, (3) tema makanan, (4) tema sekolah, dan (5) tema haiwan atau binatang. Setiap tema mengandungi lapan unit atau katogeri perkataan dan setiap unit masing-masing mengandungi 10 perkataan berfungsi. Secara keseluruhan terdapat 400



kosa kata perkataan berfungsi yang sesuai sebagai teras pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Oleh yang demikian dapat dirumuskan, perkataan berfungsi merupakan antara elemen yang penting dalam menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dengan menjadikannya sebagai teras pembelajaran. Pemilihan perkataan atau kandungan pengajaran harus mampu berperanan dalam usaha menerapkan atau membina interaksi antara murid dengan individu dalam persekitaran mereka. Penggunaan inventori perkataan berfungsi berasaskan persekitaran murid, rumah, sekolah dan sosial sesuai diterapkan dalam pengajaran bertujuan agar perkataan yang diajar terhadap murid berdasarkan keadaan, keperluan dan persekitaran murid.



2.9 Pengajaran Berpandukan Modul

Pengajaran berpandukan modul juga bukan sesuatu perkara yang baharu dalam PdP tanpa mengira ketidakupayaan murid. Dalam usaha menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, penggunaan modul pengajaran juga merupakan antara intervensi atau kaedah yang sesuai digunakan kerana mampu memberi implikasi terhadap murid dan GPK masalah pembelajaran.



2.9.1 Ciri-Ciri Modul Pengajaran

Permasalahan dalam kalangan guru seperti mana disentuh oleh Wright (2008), dengan menyatakan majoriti guru tidak mempunyai pengetahuan dalam menangani permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dalam konteks Malaysia isu berkenaan permasalahan guru dalam menjalankan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut disentuh oleh Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012), yang menyatakan GPK masalah pembelajaran tidak mempunyai kemahiran menggunakan komunikasi isyarat tangan dan pengetahuan berkaitan AAC masih di tahap rendah. Berdasarkan intervensi dicadangkan dengan menggunakan kaedah AAC berasaskan komunikasi isyarat dan kaedah bergambar serta berteraskan inventori perkataan berfungsi digabungkan secara bersama di dalam modul pengajaran.

Dalam konteks kajian ini, pembinaan modul pengajaran bertujuan untuk menerapkan kemahiran komunikasi alternatif dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Melalui modul juga dapat membantu guru menjalankan pengajaran yang bersesuaian dengan ketidakupayaan murid. Terdapat pelbagai aspek perlu diambil kira dan diteliti bagi memastikan modul dapat berfungsi dengan baik serta memberi impak seperti mana dikehendaki. Menurut Ikhsan (2012), modul yang baik dapat berfungsi untuk memperjelaskan dan mempermudah pengajaran agar tidak terlalu bersifat lisan dan meningkatkan motivasi.

Menurut Muharja (2013), modul merupakan alat atau bahan pengajaran yang berperanan mempermudah pengajaran sama ada bagi guru atau murid. Alat pengajaran berkenaan disusun secara konsisten di samping memudahkan penerapan



secara efektif prinsip-prinsip atau teras pembelajaran. Muharja turut menegaskan terdapat lapan ciri penting bagi sesebuah modul yang baik iaitu, (1) dapat digunakan oleh sendiri, (2) memenuhi keperluan individu yang berbeza, (3) memiliki tujuan pengajaran yang spesifik dan jelas, (4) menyediakan pengajaran secara sistematik dan berperingkat atau bertahap, (5) dapat memanfaatkan semaksimum mungkin media komunikasi, (6) menekankan aspek penyertaan peserta secara aktif, (7) mempunyai pengukuhan segera bagi pembelajaran, dan (8) perkembangan pembelajaran secara berperingkat.

Shaik Ismail dan Siti Mahani (2004), pula menyatakan sebuah modul yang baik memenuhi ciri-ciri seperti mampu mencapai objektif pembelajaran, bersifat mesra pengguna dan mampu membantu dalam penyampaian pengajaran dengan berkesan. Adam (2010), juga turut menyenaraikan sembilan ciri-ciri sebuah modul yang baik iaitu, (1) mempunyai kandungan yang lengkap, (2) arahan sendiri, (3) perbezaan individu, (4) pernyataan objektif yang jelas, (5) perkaitan urutan dan struktur pengetahuan yang optimun, (6) penggunaan media dan kaedah yang pelbagai, (7) maklum balas mengikut kemajuan, (8) pengukuhan segera, dan (9) penyertaan.

Manakala Nardine (2004) menyenaraikan empat ciri utama dalam membina sesebuah bahan pengajaran berkualiti. Antara ciri-ciri berkenaan ialah seperti, (1) ketepatan kandungan dan boleh dipercayai, (2) mempunyai kepentingan dari aspek konsep kandungan pengajaran yang penting seperti modul atau kemahiran dalam bidang yang berkenaan, (3) kaedah atau bahan yang digunakan mampu berfungsi sebagai bahan alat mengajar yang mampu mencapai objektif pembelajaran dengan





berkesan, dan (4) bahan yang dibina mampu dipersembahkan dengan berkesan dan mesra pengguna.

Johnson (2012) turut menyatakan sesebuah modul yang baik dan berkesan perlu mempunyai sembilan ciri-ciri seperti, (1) modul yang dibina perlu serba lengkap dari segi keperluan kemahiran, (2) mempunyai aras pembelajaran yang sesuai dengan tahap atau keupayaan murid, (3) topik atau kandungan pengajaran harus pendek, padat dan jelas, (4) modul tidak hanya menumpukan kepada pembelajaran sehalu, (5) objektif atau aktiviti perlu disusun dengan baik dan betul, (6) modul perlu ditulis atau dibina dalam bahasa yang jelas dan sesuai dengan tahap keupayaan murid, (7) kandungan modul harus tepat dan sesuai tanpa mengira perubahan keadaan semasa, (8) kandungan modul harus seiring dan tidak bercanggah dengan konsep atau teras pembelajaran yang lain, dan (9) modul harus menjurus kepada mencapai hasil pembelajaran yang berkesan.

Pembinaan sesebuah modul atau bahan pengajaran perlu menepati ciri-ciri dan kriteria seperti mana yang dibincangkan. Ianya bertujuan untuk memastikan modul yang dibina mampu berfungsi dalam mencapai objektif dan matlamat pembelajaran seperti mana ditetapkan. Dalam konteks kajian ini pembinaan modul perlu meneliti dua aspek penting iaitu aspek aras pembelajaran dan aspek kaedah pengajaran. Aspek aras pembelajaran yang bersesuaian diaplikasikan bagi mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah berdasarkan teori pembelajaran kognitif menurut pandangan Bruner. Manakala aspek kaedah pengajaran adalah dengan menerapkan pengajaran menggunakan kaedah AAC. Terdapat tiga elemen penting dalam kaedah ini sesuai ditekankan bagi pengajaran murid BPKMP tanpa komunikasi lisan iaitu dari elemen



bentuk komunikasi, kaedah pengajaran dan teras kandungan pengajaran. Kesemua aspek dan elemen diaplikasikan secara bersama bagi memastikan intervensi mampu memberi kesan seperti mana diharapkan.

Oleh yang demikian dapat dikatakan pembinaan sesebuah modul perlu mengambil kira pelbagai aspek dan elemen penting. Modul yang dibina juga harus mampu berfungsi dengan baik dan memberi impak seperti mana dikehendaki. Dalam konteks kajian ini, modul yang bersesuaian dibina perlu bersifat dwi kesan iaitu memberi kesan terhadap murid dan guru.

2.9.2 Pengajaran Modul Bahasa dan Komunikasi

Pengajaran bahasa dan komunikasi menggunakan modul merupakan pengajaran yang biasa dan lazim digunakan. Melalui modul pengajaran sesuatu PdP itu dapat memudahkan guru untuk menjalankan PdP yang sesuai dengan keupayaan murid. Penggunaan modul dalam pengajaran bahasa secara tidak langsung dapat memudahkan dan menjadi panduan kepada guru dalam menjalankan PdP yang bersesuaian. Melalui modul juga dapat memastikan pengajaran lebih berfokus dan seterusnya mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

Pembinaan modul bahasa dan komunikasi bertujuan untuk menjadi panduan sama ada kepada guru atau murid dalam mempelajari bahasa dan komunikasi. Menurut Adhi dan Andy (2007) modul merupakan satu unit atau fungsi yang lebih kecil dalam memperluaskan fungsi sesuatu program atau pembelajaran. Manakala



Syaiful (2014) menyatakan modul adalah sebuah buku yang dibina bertujuan untuk membantu atau membolehkan penggunaanya belajar secara mandiri tanpa arahan atau bimbingan. Wawasan (2015) pula menyatakan modul merupakan satu instrumen atau alat yang mengandungi bahan, kaedah, limitasi dan cara menilai apa yang dirancang secara sistematik dan menarik bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Menurut Wawasan juga sesuatu kandungan atau pembelajaran dalam sesebuah modul harus dihuraikan secara lengkap dan menyeluruh.

Suryosubroto (1983) membahagikan modul kepada dua jenis iaitu modul pokok atau teras dan modul pengayaan atau pengukuhan. Modul teras merupakan urutan atau kandungan pembelajaran yang harus dipelajari. Kemampuan murid mengikuti atau memahami atau menguasai sesuatu pembelajaran membolehkan murid meneruskan pembelajaran pada peringkat seterusnya. Manakala modul pengukuhan merujuk kepada bahan tambahan bagi memperkukuhkan pembelajaran dan modul ini perlu bersifat meluas dan memperdalamkan sesuatu pembelajaran. Penggunaan modul pengukuhan diperlukan kerana tahap penguasaan seseorang adalah tidak sama. Penggunaan modul ini dapat memberi kelebihan dan motivasi terutamanya bagi murid yang cepat mempelajari sesuatu pembelajaran

Menurut Asep Herry, Hj Permasih dan Laksmi Dewi (2012) modul dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu modul sederhana dan modul kompleks. Modul sederhana merujuk kepada bahan pembelajaran bertulis dalam anggaran tiga hingga lima halaman. Manakala modul kompleks merujuk kepada bahan pembelajaran yang terdiri dalam anggaran 40 hingga 60 halaman dan ia boleh dilengkapi dengan bahan seperti audio, video, latihan, amali dan sebagainya.





Penelitian keberkesanan sesuatu modul banyak dijalankan dan tidak terkecuali bagi modul bahasa dan komunikasi. Azizah (2012) menilai pelaksanaan modul projek penyiasatan bagi meningkatkan komunikasi dan kemahiran sosial murid prasekolah. Dapatan menunjukkan melalui pelaksanaan aktiviti berdasarkan modul tersebut dapat meningkatkan komunikasi antara murid dengan guru, rakan dan individu dalam persekitaran mereka. Penilaian juga mendapati komunikasi yang berlaku ketika aktiviti dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap topik yang dipelajari dan pada masa sama dapat memupuk minat murid terhadap PdP. Selain itu melalui aktiviti yang dijalankan turut memperlihatkan peningkatan kemahiran sosial dalam kalangan murid ketika aktiviti berkumpul.

Nor Hernawawarni, Nor Shafrin dan Rahimi (2014) pula menilai keberkesanan modul kaunseling dalam mengurangkan masalah pemahaman komunikasi yang dialami dalam empat dimensi iaitu perbincangan kumpulan, mesyuarat, dyad dan pengucapan awam. Penelitian turut menilai kesan-kesan yang berbeza dari aspek masa utama dan aspek interaksi berkumpul. Dua pendekatan digunakan iaitu modul ringkas gabungan penyelesaian berfokus kaunseling dan perilaku kognitif bagi kumpulan rawatan dan modul kaunseling kumpulan berfokus *Corey* bagi kumpulan kawalan. Berdasarkan ujian pra, ujian pasca dan ujian susulan yang dijalankan ke atas 60 orang pelajar dari Universiti Utara Malaysia mendapati kedua-dua pendekatan atau modul yang digunakan dapat mengurangkan masalah pemahaman komunikasi dalam kalangan pelajar.

Penelitian dari aspek proses pembangunan dan penilaian kebolegunaan modul terhadap kemahiran Bahasa Melayu dalam kalangan murid pra sekolah turut pernah dijalankan oleh Aliza dan Zamri (2016). Menurut Aliza dan Zamri dalam konteks kajian





yang dijalankan oleh mereka, pembangunan modul melibatkan tiga proses utama iaitu penyediaan bahan, semakan pakar dan penilaian kandungan modul. Hasil dari penelitian menunjukkan interaksi murid dengan bahan permainan dan rakan semasa bermain dapat membantu murid menguasai dan membina kemahiran Bahasa Melayu secara tersendiri atau *emergent* walaupun tanpa bimbingan guru sepenuhnya. Dapatan dari penilaian tersebut dijangka berupaya menjadikan pembelajaran bahasa murid-murid pra sekolah lebih bermakna dan mampu menarik minat murid untuk belajar.

Manakala Zainiah, Juppri, Nur Fatin dan Mazlina (2017) pula menilai tahap perkembangan bahasa dan komunikasi bagi kanak-kanak berumur dua tahun lebih mendapati tahap penguasaan [sedang menguasai] kemahiran bahasa dan komunikasi bagi kanak-kanak Malaysia hanya pada skor min 1.60 atau bersamaan 94 orang.

Dapatan ini menunjukkan perkembangan bahasa dan komunikasi bagi kanak-kanak pada umur tersebut masih keterbelakang berbanding kanak-kanak di negara Barat.

Selain itu Juppri, Zainiah dan Mazlina (2017) turut membuat penilaian terhadap kesan penggunaan modul literasi awal (Modul Lit-A) terhadap pencapaian kemahiran literasi bagi kanak-kanak mengikut jantina. Hasil penilaian mendapati tidak terdapat perbezaan skor min ujian pasca kemahiran literasi awal antara kumpulan rawatan lelaki dengan kumpulan rawatan perempuan. Dapatan menunjukkan kebarangkalian p adalah 0.057 dan nilai aras signifikan α (α) iaitu $0.057 > 0.05$. Berdasarkan dapatan ini bermakna Modul Lit-A tidak dipengaruhi oleh faktor jantina dan ianya sesuai dijalankan terhadap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan bagi membantu mereka menguasai kemahiran literasi awal.





Sharala dan Zamri (2017) pula meneliti dari segi pembinaan modul Bahasa Melayu Komunikasi bagi pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikasi. Hasil penelitian, sebuah modul Bahasa Melayu komunikasi dibangunkan khusus bagi pembelajaran pelajar asing di institusi pendidikan tinggi. Berdasarkan penelitian juga menunjukkan modul tersebut dapat menjadi alternatif kaedah pengajaran bagi diikuti oleh pelajar asing di institusi pengajian tinggi. Penggunaan modul tersebut juga memberi peluang kepada guru untuk menghasilkan pelbagai teknik pengajaran yang dimiliki.

2.9.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul



Penelitian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan merupakan aspek penting bagi sesuatu instrumen yang dibina dan ianya tidak terkecuali bagi instrumen bersifat modul pengajaran. Penelitian dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan modul penting bagi memastikan modul yang dibangunkan bersesuaian dan mampu mencapai objektif yang ditetapkan. Aras kesahan dan kebolehpercayaan modul juga turut mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keupayaan dan keberkesanan sesebuah modul yang dibina.

Menurut Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim (2006) kesahan merupakan alat pengukuran bagi menilai sejauh mana sesuatu instrumen itu mampu mengukur data yang sepatutnya diukur. Kesahan boleh dibahagikan kepada lima jenis kesahan iaitu, (1) kesahan muka, (2) kesahan kandungan, (3) kesahan peramal, (4) kesahan serentak, dan (5) kesahan binaan. Manakala kebolehpercayaan menurut Noor



H., Ibrahim, Aziz & Mohd Yusri (2017) merujuk kepada darjah pengukuran yang dijalankan bebas dari kesilapan dan seterusnya menghasilkan keputusan yang konsisten. Pendekatan berdasarkan ketekalan dalaman digunakan untuk mengukur koefisien kebolehan item-item dalam instrumen.

Seperti mana instrumen-instrumen lain, penilaian modul bahasa dan komunikasi dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan turut banyak dijalankan bagi menilai kualiti, kesesuaian dan kemampuan modul dalam mencapai atau menangani sesuatu permasalahan yang diberikan perhatian. Nur Nazuha Beevi dan Nordin (2017) meneliti kesahan dan kebolehpercayaan modul efikasi pengajaran Bahasa Inggeris. Penilaian kesahan melibatkan tujuh orang pakar dari bidang pendidikan awal kanak-kanak. Manakala penilaian kebolehpercayaan modul dijalankan menerusi tinjauan ke atas 88 orang responden. Hasil dari penilaian kesahan beberapa kesalahan dalam instrumen diperbetulkan berdasarkan ulasan pakar. Bagi penilaian kebolehpercayaan pula, 84 item dianalisis berdasarkan pekali *Alpha Cronbach* menunjukkan nilai kebolehpercayaan modul yang dibina berada pada aras 0.936.

Zainiah, Juppri dan Nazlina (2017) pula menilai kesahan kandungan bagi Modul Literasi Awal (Modul Lit-A). Modul ini memfokuskan kemahiran literasi awal dalam Bahasa Melayu seperti bahasa dan komunikasi, konsep cetakan dan cetakan persekitaran, gonemik dan fonetik, bacaan dan kefahaman naratif dan tulisan awal. Terdapat tiga penilaian kesahan kandungan dijalankan iaitu bagi Modul Lit-A 2+ Tahun dengan penglibatan pakar seramai 12 orang, Modul Lit-A 3+ Tahun dengan penglibatan 10 orang pakar dan Modul Lit-A 4+ Tahun dengan penglibatan lapan orang pakar. Hasil dari penilaian kesahan kandungan menunjukkan ketiga-tiga modul



tersebut mempunyai nilai kesahan kandungan yang tinggi iaitu pada aras 0.856 bagi Modul Lit-A 2+ Tahun, 0.849 bagi Modul Lit-A 3+ Tahun dan 83.4 bagi Modul Lit-A 4+ Tahun. Hasil dari penilaian ini Modul Lit-A boleh dijadikan sumber tambahan bagi memberi pendedahan kemahiran literasi awal pada kanak-kanak.

Manakala Nurul Haniza (2017) menjalankan penilaian ke atas kit asas membaca bagi murid pemulihan khas. Kit yang dibangunkan mengandungi model, modul, buku latihan, buku cerita dan kad imbasan yang bertemakan cerita rakyat. Kaedah triangulasi antara kaedah digunakan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan, pemerhatian jangka masa panjang dan semakan pakar turut dijalankan. Bagi pengukuran kesahan alat kajian, sembilan pakar dalam bidang Bahasa Inggeris telah menilai alat kajian. Melalui penilaian beberapa penambahbaikan dikemukakan. Manakala bagi mengukur kebolehpercayaan data berdasarkan pengiraan *Alpha Cronbach* yang menunjukkan nilai *alpha* dalam ujian pasca lebih tinggi berbanding nilai dalam ujian pra iaitu sebanyak $0.87 > 0.80$.

Rafiza (2013) pula menilai strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian dalam analisis novel Bahasa Melayu. Dalam penelitian ini, *facebook* digunakan sebagai modul pembelajaran bagi membantu penglibatan pelajar. Melalui *facebook* juga dapat membantu mewujudkan interaksi baik antara guru dengan pelajar dalam bentuk komunikasi berasaskan web. Dalam menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen utama yang digunakan iaitu berdasarkan *facebook* sebagai modul pembelajaran, temubual separa berstruktur telah digunakan terhadap setiap peserta kajian yang berjumlah 10 orang pelajar, yang dipecahkan kepada dua kumpulan





dengan masing-masing lima orang pelajar bagi satu kumpulan. Pemilihan dua kumpulan peserta bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang lebih tinggi dan jitu. Dokumen-dokumen seperti bahan yang dikirimkan dalam *facebook* dianalisa mengikut kriteria penskoran yang diubahsuai mengikut kajian.

Muhammad Saiful Haq dan Agus (2011) pula membuat penelitian terhadap penguasaan Bahasa Melayu pada peringkat asas bacaan yang wujud dalam kalangan murid Tahun 1. Antara penelitian yang dijalankan adalah menilai kesahan dan kebolehpercayaan terhadap bahan bantu mengajar iaitu Modul Asas Membaca Tahun 1 dalam meningkatkan tahap penguasaan asas bacaan. Berdasarkan uji kaji tahap kebolehpercayaan bahan ujian bagi kumpulan satu seramai 25 orang murid mencatatkan nilai *Alpha* pada 0.960 untuk pra ujian dan 0.891 pada ujian pasca.

Manakala pada kumpulan kedua seramai 10 orang murid mencatatkan nilai *Alpha* pada 0.978 bagi ujian pra dan pada nilai 0.970 pada ujian pasca. Berdasarkan kedua-dua dapatan data penilaian tersebut kesimpulan menunjukkan instrumen kajian yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi kerana kedua-dua set data mempunyai perhubungan yang kuat. Hasil dari ujian pra dan pasca tersebut membuktikan bahawa subjek kajian menguasai asas bacaan yang berasaskan kepada pendedahan bahasa menggunakan Modul Asas Membaca Tahun 1 dengan tahap pencapaian penguasaan yang baik.





2.10 Rumusan

Pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan harus mengambil kira pelbagai aspek, elemen, pendekatan dan konsep pembelajaran bagi memastikan objektif dan matlamat pengajaran mampu dicapai. Pengajaran bahasa merupakan antara kaedah bagi menangani permasalahan komunikasi. Dalam konteks pengajaran murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, modifikasi pengajaran bahasa adalah berdasarkan kaedah AAC. Terdapat tiga aspek modifikasi iaitu jenis komunikasi, bentuk pengajaran dan teras kandungan pengajaran. Dari aspek jenis komunikasi adalah berdasarkan komunikasi isyarat yang dikatakan lebih baik berbanding jenis-jenis komunikasi lain dalam kelompok AAC kerana boleh diaplikasikan tanpa alat sokongan atau bantuan komunikasi. Manakala dari aspek bentuk pengajaran adalah dengan mengaplikasikan pengajaran berbantuan gambar rajah. Penggunaan gambar rajah dalam PdP mampu meningkatkan kefahaman murid terutamanya bagi perkara yang bersifat abstrak. Aspek teras kandungan pengajaran pula adalah menumpukan kepada pengajaran perkataan berfungsi. Perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan yang lazim digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Pembinaan modul pengajaran dengan menerapkan semua elemen berkenaan merupakan sesuatu yang wajar dilakukan bagi menerapkan kemahiran komunikasi alternatif dalam kalangan murid bagi membantu mereka membina interaksi. Di samping itu, pengajaran berpandukan modul bahasa dan komunikasi juga berdasarkan penelitian terdahulu telah menunjukkan kesan yang baik bukan sahaja kepada murid malah kepada guru dalam usaha mencapai matlamat dan objektif pembelajaran yang ditetapkan.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merujuk kepada proses atau kaedah, atau cara menjalankan sesebuah kajian atau penyelidikan. Seperti mana kajian-kajian lain, kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran isyarat perkataan berfungsi (IPB) bagi murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) tanpa komunikasi lisan turut mempunyai kaedah dan cara tertentu dalam usaha untuk mencapai tujuan dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Penyataan metodologi ini bagi memastikan kajian atau penyelidikan yang dilakukan berjalan dengan teratur dan sistematik. Selain itu penyataan metodologi juga berperanan untuk menjaga kualiti penyelidikan agar dapatan boleh digunakan sebagai bahan rujukan di masa hadapan.



3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan, kesahan dan kebolehpercayaan modul serta kuasi eksperimental. Secara kasar terdapat dua fasa utama iaitu fasa pembinaan modul dan fasa pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan analisis dan penelitian tinjauan literatur, tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul, tinjauan perkataan berfungsi serta penilaian kesahan dan kebolehpercayaan modul. Manakala fasa pengujian modul melibatkan pendekatan kajian kuasi eksperimental bagi menilai tahap perubahan pembelajaran setelah mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pengajaran perkataan berfungsi.

Analisis dan penelitian tinjauan literatur dilakukan bagi membina dan menyenaraikan item soal selidik bagi tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul, tinjauan perkataan berfungsi serta kesahan dan kebolehpercayaan modul. Analisis ini penting khususnya bagi membolehkan tinjauan permasalahan dan penilaian modul dilakukan. Tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul bertujuan untuk menilai permasalahan dan keperluan modul sama ada ianya diperlukan atau tidak dalam usaha membantu guru menjalankan PdP bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Tinjauan perkataan berfungsi pula dilakukan bertujuan untuk menyenaraikan perkataan berfungsi mengikut tingkat keutamaan atau kepentingan sesuatu perkataan berdasarkan pandangan guru pendidikan khas (GPK) masalah pembelajaran. Manakala kesahan dan kebolehpercayaan modul dijalankan bagi menilai modul yang dibina dari aspek kandungan modul dan kesesuaian penggunaan modul dalam sesi PdP. Kesahan dan kebolehpercayaan modul ini melibatkan penilaian pakar dari bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat





serta melibatkan GPK masalah pembelajaran yang terlibat sebagai peserta bagi kajian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul.

Manakala kaedah kuasi eksperimental bertujuan untuk menilai tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan setelah mengikuti sesi PdP perkataan berfungsi. Reka bentuk kuasi eksperimental yang dipilih ialah berdasarkan *pretest-posttest nonequivalent comparison group design*. Menurut Gliner, Morgan dan Leech (2009), reka bentuk ini merujuk kepada perbandingan antara kumpulan yang tidak setara dan pemilihan sampel kajian secara tidak rawak. Berdasarkan reka bentuk ini, peserta kajian bagi sesuatu kumpulan mungkin tidak sama dari segi jumlah jantina atau bangsa antara kumpulan atau peserta kajian bagi setiap kumpulan mungkin tidak sama dari aspek tahap pendidikan atau apa-apa ciri personaliti yang penting. Pemilihan reka bentuk ini disebabkan bilangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan wujud dalam jumlah yang kecil dan sukar untuk membahagikan kumpulan mengikut jantina atau faktor demografi atau apa-apa faktor pembolehubah bagi memastikan bilangan dan penyertaan peserta kajian adalah setara atau seimbang.

3.3 Peserta Kajian

Peserta kajian merupakan aspek penting dalam sesebuah kajian. Bagi kajian ini, pemilihan peserta adalah berdasarkan persampelan pelbagai fasa atau *multi-phase sampling*. Menurut Mok (2009), persampelan pelbagai fasa merujuk kepada perubahan sampel atau peserta kajian dari satu fasa ke fasa yang lain berdasarkan





objektif dan kriteria-kriteria tertentu. Seperti mana kajian oleh Hila, Rosyidatun dan Sujiyo (2015) juga mempunyai dua fasa kajian, dan kajian oleh Sameeha dan Ngew (2013) yang mempunyai tiga fasa kajian turut menggunakan persampelan pelbagai fasa atau peringkat bagi menentukan sampel kajian. Dalam konteks kajian ini terdapat dua fasa iaitu fasa pembinaan modul dan fasa pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan dua kategori peserta kajian iaitu GPK masalah pembelajaran dan pakar dalam bidang masalah pembelajaran serta komunikasi isyarat. Manakala fasa pengujian modul melibatkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Jadual 3.1

Pecahan Peserta Kajian berdasarkan Fasa Penyelidikan

Fasa Kajian	Peringkat/Peserta Kajian	Aspek Penilaian/Kumpulan	Bilangan Peserta
Fasa 1 Pembinaan Modul	Tinjauan Masalah Pengajaran & Keperluan Modul (Guru Pend. Khas)	Menilai Permasalahan dan Keperluan Modul	80 orang
	Tinjauan Senarai Perkataan Berfungsi (Guru Pend. Khas)	Mengenal pasti Perkataan Berfungsi (Persekitaran Murid)	30 orang
	Kesahan Modul Pengajaran (Pakar)	Menilai Aras, Kandungan pembelajaran dan Penggunaan Isyarat	7 orang
	Kesesuaian, rintis dan Kebolehpercayaan modul (Guru Pend. Khas)	Kesesuaian Penggunaan Modul & Kajian Rintis	5 orang
Fasa 2 Pengujian Modul	Kuasi Eksperimental (Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan)	Menilai Pembelajaran Sekolah A (Kumpulan Rawatan)	6 orang
		Menilai Pembelajaran Sekolah B (Kumpulan Kawalan)	6 orang
Jumlah Keseluruhan			134 orang



Jadual 3.1 menunjukkan pecahan peserta kajian mengikut fasa dan peringkat- peringkat penyelidikan. Fasa pembinaan modul melibatkan empat peringkat kajian iaitu, (1) tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul, (2) tinjauan perkataan berfungsi, (3) penilaian kesahan modul serta (4) penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Peringkat tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul melibatkan 80 orang peserta kajian, manakala bagi peringkat tinjauan perkataan berfungsi melibatkan 30 peserta kajian. Kedua-dua peringkat kajian ini melibatkan GPK masalah pembelajaran dan pemilihan peserta berdasarkan enam ciri iaitu, (1) bertugas atau berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), (2) bertugas atau berkhidmat dalam Daerah Kerian, Perak, (3) bertugas atau berkhidmat di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah rendah, (4) bertugas atau berkhidmat sebagai GPK masalah pembelajaran sepenuh masa, (5) telah mengikuti kursus asas pendedahan pendidikan khas, dan (6) pengalaman mengajar sekurang-kurangnya satu tahun kecuali bagi peserta kajian tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul.

Peringkat kesahan modul melibatkan tujuh orang pakar bagi menilai dari aspek aras kandungan modul dan penggunaan isyarat bagi mewakili perkataan berfungsi. Menurut Shanteau (1987), seseorang pakar harus mempunyai beberapa ciri seperti, (1) persepsi atau perhatian yang tinggi, (2) tahu membezakan keutamaan sesuatu isu, (3) memahami sesuatu yang kompleks, (4) keupayaan menyakinkan sesuatu perkara, (5) mampu menyesuaikan sesuatu masalah dengan keadaan semasa, (6) bertanggjawab ke atas pandangan, (7) keyakinan menyelesaikan masalah, (8) pengetahuan luas tentang bidang tertentu, (9) mampu menyelesaikan masalah dengan segera dan baik, dan (10) pemikiran kreatif dalam menangani masalah.



Dalam konteks kajian ini, pemilihan pakar berdasarkan ciri-ciri seperti, (1) terdiri dalam kalangan ahli akademik yang menumpukan kepada masalah pembelajaran atau komunikasi isyarat seperti pensyarah, (2) terdiri dari kalangan institusi yang terlibat secara langsung dengan masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat seperti Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau mana-mana *Non Government Organization* (NGO) yang berkaitan seperti Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), dan (3) terdiri dalam kalangan pendidik yang terlibat secara langsung dengan PdP murid BPKMP atau komunikasi isyarat. Pemilihan pakar dari kalangan pendidik merujuk kepada GPK yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya selama 10 tahun, sama ada dalam bidang masalah pengajaran atau komunikasi isyarat. Pakar dalam kalangan pendidik juga boleh merujuk kepada Guru Penolong Kanan atau Penyelaras Program Pendidikan Khas sama ada dari program PPKI atau SKPK.



Manakala bagi penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul melibatkan lima orang GPK masalah pembelajaran. Ciri-ciri peserta kajian bagi peringkat ini adalah sama seperti peserta kajian bagi tinjauan perkataan berfungsi. Pada peringkat ini, peserta kajian mencuba menggunakan atau mengaplikasikan modul pengajaran yang dibina dalam sesi pembelajaran yang sebenar dalam tempoh tiga minggu. Pada peringkat ini juga, kajian rintis keberkesanan modul ke atas murid turut dijalankan. Akhir dari sesi percubaan atau rintis ini, peserta kajian perlu menilai kesesuaian modul menggunakan instrumen penilaian kesesuaian modul. Kedua-dua kajian kesahan dan rintis (kesesuaian dan kebolehpercayaan modul) ini penting bagi memastikan modul pengajaran yang dibangunkan menepati objektif, sasaran dan





matlamat pembinaan modul serta memastikan dapatan kajian boleh dipercayai serta digunakan sebagai rujukan pada masa hadapan.

Fasa pengujian modul pula merujuk kepada kajian kuasi eksperimental dengan penglibatan 12 orang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dari dua buah sekolah rendah atau PPKI masalah pembelajaran. Semua peserta dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu enam orang bagi kumpulan rawatan (Sekolah A) dan enam orang bagi kumpulan kawalan (Sekolah B). Pemilihan peserta adalah berdasarkan tiga kriteria utama iaitu, (1) murid yang belajar di PPKI masalah pembelajaran sekolah rendah, (2) murid yang mempunyai ketidakupayaan komunikasi dua hala dengan baik, dan (3) murid yang mempunyai salah satu ciri ketidakupayaan bermasalah komunikasi lisan.



Antara ciri-ciri ketidakupayaan komunikasi lisan seperti, (1) mampu mengeluarkan bunyi bahasa seperti sebutan perkataan, tetapi tidak memahami atau faham fungsi atau maksud perkataan yang disebut atau dituturkan, (2) menggunakan bahasa tersendiri atau bunyi-bunyi bukan bahasa yang tidak difahami oleh individu lain, (3) menggunakan bahasa tersendiri atau bunyi-bunyi bukan bahasa yang difahami oleh individu lain, (4) menggunakan isyarat tersendiri seperti menunjuk kepada sesuatu benda atau membuat isyarat tertentu seperti isyarat tangan, ekspresi muka, perbuatan atau kelakuan, dan (5) mempunyai masalah lewat pertuturan yang teruk. Setiap murid yang disenaraikan melalui satu sesi ujian saringan berdasarkan penilaian *Weschler* atau *Wechsler Intelligence Scale for Children* (WISC) yang diubahsuai bagi mengenal pasti murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.





Secara keseluruhan kajian ini melibatkan 137 orang peserta. Penglibatan peserta-peserta kajian ini menepati ciri-ciri jenis persampelan pelbagai fasa. Ini kerana setiap jenis peserta pada peringkat-peringkat kajian mempunyai tujuan atau fungsi yang tidak sama serta berperanan pada waktu atau masa yang berbeza mengikut tujuan atau objektif bagi sesuatu peringkat atau fasa kajian.

3.4 Lokasi Kajian

Secara keseluruhan kajian pembinaan dan pengujian modul dijalankan dalam Daerah Kerian, Perak kecuali bagi penilaian kesahan modul yang dijalankan di sekitar negeri Perak. Bagi kajian kuasi eksperimental bagi tujuan menilai tahap perubahan pembelajaran melibatkan dua buah sekolah atau PPKI masalah pembelajaran sekolah rendah.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada alat dalam menjalankan sesuatu kajian dan ianya mempunyai kepentingan tersendiri. Penggunaan instrumen harus sejajar dengan objektif yang telah digariskan bagi memastikan matlamat dan tujuan kajian dapat dicapai. Perbincangan instrumen kajian dipecahkan kepada tiga topik iaitu, (1) instrumen fasa pembinaan modul, (2) instrumen fasa pengujian modul, dan (3) kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Secara keseluruhan terdapat tujuh instrumen kajian iaitu empat instrumen pada fasa pembinaan modul dan tiga





instrumen pada fasa pengujian modul. Instrumen fasa pembinaan modul melibatkan, (1) soal selidik masalah pengajaran dan keperluan modul, (2) soal selidik senarai perkataan berfungsi, (3) borang penilaian kesahan modul, dan (4) borang penilaian kesesuaian modul. Manakala fasa pengujian modul melibatkan tiga instrumen iaitu, (1) ujian saringan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, (2) modul pengajaran IPB, dan (3) borang penilaian penguasaan perkataan.

3.5.1 Fasa Pembinaan Modul

Instrumen bagi fasa pembinaan modul melibatkan empat instrumen seperti mana yang telah dinyatakan. Penggunaan instrumen bagi fasa ini bertujuan untuk menilai tahap masalah pengajaran dan keperluan modul, membina dan membangunkan modul serta menilai kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul yang dibina.

3.5.1.1 Soal Selidik Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Instrumen soal selidik masalah pengajaran dan keperluan modul digunakan bagi tujuan meninjau dan menilai masalah pengajaran murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dalam kalangan GPK masalah pembelajaran. Instrumen ini juga bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembinaan dan reka bentuk modul pengajaran yang sesuai dibangunkan. Penilaian atau analisis bagi soal selidik ini adalah berdasarkan nilai min dan peratusan. Soal selidik ini melibatkan GPK masalah pembelajaran seramai 80



orang guru yang bertugas di Daerah Kerian, Perak. Soal selidik ini dibina dan dibangunkan berdasarkan literatur.

Jadual 3.2

Analisis Item Soal Selidik Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI			
1.	Jantina	2009	Lee
2.	Umur	2009	Lee
3.	Pencapaian Akademik	2008	Wright
4.	Pengkhususan	2008	Wright
5.	Lokasi	2008	Wright
6.	Pengalaman	2008	Wright
BAHAGIAN B: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN			
7.	Anda mempunyai kemahiran yang mencukupi bagi menangani/mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2010	Noor Aini
8.	Anda mempunyai masalah dalam merancang pengajaran dan pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2008	Wright
9.	Anda mempunyai kesulitan untuk mengajar dan berkomunikasi dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2008	Wright
10.	Bahan pengajaran sedia ada tidak bersesuaian dengan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2013	Norlly dan Hamimah
11.	Anda bersetuju sebuah modul khusus dibina bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2013	Norlly dan Hamimah
12.	Anda merasakan ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran komunikasi.	2009	Toth.
BAHAGIAN C: STRUKTUR DAN REKA BENTUK MODUL			
13.	Pengajaran berteraskan tema keluarga dan persekitaran bersesuaian dengan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2010	Noor Aini

(Bersambung)

Jadual 3.2 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
14.	Anda bersetuju dengan pengenalan pengajaran isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2009	Toth
15.	Penggunaan unsur gambar rajah penting dalam pembinaan modul bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2010	Noor Aini
16.	Aktiviti menyurih penting sebagai aktiviti pengukuhan.	2015	Aliza dan Zamri
17.	Pengenalan perkataan berfungsi adalah sesuai diterapkan dalam pembelajaran.	2010	Noor Aini
18.	Hanya sekitar 1 hingga 5 huruf atau perkataan atau gambar rajah bagi setiap pembelajaran.	2015	Norfishah
19.	Pembinaan modul pengajaran harus disertakan dengan modul latihan sebagai aktiviti latihan dan pengukuhan.	2015	Aliza dan Zamri
20.	Bahan bantu mengajar (BBM) sesuai dibangunkan bersama dengan modul pengajaran.	2010	Noor Aini



Jadual 3.2 menunjukkan rumusan analisis item bagi soal selidik masalah pengajaran dan keperluan modul. Item soal selidik dibina berdasarkan tinjauan literatur dari tujuh jurnal dan artikel iaitu, (1) Wright (2008) sebanyak enam item, (2) Lee (2009) sebanyak dua item, (3) Noor Aini (2010) sebanyak lima item, (4) Norlly dan Hamimah (2013) sebanyak dua item, (5) Toth (2009) sebanyak dua item, (6) Aliza dan Zamri (2015) sebanyak dua item, dan (7) Norfishah (2015) iaitu sebanyak satu item. Berdasarkan rumusan analisis, soal selidik masalah pengajaran dan keperluan modul yang dibina mempunyai empat bahagian iaitu, (1) maklumat demografi, (2) pengajaran dan pembelajaran, (3) struktur dan reka bentuk modul, dan (4) cadangan. Manakala skala penilaian bagi soal selidik ini berdasarkan dwi pilihan iaitu [YA] atau [TIDAK]. Bahagian-bahagian soal selidik adalah seperti berikut (rujuk Lampiran B):





- A. Bahagian A - Maklumat Demografi
Bahagian ini berkaitan dengan maklumat demografi peserta kajian. Terdapat enam item dikemukakan iaitu jantina, umur, kelulusan, pengkhususan, lokasi dan pengalaman mengajar.
- B. Bahagian B - Pengajaran dan Pembelajaran
Bahagian ini berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran melibatkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Terdapat enam item dikemukakan mencakupi keperluan pembinaan modul bagi membantu guru menjalankan pengajaran yang lebih terancang terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.
- C. Bahagian C - Struktur dan Reka Bentuk Modul
Bahagian ini berkaitan dengan struktur dan reka bentuk modul pengajaran yang sesuai dibangunkan. Terdapat lapan item dikemukakan mencakupi dari segi konsep pembelajaran, aktiviti, kandungan pengajaran dan unsur penerapan dalam sesuatu sesi pembelajaran
- D. Bahagian D - Cadangan
Bahagian ini berkaitan dengan cadangan dari aspek reka bentuk atau pembinaan modul pengajaran yang sesuai dibangunkan bagi membantu guru menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.



3.5.1.2 Soal Selidik Senarai Perkataan Berfungsi

Instrumen soal selidik ini digunakan bagi tujuan menyenaraikan senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Pemilihan perkataan adalah berdasarkan nilai min tertinggi. Soal selidik ini dibina berdasarkan tinjauan literatur perkataan dari jurnal dan artikel seperti dari Dolch (1936), Montgomery (2004), Crosbie, Holm dan Dodd (2005), Noor Aini (2010) dan Rohaizah, Marzita dan Noor Aini (2010). Pembinaan soal selidik ini juga adalah berdasarkan penelitian terhadap kit pembelajaran perkataan berfungsi oleh Addington (2008). Selain itu penyenaian perkataan turut melibatkan artikel dari, Laura (2008), Evans (2012), Jones (2013) serta



Kelly dan Kelly (2010) yang menyenaraikan senarai perkataan lazim atau asas bagi kanak-kanak peringkat awal perkembangan.

Berdasarkan tinjauan literatur secara keseluruhan terdapat dua rumusan analisis atau penilaian dilakukan bagi membina dan membangunkan item soal selidik tinjauan perkataan berfungsi iaitu dari aspek tema perkataan berfungsi dan aspek item atau perkataan berfungsi. Penelitian dan analisis ini penting bagi memastikan senarai perkataan yang dikemukakan atau diajar menepati keperluan dan kepentingan perkataan dalam kehidupan harian murid.

Jadual 3.3

Analisis Tema Perkataan Berfungsi

Bil.	Senarai Tema	Sumber	Sumber
1.	Ahli Keluarga/Diri/Orang	2004	Montgomery
		2005	Crosbie et al.
		2008	Laura
		2008	Addington
2.	Makanan dan Minuman	2004	Montgomery
		2005	Crosbie et al.
3.	Alatan/Barangan Lazim	2004	Montgomery
		2005	Crosbie et al.
4.	Perbuatan Lazim	2005	Crosbie et al.
		2008	Laura
5.	Pakaian dan Aksesori	2008	Addington
		2004	Montgomery
6.	Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah	2005	Crosbie et al.
		2008	Addington
		2008	Laura
		2010	Noor Aini
		2010	Rohaizah et al.

Jadual 3.3 menunjukkan rumusan analisis tema perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Tema ahli keluarga/diri/orang dikemukakan oleh Montgomery (2004), Crosbie et al. (2005), Laura (2008) dan Addington (2008). Montgomery dan Crosbie et al. turut mengemukakan tema makanan dan minuman serta tema alatan/barangan lazim. Manakala bagi tema perbuatan lazim dikemukakan oleh Crosbie et al. dan Laura. Tema pakaian dan aksesori pula dikemukakan oleh Addington. Tema terakhir iaitu lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah diutarakan oleh Montgomery, Crosbie et al., Addington, Laura, Noor Aini (2010) dan Rohaizah et al. (2010).

Jadual 3.4

Analisis Item Senarai Perkataan Berfungsi

Tema	Senarai Perkataan/Item	Tahun	Sumber
Ahli Keluarga/Diri/ Jantina (20 item)	ibu, bapa, abang, kakak, lelaki,	1936	Dolch
	perempuan, saya, awak, bayi,	2005	Crosbie et al.
	orang, kawan, adik, datuk, nenek, pak cik, mak cik, sepupu, suami, isteri, anak,	2010	Kelly dan Kelly
Makanan dan Minuman (20 item)	air, kerepek, nasi, sayur, sup, roti,	1936	Dolch
	ikan, ayam, coklat, kek, telur, susu,	2005	Crosbie et al.
	jus, biskut, pisang, buah, udang,	2010	Kelly dan Kelly
	daging, aiskrim, kopi,	2010 2012	Noor Aini Evans
Alatan/Barangan Lazim (40 Item)	wang, meja, jam, katil, kerusi,	1936	Dolch
	kipas, buku, pensel, pemadam	2010	Kelly dan Kelly
	pensel, penyapu, bakul sampah,	2010	Rohaizah et al.
	rak, kertas, cawan, pinggan, sudu,	2010	Jones
	periuk, radio, selimut, cermin, komputer, pembaris, sabun, sikat, beg, almari, gunting, mangkuk, pisau, peti sejuk, televisyen, telefon, garfu, bantal, lampu, berus gigi, ubat gigi, tikar, seterika,	2013	

(Bersambung)

Jadual 3.4 (*sambungan*)

Tema	Senarai Perkataan/Item	Tahun	Sumber
Perbuatan Lazim (20 Item)	makan, ketawa, duduk, tidur, menulis, baca, menyanyi, menangis, mandi, menari, melompat, berjalan, melihat, basuh, berdiri, minum, lari, melukis, mewarna, bermain,	1936	Dolch
		2008	Laura
		2012	Evans
Pakaian dan Aksesori (20 Item)	cincin, topi, kasut, gincu, tali pinggang, baju, seluar, selipar, stokin, tali leher, tudung, pin, kain, sarung tangan, tuala, subang, dompet, songkok, bedak, gelang, rantai,	1936	Dolch
		2010	Kelly dan Kelly
		2012	Evans
		2013	Jones
Lokasi/Tempat/ Sudut/Bahagian Rumah (20 Item)	tandas, sekolah, rumah, pintu, bilik, lantai, tingkap, taman permainan, sinki, bumbung, dinding, siling, kunci, tangga, dapur, ruang tamu, stor, ruang makan, bilik tidur, halaman,	1936	Dolch
		2005	Crosbie et al.
		2010	Kelly dan Kelly
		2010	Rohaizah et al.



Jadual 3.4 pula menunjukkan rumusan analisis item senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Terdapat 20 perkataan disenaraikan pada setiap tema kecuali bagi tema alatan/barangan lazim iaitu sebanyak 40 perkataan. Secara keseluruhan, terdapat 140 perkataan dikemukakan untuk penilaian guru. Dalam konteks pembinaan modul hanya 10 perkataan paling utama dikenal pasti berdasarkan nilai min paling tinggi dari keseluruhan perkataan yang dinilai. Manakala bagi setiap tema disenaraikan 10 perkataan yang mempunyai nilai min tertinggi mengikut tema yang ditetapkan dan senarai perkataan mengikut tema tersebut tidak termasuk 10 perkataan paling utama. Secara keseluruhan sebanyak 70 perkataan berfungsi dikenal pasti bagi membina inventori perkataan berfungsi yang berperanan sebagai kandungan modul pengajaran IPB.





Dalam konteks kajian kuasi eksperimental bagi menilai tahap perubahan pembelajaran, hanya 10 perkataan paling utama digunakan. Penilaian penguasaan perkataan bagi ujian pra dan ujian pasca juga berdasarkan 10 perkataan paling utama tersebut. Berdasarkan rumusan analisis, soal selidik tinjauan senarai perkataan berfungsi yang dibina mempunyai empat bahagian iaitu, (1) maklumat demografi, (2) penilaian tema perkataan, (3) penilaian senarai perkataan berfungsi, dan (4) bahagian cadangan. Skala penilaian bagi soal selidik ini adalah berdasarkan skala *likert* dari nilai satu hingga 10 kecuali bagi bahagian maklumat demografi. Bahagian-bahagian soal selidik adalah seperti berikut (rujuk Lampiran C):

A. Bahagian A - Maklumat Demografi

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat umum peserta kajian seperti lokasi, pengalaman mengajar, tahap pendidikan, kursus dan sebagainya.

B. Bahagian B - Penilaian Tema Perkataan Berfungsi

Bahagian ini merujuk kepada penilaian terhadap tema-tema bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Ianya bertujuan untuk mengenal pasti susunan keutamaan bagi menyusun kandungan pengajaran modul pengajaran IPB. Terdapat enam tema dikemukakan iaitu, (1) ahli keluarga/diri/orang, (2) makanan dan minuman, (3) alatan/barangan lazim, (4) perbuatan lazim, (5) pakaian dan aksesori dan, (6) lokasi/sudut/bahagian rumah.

C. Bahagian C - Penilaian Perkataan Berfungsi

Bahagian ini merujuk kepada penilaian ke atas perkataan-perkataan berfungsi mengikut tema-tema yang ditetapkan. Ianya bertujuan untuk menilai keutamaan sesuatu perkataan berfungsi bagi pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Senarai perkataan dipecahkan kepada enam tema seperti mana tema yang terdapat di Bahagian B. Pecahan-pecahan perkataan berdasarkan tema adalah seperti berikut:

(i) Tema Ahli Keluarga/Diri/Orang

Tema ini merujuk kepada perkataan berkenaan panggilan dalam ahli keluarga, diri, jantina atau orang yang lazim digunakan dalam kehidupan harian di rumah atau sekolah. Terdapat 20 perkataan disenaraikan bagi penilaian antaranya [ibu/emak], [bapa/ayah], [abang], [kakak], [adik].



- (ii) Tema Makanan dan Minuman
Tema ini merujuk kepada perkataan berkenaan makanan atau minuman yang lazim dimakan atau diminum dalam kehidupan harian sana ada di rumah atau sekolah. Terdapat 20 perkataan disenaraikan antaranya [air], [nasi], [sayur], [ikan], [ayam].
- (iii) Tema Alatan/Barangan Lazim
Tema ini merujuk kepada perkataan berkenaan alatan atau barangan lazim yang terdapat dalam sesebuah rumah atau sekolah. Terdapat 40 perkataan disenaraikan antaranya seperti, [sudu], [pinggan], [cawan], [meja], [bangku].
- (iv) Tema Perbuatan Lazim
Bahagian ini merujuk kepada perkataan berkenaan perbuatan atau kelakuan yang lazim dilakukan di rumah atau sekolah dalam kehidupan harian. Terdapat 20 perkataan disenaraikan antaranya seperti [makan], [minum], [mandi], [tidur], [main].
- (v) Tema Pakaian dan Aksesori
Tema ini merujuk kepada perkataan berkenaan pakaian dan aksesori yang lazim digunakan di rumah atau sekolah dalam kehidupan harian. Terdapat 20 perkataan disenaraikan antaranya seperti, [baju], [seluar], [kain], [stokin], [kasut].

- (vi) Tema Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah
Tema ini merujuk kepada perkataan berkenaan lokasi atau bahagian-bahagian yang terdapat dalam sesebuah rumah atau sekolah. Terdapat 20 perkataan disenaraikan antaranya seperti, [pintu], [bilik], [bumbung], [rumah], [lantai].

- D. Bahagian D - Cadangan
Bahagian ini merujuk kepada cadangan atau saranan lain-lain perkataan yang difikirkan bersesuaian tetapi tidak disenaraikan dalam tema-tema yang diberikan. Cadangan juga merangkumi aspek pembinaan dan reka bentuk modul yang difikirkan bersesuaian.

3.5.1.3 Borang Penilaian Kesahan Modul

Borang penilaian kesahan modul bertujuan untuk menilai kandungan modul berdasarkan pandangan pakar. Penilaian ini penting bagi memastikan modul yang dibina menepati objektif dan matlamat pembinaan modul. Pemilihan pakar adalah



dalam kalangan ahli akademik dan institusi yang terlibat secara langsung dalam pendidikan bagi murid BPKMP serta mempunyai pengkhususan dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat. Instrumen ini diubahsuai dan dibangunkan semula berdasarkan instrumen-instrumen penilaian kesahan dari kajian-kajian terdahulu.

Jadual 3.5

Analisis Item Soal Selidik Kesahan Modul

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
BAHAGIAN A: PENILAIAN KANDUNGAN MODUL			
Aras Pembelajaran			
1.	Modul ini sesuai bagi pengajaran murid BPKMP.	2014	Nur Liyana et al.
2.	Konsep dan kaedah yang digunakan sesuai dan bertepatan dengan pembelajaran bagi murid BPKMP	2012	Wahyu Berti
3.	Pembelajaran secara sistematik dan berperingkat.	2012	Wahyu Berti
4.	Kandungan pengajaran modul sesuai dengan keperluan dan tahap intelektual murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2012	Wahyu Berti
5.	Pembelajaran modul dipecahkan kepada sub atau unit-unit kecil.	2003	Chandrika
Kandungan/Sukatan Pengajaran			
6.	Isi kandungan modul ini lengkap dan bersesuaian.	2012	Wahyu Berti
7.	Isi kandungan modul ini sejajar/selaras dengan sukatan pelajaran pendidikan khas masalah pembelajaran.	2013	Chandrika
8.	Senarai perkataan bersesuaian dengan keperluan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2012	Wahyu Berti
9.	Kandungan modul mampu meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2014	Nur Liyana et al.
10.	Kandungan modul menggalakkan murid berkomunikasi/bahasa.	2012	Wahyu Berti

(Bersambung)



Jadual 3.5 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
11.	Kandungan modul bersesuaian dengan tempoh masa pengajaran.	2014	Nur Liyana et al.
12.	Aktiviti atau latihan bersesuaian dan berkaitan dengan objektif dan matlamat pembelajaran.	2013	Chandrika
13.	Kandungan modul berurutan dan saling berkaitan antara tema dengan tema.	2013	Chandrika
14.	Jumlah perkataan bagi sesuatu tema sesuai dengan pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2013	Chandrika
Kaedah dan Konsep Pengajaran			
15.	Simbol atau isyarat yang digunakan betul dan tepat.	2012	Wahyu Berti
16.	Bahan pembelajaran menarik dan bersesuaian.	2012	Wahyu Berti
17.	Konsep pembelajaran bersifat penerapan kemahiran.	2012	Wahyu Berti
18.	Penggunaan gambar rajah bersesuaian dengan perkataan.	2012	Wahyu Berti
19.	Kaedah dan konsep pembelajaran mudah diikuti.	2012	Wahyu Berti
20.	Modul disusun secara lengkap dan teratur serta mudah digunakan.	2012	Wahyu Berti
21.	Kandungan modul ini boleh digunakan dengan sempurna.	2014	Nur Liyana et al.
22.	Bahan bantu mengajar yang digunakan bersesuaian dan dapat membantu aktiviti pembelajaran.	2013	Zulkifli
23.	Bahan pembelajaran menarik dan bersesuaian.	2012	Wahyu Berti
24.	Pembelajaran modul dipecahkan kepada unit-unit yang kecil.	2013	Chandrika
BAHAGIAN B: PENILAIAN PENGGUNAAN BAHASA			
Elemen Penggunaan Perkataan			
25.	Modul ini sesuai bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2012	Wahyu Berti
26.	Konsep dan kaedah yang digunakan betul dan tepat.	2013	Chandrika

(Besambung)

Jadual 3.5 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
Elemen Penggunaan Tulisan			
27.	Jenis tulisan yang digunakan jelas dan mudah dibaca.	2011	Kiong et al.
28.	Saiz tulisan yang digunakan bersesuaian bagi sebuah modul pengajaran.	2013	Saripah Salbiah et al.
29.	Penggunaan variasi huruf (<i>bold, italic, all capital, small capital</i>) bersesuaian dan tidak berlebihan.	2012	Wahyu Berti
BAHAGIAN C: RUMUSAN DAN CADANGAN			
Elemen Penggunaan Modul			
31.	Sesuai digunakan dalam sesi PdP tanpa pindaan atau penambahbaikan.	2012	Wahyu Berti
32.	Sesuai digunakan dalam sesi PdP dengan pindaan atau penambahbaikan.	2012	Wahyu Berti
33.	Tidak sesuai digunakan dalam sesi PdP bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2012	Wahyu Berti

Jadual 3.5 menunjukkan rumusan analisis item soal selidik kesahan modul IPB. Soal selidik ini dibina dan diubahsuai dari soal selidik yang pernah digunakan iaitu dari Chandrika (2003), Kiong et al. (2011), Wahyu Berti (2012) Saripah Salbiah et al. (2013), Zulkifli (2013) dan Nur Liyana et al, (2014). Berdasarkan rumusan analisis, sebanyak 16 item diambil dari kajian oleh Wahyu Berti, tujuh item dari kajian oleh Chandrika dan empat item dari kajian oleh Nur Liyana et al. Manakala masing-masing satu item dari kajian oleh Zulkifli, Saripah Salbiah dan Kiong et al.

Hasil dari rumusan analisis, soal selidik kesahan modul yang dibina dan diubahsuai ini secara keseluruhannya mempunyai 35 item. Soal selidik ini mempunyai empat bahagian iaitu, (1) maklumat diri penilai, (2) penilaian kandungan modul, (3) penilaian penggunaan bahasa, dan (4) rumusan dan cadangan. Skala penilaian bagi



soal selidik ini adalah berdasarkan skala *likert* dari nilai satu hingga 10 kecuali bagi bahagian demografi. Bahagian-bahagian soal selidik adalah seperti berikut (rujuk Lampiran D):

- A. Bahagian A - Maklumat Diri Penilai
Bahagian ini merujuk kepada item-item atau maklumat berkenaan diri penilai mencakupi aspek jawatan, gred bidang dan institusi.
- B. Bahagian B - Penilaian Kandungan Modul
Bahagian ini merujuk kepada item-item berkaitan kandungan modul pengajaran IPB. Terdapat tiga aspek penilaian seperti berikut:
- (i) Aspek Aras Pembelajaran
Bahagian ini mempunyai lima item pernyataan berkenaan aras pembelajaran yang diaplikasikan dalam modul pengajaran.
 - (ii) Aspek Kandungan/Sukatan Pembelajaran
Bahagian ini mempunyai sembilan item pernyataan berkenaan kandungan atau sukatan pembelajaran yang diterapkan dalam modul sebagai bahan pembelajaran.
 - (iii) Aspek Kaedah dan Konsep Pembelajaran
Bahagian ini mempunyai 10 item pernyataan berkenaan kaedah dan konsep pembelajaran yang diaplikasikan dalam modul sebagai kaedah pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.
- C. Bahagian C - Penilaian Penggunaan Bahasa
Bahagian ini merujuk kepada item-item berkaitan penggunaan perkataan dan tulisan yang terdapat dalam modul pengajaran IPB. Terdapat dua elemen penilaian seperti berikut:
- (i) Elemen Penggunaan Perkataan
Bahagian ini mempunyai dua item pernyataan berkaitan perkataan yang digunakan seperti dari aspek ejaan dan laras bahasa yang digunakan dalam modul pengajaran.
 - (ii) Elemen Penggunaan Tulisan
Bahagian ini mempunyai tiga item pernyataan berkaitan penggunaan tulisan seperti jenis, saiz dan variasi huruf.
- D. Bahagian D - Rumusan dan Cadangan
Bahagian ini merujuk kepada rumusan secara keseluruhan dan cadangan-cadangan yang difikirkan bersesuaian bagi penambahbaikan modul. Terdapat dua aspek pernyataan seperti berikut:



- (i) **Rumusan**
Bahagian ini merujuk kepada rumusan secara keseluruhan berkenaan modul pengajaran yang dibina. Terdapat satu item pernyataan dikemukakan dengan tiga pilihan jawapan iaitu sama ada modul bersesuaian dengan penambahbaikan atau modul bersesuaian tanpa penambahbaikan atau modul tidak bersesuaian digunakan bagi pembelajaran murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.
- (ii) **Cadangan**
Bahagian ini merujuk kepada sebarang cadangan atau saranan yang difikirkan perlu atau bersesuaian bagi penambahbaikan modul pengajaran IPB.

3.5.1.4 Borang Penilaian Kesesuaian Modul

Borang soal selidik penilaian kesesuaian modul bertujuan untuk menilai kesesuaian dan kebolehpercayaan modul pengajaran IPB bagi digunakan dalam sesi PdB melibatkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan atau dalam kajian kuasi eksperimental. Penilaian ini melibatkan GPK masalah pembelajaran. Penilaian dilakukan setelah guru menjalankan sesi pengajaran selama tiga minggu menggunakan modul pengajaran yang dibina.

Jadual 3.6

Analisis Item Soal Selidik Kesesuaian Modul

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI			
1.	Jantina	2003	Chandrika
2.	Lokasi sekolah	2003	Chandrika
3.	Pengalaman mengajar	2003	Chandrika
4.	Aliran sekolah	2003	Chandrika

(Bersambung)

Jadual 3.6 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
BAHAGIAN B: MATLAMAT DAN OBJEKTIF			
5.	Modul mempunyai objektif dan matlamat pengajaran dengan jelas.	2003	Chandrika
6.	Saya memahami idea dan konsep pengajaran yang ditekankan oleh modul.	2011	Kiong et al.
7.	Aktiviti atau latihan berkaitan dengan objektif pembelajaran.	2003	Chandrika
8.	Objektif pembelajaran modul ini boleh diukur pencapaiannya.	2003	Chandrika
9.	Modul ini mudah dan saya memahami apa yang perlu saya lakukan dalam pengajaran.	2011	Kiong et al.
BAHAGIAN C: KANDUNGAN MODUL			
10.	Bahan-bahan pembelajaran dalam modul relevan atau sesuai dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2003	Chandrika
11.	Pengajaran berpandukan modul ini dapat membantu murid menguasai kemahiran yang diterapkan.	2013	Zulkifli
12.	Kandungan pengajaran modul ini selaras dengan sukatan pelajaran pendidikan khas.	2003	Chandrika
13.	Jumlah perkataan bagi sesuatu tema sesuai dengan pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2003	Chandrika
14.	Isi kandungan modul ini menarik dan mudah diikuti.	2013	Saripah Salbiah et al.
15.	Dapat memahami keseluruhan maklumat yang disampaikan dalam modul ini.	2013	Saripah Salbiah et al.
16.	Langkah atau arahan pembelajaran dinyatakan dengan jelas.	2003	Chandrika
17.	Bahan bantu pembelajaran bersesuaian dan menarik untuk digunakan.	2003	Chandrika
18.	Susunan tema dan perkataan disusun dengan baik secara berperingkat.	2003	Chandrika
19.	Modul ini membantu saya menjalankan proses pengajaran bahasa yang bersesuaian dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2013	Saripah Salbiah et al.

(Bersambung)

Jadual 3.6 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
BAHAGIAN D: STRUKTUR, REKA BENTUK DAN PERLAKSANAAN			
20.	Aktiviti pembelajaran boleh dilaksanakan dalam masa yang bersesuaian dengan waktu PdP.	2013	Zulkifli
21.	Pembelajaran dalam modul dipecahkan kepada unit/tema yang kecil.	2003	Chandrika
22.	Tajuk dan sub tajuk adalah bersesuaian dengan pembelajaran murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2003	Chandrika
23.	Pembelajaran mempunyai urutan atau kaitan antara satu tema dengan tema pembelajaran yang lain.	2003	Chandrika
24.	Kaedah atau teknik pengajaran dalam modul boleh diaplikasikan dalam pembelajaran lain.	2013	Zulkifli
25.	Cara penyampaian isi kandungan modul tidak membosankan.	2013	Saripah Salbiah et al.
26.	Jumlah gambar rajah dalam modul adalah mencukupi.	2011	Kiong et al.
27.	Gambar rajah atau animasi yang digunakan berkaitan dengan perkataan yang diajar.	2013	Saripah Salbiah et al.
28.	Saiz modul sesuai dan senang digunakan dalam sesi pembelajaran.	2011	Kiong et al.
29.	Bahan bantu pengajaran yang digunakan dalam modul jelas dan membantu sesi pengajaran.	2013	Zulkifli
BAHAGIAN E: BAHASA, TULISAN DAN SIKAP PENERIMAAN			
30.	Perkataan yang digunakan sesuai untuk murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	2003	Chandrika
31.	Jenis tulisan/huruf dalam modul pengajaran mudah dibaca.	2011	Kiong et al.
32.	Saiz tulisan/huruf yang digunakan jelas dan mudah dibaca.	2013	Saripah Salbiah et al.
33.	Semua teks atau perkataan dalam modul dapat difahami dengan baik.	2011	Kiong et al.
34.	Kandungan teks atau perkataan dipecahkan kepada pecahan yang lebih mudah dikendalikan atau diajar.	2003	Chandrika
35.	Saya merasakan modul ini berguna kepada saya dan rakan-rakan (guru) saya.	2003	Chandrika

(Bersambung)

Jadual 3.6 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Item	Tahun	Sumber
36.	Modul ini membantu saya menjalankan PdP dengan lebih baik.	2003	Chandrika
37.	Saya seronok mengajar berpandukan modul ini.	2011	Kiong et al.
38.	Mengajar dengan modul ini memberi kepuasan pengajaran kepada saya.	2003	Chandrika
39.	Saya setuju atau mencadangkan supaya lebih banyak modul seperti ini dihasilkan bagi membantu sesi pembelajaran.	2013	Saripah Salbiah et al.

Jadual 3.6 menunjukkan rumusan analisis item soal selidik kesesuaian modul pengajaran IPB. Soal selidik ini dibina dan diubahsuai berdasarkan kajian-kajian terdahulu seperti dari Chandrika (2003), Kiong et al., (2011), Wahyu Berti, (2012)

Saripah Salbiah et al. (2013) dan Zulkifli, (2013). Secara keseluruhan terdapat 39 item soal selidik dikemukakan iaitu 21 item dari kajian Chandrika, masing-masing tujuh item dari kajian Saripah Salbiah et al. dan Kiong et al. serta empat item dari kajian Zulkifli. Hasil rumusan analisis soal selidik ini mempunyai enam bahagian iaitu, (1) maklumat demografi, (2) matlamat dan objektif, (3) kandungan modul, (4) struktur, reka bentuk dan pelaksanaan, (5) bahasa, tulisan dan sikap penerimaan modul, dan (6) cadangan dan saranan. Skala penilaian bagi soal selidik ini adalah berdasarkan skala *likert* dari nilai satu hingga 10 kecuali pada bahagian demografi. Bahagian-bahagian soal selidik kesesuaian modul ini seperti berikut (rujuk Lampiran E):

A. Bahagian A - Maklumat Demografi

Bahagian ini adalah berkaitan maklumat demografi peserta kajian. Terdapat empat item dikemukakan iaitu seperti jantina, lokasi, pengalaman mengajar dan aliran sekolah



- B. Bahagian B - Matlamat dan Objektif
Bahagian ini berkaitan matlamat dan objektif modul pengajaran IPB. Terdapat lima item dikemukakan bagi penilaian antaranya aspek kejelasan matlamat pengajaran, idea dan konsep serta kefahaman dalam menjalankan pengajaran menggunakan modul pengajaran.
- C. Bahagian C - Kandungan Modul
Bahagian ini berkaitan kandungan modul. Terdapat 10 item dikemukakan antaranya kesesuaian modul dengan pengajaran, keselarasan kandungan modul dengan sukatan pengajaran, BBM dan susunan tema pembelajaran.
- D. Bahagian D - Struktur, Reka Bentuk dan Perlaksanaan
Bahagian ini adalah berkaitan aspek struktur, reka bentuk modul dan pelaksanaan modul dalam sesi PdP bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Terdapat 10 item pernyataan dikemukakan antaranya berkenaan pembahagian unit-unit atau tema, kaedah atau teknik pengajaran, gambar rajah yang digunakan dan saiz modul pengajaran IPB.
- E. Bahagian E - Bahasa, Tulisan dan Sikap Penerimaan Modul
Bahagian ini berkaitan aspek penggunaan bahasa, tulisan dan penerimaan guru terhadap modul pengajaran IPB. Terdapat 10 item pernyataan iaitu jenis dan saiz tulisan atau huruf yang digunakan, manfaat modul terhadap rakan guru, kepuasan dan keupayaan modul membantu sesi PdP.
- F. Bahagian F - Cadangan dan Saranan
Bahagian ini adalah berkaitan cadangan dan saranan yang difikirkan bersesuaian bagi penambahbaikan modul.



3.5.2 Fasa Pengujian Modul

Instrumen bagi fasa pengujian modul merujuk kepada instrumen yang digunakan dalam kajian kuasi eksperimental, yang bertujuan untuk melihat tahap perubahan penguasaan perkataan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Pada fasa ini terdapat tiga instrumen digunakan iaitu, (1) borang ujian saringan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, (2) modul pengajaran IPB, dan (3) borang penilaian penguasaan perkataan (ujian pra dan ujian pasca). Ketiga-tiga instrumen ini berperanan penting dalam menjalankan pengujian modul pengajaran IPB.





3.5.2.1 Ujian Saringan Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan

Ujian saringan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bertujuan untuk menyaring dan memilih peserta kajian bagi kajian kuasi eksperimental. Ujian ini bagi memastikan setiap peserta kajian menepati ciri-ciri seperti mana yang dikehendaki. Ujian *Wechler Intelligence Scale for Children (WISC) - online* yang telah diubahsuai digunakan bagi menjalankan ujian saringan terhadap murid murid BPKMP yang dipilih. Ujian ini diperolehi secara *online* dan dibuat beberapa pengubahsuaian terhadap item ujian tersebut. Secara keseluruhan terdapat tiga jenis pengubahsuaian iaitu dari aspek bahasa, bentuk susunan jawapan bagi item dan item ujian. Pengubahsuaian bahasa merujuk kepada penterjemahan bahasa yang digunakan iaitu dari bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Manakala pengubahsuaian susunan jawapan merujuk kepada pindaan kedudukan jawapan bagi item soalan yang dikemukakan. Pengubahsuaian item soalan hanya merujuk kepada pertukaran item kedua bagi ujian WISC.

Rajah 3.1 menunjukkan contoh pengubahsuaian termasuk pengubahsuaian item kedua. Pengubahsuaian item adalah kerana pernyataan item kurang bersesuaian dengan persekitaran murid BPKMP di Malaysia. Item asal mengemukakan pernyataan berkenaan *Jack-O-Latern*. Namun sambutan bagi mewakili simbol *Jack-O-Latern* bukan merupakan majlis atau acara umum di Malaysia. Simbol *Jack-O-Latern* merujuk kepada hiasan labu yang diukir bagi sambutan *Halloween*. Secara dasarnya pernyataan bagi item kedua adalah bersifat perwakilan bagi sesuatu maksud. Oleh itu bagi item kedua, pernyataannya ditukar kepada [pakaian] yang difikirkan lebih bersesuaian dengan persekitaran murid.




2. Point to the Jack-O-Lantern.



- Top left picture
 Top right picture
 Bottom left picture
 Bottom right picture

Soalan/Item Asal

2. Benda apakah yang merujuk kepada pakaian?



- Gambar atas sebelah kiri
 Gambar atas sebelah kanan
 Gambar bawah sebelah kiri
 Gambar bawah sebelah kanan

Diubahsuai

Rajah 3.1. Pengubahsuaian Item Ujian Saringan WISC

Berdasarkan semakan dan pengubahsuaian item bagi ujian WISC-online tersebut, ujian saringan ini mempunyai enam bahagian iaitu, (1) maklumat peserta/murid, (2) item penilaian aras rendah/prasekolah, (3) item penilaian tahap 1 & 2, (4) item penilaian tahap 3 & 4, (5) item penilaian tahap 5 & 6, (6) keputusan.

Secara keseluruhan terdapat 20 item pernyataan dikemukakan sebagai item ujian saringan. Bahagian-bahagian borang ujian saringan murid BPKMP tanpa komunikasi

lisan adalah seperti berikut (rujuk Lampiran F):

- A. Bahagian A - Maklumat Peserta/Murid
Bahagian ini adalah berkenaan maklumat asas pengujian iaitu seperti nama sekolah, nama murid, jenis ketidakupayaan dan program.
- B. Bahagian B - Item Penilaian Aras Rendah/Prasekolah
Bahagian ini adalah berkenaan ujian penilaian bagi aras rendah atau aras prasekolah. Pada bahagian ini, terdapat lima item pernyataan berbantuan gambar rajah dikemukakan. Item-item yang diajukan berkaitan dengan sifat, perwakilan, bentuk, perbuatan dan warna. Jawapan dikemukakan dalam bentuk pilihan jawapan.
- C. Bahagian C - Item Penilaian Tahap 1 & 2
Bahagian ini adalah berkenaan ujian penilaian bagi aras tahap 1 dan tahap 2. Pada bahagian ini, terdapat lima item pernyataan berbantuan gambar rajah dikemukakan. Item-item yang diajukan berkaitan bilangan atau jumlah. Jawapan dikemukakan dalam bentuk pilihan jawapan.



- D. Bahagian D - Item Penilaian Tahap 3 & 4
Bahagian ini adalah berkenaan ujian penilaian bagi aras tahap 3 dan tahap 4. Pada bahagian ini, terdapat lima item pernyataan berbantuan gambar rajah dikemukakan. Item-item yang diajukan berkaitan padanan, jenis dan kesesuaian. Jawapan dikemukakan dalam bentuk pilihan jawapan.
- E. Bahagian E - Item Penilaian Tahap 5 & 6
Bahagian ini adalah berkenaan ujian penilaian bagi aras tahap 5 dan tahap 6. Pada bahagian ini, terdapat lima item soalan berbentuk pernyataan dikemukakan. Item-item pernyataan yang diajukan berkaitan dari segi susunan keutamaan dan penyelesaian masalah. Jawapan dikemukakan dalam bentuk pilihan jawapan.
- F. Keputusan
Bahagian ini merujuk kepada rumusan analisis dapatan dari ujian saringan yang dijalankan. Melalui rumusan ini membolehkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dikenal pasti dan dipilih sebagai peserta kajian bagi kuasi eksperimental.

3.5.2.2 Modul Pengajaran Isyarat Perkataan Berfungsi



Modul pengajaran IPB merupakan antara instrumen utama dalam usaha mencapai objektif dan matlamat kajian. Dalam konteks pengujian modul bagi menilai tahap perubahan pembelajaran, modul ini digunakan hanya oleh guru bagi kumpulan rawatan. Secara kasar, modul ini mempunyai empat bahagian utama iaitu, (1) bahagian asas, (2) bahagian informasi permasalahan murid, (3) bahagian pengajaran dan pembelajaran, dan (4) BBM (rujuk Lampiran G). Bahagian asas merujuk kepada halaman kulit modul, isi kandungan, falsafah, matlamat, misi dan objektif pembinaan modul serta pra kata atau kata-kata aluan. Rajah 3.2 menunjukkan contoh halaman bahagian asas modul pengajaran IPB seperti halaman kulit hadapan, bahagian isi kandungan, falsafah dan visi.





Siti Kandungan

Isi Kandungan	ii
Falsafah, Misi, Visi dan Objektif Pendidikan Khas	iii
Peta Keta	v
Bahagian 1	
Kenali Murid Bermasalah Pembelajaran Tanpa Komunikasi	
➤ Pengenalan 2	
➤ Definisi 2	
➤ Ciri-Ciri 4	
➤ Permasalahan	6
➤ Rumusan	10
Bahagian 2	
Pengajaran Dan Pembelajaran Inventori Sinar Permata	
➤ Kenali Ijazah Asas	
- Pengenalan	12
- Penyelesaian Ijazah	13
- Ijazah Malarif	14
- Ijazah Ingkaps	16
➤ Inventori Sinar Permata	
- Spesifikasi Pergerakan Utama	17
- Tema 1: Abil Keluarga / Diri / Orang	28
- Tema 2: Makanan Dan Nutrisi	39
- Tema 3: Alat / Benda Biasa	50
- Tema 4: Peristiwa Lain	72
- Tema 5: Kegiatan Dan Kejadian	83
- Tema 6: Lokasi / Jalan / Bahagian Rumah	94
Rujukan	105

Falsafah

Pendidikan khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdaya, berkemampuan merancang dan menguruskan kehidupan serta berpotensi diri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara

Misi

Pendidikan berkualiti menjana kecermerlangan murid berkeperluan khas selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan

Rajah 3.2. Halaman Bahagian Asas Modul Pengajaran IPB

Rajah 3.3 pula menunjukkan contoh halaman bagi bahagian informasi dan permasalahan murid. Bahagian ini bertujuan memberi maklumat kepada guru berkenaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Pada bahagian ini terdapat tiga sub tajuk iaitu definisi, ciri dan kaedah menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penjelasan berkenaan sub-sub tajuk ini penting bagi memastikan guru lebih mengenali dan memahami permasalahan murid sebelum menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.



kepada interaksi komunikasi dengan murid. Penggunaan flash card atau gambar rajah yang menarik sesuatu maknuk perkataan boleh digunakan bagi menjadi bahan alternatif menyampaikan maknuk.

Permasalahan murid BPTK dapat dikatakan berguna dari kemahiran perkembangan teknologi hingga ke objektif perkembangan sains bahasa. Kemahiran perkembangan teknologi boleh diwujudkan genom satu faktor pendidikan. Diwujudkan keidolupayaan murid berkomunikasi sains lisan menyebarkan murid mempunyai masalah untuk membina hubungan interaksi sosial sains murid dengan individu dalam pendidikan mereka. Banyak ciri-ciri keidolupayaan bagi seseorang murid BPTK yang telah dikenal pasti dan sebaliknya ciri-ciri berkenaan tidak sama antara satu murid dengan murid yang lain. Terdapat banyak cara dan kaedah boleh dilakukan bagi menangani permasalahan murid BPTK dalam usaha membina hubungan komunikasi bagi membantu murid membina hubungan interaksi sosial dengan individu dalam pendidikan mereka.

Pengenalan

Dunia pendidikan khas merupakan satu bidang yang luas dengan kepelbagaian jenis masalah atau keidolupayaan. Antara keidolupayaan yang wujud dalam kalangan murid berkeperluan khas adalah murid bermasalah pembelajaran atau komunikasi yang turut dikenali dengan istilah *non-verbal learning disabilities*. Permasalahan utama bagi murid berkenaan adalah dari aspek kemampuan murid berkomunikasi secara lisan. Selainnya keidolupayaan berkomunikasi lisan dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran bersifat sempit dengan keidolupayaan utama yang dimiliki oleh seseorang murid. Kerujukan masalah atau keidolupayaan secara bersama ini menjadikan permasalahan ini sesuatu yang unik dan memerlukan kaedah menangani yang tersendiri. Ini penting dalam memastikan pembelajaran murid berkenaan dengan keidolupayaan serta memepati keperluan murid bagi memastikan murid memperolehi kehidupan lebih bermakna.

Definisi

Permasalahan murid BPTK seperti mana yang telah dinyatakan wujud secara bersama dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Permasalahan ini perlu diberi perhatian dalam memastikan semua murid berhak mendapat pendidikan sewajarnya dan berkenaan dengan keidolupayaan yang dimiliki. Pemahaman dari aspek definisi dan ciri adalah penting bagi memastikan guru pendidikan khas bermasalah pembelajaran mampu mengenal dan merancang intervensi yang berkenaan.

Ciri-Ciri

Little (1999), menyenaraikan ciri-ciri murid BPTK berdasarkan diri *social academic, visual-spatial, motor* dan *emotional (SAVME)*. *Social* merujuk kepada keidolupayaan untuk memahami komunikasi bukan lisan dan kelakuan yang benar dalam penilaian sosial dan hubungan interaksi sosial. *Academic* merujuk kepada permasalahan dalam matematik, memahami pembacaan, bermasalah menulis, bermasalah dalam mengorganisasi atau mengatur, menyelesaikan masalah dan banyak memberi alasan atau sebab. Dari aspek kelakuan dalam akademik murid BPTK mempunyai kelakuan lisan, memberi perhatian pendengaran dan kelakuan memori. *Visual-spatial* pula merujuk kepada masalah dalam menafir imej, bermasalah dalam menggambarkan temali, bermasalah di dalam menafir dan media hubungan ruang atau bermasalah ruang. *Motor* merujuk kepada bermasalah dalam menyelaraskan koordinasi, mengembang dan kesukaran di dalam motor halus. Masalah yang terakhir adalah *emotional* iaitu merujuk kepada permasalahan *anxiety* yang kerap.

Rozita (2012), menyenaraikan *anxiety* bermaksud kemarahkan secara tiba-tiba, masalah *anxiety* ini ialah suatu bualan emosi yang meladak-ladak sehingga hilang kawalan diri. *Temper tantrum* sering muncul pada usia murid 15 bulan hingga enam tahun. *Tantrum* biasanya terjadi pada murid *hyperactive*. *Tantrum* juga lebih mudah terjadi apabila murid yang dianggap bermasalah dengan ciri-ciri seperti tidak cukup tidur, makan dan proses perkembangan sains tidak teratur, kelak dengan imani bahawa satu orang yang tidak disenali, lambat beradap terhadap perubahan, emosi yang tidak tenang dan sering bersifat negatif, mudah marah dan mudah menaggu serta bermasalah dalam mengalihkan

Rajah 3.3. Halaman Bahagian Informasi dan Permasalahan Murid

Rajah 3.4 pula menunjukkan contoh halaman bahagian pengajaran dan pembelajaran modul pengajaran IPB. Bahagian ini, dipecahkan kepada tiga sub topik iaitu (1) pengenalan dan asas komunikasi isyarat, (2) pembelajaran 10 perkataan utama bagi isyarat perkataan berfungsi, dan (3) pembelajaran isyarat perkataan berfungsi yang dipecahkan kepada enam tema. Konsep modul berbentuk arahan kepada guru untuk membentuk isyarat bagi perkataan-perkataan berfungsi. Penerangan langkah demi langkah diberikan bagi membolehkan guru membantu murid membina isyarat menggunakan jari dan tangan.

	ikut anak panah.
	Pergerakan pertama ikut anak panah yang bertitik, pergerakan kedua ikut anak panah yang bergaris.
	Tangan yang bertitik menunjukkan kedudukan tangan sebelum bergerak.

Aa		Bb	
Cc		Dd	
1		2	
3		4	



emak

Arakan Pembelajaran Iyazrat
Langkah 1 - Guru memegang tangan murid bagi membahagikan tangan kanan dan kiri dan mengaitkan injang 'tu' pada setiap tangan. Setelah itu, guru menunjukkan perkataan "emak".

nasi

Arakan Pembelajaran Iyazrat
Langkah 1 - Guru memegang tangan murid bagi membahagikan tangan kanan dan kiri dan mengaitkan injang 'tu' pada setiap tangan. Setelah itu, guru menunjukkan perkataan "nasi".

tidur

Arakan Pembelajaran Iyazrat
Langkah 1 - Guru memegang tangan kanan murid bagi membahagikan tangan kanan dan kiri dan mengaitkan injang 'tu' pada setiap tangan. Setelah itu, guru menunjukkan perkataan "tidur".

Rajah 3.4. Halaman Bahagian Pengajaran dan Pembelajaran

Rajah 3.5 pula menunjukkan contoh kad imbasan bagi bahagian keempat modul pengajaran IPB. Kedudukan kad-kad berkenaan adalah pada belakang halaman kulit hadapan dan kulit belakang modul. Setiap tema mengandungi 10 kad imbasan dan 10 kad imbasan bagi perkataan utama. Selain itu turut disediakan 12 kad imbasan bagi isyarat asas [abc] dan isyarat asas bagi nombor. Setiap kad imbasan berukuran 10x7 sentimeter (cm). Modul ini dibina sebegini bagi memudahkan guru menjalankan pengajaran kerana turut disertakan kad imbasan BBM untuk digunakan ketika sesi PdP.



Rajah 3.5. Kedudukan dan Kad Imbasan Isyarat Perkataan Berfungsi

3.5.2.3 Borang Penilaian Penguasaan Perkataan

Borang penilaian penguasaan perkataan merujuk kepada instrumen bagi ujian pra dan ujian pasca. Borang penilaian ini digunakan bagi menilai tahap penguasaan perkataan bagi kedua-dua kumpulan peserta kajian kuasi eksperimental. Pembinaan instrumen ini turut mengambil kira elemen atau ciri-ciri interaksi. Menurut Kun Maryanti dan Juju Suryawati (2006) terdapat empat ciri-ciri interaksi iaitu, (1) jumlah perlakunya lebih dari seorang, (2) berlaku komunikasi antara perlaku kontak sosial, (3) mempunyai maksud atau tujuan yang jelas, dan (4) dilaksanakan melalui suatu pola


sistem sosial tertentu. Agung dan Raharjo (2009) turut menyenaraikan empat ciri-ciri interaksi iaitu, (1) jumlah pelaku dua orang atau lebih, (2) wujud komunikasi antara pelaku dengan menggunakan simbol atau lambang, (3) wujud suatu dimensi waktu yang meliputi masa lalu, masa kini dan masa datang, dan (4) terdapat tujuan yang hendak dicapai sebagai hasil dari interaksi.

Instrumen ini dibina dengan mengambil kira beberapa elemen sifat perkataan. Setiap perkataan yang dinilai merujuk kepada satu-satu maksud yang jelas dan tidak bersifat dwi makna atau lebih dari satu makna. Elemen ini penting bagi membolehkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menyampaikan maksud atau menerima pesanan dengan jelas dan tepat. Selain itu elemen peranan atau fungsi perkataan turut diambil kira, di mana perkataan yang dinilai adalah berkaitan dengan norma sesuatu masyarakat. Seperti mana yang telah dinyatakan perkataan yang dinilai merupakan perkataan berfungsi atau perkataan asas yang lazim digunakan dalam kehidupan harian di sesuatu masyarakat. Penyenaraian perkataan berfungsi dipengaruhi oleh faktor sosial dan geografi sesuatu masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, penilaian penguasaan perkataan berdasarkan dua aspek utama iaitu aspek pengetahuan perkataan dan aspek kefahaman perkataan. Aspek pengetahuan perkataan bertujuan untuk menilai sama ada murid mengetahui atau tidak sesuatu perkataan. Manakala aspek kefahaman perkataan bertujuan untuk menilai sama ada murid memahami maksud bagi perkataan. Senarai perkataan berfungsi dipilih berdasarkan perkataan-perkataan yang mempunyai aras atau tingkat persetujuan yang tinggi hasil dari tinjauan perkataan berfungsi. Secara kasar instrumen penilaian ini mempunyai tiga bahagian utama seperti berikut:

- A. Bahagian A - Maklumat Umum
Bahagian ini adalah berkaitan dengan maklumat umum ujian seperti nama sekolah, nama penguji dan murid, jenis ujian, tarikh dan jenis kumpulan peserta kajian.
- B. Bahagian B - Penilaian Pengetahuan Perkataan
Bahagian ini adalah berkaitan pengetahuan perkataan terhadap penguasaan perkataan-perkataan berfungsi yang akan atau telah diajar. Bahagian ini mempunyai 10 soalan atau perkataan berfungsi yang dipilih berdasarkan darjah atau tahap keutamaan yang tinggi hasil dari tinjauan perkataan berfungsi. Murid hanya perlu memilih satu jawapan bagi setiap soalan yang diajukan.
- C. Bahagian C - Penilaian Kefahaman Perkataan
Bahagian ini adalah berkaitan kefahaman murid terhadap perkataan-perkataan berfungsi yang akan atau telah diajar. Bahagian ini mempunyai 10 soalan atau perkataan berfungsi seperti mana perkataan-perkataan di Bahagian B. Pada bahagian ini, murid perlu memilih dua jawapan bagi setiap soalan yang diajukan.

Terdapat dua bentuk borang penilaian penguasaan perkataan digunakan bagi menjalankan sesi ujian pra dan ujian pasca. Perbezaan borang penilaian penguasaan perkataan ini adalah disebabkan perbezaan dari aspek format pengujian namun tidak melibatkan item atau soalan pengujian. Rajah 3.6 dan 3.7 menunjukkan perbezaan format pengujian iaitu berdasarkan kaedah konvensional dan kaedah komunikasi isyarat. Penggunaan dua jenis borang penilaian penguasaan perkataan ini adalah berdasarkan perbezaan kaedah pengajaran yang digunakan. Bagi kumpulan kawalan, kaedah pengajaran yang diaplikasikan sepanjang sesi PdP adalah berdasarkan kaedah konvensional yang lazim digunakan oleh GPK masalah pembelajaran. Manakala bagi kumpulan rawatan, kaedah pengajaran yang diaplikasikan adalah berdasarkan kaedah komunikasi isyarat berpandukan modul pengajaran IPB.




soalan 9

soalan
5



minum

Rajah 3.6. Format Pengujian Berdasarkan Kaedah Konvensional



soalan 9

soalan
5



tbupsi

Rajah 3.7. Format Pengujian Berdasarkan Kaedah Komunikasi Isyarat

Perbezaan format pengujian penilaian penguasaan perkataan hanya diaplikasikan pada sesi ujian pasca di mana kumpulan kawalan menggunakan borang penilaian penguasaan perkataan kaedah konvensional, manakala kumpulan rawatan menggunakan borang penilaian penguasaan perkataan kaedah komunikasi isyarat. Berdasarkan perbezaan format pengujian borang penilaian penguasaan perkataan dibina dalam dua bentuk seperti berikut:



- (i) **Borang Penilaian Penguasaan Perkataan - Kaedah Konvensional**
Borang penilaian ini digunakan khusus bagi ujian pra dan ujian pasca untuk kumpulan kawalan. Selain itu borang ini juga digunakan bagi ujian pra kumpulan rawatan. Kaedah pengujian bagi penilaian ini adalah berdasarkan perkataan. Pengujian ini memerlukan bantuan guru dari aspek menyebut perkataan seperti mana yang dinyatakan dalam borang penilaian. Manakala murid perlu memilih gambar rajah berdasarkan sebutan guru. Pemilihan jawapan atau gambar rajah sepenuhnya daripada murid tanpa bantuan dari guru bagi memilih jawapan yang betul. Murid perlu menandakan (✓) pada kotak yang disediakan bagi Bahagian A dan membulatkan jawapan yang dipilih bagi Bahagian B. Sekiranya murid tidak mampu untuk menanda atau membulatkan jawapan, bantuan guru diperlukan bagi menanda atau membulatkan jawapan yang dipilih oleh murid (rujuk Lampiran H)
- (ii) **Borang Penilaian Penguasaan Perkataan - Kaedah Isyarat**
Borang penilaian ini digunakan khusus pada ujian pasca bagi kumpulan rawatan sahaja. Kaedah pengujian bagi penilaian ini adalah berdasarkan gambar rajah simbol isyarat. Pengujian ini memerlukan bantuan guru dari aspek menunjukkan gambar rajah simbol isyarat kepada murid seperti mana yang terdapat dalam borang penilaian. Manakala murid perlu memilih gambar rajah berdasarkan gambar rajah simbol isyarat. Pemilihan jawapan atau gambar rajah sepenuhnya daripada murid tanpa bantuan dari guru bagi memilih jawapan yang betul. Murid perlu menandakan (✓) pada kotak yang disediakan bagi Bahagian A dan membulatkan jawapan yang dipilih bagi Bahagian B. Sekiranya murid tidak mampu untuk menanda atau membulatkan jawapan, bantuan guru diperlukan bagi menanda atau membulatkan jawapan yang dipilih oleh murid (rujuk Lampiran I)

3.5.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen turut merupakan aspek penting dalam penyelidikan. Penelitian aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen bertujuan untuk memastikan kebolegunaan dapatan kajian bagi rujukan pada masa hadapan. Semua instrumen yang digunakan dalam kajian ini dibina dan diubahsuai berdasarkan kajian dan artikel-artikel terdahulu. Terdapat lima analisis kesahan dan kebolehpercayaan instrumen iaitu, (1) instrumen tinjauan masalah pengajaran dan





keperluan modul, (2) instrumen tinjauan perkataan berfungsi, (3) instrumen penilaian kesahan modul, (4) instrumen penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul, dan (5) instrumen penilaian penguasaan perkataan.

3.5.3.1 Instrumen Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Jadual 3.7

Kesahan Instrumen Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Bil.	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Nilai Kesahan
1.	Pengajaran dan Pembelajaran	40.17	8.03	0.80
2.	Struktur dan Reka Bentuk Modul	38.13	7.63	0.76
Jumlah Purata		39.15	7.83	0.78



Jadual 3.7 menunjukkan analisis kesahan bagi instrumen tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul. Instrumen ini bertujuan untuk menilai tahap masalah pengajaran dan keperluan modul dalam kalangan GPK masalah pembelajaran. Berdasarkan jadual menunjukkan nilai kesahan bagi sub bahagian pengajaran dan pembelajaran memperoleh skor sebanyak 40.17 dengan nilai kesahan pada aras 0.80. Pada sub bahagian struktur dan reka bentuk pula memperoleh skor sebanyak 38.13 dengan nilai kesahan 0.76. Secara purata menunjukkan nilai kesahan bagi instrumen tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul berada pada aras 0.78. Ini menunjukkan aras kesahan bagi instrumen ini berada pada aras yang baik.





Jadual 3.8

Kebolehpercayaan Instrumen Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Bil.	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	0.83	0.905	18

Jadual 3.8 menunjukkan analisis bagi penilaian kebolehpercayaan instrumen tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul. Berdasarkan jadual, analisis nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi nilai item standard berada pada aras 0.905 dengan bilangan item yang dianalisis berjumlah 18. Secara keseluruhan menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi instrumen ini berada pada aras 0.83. Ini menunjukkan aras kebolehpercayaan instrumen bagi memperoleh data masalah pengajaran dan keperluan modul berada pada aras yang baik. Menurut Mohd Majid (1990) jika nilai pekali kebolehpercayaan data melebihi dari 0.60 ianya boleh digunakan.

3.5.3.2 Instrumen Tinjauan Perkataan Berfungsi

Jadual 3.9

Kesahan Instrumen Tinjauan Perkataan Berfungsi

Bil.	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Nilai Kesahan
1.	Penilaian Kesesuaian Tema	39.0	7.80	0.78
2.	Penilaian Item Setiap Tema	40.0	8.00	0.80
	Jumlah Purata	39.50	7.90	0.79



Jadual 3.9 menunjukkan analisis kesahan bagi instrumen tinjauan perkataan berfungsi. Instrumen ini bertujuan untuk menilai tahap keutamaan tema dan perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid dalam kalangan GPK masalah pembelajaran. Berdasarkan jadual menunjukkan nilai kesahan bagi sub bahagian penilaian kesesuaian tema memperoleh skor sebanyak 39.0 dengan nilai kesahan pada aras 0.78. Pada sub bahagian penilaian item setiap tema pula memperoleh skor sebanyak 40.0 dengan nilai kesahan 0.80. Secara purata menunjukkan nilai kesahan bagi instrumen soal selidik tinjauan senarai perkataan berfungsi berada pada aras 0.79. Ini menunjukkan aras kesahan bagi instrumen ini berada pada aras yang baik.

Jadual 3.10

Kebolehpercayaan Instrumen Tinjauan Perkataan Berfungsi

Bil.	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	0.99	0.993	153

Jadual 3.10 menunjukkan analisis bagi penilaian kebolehpercayaan instrumen tinjauan senarai perkataan berfungsi. Berdasarkan jadual, analisis nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi nilai item standard berada pada aras 0.993 dengan bilangan item yang dianalisis berjumlah 153. Secara keseluruhan menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi instrumen ini berada pada aras 0.99. Ini menunjukkan aras kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi memperoleh data tinjauan perkataan berfungsi berada pada aras yang baik. Menurut Hair, Black, Babin dan Anderson (2009) nilai pekali *Alpha Cronbach* yang baik dan umum diterima ialah pada aras 0.70 dan nilai ini dipersetujui oleh ramai pakar. Analisis juga menunjukkan



nilai pekali *Alpha Cronbach* menghampiri kepada 1.0 yang mana menurut Gay, Mills, dan Airasian (2009) ianya merujuk kepada item bagi instrumen mempunyai aras yang tinggi di samping ralat terhadap pengukuran adalah rendah.

3.5.3.3 Instrumen Penilaian Kesahan Modul

Jadual 3.11

Kesahan Instrumen Penilaian Kesahan Modul

Bil.	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Nilai Kesahan
1.	Aras Pembelajaran	37.0	7.40	0.74
2.	Kandungan/Sukatan Pembelajaran	33.6	7.33	0.73
3.	Kaedah dan Konsep Pembelajaran	38.4	7.68	0.76
4.	Penggunaan Perkataan	32.5	6.50	0.65
5.	Penggunaan Tulisan	31.6	6.33	0.63
Jumlah Purata		35.25	7.05	0.70

Jadual 3.11 menunjukkan analisis kesahan bagi instrumen penilaian kesahan modul. Instrumen ini bertujuan untuk menilai tahap kesahan modul pengajaran IPB berdasarkan pandangan pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat. Pada sub aras pembelajaran menunjukkan skor sebanyak 37.0 dengan nilai kesahan pada aras 0.74. Sub kandungan/sukatan pembelajaran memperoleh skor sebanyak 33.6 dengan nilai kesahan 0.73. Bagi sub kaedah dan konsep pembelajaran memperoleh skor 38.4 dan 0.76 bagi aras kesahan. Manakala bagi sub penggunaan perkataan memperoleh skor sebanyak 32.5 dengan nilai kesahan 0.65. Sub terakhir iaitu penggunaan tulisan memperoleh skor 31.6 dengan nilai kesahan 0.63. Secara purata menunjukkan nilai kesahan bagi instrumen soal selidik penilaian kesahan





modul berada pada aras 0.70. Ini menunjukkan aras kesahan bagi instrumen ini berada pada aras yang baik.

Jadual 3.12

Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kesahan Modul

Bil.	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	0.46	0.481	23

Jadual 3.12 menunjukkan analisis bagi penilaian kebolehpercayaan instrumen penilaian kesahan modul. Berdasarkan jadual, analisis nilai pekali *Alpha Cronbach* nilai item standard hanya berada pada aras 0.481 dengan bilangan item yang dianalisis berjumlah 23. Secara keseluruhan menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi instrumen ini hanya berada pada aras 0.46. Ini menunjukkan aras kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi memperoleh data penilaian kesahan modul berada pada aras yang rendah. Namun bukan bermakna instrumen ini tidak boleh digunakan kerana ianya hanya bersifat kurang baik berbanding mana-mana instrumen yang memperolehi nilai pekali *Alpha Cronbach* melebihi 0.60. Penerimaan instrumen ini berlandaskan pernyataan Abu Bakar (1986) yang menyatakan nilai pekali paling minimum dan boleh diterima pakai adalah pada aras 0.30. Nunnally dan Bernstein (1994) pula hanya menetapkan nilai pekali pada aras 0.25 sebagai aras yang baik dan dianggap tinggi.



3.5.3.4 Instrumen Penilaian Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul

Jadual 3.13

Kesahan Instrumen Penilaian Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul

Bil.	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Nilai Kesahan
1.	Aras Pembelajaran	37.2	7.44	0.74
2.	Kandungan/Sukatan Pembelajaran	37.2	7.44	0.74
3.	Kaedah dan Konsep Pembelajaran	36.2	7.24	0.72
4.	Penggunaan Perkataan	33.2	6.64	0.66
	Jumlah Purata	35.95	7.19	0.72

Jadual 3.13 menunjukkan analisis kesahan bagi instrumen penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Instrumen ini bertujuan untuk menilai tahap kesesuaian dan kebolehpercayaan modul berdasarkan penilaian oleh GPK masalah pembelajaran. Berdasarkan jadual menunjukkan bagi sub aras pembelajaran dan kandungan/sukatan pembelajaran kedua-duanya memperoleh skor pada jumlah 37.2 dengan nilai kesahan pada aras 0.74. Pada sub kaedah dan konsep pembelajaran memperoleh skor 36.2 dan 0.72 bagi aras kesahan. Manakala bagi sub penggunaan perkataan memperoleh skor sebanyak 33.2 dengan nilai skor 0.66. Secara purata menunjukkan nilai kesahan bagi instrumen penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul berada pada aras 0.72. Ini menunjukkan aras kesahan bagi instrumen ini berada pada aras yang baik.

Jadual 3.14

Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul

Bil.	Nilai Alpha Cronbach	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	0.62	0.654	34

Jadual 3.14 menunjukkan analisis bagi penilaian kebolehpercayaan instrumen penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Berdasarkan jadual, analisis nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi nilai item standard berada pada aras 0.654 dengan bilangan item yang dianalisis berjumlah 34. Secara keseluruhan menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* berada pada aras 0.62. Ini menunjukkan aras kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi memperoleh data berkenaan aras kesesuaian dan kebolehpercayaan modul berada pada aras yang baik. Seperti mana telah dinyatakan antara nilai pekali *Alpha Cronbach* yang baik adalah melebihi dari nilai 0.60. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Borg dan Gall (1993) yang menyatakan nilai kebolehpercayaan bagi sesuatu instrumen memerlukan sekurang-kurang pada aras 0.60 bagi menunjukkan instrumen berkenaan dalam aras yang baik.,

3.5.3.5 Instrumen Penilaian Penguasaan Perkataan

Jadual 3.15

Kesahan Instrumen Penilaian Penguasaan Perkataan

Bil.	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Nilai Kesahan
1.	Kaedah/Teknik Ujian	37.4	7.48	0.74
2.	Kaedah Menjawab/Jawapan	36.2	7.24	0.72
3.	Kaedah Pemarkahan/Penilaian	35.6	7.12	0.71
	Jumlah Purata	36.4	7.28	0.73

Jadual 3.15 menunjukkan analisis kesahan bagi instrumen penilaian penguasaan perkataan. Instrumen ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan perkataan bagi murid yang terlibat dalam kumpulan rawatan dan kawalan. Jadual menunjukkan pada

sub kaedah/teknik ujian memperoleh skor berjumlah 37.4 dengan nilai kesahan 0.74. Sub kaedah menjawab/jawapan pula memperoleh skor sebanyak 36.2 dengan nilai kesahan pada aras 0.72. Manakala sub ketiga iaitu kaedah pemarkahan/penilaian menunjukkan skor pada jumlah 35.6, dengan nilai kesahan pada aras 0.71. Secara purata menunjukkan nilai kesahan bagi instrumen ini berada pada aras 0.73. Ini menunjukkan aras kesahan bagi instrumen ini berada pada aras yang baik.

Jadual 3.16

Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Penguasaan Perkataan

Bil.	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	0.901	0.926	18

Jadual 3.16 menunjukkan analisis penilaian kebolehpercayaan instrumen penilaian penguasaan perkataan. Jadual menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi nilai item standard berada pada aras 0.926 dengan bilangan item yang dianalisis berjumlah 18 dan nilai pekali *Alpha Cronbach* pada aras 0.901. Ini menunjukkan aras kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi memperoleh data berkenaan tahap penguasaan perkataan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bagi kedua-dua kumpulan berada pada aras yang baik. Seperti mana dinyatakan oleh Pallant (2001), nilai *Alpha Cronbach* pada aras 0.7 atau ke atas adalah baik. Dapatan turut menunjukkan nilai pekali berada pada aras yang menghampiri 1.0 yang mana menurut Gay, Mills dan Airasian (2009), jika nilai pekali *Alpha Cronbach* menghampiri kepada 1.0 menunjukkan instrumen tersebut mempunyai aras kebolehpercayaan yang tinggi dan ralat terhadap pengukuran adalah kecil.



3.6 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data merujuk kepada peringkat-peringkat dalam memperoleh data kajian. Penjelasan proses pengumpulan data penting bagi memastikan kajian yang dijalankan dengan teratur dan seterusnya memastikan perolehan data seperti mana dikehendaki. Penjelasan proses pengumpulan data juga dapat memperlihatkan kesinambungan dan perkaitan data dari satu peringkat kajian ke peringkat seterusnya. Penjelasan ini dapat menjadi pandu arah atau panduan bagi memastikan kajian dilaksanakan dengan teratur.

Rajah 3.8 menunjukkan jejak audit dalam mengumpulkan data dan menjalankan kajian dari peringkat awal hingga akhir. Secara keseluruhan kajian ini melibatkan dua fasa iaitu pembinaan dan pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan beberapa peringkat pengumpulan data bermula dari tinjauan literatur hingga kajian rintis bagi menilai permasalahan dan keperluan modul, kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Manakala fasa pengujian modul tertumpu kepada kajian kuasi eksperimental bagi memperoleh data untuk menilai tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan peserta kajian.

3.6.1 Peringkat Tinjauan Literatur

Peringkat tinjauan literatur merujuk kepada penelitian terhadap literatur dari artikel dan kajian-kajian terdahulu. Penelitian ini bertujuan untuk membina dan mengubahsuai item-item soal selidik khususnya bagi soal selidik tinjauan masalah



pengajaran dan keperluan modul, soal selidik tinjauan senarai perkataan berfungsi, borang penilaian kesahan modul, dan borang penilaian kesesuaian modul.

Secara keseluruhan berdasarkan rumusan analisis bagi soal selidik tinjauan permasalahan dan keperluan modul melibatkan tujuh artikel atau kajian terdahulu seperti dari, (1) Wright (2008), (2) Lee (2009), (3) Toth (2009), (4) Noor Aini (2010), (5) Norlly dan Hamimah (2013), (6) Norfishah (2015), dan (7) Aliza dan Zamri (2015). Soal selidik tinjauan perkataan berfungsi pula melibatkan 13 artikel atau kajian-kajian terdahulu seperti dari, (1) Dolch (1936), (2) Montgomery (2004), (3) Crosbie, Holm dan Dodd (2005), (4) Addington (2008), (5) Laura (2008), (6) Kelly dan Kelly (2010), (7) Noor Aini (2010), (8) Rohaizah, Marzita dan Noor Aini (2010), (9) Evans (2012), (10) Jones (2013), Norlly dan Hamimah (2013), Aliza dan Zamri (2015), dan (13) Norfishah (2015). Manakala bagi analisis item soal selidik kesahan dan kesesuaian modul melibatkan enam artikel atau kajian terdahulu seperti dari, (1) Chandrika (2003), (2) Kiong et al. (2011), (3) Wahyu Berti (2012), (4) Saripah Salbiah et al. (2013), (5) Zulkifli (2013), dan (6) Nur Liyana et al. (2014).

3.6.2 Peringkat Tinjauan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Peringkat tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul merujuk kepada kajian tinjauan bagi menilai permasalahan guru dalam menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan menilai keperluan pembinaan modul. Tinjauan ini melibatkan GPK masalah pembelajaran. Terdapat dua aspek utama penilaian iaitu dari segi aspek permasalahan menjalankan PdP dan aspek reka bentuk

serta elemen dalam membangunkan modul pengajaran. Pemilihan jawapan atau penilaian terhadap pernyataan adalah berdasarkan dwi pilihan iaitu [YA] atau [TIDAK]. Hasil dapatan dari tinjauan ini dianalisis bagi membuat rumusan tahap masalah pengajaran guru serta tahap keperluan pembinaan modul. Dapatan dari tinjauan ini juga membawa kepada tinjauan perkataan berfungsi yang mana dapatan dari tinjauan tersebut berperanan sebagai teras kandungan modul pengajaran IPB.

3.6.3 Peringkat Tinjauan Perkataan Berfungsi

Peringkat tinjauan perkataan berfungsi dijalankan setelah analisis dapatan tinjauan permasalahan dan keperluan modul. Tujuan utama tinjauan ini untuk mengenal pasti senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Hasil dapatan membolehkan satu inventori perkataan berfungsi dibina dan inventori ini berperanan sebagai teras kandungan pengajaran bagi modul pengajaran IPB. Tinjauan ini melibatkan GPK masalah pembelajaran yang terlibat dalam pengajaran bagi murid BPKMP. Terdapat dua aspek penelitian iaitu penilaian tema dan penilaian perkataan berfungsi berdasarkan persetujuan dengan skala *likert* dari nilai satu hingga 10. Tinjauan juga untuk mengenal pasti 10 perkataan berfungsi paling utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid tanpa mengikut tema-tema yang disenaraikan. Tujuan mengenal pasti 10 perkataan paling utama adalah untuk menetapkan kandungan pengajaran utama atau pengajaran pertama bagi modul sebelum pengajaran berdasarkan tema. Dalam konteks kajian kuasi eksperimental, 10 perkataan utama tersebut turut berfungsi sebagai teras pembelajaran bagi peringkat kajian kuasi eksperimental.



3.6.4 Peringkat Pembinaan Modul Pengajaran IPB

Berdasarkan dapatan dari tinjauan senarai perkataan berfungsi, membawa kepada peringkat pembinaan modul. Peringkat pembinaan modul merujuk kepada aktiviti-aktiviti membina dan membangunkan modul pengajaran IPB. Pembinaan modul ini berdasarkan empat elemen utama iaitu, (1) teori pembelajaran Bruner, (2) pengajaran menggunakan kaedah komunikasi augmentatif dan alternatif (AAC), (3) inventori perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid, dan (4) reka bentuk instruksional model Addie. Elemen-elemen ini penting bagi memastikan modul yang dibangunkan menepati keperluan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan terutama dari aspek meningkatkan keupayaan berkomunikasi. Secara umumnya elemen teori pembelajaran Bruner berperanan dari aspek aras pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap dan kemampuan murid. Kaedah AAC pula adalah dari aspek jenis komunikasi alternatif iaitu komunikasi isyarat dan kaedah pengajaran berbantuan gambar rajah. Manakala aspek inventori perkataan berfungsi berperanan sebagai teras kandungan pengajaran bagi diterapkan kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Reka bentuk instruksional model Addie pula berperanan sebagai prosidur atau panduan dalam proses membangunkan modul.

3.6.5 Peringkat Kesahan, Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul

Peringkat kajian kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul dijalankan setelah pembinaan modul pengajaran IPB. Peringkat ini merujuk kepada proses penilaian modul berdasarkan pandangan pakar dan GPK masalah pembelajaran bagi





menentukan aras kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Penilaian kesahan modul dijalankan terhadap tujuh orang pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat. Manakala penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul melibatkan lima orang GPK masalah pembelajaran.

Penilaian kesahan dalam kalangan pakar menumpukan kepada dua aspek utama iaitu aspek penilaian kandungan modul dan aspek penilaian penggunaan komunikasi isyarat. Setiap pakar yang terlibat diberikan salinan draf modul pengajaran IPB bagi penelitian dan menilai modul menerusi instrumen penilaian kesahan modul. Manakala penilaian kesesuaian modul dalam kalangan GPK masalah pembelajaran menumpukan kepada empat aspek utama iaitu, (1) matlamat dan objektif, (2) kandungan modul, (3) struktur, reka bentuk dan perlaksanaan, dan (4) bahasa, tulisan dan sikap penerimaan modul. Setiap guru yang terlibat turut diberikan draf modul pengajaran IPB bagi percubaan mengaplikasikan penggunaan modul dalam sesi PdP yang sebenar dalam tempoh tiga minggu. Diakhir sesi ini GPK masalah pembelajaran membuat penilaian menerusi instrumen penilaian kesesuaian modul. Menerusi instrumen yang sama, nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi kebolehpercayaan modul dikenal pasti untuk menentukan aras kebolehpercayaan modul pengajaran IPB.

3.6.6 Peringkat Rintis Keberkesanan Modul Pengajaran

Peringkat kajian rintis keberkesanan modul pengajaran IPB merujuk kepada sesi pengujian modul pada peringkat awal. Kajian ini dijalankan setelah modul pengajaran IPB dibina. Kajian rintis mempunyai kepentingan tersendiri dalam sesuatu kajian atau



penyelidikan. Secara umumnya kajian rintis bertujuan untuk menilai sesuatu instrumen sebelum ianya digunakan dalam kajian sebenar. Menurut Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim (2006) kajian rintis bertujuan untuk mengukur kesahan soalan soal selidik dan juga untuk melatih penyelidik mentadbir instrumen yang dibentuk. Siow, Abu Talib, Lee, Sandiyao dan Adelina (2005) pula menyatakan kajian rintis bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesesuaian alat kajian.

Dalam konteks kajian ini, sesi rintis keberkesanan modul dijalankan serentak dengan sesi kajian kesesuaian modul selama tiga minggu. Kajian ini hanya melibatkan salah seorang dari lima orang GPK masalah pembelajaran yang terlibat dalam kajian kesesuaian modul. Pada sesi ini, GPK masalah pembelajaran yang terlibat menguji hanya dua dari 10 perkataan paling utama yang disenaraikan. Sesi PdP bagi kajian rintis keberkesanan modul adalah selama tiga minggu atau bersamaan 12 waktu PdP seperti mana kajian kesesuaian modul. Pada peringkat kajian ini hanya melibatkan dua orang murid BPKMP masalah pembelajaran tanpa komunikasi lisan dari sebuah PPKI Masalah Pembelajaran.

Hasil dari penilaian penguasaan perkataan ke atas kedua-dua murid yang terlibat dalam kajian rintis dianalisis bagi menilai keupayaan murid mengikuti sesi PdP isyarat perkataan berfungsi dan keupayaan murid menguasai komunikasi isyarat yang diajar dalam sesi PdP. Dapatan menunjukkan kedua-dua murid yang terlibat, mampu mengikuti sesi PdP isyarat perkataan berfungsi tetapi tidak mampu untuk menguasai kedua-dua isyarat berkenaan dengan baik. Bagi murid pertama yang hanya bermasalah komunikasi tanpa lisan dapat menguasai kedua-dua isyarat perkataan berfungsi dengan baik. Namun bagi murid kedua yang bermasalah pelbagai atau



multiple disability hanya menguasai satu isyarat perkataan berfungsi. Berdasarkan penelitian ke atas murid kedua menunjukkan isyarat yang dikuasai belum mencapai tahap penguasaan yang baik dari segi pembentukan isyarat yang dilakukan. Rumusan dari kajian rintis ini menunjukkan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan mampu mengikuti dan mempelajari isyarat perkataan berfungsi. Namun dari segi kemampuan penguasaan isyarat perkataan berfungsi menunjukkan wujud perbezaan ketara yang mungkin dipengaruhi oleh jenis ketidakupayaan seseorang murid BPKMP

3.6.7 Peringkat Penambahbaikan Modul Pengajaran IPB

Peringkat pengubahsuaian dan penambahbaikan modul merupakan peringkat terakhir dalam fasa pembinaan modul. Pengubahsuaian dan penambahbaikan modul dilakukan setelah kajian kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul serta kajian rintis dijalankan. Pengubahsuaian dan penambahbaikan modul berdasarkan pandangan atau saranan yang diperolehi melalui kajian kesahan serta kajian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Peringkat ini penting dalam memastikan modul yang dibina benar-benar bersesuaian dan menepati matlamat serta tujuan pembinaan modul serta memastikan modul tersebut sesuai digunakan sebagai pembolehubah atau instrumen dalam kajian kuasi eksperimental bagi menilai tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.





3.6.8 Peringkat Kuasi Eksperimental

Peringkat kajian kuasi eksperimental dilakukan setelah pengubahsuaian dan penambahbaikan modul dilakukan. Kajian kuasi ekperimental bertujuan bagi menilai tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan yang terlibat di kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Kajian kuasi eksperimental merujuk kepada fasa kedua bagi kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran IPB. Pada fasa ini terdapat lima aktiviti atau peringkat kajian iaitu, (1) peringkat pemilihan dan saringan peserta kajian, (2) peringkat ujian pra penilaian penguasaan perkataan, (3) peringkat intervensi atau sesi pengajaran perkataan berfungsi, (4) peringkat ujian pasca penilaian penguasaan perkataan, dan (5) peringkat penilaian serta rumusan kajian.

Peringkat pemilihan peserta kajian merujuk kepada proses awalan kajian kuasi eksperimental. Kajian ini melibatkan dua buah sekolah atau PPKI masalah pembelajaran di Daerah Kerian yang berperanan sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pemilihan sekolah adalah tertakluk atas persetujuan dan kebenaran pihak sekolah dan PPD Kerian. Satu taklimat diberikan kepada kedua-dua pihak pentadbiran sekolah dan guru yang terlibat secara langsung dalam proses pengujian modul pengajaran IPB. Setiap guru yang terlibat diberikan surat pengesahan perakuan penglibatan dalam kajian (rujuk Lampiran J).

Setelah taklimat dan persetujuan dicapai dari pihak sekolah dan guru, satu sesi pemilihan peserta kajian dijalankan bersama-sama penyelidik berdasarkan ciri-ciri





murid BPKMP tanpa komunikasi lisan yang dikehendaki. Setiap murid yang disenaraikan perlu melalui sesi saringan berdasarkan penilaian *Weschler* yang telah diubahsuai bagi memastikan peserta yang dipilih menepati seperti mana dikehendaki. Hanya enam orang murid dari setiap sekolah dipilih dan setiap ibu bapa atau penjaga murid yang dipilih diberikan surat pengesahan dan kebenaran menjadi peserta kajian (rujuk Lampiran K).

Setelah pemilihan peserta, semua murid yang terlibat sama ada di kumpulan rawatan atau kumpulan kawalan perlu melalui sesi penilaian penguasaan perkataan ataupun sesi ujian pra. Penilaian ini dilakukan setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa atau waris murid yang terlibat. Penilaian penguasaan perkataan dijalankan dan ditadbir oleh GPK masalah pembelajaran. Terdapat dua aspek utama penilaian iaitu dari aspek penguasaan perkataan dan aspek kefahaman perkataan. Semua dapatan dari penilaian ini direkodkan dalam instrumen penilaian yang disediakan.

Peringkat sesi intervensi atau pengajaran perkataan berfungsi dijalankan selepas penilaian ujian pra dilakukan. Sesi ini dijalankan selama 10 minggu atau bersamaan 40 waktu PdP iaitu selama 20 jam sesi pembelajaran. Sesi PdP bagi kumpulan rawatan adalah berpandukan modul pengajaran IPB iaitu dengan pendekatan komunikasi isyarat. Manakala bagi kumpulan kawalan adalah berdasarkan kaedah konvensional yang lazim digunakan oleh GPK masalah pembelajaran.

Sesi pengajaran perkataan berfungsi dijalankan dalam pengajaran Bahasa Melayu dan dilaksanakan secara bersama tanpa mengasingkan peserta kajian dari rakan sekelas. Pengajaran secara bersama ini penting kerana menurut Clikeman-





Semrud dan Glass (2008), hubungan sosial mempunyai pengaruh terhadap aspek kefahaman atau penerimaan sesuatu pengajaran. Cowden (2010), turut menegaskan pengasingan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dengan rakan sekelas lebih banyak memberi keburukan dari kebaikan.

Peringkat ujian pasca merujuk kepada sesi penilaian tahap penguasaan perkataan dalam kalangan peserta kajian. Ujian ini dijalankan setelah semua peserta menjalani sesi pengajaran perkataan berfungsi dalam tempoh yang ditetapkan. Penilaian ini dijalankan dan ditadbir oleh GPK masalah pembelajaran. Item pengujian bagi ujian pasca adalah sama seperti mana ujian pra, namun berbeza dari segi konsep atau kaedah pengujian. Bagi kumpulan rawatan, kaedah pengujian melibatkan kaedah komunikasi isyarat, manakala bagi kumpulan kawalan adalah sama seperti mana ujian pra. Semua dapatan dari penilaian ini direkodkan dalam instrumen yang disediakan.

Semua dapatan data dari ujian pra dan ujian pasca dianalisis bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian. Penilaian ini adalah berdasarkan perbandingan min yang signifikan iaitu dengan menggunakan analisis *wilcoxon-t* dengan reka bentuk pengukuran berulang dan reka bentuk sampel-sampel padanan. Hasil dari analisis ini dan dapatan data dari fasa sebelumnya turut dinilai dan dirumuskan sebagai dapatan keseluruhan bagi kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran IPB.

Berdasarkan rajah jejak audit (Rajah 3.8) jelas menunjukkan kajian ini dijalankan secara berperingkat. Hasil dari setiap peringkat mempunyai kaitan dan kesinabungan dari satu peringkat ke peringkat seterusnya. Secara umum dalam menjalankan sesuatu kajian dimulai dengan tinjauan literatur bagi tujuan memahami isu






utama dan membina instrumen-instrumen kajian. Secara khusus kajian ini dimulakan dengan peringkat tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul. Hasil dari tinjauan ini membawa ke peringkat tinjauan perkataan berfungsi yang bertujuan bagi menetapkan teras kandungan pengajaran modul IPB.

Setelah memperoleh data dari kedua-dua tinjauan membawa kepada pembinaan modul mengikut seperti mana yang dicadangkan melalui tinjauan tersebut. Penilaian modul dari aspek kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian modul dilaksanakan setelah modul dibangunkan. Dapatan dari penilaian ini, modul yang dibina diubahsuai mengikut cadangan dan syor yang diberikan oleh pakar dalam bidang masalah pengajaran dan komunikasi isyarat. Pengubahsuaian juga dilakukan berdasarkan pandangan guru yang terlibat dalam penilaian kebolehpercayaan dan kesesuaian modul.



Kajian kuasi eksperimental bagi tujuan penilaian perubahan pembelajaran dilakukan setelah modul diubahsuai. Bagi kumpulan rawatan PdP dilaksanakan berpandukan modul pengajaran yang dibina. Manakala kumpulan kawalan adalah berdasarkan kaedah konvensional yang digunakan. Penilaian ke atas murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dilakukan setelah semua murid yang terlibat mengikuti sesi PdP dalam tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan peringkat-peringkat ini menunjukkan kajian ini dijalankan secara berperingkat dan teratur bagi memastikan objektif, tujuan dan matlamat kajian dapat dicapai dengan baik.





Rajah 3.8. Jejak Audit Proses Pengumpulan Data



3.7 Proses Penganalisisan Data

Kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran IPB bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut melibatkan aspek analisis data. Secara keseluruhan data yang diperolehi bersifat kuantitatif dan dianalisis menggunakan program *Statistic Package for Social Science* (SPSS). Secara umumnya dalam konteks kajian ini terdapat dua jenis analisis digunakan iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif melibatkan dua jenis analisis iaitu analisis nilai peratusan bagi item-item di bahagian demografi dan maklumat umum serta item-item bersifat dwi pilihan (tinjauan permasalahan dan keperluan modul). Analisis statistik deskriptif kedua adalah berdasarkan analisis nilai min bagi item-item yang melibatkan skala penilaian dari nilai satu hingga 10. Manakala analisis statistik inferensi adalah bagi menjawab hipotesis kajian berdasarkan perbandingan min yang signifikan.



3.7.1 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan ciri-ciri pembolehubah seperti demografi responden dan sebagainya. Analisis ini digunakan bagi membuat rumusan secara umum. Antara contoh ujian analisis yang digunakan ialah seperti seperti frekuensi, min, median, peratusan dan sebagainya. Analisis nilai peratusan dan min melibatkan dapatan data dari tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul iaitu bagi Bahagian B dan C. Analisis ini juga digunakan bagi maklumat-maklumat di bahagian demografi dan maklumat am khususnya pada tiga instrumen iaitu, (1) soal selidik masalah pengajaran dan keperluan modul, (2) soal selidik tinjauan perkataan





berfungsi, dan (3) borang soal selidik penilaian kesesuaian modul atau kebolehppercayaan modul. Manakala analisis berdasarkan nilai min digunakan bagi penilaian ke atas item-item berdasarkan skala *likert* dari nilai satu hingga 10. Terdapat tiga instrumen kajian menggunakan analisis statistik deskriptif nilai min iaitu, (1) soal selidik senarai perkataan berfungsi, (2) soal selidik penilaian kesahan modul, dan (3) soal selidik penilaian kesesuaian modul.

3.7.2 Analisis Statistik Inferensi

Analisis statistik inferensi berperanan untuk menghuraikan perbezaan atau hubungan antara pembolehubah. Analisis ini juga digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri sampel yang dipilih daripada populasi. Dapatkan dari analisis ini dapat dijadikan generalisasi bagi mewakili populasi yang diwakilinya. Antara contoh ujian statistik inferensi yang lazim digunakan ialah ujian-*t* bagi melihat hubungan atau perbezaan antara dua pembolehubah atau ujian korelasi bagi melihat hubungan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Dalam konteks kajian ini, analisis data yang diperolehi merupakan elemen atau aspek penting bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian berdasarkan perbandingan min yang signifikan. Analisis ini melibatkan penilaian bagi dapatan data dari instrumen penilaian penguasaan perkataan atau data dari ujian pra dan ujian pasca. Analisis ini bertujuan untuk menilai tahap perubahan pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan yang terlibat dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, setelah menjalani sesi PdP perkataan berfungsi sama ada berdasarkan kaedah





komunikasi isyarat berpandukan modul pengajaran IPB atau berdasarkan kaedah konvensional yang lazim digunakan.

Secara keseluruhan peserta bagi kajian kuasi eksperimental berjumlah 12 orang iaitu enam orang peserta di kumpulan rawatan dan enam orang peserta di kumpulan kawalan. Berdasarkan bilangan peserta dan sifat data yang diperolehi, analisis statistik inferensi *wilcoxon-t* digunakan kerana data yang diperolehi tidak memenuhi syarat taburan normal dan merupakan data bukan parametrik. Menurut Piaw (2013), jika data yang diperolehi tidak memenuhi syarat taburan normal, ujian bukan parametrik digunakan untuk menganalisis dapatan data.

Analisis *wilcoxon* bukan merupakan analisis baharu dalam penyelidikan, ianya telah digunakan dalam pelbagai jenis kajian atau penelitian. Antara kajian yang pernah menggunakan analisis ini ialah seperti kajian oleh Sameeha dan Ngew (2013) yang menilai kesan dari bahan pencetakan yang dibina. Kajian oleh Annisa, Suhadak dan Rosalita (2016) yang menilai pengaruh Asean-China dalam industri eksport dan import bagi Indonesia-China, serta kajian oleh Yeti Nurizzati (2016) yang menilai kesan pembelajaran dasar statistik menggunakan kaedah praktikum berbaris pendidikan berteraskan Islam.

Dari aspek reka bentuk analisis *wilcoxon-t* yang digunakan adalah berdasarkan reka bentuk pengukuran berulang dan reka bentuk sampel-sampel padanan. Pemilihan reka bentuk ini bertujuan untuk menilai tahap perubahan pembelajaran antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dan menilai perubahan dalam kumpulan yang sama. Reka bentuk pengujian ini melibatkan empat analisis perbandingan iaitu





dua perbandingan bagi menilai perbezaan dalam kumpulan yang sama dan dua perbandingan bagi menilai perbezaan antara kumpulan.

Analisis perbandingan dalam kumpulan merujuk kepada analisis yang menilai perbandingan dapatan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Perbandingan ini bertujuan untuk menilai tahap perubahan pembelajaran sebelum dan selepas sesi intervensi dilakukan bagi setiap kumpulan. Melalui perbandingan ini dapat memperlihatkan perbezaan kadar peningkatan penguasaan dan pada masa sama dapat membandingkan peningkatan antara kumpulan atau kaedah.

Manakala perbandingan antara kumpulan merujuk kepada analisis perbandingan dapatan ujian pra antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Perbandingan dapatan ujian pra ini bertujuan untuk memastikan, tahap penguasaan perkataan antara kedua-dua kumpulan pada peringkat ujian pra adalah setara dan tidak wujud unsur bias dalam pembahagian peserta kajian. Perbandingan antara kumpulan turut menilai dapatan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Perbandingan dapatan ujian pasca bertujuan untuk menilai tahap penguasaan dan pada masa sama memperlihatkan kaedah mana lebih baik, sama ada kaedah pengajaran berbanding modul atau pengajaran berasaskan kaedah konvensional. Dapatan dari keempat-empat penilaian ini membolehkan persoalan dan hipotesis yang dikemukakan dapat dijawab dan seterusnya merumuskan tahap perubahan pembelajaran setelah mengikuti sesi PdP perkataan berfungsi.



3.7.3 Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian

Jadual 3.17

Rumusan Analisis Data Persoalan Kajian

Bil.	Persoalan Kajian	Jenis Analisis
1.	Apakah tahap masalah pengajaran dan keperluan membina modul dalam kalangan GPK masalah pembelajaran bagi menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan?	Nilai Peratusan & Min
2.	Apakah 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid?	Nilai Min
3.	Apakah senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid bagi tujuan menjadi kandungan utama pembelajaran modul pengajaran IPB?	Nilai Min
4.	Apakah tahap kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian modul pengajaran IPB?	Nilai Min & <i>Alpha Cronbach</i>
5.	Apakah tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan setelah mengikuti pengajaran perkataan berfungsi berdasarkan perbezaan min yang signifikan?	<i>Wilcoxon-t</i>

Jadual 3.17 menunjukkan rumusan analisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Secara keseluruhan terdapat lima persoalan kajian diutarakan dan empat hipotesis null perbandingan dikemukakan bagi mewakili persoalan kelima. Bagi persoalan pertama adalah berkenaan tahap masalah pengajaran dan keperluan modul menggunakan analisis nilai peratusan dan nilai min. Nilai ini diperoleh melalui instrumen borang soal selidik masalah pengajaran dan keperluan yang dijalankan ke atas GPK masalah pembelajaran.



Persoalan kedua dan ketiga bertujuan untuk mengenal pasti 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi dan 60 perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid yang dipecahkan kepada enam tema dengan setiap tema mengandungi 10 perkataan. Pemilihan perkataan adalah berdasarkan aras nilai min tertinggi di antara perkataan-perkataan yang disenaraikan mengikut tema. Dalam konteks pemilihan perkataan paling utama adalah berdasarkan nilai min tertinggi di antara semua perkataan tanpa mengikut tema. Pemilihan perkataan-perkataan ini bertujuan untuk membina inventori perkataan berfungsi yang berperanan sebagai teras kandungan pembelajaran bagi modul pengajaran IPB. Pemilihan senarai perkataan adalah menerusi instrumen borang soal selidik perkataan berfungsi yang dijalankan terhadap GPK masalah pembelajaran.



pula adalah berkaitan kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Bagi mengenal pasti aras nilai kesahan dan tahap kesesuaian modul pengajaran adalah berdasarkan nilai min yang diperoleh melalui instrumen borang penilaian kesahan modul dan instrumen penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Penilaian kesahan modul melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang masalah pengajaran dan komunikasi isyarat. Manakala penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul melibatkan lima orang GPK masalah pembelajaran. Nilai kebolehpercayaan modul turut diperoleh melalui borang penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul berdasarkan analisis pekali *Alpha Cronbach*. Penilaian kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul bertujuan untuk memastikan modul yang dibina menepati matlamat seperti mana dikehendaki.





Bagi persoalan terakhir berkenaan tahap perubahan pembelajaran, empat hipotesis null dikemukakan dengan dua hipotesis menilai perbandingan antara kumpulan dan dua hipotesis menilai perbandingan dalam kumpulan yang sama. Analisis *wilcoxon-t* digunakan bagi menjawab semua hipotesis yang dikemukakan dan seterusnya menjawab persoalan kajian kelima. Bagi persoalan ini, data diperolehi melalui instrumen penilaian penguasaan perkataan yang dijalankan ke atas 12 orang peserta pada peringkat ujian pra dan ujian pasca dalam kajian kuasi eksperimental. Dapatan dari analisis ini juga dapat merumuskan tahap kemampuan dan keupayaan modul dalam meningkatkan penguasaan perkataan berfungsi.

Pemilihan jenis analisis bagi menjawab persoalan kajian merupakan antara aspek penting dalam sesuatu kajian. Pemilihan analisis yang betul dapat memastikan persoalan yang dikemukakan dapat dijawab dengan jelas dan seterusnya membolehkan rumusan keseluruhan dapatan kajian dilakukan. Secara keseluruhan bagi kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran IPB melibatkan empat jenis analisis utama iaitu analisis berdasarkan nilai peratusan, nilai min, pekali *Alpha Cronbach* dan *wilcoxon-t*.

3.8 Rumusan

Penyataan metodologi kajian merupakan perkara penting dalam sesebuah penyelidikan. Melalui penerangan kaedah dan teknik kajian dapat membolehkan pembaca lebih memahami bagaimana sesuatu kajian dijalankan di samping memastikan tujuan dan matlamat kajian dicapai. Dalam konteks kajian ini,





berdasarkan pendekatan-pendekatan yang digunakan, dapat dirumuskan bahawa kajian bersifat kuantitatif dan terbahagi kepada dua fasa kajian iaitu fasa pembinaan modul dan fasa pengujian modul. Fasa pembinaan modul melibatkan tiga reka bentuk atau pendekatan kajian iaitu tinjauan, kesahan serta kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Terdapat dua kajian tinjauan iaitu tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul serta tinjauan perkataan berfungsi. Penilaian kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul pula berperanan untuk menilai tahap kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul. Manakala pada fasa pengujian modul melibatkan reka bentuk kajian kuasi eksperimental yang bertujuan bagi menguji modul pengajaran IPB dari aspek penilaian tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan peserta kajian sama ada pada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Berdasarkan penyataan metodologi ini jelas menunjukkan kajian pembinaan dan pengujian modul IPB dilaksanakan secara teratur, sistematik dan berperingkat. Setiap peringkat-peringkat kajian mempunyai kepentingan tersendiri di samping saling berkesinambungan dari satu peringkat ke peringkat seterusnya.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian pembinaan dan pengujian modul pengajaran isyarat perkataan berfungsi (IPB) bagi murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) tanpa komunikasi lisan turut mempunyai data-data tersendiri hasil dari lima peringkat kajian. Data-data berkenaan dianalisis berdasarkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi menggunakan program *Statistic Package for Social Science* (SPSS). Terdapat lapan analisis atau topik perbincangan iaitu, (1) demografi peserta kajian, (2) masalah pengajaran dan keperluan modul, (3) sepuluh perkataan utama bagi perkataan berfungsi, (4) perkataan berfungsi mengikut tema, (5) kesahan modul pengajaran IPB, (6) kebolehpercayaan modul pengajaran IPB, (7) kesesuaian penggunaan modul pengajaran IPB, dan (8) tahap perubahan pembelajaran perkataan berfungsi.

4.2 Demografi Peserta Kajian

Analisis demografi peserta kajian merujuk kepada analisis yang melihat senario, tren atau penyertaan peserta kajian. Analisis ini dikemukakan berdasarkan analisis statistik deskriptif nilai peratusan. Terdapat tiga analisis demografi iaitu, (1) peserta kajian berdasarkan peringkat kajian, (2) peserta kajian kuasi eksperimental, dan (3) peserta kajian kuasi eksperimental berdasarkan jantina. Semua data atau dapatan analisis bagi topik perbincangan ini dikemukakan dalam bentuk jadual dan gambar rajah.


4.2.1 Penyertaan Peserta Berdasarkan Fasa dan Peringkat Kajian

Analisis Peserta berdasarkan Peringkat Kajian

Peringkat Kajian	Jenis Peserta	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
		(n)	%	(n)	%	(n)	%
Tinjauan Masalah Pengajaran & Keperluan Modul	GPK Masalah Pembelajaran	20	25.0	60	75.0	80	59.70
Tinjauan Perkataan Berfungsi	GPK Masalah Pembelajaran	9	30.0	21	70.0	30	22.39
Kesahan Modul	Pakar	3	42.86	4	57.14	7	5.22
Kesesuaian, rintis & kebolehpercayaan Modul	GPK Masalah Pembelajaran	3	60.0	2	40.0	5	3.73
Kuasi Eksperimental	Murid BPKMP Tanpa Komunikasi Lisan	7	58.33	5	41.67	12	8.96
Jumlah Keseluruhan		42	32.34	92	68.66	134	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan secara keseluruhan kajian ini melibatkan 134 orang peserta yang terdiri dalam kalangan guru pendidikan khas (GPK) masalah pembelajaran, pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat serta murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Daripada jumlah itu, 42 orang peserta atau bersamaan 32.34 peratus adalah peserta lelaki dan 92 orang peserta atau bersamaan 68.66 peratus adalah perempuan seperti mana ditunjukkan dalam Rajah 4.1.

Jantina Peserta Kajian




Rajah 4.1: Jantina Peserta Kajian

Berdasarkan jumlah peserta kajian mengikut jantina dari 42 orang peserta lelaki, 20 orang daripadanya terlibat dalam kajian tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul, sembilan orang terlibat dalam kajian tinjauan perkataan berfungsi, dan masing-masing tiga orang peserta bagi kajian kesahan, kajian kesesuaian, rintis dan kebolehpercayaan modul. Bagi kajian kuasi eksperimental melibatkan tujuh orang peserta di mana empat orang bagi kumpulan rawatan dan tiga orang di kumpulan kawalan. Bagi peserta perempuan, dari 92 orang peserta, 60 orang terlibat dalam kajian masalah pengajaran dan keperluan modul dan 21 orang terlibat dalam kajian

tinjauan perkataan berfungsi. Pada kajian kesahan serta kajian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul masing-masing melibatkan hanya dua orang peserta perempuan. Manakala bagi kajian kuasi eksperimental daripada lima orang peserta perempuan dua daripadanya bagi kumpulan rawatan dan tiga orang peserta bagi kumpulan kawalan.

Manakala dari segi kategori peserta kajian terdapat tiga kategori peserta iaitu, (1) GPK masalah pembelajaran, (2) pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat, serta (3) murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Berdasarkan Jadual 4.1 daripada 134 orang peserta kajian, 115 orang peserta atau bersamaan 85.82 peratus adalah GPK masalah pembelajaran, 12 orang adalah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dan tujuh orang pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat seperti mana ditunjukkan dalam Rajah 4.2.


Pecahan Peserta Mengikut Jenis Kategori



Rajah 4.2: Pecahan Peserta Mengikut Jenis Kategori

Berdasarkan jadual juga menunjukkan dari keseluruhan peringkat kajian sebanyak 80 orang atau bersamaan 59.70 peratus dari keseluruhan peserta terlibat dalam tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul. Manakala bagi tinjauan perkataan berfungsi melibatkan 30 orang peserta atau bersamaan 22.39 peratus. Bagi kajian kesahan pula melibatkan tujuh orang pakar atau bersamaan 5.22 peratus. Kajian kesesuaian, rintis dan kebolehpercayaan modul pula hanya melibatkan lima orang GPK masalah pembelajaran atau bersamaan 3.73 peratus. Baki dari keseluruhan peserta iaitu 12 orang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan atau bersamaan 8.96 peratus terlibat dalam kajian kuasi eksperimental bagi menilai tahap perubahan pembelajaran perkataan berfungsi seperti mana ditunjukkan dalam Rajah 4.3.

Pecahan Peserta Mengikut Peringkat Kajian



Rajah 4.3: Pecahan Peserta Mengikut Peringkat Kajian

Secara rumusan berdasarkan jadual dan gambar rajah menunjukkan bagi kajian tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul melibatkan 80 orang peserta. Dari



jumlah tersebut 25.0 peratus atau bersamaan 20 orang GPK masalah pembelajaran merupakan guru lelaki dan 60 orang peserta atau bersamaan 75.0 peratus adalah guru perempuan. Manakala bagi kajian tinjauan perkataan berfungsi dari keseluruhan peserta kajian melibatkan 22.39 peratus atau bersamaan 30 orang GPK masalah pembelajaran. Dari jumlah ini sembilan orang peserta adalah lelaki dan 21 orang adalah peserta perempuan.

Penglibatan peserta dalam kalangan pakar masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat bagi penilaian kesahan berjumlah tujuh orang atau bersamaan 5.22 peratus dari keseluruhan peserta kajian. Penilaian kesesuaian, rintis dan kebolehpercayaan modul pula hanya melibatkan lima orang GPK masalah pembelajaran atau bersamaan 3.73 peratus dari keseluruhan peserta. Pada peringkat ini dari lima orang guru, tiga orang adalah peserta lelaki atau bersamaan 60.0 peratus dan dua orang adalah guru perempuan.

Manakala bagi kajian kuasi eksperimental melibatkan 12 orang peserta atau bersamaan 8.96 peratus. Pada peringkat ini murid BPKMP tanpa komunikasi lisan yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dari keseluruhan peserta kajian kuasi eksperimental seramai tujuh orang atau bersamaan 58.33 peratus adalah murid lelaki dan bakinya adalah murid perempuan yang berjumlah lima orang atau bersamaan 41.67 peratus. Secara keseluruhan menunjukkan penyertaan dari segi jantina bagi setiap peringkat kajian atau secara keseluruhan tidak sama atau seimbang.





4.2.2 Peserta Kajian Kuasi Eksperimental

Jadual 4.2

Peserta Kajian Kuasi Eksperimental

Kumpulan	Kod	Jantina	Umur (Tahun)	Jenis Ketidakupayaan
Kumpulan Rawatan	KR1	L	8	Autisme & ADHD
	KR2	L	8	Sindrom Down
	KR3	P	12	Terencat Akal
	KR4	L	7	Autisme & Masalah Pendengaran
	KR5	P	7	Epilepsy & Terencat Akal
	KR6	L	7	Sindrom Down
Kumpulan Kawalan	KK1	L	7	Autisme
	KK2	P	13	ADHD
	KK3	L	13	Sindrom Down
	KK4	P	11	Sindrom Down
	KK5	L	11	Terencat Akal
	KK6	P	10	Terencat Akal



Jadual 4.2 menunjukkan pecahan bagi peserta kajian kuasi eksperimental berjumlah 12 orang. Setiap kumpulan mempunyai enam orang murid. Berdasarkan jadual menunjukkan empat orang peserta atau bersamaan 33.33 peratus berumur tujuh tahun. Bagi umur lapan, 11 dan 13 tahun masing-masing berjumlah dua orang atau bersamaan 16.67 peratus. Manakala hanya seorang peserta atau bersamaan 8.33 peratus berumur lapan dan 12 tahun. Dari segi jenis ketidakupayaan menunjukkan terdapat masing-masing tiga orang peserta atau bersamaan 25.0 peratus adalah murid ketidakupayaan pelbagai dan ketidakupayaan terencat akal. Empat orang atau 33.33 peratus pula adalah murid bermasalah sindrom Down. Selain itu terdapat juga seorang peserta kajian bermasalah *Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan bermasalah *autisme* iaitu bersamaan dengan nilai 8.33 peratus.





4.2.3 Peserta Kajian Kuasi Eksperimental Berdasarkan Jantina

Jadual 4.3

Peserta Kajian Kuasi Eksperimental berdasarkan Jantina

Bil.	Kumpulan	Kekerapan (n)	Peratus (%)
1.	Kumpulan Rawatan Lelaki	4	33.33
2.	Kumpulan Rawatan Perempuan	2	16.67
3.	Kumpulan Kawalan Lelaki	3	25.0
4.	Kumpulan Kawalan Perempuan	3	25.0
Jumlah Keseluruhan		12	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan peserta kajian kuasi eksperimental berdasarkan jantina. Berdasarkan jadual menunjukkan bilangan peserta lelaki bagi kumpulan rawatan adalah berjumlah empat orang atau bersamaan 33.33 peratus manakala peserta perempuan berjumlah dua orang atau bersamaan 16.67 peratus. Bagi kumpulan kawalan berdasarkan jadual menunjukkan jantina bagi kumpulan ini seimbang iaitu tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan atau masing-masing bersamaan 25.0 peratus dari keseluruhan peserta kajian kuasi eksperimental. Berdasarkan analisis ini menunjukkan pecahan jantina bagi kumpulan rawatan adalah tidak sama, manakala bagi kumpulan kawalan dari segi pecahan jantina adalah sama atau seimbang.



4.3 Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Dapatan data bagi masalah pengajaran dan keperluan modul diperoleh menerusi kajian tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul. Tinjauan ini bertujuan untuk menilai tahap masalah pengajaran dan tahap keperluan membina modul pengajaran khusus bagi membantu guru menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Terdapat tiga sub perbincangan pernyataan data iaitu, (1) masalah pengajaran guru, (2) keperluan modul pengajaran IPB, dan (3) reka bentuk modul pengajaran IPB. Analisis ini dikemukakan berdasarkan analisis statistik deskriptif nilai min dan peratusan.

4.3.1 Masalah Pengajaran Guru

Jadual 4.4

Dapatan Tinjauan Aspek Masalah Pengajaran

Bil.	Penyataan	Kekerapan (n)	Min	Peratus (%)
1.	Anda merasakan ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran komunikasi.	79	1.01	98.8
2.	Anda tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi bagi menangani/mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	77	1.03	96.3
3.	Anda mempunyai kesulitan untuk mengajar dan berkomunikasi dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	65	1.18	81.3
4.	Anda mempunyai masalah dalam merancang pengajaran dan pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	64	1.20	80.0
Jumlah Purata		71.25	1.10	89.1

Jadual 4.4 menunjukkan hasil tinjauan dari aspek masalah pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan analisis ini menunjukkan 79 orang atau bersamaan 98.8 peratus guru berpendapat ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran komunikasi. Dapatan juga menunjukkan 77 orang guru atau bersamaan 96.3 peratus mengakui tidak mempunyai kemahiran mencukupi bagi menangani atau mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Selain itu 65 orang atau bersamaan 81.3 peratus guru mengakui mempunyai kesulitan untuk mengajar dan berkomunikasi dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Manakala dari aspek perancangan pengajaran sebanyak 64 orang atau bersamaan 80.0 peratus guru mengakui mempunyai masalah dalam merancang PdP bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Secara purata min bagi aspek ini adalah sebanyak 1.10 atau bersamaan 89.1 peratus.

4.3.2 Keperluan Pembinaan Modul Pengajaran

Jadual 4.5

Dapatan Tinjauan Aspek Keperluan Pembinaan Modul Pengajaran

Bil.	Penyataan	Kekerapan (n)	Min	Peratus (%)
1.	Bahan pengajaran sedia ada tidak bersesuaian dengan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	68	1.15	85.0
2.	Anda bersetuju sebuah modul khusus dibina bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	67	1.16	83.8
Jumlah Purata		67.50	1.15	84.4

Jadual 4.5 menunjukkan 85.0 peratus guru mengakui bahan pengajaran sedia ada tidak bersesuaian dengan PdP bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Selain itu tinjauan juga mendapati majoriti guru iaitu 83.8 peratus guru bersetuju dengan cadangan pembinaan modul pengajaran. Secara keseluruhan purata min bagi aspek ini berjumlah 1.15 dengan purata peratusan 84.4 peratus.

4.3.3 Reka Bentuk Modul Pengajaran

Jadual 4.6

Dapatan Tinjauan Aspek Reka Bentuk Modul Pengajaran

Bil.	Penyataan	Kekerapan (n)	Min	Peratus (%)
1.	Penggunaan unsur gambar rajah penting dalam pembinaan modul bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	80	1.00	100.0
2.	Bahan bantu mengajar (BBM) sesuai dibangunkan bersama dengan modul pengajaran.	80	1.00	100.0
3.	Hanya sekitar 1 hingga 5 huruf atau perkataan atau gambar rajah bagi setiap pembelajaran.	75	1.06	93.8
4.	Aktiviti menyurih penting sebagai aktiviti pengukuhan.	71	1.11	88.8
5.	Pembinaan modul pengajaran harus disertakan dengan modul latihan sebagai aktiviti latihan dan pengukuhan.	65	1.18	81.3
6.	Anda bersetuju dengan pengenalan pengajaran isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	61	1.25	76.3
7.	Pengajaran berteraskan tema keluarga dan persekitaran bersesuaian dengan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.	58	1.27	72.5
8.	Pengenalan perkataan berfungsi sesuai diterapkan dalam pembelajaran.	53	1.33	66.3
Jumlah Purata		67.87	1.15	84.87



Jadual 4.6 menunjukkan dapatan tinjauan bagi aspek elemen dan reka bentuk modul pengajaran yang bersesuaian dibina bagi membantu guru menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Berdasarkan jadual menunjukkan semua peserta kajian bersetuju dengan penggunaan unsur gambar rajah dan pembinaan BBM disertakan dalam modul pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Sebanyak 75 orang atau 93.8 peratus guru turut bersetuju hanya sekitar satu hingga lima huruf atau perkataan atau gambar rajah ditekankan bagi setiap sesuatu pembelajaran. Selain itu, guru turut bersetuju dengan nilai peratusan sebanyak 88.8 peratus atau bersamaan 71 orang bagi aktiviti menyuruh sebagai aktiviti pengukuhan.

GPK masalah pembelajaran turut bersetuju dengan pembinaan modul latihan sebagai aktiviti latihan dan pengukuhan pembelajaran iaitu seramai 65 orang atau bersamaan 81.3 peratus orang guru. Dari keseluruhan guru yang terlibat iaitu sebanyak 76.3 peratus atau bersamaan 61 orang guru bersetuju dengan pengenalan komunikasi isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Bagi aspek tema pembelajaran, sebanyak 58 orang guru atau bersamaan 72.5 peratus bersetuju pengajaran berteraskan tema keluarga dan persekitaran sesuai bagi pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Manakala bagi aspek teras pembelajaran, majoriti guru iaitu sebanyak 53 orang atau 66.3 peratus bersetuju dengan pengenalan perkataan berfungsi sesuai diterapkan dalam pembelajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Secara purata min bagi aspek elemen dan reka bentuk modul berada pada nilai 1.15 atau bersamaan purata peratusan sebanyak 84.87 peratus.





4.3.4 Rumusan Dapatan Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Berdasarkan Jadual 4.4 hingga Jadual 4.6 dapat dirumuskan hasil dari tinjauan yang dijalankan wujud masalah dalam kalangan guru bagi menangani, merancang dan menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Antara elemen yang mungkin menyumbang kepada permasalahan dalam kalangan guru adalah dari aspek kurangnya kemahiran pengajaran, pengetahuan berkenaan murid dan kekurangan bahan rujukan pengajaran bagi guru. Seajar dengan kewujudan masalah, guru bersetuju dibangunkan modul pengajaran khusus sebagai panduan pengajaran bagi menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penerapan kemahiran komunikasi isyarat dan pengajaran berdasarkan perkataan berfungsi turut dipersetujui dalam kalangan guru sebagai elemen dalam modul



pengajaran.

4.4 Sepuluh Perkataan Utama bagi Perkataan Berfungsi

Tinjauan perkataan berfungsi turut menilai dan mengenal pasti dari aspek 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi yang bertujuan menetapkan pembelajaran terawal modul pengajaran IPB. Pemilihan perkataan adalah berdasarkan nilai min atau persetujuan yang tinggi. Dalam konteks pengujian modul atau kajian kuasi eksperimental, hanya 10 perkataan utama digunakan sebagai kandungan pembelajaran sepanjang sesi pengujian modul. Ini bermakna item bagi ujian pra dan pasca juga berdasarkan perkataan-perkataan utama tersebut.





Jadual 4.7

Dapatan Tinjauan Sepuluh Perkataan Utama bagi Perkataan Berfungsi

Bil	Perkataan	Tema	Skor	Sisihan Min
1.	duduk	Perbuatan Lazim	280	9.33
2.	makan	Perbuatan Lazim	279	9.30
3.	rumah	Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah	277	9.23
4.	bapa/ayah	Ahi Keluarga/Diri/Orang	277	9.23
5.	ibu/emak	Ahli Keluarga/Diri/Orang	276	9.20
6.	nasi	Makanan dan Minuman	276	9.20
7.	minum	Perbuatan Lazim	276	9.20
8.	sekolah	Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah	275	9.17
9.	lelaki	Ahli Keluarga/Diri/Orang	275	9.17
10.	perempuan	Ahli Keluarga/Diri/Orang	274	9.13

Jadual 4.7 menunjukkan 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid. Berdasarkan jadual menunjukkan perkataan paling utama dari keseluruhan perkataan yang diajukan menurut pandangan GPK masalah pembelajaran adalah perkataan [duduk] dengan nilai min 9.33. Kemudian diikuti dengan perkataan [makan] dan [rumah] dengan nilai min 9.30 dan 9.23. Pada kedudukan keempat dan kelima dengan nilai min 9.23 dan 9.20 adalah perkataan [bapa/ayah] dan [ibu/mak] dari tema ahli keluarga/diri/orang. Manakala bagi perkataan seterusnya diikuti dengan perkataan [nasi] dan [minum] dengan nilai min kedua-duanya adalah 9.20 dan perkataan [sekolah] serta [lelaki] dengan nilai min masing-masing 9.17. Bagi perkataan ke 10 adalah perkataan [perempuan] dengan nilai min 9.13. Secara keseluruhan dari 10 perkataan utama menunjukkan sebanyak empat perkataan dari tema ahli keluarga/diri/orang, tiga perkataan dari tema perbuatan lazim, dua perkataan dari tema lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah dan hanya satu perkataan dari tema makanan dan minuman.





4.5 Perkataan Berfungsi Mengikut Tema

Selain dari 10 perkataan utama, penelitian turut mengenal pasti dan menetapkan perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid yang dibahagikan kepada enam tema. Penelitian turut melihat susunan dari aspek keutamaan tema bagi menyusun kandungan pembelajaran dalam modul pengajaran IPB. Senarai perkataan ini bertujuan untuk membina inventori perkataan berfungsi yang berperanan menjadi teras kandungan modul. Secara keseluruhan terdapat 70 perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid disenaraikan iaitu 60 perkataan berfungsi mengikut tema dan 10 perkataan utama. Terdapat tujuh sub topik pernyataan data iaitu, (1) susunan keutamaan tema, (2) tema makanan dan minuman, (3) tema ahli keluarga/diri/orang, (4) tema alatan/barangan lazim, (5) tema perbuatan lazim, (6) tema pakaian dan aksesori, dan (7) tema lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah.



4.5.1 Susunan Keutamaan Tema Perkataan

Jadual 4.8

Dapatan Tinjauan Keutamaan Tema Perkataan Berfungsi

Bil.	Tema	Skor	Sisihan Min
1.	Makanan dan Minuman	275	9.17
2.	Ahli Keluarga/Diri/Orang	272	9.07
3.	Alatan/Barangan Lazim	268	8.93
4.	Perbuatan Lazim	262	8.73
5.	Pakaian dan Aksesori	253	8.43
6.	Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah	250	8.33



Jadual 4.8 menunjukkan dapatan tinjauan perkataan berfungsi dari aspek susunan keutamaan tema. Penetapan susunan tema bertujuan untuk menyusun urutan keutamaan bagi pengajaran agar pembelajaran dijalankan secara berperingkat dengan mendahulukan pembelajaran perkataan-perkataan yang lebih penting terdahulu. Berdasarkan jadual menunjukkan dari enam tema yang disenaraikan, tema makanan dan minuman merupakan tema paling tinggi aras persetujuan dengan skor 275 atau bersamaan dengan nilai min 9.17.

Tema kedua paling tinggi dengan skor 272 adalah bagi tema ahli keluarga/diri/orang dengan nilai min 9.07. Seterusnya diikuti dengan tema alatan/barangan lazim dengan nilai skor 268 atau bersamaan dengan nilai min 8.93. Manakala tema perbuatan lazim dengan skor 262 atau 8.93 berada pada kedudukan keempat. Bagi tema pakaian dan aksesori berada pada kedudukan kelima dengan nilai min 8.43 atau bersamaan dengan nilai skor sebanyak 253. Tema terakhir pula adalah lokasi/tempat/sudut bahagian rumah dengan nilai min 8.33 dan skor sebanyak 250.

Berdasarkan dapatan ini menunjukkan tema makanan dan minuman menjadi tema paling utama untuk dipelajari selepas pembelajaran 10 perkataan utama. Manakala tema lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah berada pada kedudukan terakhir. Pemilihan tema makanan dan minuman sesuai dengan keutamaan perkataan dalam tema ini yang merupakan perkara penting dan paling hampir dengan kehidupan seharian tidak mengira bagi individu normal atau individu yang mempunyai ketidakupayaan seperti murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

4.5.2 Tema Makanan dan Minuman

Jadual 4.9

Dapatan Tinjauan Tema Makanan dan Minuman

Bil	Senarai Perkataan	Skor	Sisihan Min
1.	roti	273	9.10
2.	ikan	273	9.10
3.	ayam	273	9.10
4.	air	270	9.00
5.	buah	262	8.73
6.	sayur	257	8.57
7.	susu	257	8.57
8.	telur	256	8.53
9.	pisang	256	8.53
10.	daging	248	8.27

Jadual 4.9 menunjukkan dapatan senarai perkataan bagi tema makanan dan minuman.

Berdasarkan jadual menunjukkan perkataan pertama hingga ketiga dengan nilai min 9.10 atau bersamaan nilai skor sebanyak 273 adalah perkataan [roti], [ikan] dan [ayam]. Perkataan keempat adalah perkataan [air] dengan nilai min 9.0 atau bersamaan dengan nilai skor sebanyak 270. Kedudukan kelima pula adalah perkataan [buah] dengan nilai min 8.73 atau bersamaan dengan skor 262. Manakala bagi perkataan [sayur] dan [susu] masing-masing dengan berjumlah 257 atau bersamaan nilai min sebanyak 8.57 berada pada kedudukan keenam dan ketujuh. Pada kedudukan kelapan dan sembilan dengan nilai min 8.53 atau bersamaan nilai skor sebanyak 256 adalah bagi perkataan [telur] dan perkataan [pisang]. Perkataan terakhir adalah perkataan [daging] dengan jumlah skor 248 atau bersamaan dengan min pada nilai 8.27.

4.5.3 Tema Ahli Keluarga/Diri/Orang

Jadual 4.10

Dapatan Tinjauan Tema Ahli Keluarga/Diri/Orang

Bil	Senarai Perkataan	Skor	Sisihan Min
1.	abang	274	9.13
2.	kakak	274	9.13
3.	adik	270	9.00
4.	saya	269	8.97
5.	datuk	263	8.77
6.	nenek	262	8.73
7.	kawan	257	8.57
8.	orang	247	8.23
9.	kamu	247	8.23
10.	anak	234	7.80

Jadual 4.10 menunjukkan senarai perkataan berfungsi bagi tema ahli keluarga/diri/orang. Pada tema ini, perkataan [abang] dan [kakak] berada pada kedudukan pertama dan kedua dengan nilai skor 274 atau bersamaan nilai min 9.13. Perkataan [adik] pula pada kedudukan ketiga dengan nilai min sebanyak 9.0 atau bersamaan skor sebanyak 270. Nilai min bagi perkataan keempat adalah 8.97 dengan skor sebanyak 269 adalah bagi perkataan [saya]. Manakala min bagi perkataan seterusnya iaitu 8.77 atau bersamaan nilai skor 263 adalah perkataan [datuk] dan diikuti dengan perkataan [nenek] pada nilai skor 262 atau min pada nilai 8.73. Bagi perkataan ketujuh dan seterusnya adalah perkataan [kawan] dengan nilai skor 257 dan min sebanyak 8.57, perkataan [orang] dengan min 8.23 atau skor sebanyak 247, perkataan [kamu] dengan skor sebanyak 247 dan min 8.23 dan perkataan [anak] dengan skor sebanyak 234 atau bersamaan nilai min sebanyak 7.80.

4.5.4 Tema Alatan/Barangan Lazim

Jadual 4.11

Dapatan Tinjauan Tema Alatan/Barangan Lazim

Bil	Senarai Perkataan	Skor	Sisihan Min
1.	buku	272	9.07
2.	pensel	270	9.00
3.	pemadam	271	9.03
4.	berus gigi	263	8.77
5.	ubat gigi	262	8.73
6.	meja	260	8.67
7.	pembaris	260	8.67
8.	sikat	259	8.63
9.	kerusi	257	8.57
10.	sudu	257	8.57

Jadual 4.11 pula menunjukkan senarai perkataan berfungsi bagi tema alatan/barangan lazim. Pada tema ini perkataan [buku] dan [pensel] berada pada kedudukan pertama dan kedua dengan nilai min 9.07 dan skor sebanyak 272 bagi perkataan [buku] dan skor sebanyak 270 dengan nilai min 9.00 bagi perkataan [pensel]. Kedudukan ketiga hingga kelima adalah bagi perkataan [pemadam], [berus gigi] dan [ubat gigi] dengan skor 271 dan min 9.03 bagi [pemadam], skor 263 dan min 8.77 bagi [berus gigi] dan skor 262 dan min 8.73 bagi perkataan [ubat gigi]. Perkataan seterusnya adalah [meja] dan [pembaris] dengan nilai skor 260 dan 8.67 bagi kedua-duanya dan diikuti dengan perkataan [sikat] dengan nilai skor 259 atau bersamaan 8.63 bagi nilai min. Pada kedudukan kesembilan dan akhir bagi perkataan [kerusi] dan [sudu] dengan masing-masing setiap satunya pada nilai skor 257 atau bersamaan dengan nilai min sebanyak 8.57.



4.5.5 Tema Perbuatan Lazim

Jadual 4.12

Dapatan Tinjauan Tema Perbuatan Lazim

Bil	Senarai Perkataan	Skor	Sisihan Min
1.	tidur	271	9.03
2.	berdiri	269	8.97
3.	berjalan	268	8.93
4.	mandi	265	8.83
5.	lihat	263	8.77
6.	lompat	263	8.77
7.	main	262	8.73
8.	tulis	261	8.70
9.	lari	261	8.70
10.	warna	258	8.60



Jadual 4.12 pula menunjukkan senarai perkataan berfungsi bagi tema perbuatan lazim.

Pada tema ini menunjukkan perkataan pertama adalah [tidur] yang berada pada kedudukan tertinggi dengan nilai min 9.03, kemudian diikuti dengan perkataan [berdiri] dan [berjalan] pada kedudukan kedua dan ketiga dengan nilai skor masing-masing 269 dan 268 atau bersamaan nilai min 9.97 dan 9.93. Keempat adalah perkataan [mandi] dengan nilai skor sebanyak 265 atau dengan nilai min 8.83. Manakala perkataan kelima dan keenam pada skor 263 atau bersamaan min pada nilai 8.77 adalah perkataan [lihat] dan [lompat]. Ketujuh pula adalah perkataan [main] dengan skor sebanyak 262 dan min 8.73. Bagi perkataan kelapan dan sembilan dengan skor kedua-dua pada jumlah 261 dan min sebanyak 8.70 adalah perkataan [tulis] dan [lari]. Perkataan terakhir adalah [warna] dengan nilai skor sebanyak 258 dan nilai min 8.60.



4.5.6 Tema Pakaian dan Aksesori

Jadual 4.13

Dapatan Tinjauan Tema Pakaian dan Aksesori

Bil	Senarai Perkataan	Skor	Sisihan Min
1.	seluar	271	9.03
2.	baju	267	8.90
3.	sarung kaki	267	8.90
4.	kasut	264	8.80
5.	selipar	254	8.47
6.	tudung	249	8.30
7.	topi	246	8.20
8.	tali leher	243	8.10
9.	kain	240	8.00
10.	tali pinggang	236	7.85

Jadual 4.13 menunjukkan dapatan senarai perkataan berfungsi bagi tema pakaian dan aksesori. Perkataan [seluar] berada pada kedudukan teratas dengan nilai skor 271 atau min 9.30. Pada kedudukan kedua dan ketiga dengan nilai skor 267 atau min 8.90 adalah perkataan [baju] dan [sarung kaki]. Seterusnya secara urutan adalah perkataan [kasut] dengan skor 264 atau bersamaan nilai min 8.80, perkataan [selipar] dengan nilai skor 254 atau min sebanyak 8.47. Perkataan seterusnya adalah perkataan [tudung] dengan skor 249 atau 8.30 bagi min, perkataan [topi] dengan skor 246 atau bersamaan min 8.20 dan perkataan [tali leher] pada jumlah skor 243 atau bersamaan nilai min sebanyak 8.10. Bagi kedudukan kesembilan dan terakhir adalah perkataan [kain] dan [tali pinggang] dengan masing-masing nilai skor berjumlah 240 bagi [kain] dan 236 bagi perkataan [tali pinggang] atau masing-masing bersamaan dengan nilai min pada nilai 8.0 dan 7.85.

4.5.7 Tema Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah

Jadual 4.14

Dapatan Tinjauan Tema Lokasi/Tempat/Sudut/Bahagian Rumah

Bil	Senarai Perkataan	Skor	Sisihan Min
1.	tandas	272	9.07
2.	bilik	266	8.87
3.	bilik tidur	265	8.83
4.	kunci	260	8.67
5.	pintu	259	8.63
6.	lantai	254	8.47
7.	tingkap	252	8.40
8.	tangga	248	8.27
9.	taman	245	8.17
10.	dinding	233	7.80

Berdasarkan Jadual 4.14 menunjukkan senarai perkataan bagi tema lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah menunjukkan perkataan [tandas] dan [bilik] berada pada aras pertama dan kedua dengan nilai min 9.07 dan 8.87 atau bersamaan dengan nilai skor sebanyak 272 dan 266. Manakala bagi perkataan-perkataan lain secara urutan adalah perkataan [bilik tidur] dan [kunci] dengan kedua-duanya pada nilai skor sebanyak 265 dan 260 serta min sebanyak 8.33 dan 8.67, perkataan [pintu] dengan skor 259 dan min 8.63, perkataan [lantai] dan [tingkap] dengan nilai skor 254 dan 252, serta min 8.47 dan 8.40. Manakala pada kedudukan kelapan dengan nilai skor sebanyak 248 dan min sebanyak 8.27 adalah perkataan [tangga]. Bagi perkataan kesembilan dan 10 iaitu perkataan [taman] dan [dinding] dengan nilai skor 245 dan 233 atau pada nilai min 8.17 dan 7.80 bagi kedua-duanya.



4.5.8 Rumusan Dapatan Perkataan Berfungsi

Berdasarkan jadual-jadual yang telah dikemukakan secara keseluruhannya menjawab bagi persoalan ketiga yang dikemukakan. Dari tinjauan yang dilakukan secara keseluruhan terdapat 70 perkataan berfungsi disenaraikan di mana 10 perkataan dikategorikan sebagai perkataan utama dan 60 perkataan seterusnya yang dipecahkan kepada enam tema. Pemilihan perkataan adalah berdasarkan nilai min tertinggi mengikut pandangan GPK masalah pembelajaran. Dalam konteks pengujian modul atau kuasi eksperimental, hanya 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid dijadikan teras pembelajaran sepanjang tempoh uji kaji dijalankan. Antara perkataan-perkataan tersebut ialah, (1) duduk, (2) makan, (3) rumah, (4) bapa/ayah, (5) ibu/emak, (6) nasi, (7) minum, (8) sekolah, (9) lelaki, dan (10) perempuan.



4.6 Kesahan Modul Pengajaran IPB

Penelitian bagi kajian pembinaan dan pengujian modul turut meneliti dari aspek kesahan modul pengajaran IPB yang dibina. Penelitian kesahan penting bagi memastikan modul menepati seperti dikehendaki berdasarkan pandangan pakar. Dalam konteks kajian ini, penelitian ini melibatkan pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat. Ini kerana kaedah PdP yang diaplikasi berkaitan dengan komunikasi isyarat secara langsung. Pendekatan modul ini menjadikan ianya bersifat gabungan antara PdP masalah pembelajaran dan PdP yang mengaplikasi pengajaran bagi masalah pendengaran.



Jadual 4.15

Dapatan Penilaian Kesahan Modul Pengajaran IPB

Bil.	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Kesahan
Bahagian B: Penilaian Kandungan Modul				
1.	Aras Pembelajaran	34.90	6.98	0.69
2.	Kandungan/Sukatan Pelajaran	60.10	6.68	0.66
3.	Kaedah dan Konsep Pembelajaran	67.20	6.72	0.67
Bahagian C: Penilaian Penggunaan Bahasa				
4.	Elemen Penggunaan Perkataan	14.80	7.40	0.74
5.	Elemen Penggunaan Tulisan	20.00	6.67	0.66
Jumlah Purata Keseluruhan		197.00	6.89	0.68

Jadual 4.15 menunjukkan dapatan bagi setiap sub bahagian penilaian kesahan modul yang dijalankan. Berdasarkan jadual menunjukkan sub bahagian penilaian kandungan modul dari aspek aras pembelajaran, skor yang diperolehi adalah berjumlah 34.90 atau bersamaan nilai min 6.98 serta nilai kesahan pada aras 0.69. Aspek kandungan atau sukatan pula memperoleh skor sebanyak 60.10 atau bersamaan nilai min 6.68 dengan nilai kesahan pada nilai 0.66. Bagi aspek kaedah dan konsep pembelajaran memperoleh skor sebanyak 67.20 dan min pada nilai 6.72 serta nilai 0.67 bagi kesahan. Bahagian penilaian penggunaan bahasa bagi aspek elemen penggunaan bahasa memperoleh skor sebanyak 14.80 dengan nilai min 7.40 dan nilai kesahan pada aras 0.74. Aspek elemen penggunaan tulisan memperoleh skor sebanyak 20.0 dan min pada nilai 6.67 serta 0.66 bagi nilai kesahan. Secara purata keseluruhan bagi penilaian kesahan modul memperoleh skor sebanyak 197.0 dan nilai min sebanyak 6.89 serta nilai kesahan pada aras 0.68. Berdasarkan dapatan menunjukkan aras kesahan bagi modul pengajaran IPB berada pada aras yang baik dan sesuai digunakan.

4.7 Kesesuaian Penggunaan Modul Pengajaran IPB

Penilaian kesesuaian penggunaan modul bertujuan untuk menilai aras atau tahap kesesuaian penggunaan modul pengajaran IPB dalam konteks PdP sebenar berdasarkan pandangan GPK masalah pembelajaran. Penilaian ini diperoleh menerusi borang penilaian kesesuaian penggunaan modul. Pada peringkat ini sebanyak lima orang guru terlibat di mana setiap guru diberikan tempoh selama tiga minggu untuk cuba mengaplikasikan penggunaan modul dan kemudian menilai kesesuaian penggunaan modul. Penilaian ini berbeza dengan kajian rintis keberkesanan modul kerana tidak melibatkan penilaian penguasaan perkataan dalam kalangan murid.

Jadual 4.16

Dapatan Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran IPB

Bil	Bahagian	Skor	Sisihan Min	Kesahan
1.	Matlamat dan Objektif	18.20	7.28	0.72
2.	Kandungan Modul	42.20	8.44	0.84
3.	Struktur, Reka Bentuk dan Perlaksanaan	42.20	7.67	0.76
4.	Bahasa, Tulisan dan Sikap Penerimaan Modul	45.00	9.00	0.90
Jumlah Purata Keseluruhan		147.60	8.10	0.81

Jadual 4.16 menunjukkan dapatan bagi setiap bahagian penilaian kesesuaian modul yang dilakukan. Berdasarkan jadual menunjukkan dapatan bagi bahagian matlamat dan objektif memperoleh skor sebanyak 18.20 atau bersamaan nilai min 7.28 dan nilai kesahan pada aras 0.72. Bagi penilaian bahagian kandungan modul menunjukkan nilai min sebanyak 8.44 atau bersamaan skor 42.20 serta nilai kesahan pada aras 0.84. Manakala pada bahagian struktur, reka bentuk dan perlaksanaan

memperolehi nilai kesahan pada aras 0.76 dengan jumlah skor sebanyak 42.20 dan min sebanyak 7.67. Bahagian bahasa, tulisan dan sikap penerimaan modul menunjukkan nilai skor sebanyak 45.0 atau bersamaan 9.0 bagi nilai min dan tahap kesahan pada aras 0.81. Secara purata bagi tahap kesesuaian modul menunjukkan skor pada jumlah 147.60 dan nilai min pada jumlah 8.10 atau bersamaan 0.81 bagi nilai kesahan. Dapatan ini menunjukkan modul pengajaran IPB sesuai digunakan dalam PdP sebenar pada aras pandangan yang baik atau pada nilai kesesuaian yang tinggi.

4.8 Kebolehpercayaan Modul Pengajaran IPB

Penelitian kebolehpercayaan juga merupakan aspek penting dalam pengujian dan pembinaan modul pengajaran IPB. Menurut Kamarul Azmi (2012) kebolehpercayaan merupakan satu konsep ketekalan dan kestabilan sesuatu alat ukuran atau kajian atau soal selidik yang merentasi masa terhadap sesuatu pegangan atau gagasan. Penilaian ini penting bagi melihat aras kebolehpercayaan modul yang dibina dalam memastikan modul yang dibangunkan mempunyai kredibiliti dalam menangani permasalahan yang disasarkan. Penilaian kebolehpercayaan melibatkan GPK masalah pembelajaran berdasarkan nilai pekali *Alpha Cronbach*.

Jadual 4.17

Dapatan Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Modul Pengajaran IPB

Bil.	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	Nilai Item Standard	Item (n)
1.	.948	.943	34



Jadual 4.17 pula menunjukkan nilai kebolehpercayaan modul berdasarkan pekali *Alpha Cronbach*. Nilai ini diperolehi melalui borang penilaian kesesuaian modul dengan mengemukakan 34 item pernyataan. Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan nilai item standard adalah pada nilai 0.943. Manakala nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi kebolehpercayaan modul adalah pada nilai 0.948. Aras ni menunjukkan tahap kebolehpercayaan modul berada pada tahap yang baik dan modul boleh digunakan dalam sesi PdP sebenar bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

4.9 Tahap Perubahan Pembelajaran Perkataan Berfungsi

Penelitian terakhir adalah dari aspek penilaian tahap perubahan pembelajaran atau menilai tahap penguasaan perkataan berfungsi dalam kalangan peserta kajian.

Penelitian ini mewakili persoalan terakhir yang dikemukakan di samping turut membandingkan tahap penguasaan perkataan berfungsi antara kaedah berdasarkan penggunaan modul dengan kaedah secara konvensional. Bagi menjawab persoalan ini, satu kajian kuasi eksperimental dijalankan dengan penglibatan dari dua kumpulan iaitu rawatan dan kawalan. Secara khusus kajian kuasi eksperimental ini bertujuan untuk menilai keupayaan modul IPB meningkatkan tahap penguasaan perkataan khususnya isyarat perkataan berfungsi dan membandingkan kaedah mana lebih baik antara pengajaran berpandukan modul atau pengajaran berdasarkan kaedah konvensional yang lazim digunakan.

Bagi persoalan ini, empat hipotesis null (H_0) dikemukakan iaitu dua hipotesis yang melihat perbandingan dalam kumpulan yang sama bagi ujian pra dan pasca serta



dua hipotesis yang melihat perbandingan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Bagi menjawab hipotesis yang dikemukakan, analisis *Wilcoxon-t* digunakan kerana data yang diperoleh tidak bertaburan normal serta merupakan data bersifat non parametrik. Hanya 12 orang peserta terlibat iaitu enam orang peserta di kumpulan rawatan dan enam orang peserta di kumpulan kawalan. Terdapat lima pernyataan data dikemukakan iaitu, (1) dapatan statistik deskriptif penguasaan perkataan, (2) hipotesis perbandingan H_{o1} , (3) hipotesis perbandingan H_{o2} , (4) hipotesis perbandingan H_{o3} , dan (5) hipotesis perbandingan H_{o4} .

4.9.1 Dapatan Statistik Deskriptif Penguasaan Perkataan

Dapatan statistik deskriptif penguasaan perkataan merujuk kepada pernyataan data mentah atau skor tahap penguasaan bagi semua peserta di kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pernyataan data bagi dapatan ini bersifat deskriptif iaitu berdasarkan analisis nilai peratusan yang membandingkan tahap atau kadar perubahan pembelajaran atau penguasaan perkataan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan yang terlibat dalam kajian kuasi eksperimental. Pernyataan data secara deskriptif juga membolehkan penilaian secara kasar kadar perubahan pembelajaran atau penguasaan perkataan dalam kalangan peserta kajian dapat dilihat. Pernyataan data juga dikemukakan dalam bentuk rajah carta bar bagi memperlihatkan tahap perubahan secara kasar dengan lebih jelas.

Jadual 4.18


Dapatan Data Penguasaan Perkataan Berfungsi

Kumpulan	Peserta Kajian	Skor		Skor		Perbezaan	
		Pra	%	Pasca	%	Poin	%
Kumpulan Rawatan	KR1	6	20.0	21	70.0	15	50.0
	KR2	11	36.67	25	83.33	14	46.67
	KR3	7	23.33	13	43.33	6	20.0
	KR4	6	20.0	15	50.0	9	30.0
	KR5	6	20.0	18	60.0	12	40.0
	KR6	5	16.67	14	46.67	9	30.0
Kumpulan Kawalan	KK1	9	30.0	9	30.0	0	0.0
	KK2	5	16.67	7	23.33	2	6.67
	KK3	5	16.67	5	16.67	0	0.0
	KK4	4	13.33	6	20.0	2	6.67
	KK5	7	23.33	8	26.67	1	3.33
	KK6	6	20.0	6	20.0	0	0.0

Jadual 4.18 menunjukkan secara kasar data skor penguasaan perkataan bagi semua peserta kajian dari kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Berdasarkan jadual menunjukkan bagi kumpulan rawatan, peserta kedua (KR2) menunjukkan tahap peningkatan paling baik iaitu meningkat sebanyak 46.67 peratus. Bagi peningkatan paling rendah adalah peserta ketiga (KR3) iaitu hanya 20.0 peratus. Manakala bagi peserta di kumpulan kawalan peningkatan yang paling baik adalah peserta kedua (KK2) dan keempat (KK4) dengan peningkatan sebanyak 6.67 peratus. Berdasarkan data menunjukkan tiga peserta iaitu KK1, KK3 dan KK6 tidak menunjukkan peningkatan.

Rajah 4.4 pula menunjukkan secara graf bar peningkatan tahap penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan. Daripada rajah menunjukkan penguasaan perkataan bagi KK1 meningkat sebanyak 50 peratus, KR2 pula meningkat sebanyak 46.67


peratus, KR3 sebanyak 20 peratus. Bagi KR4 dan KR6 menunjukkan peningkatan yang sama iaitu sebanyak 30 peratus, manakala bagi KR5 menunjukkan peningkatan sebanyak 40 peratus. Berdasarkan rajah carta bar menunjukkan semua peserta kajian di kumpulan rawatan berlaku peningkatan dengan paling tinggi sebanyak 50 peratus dan paling rendah sebanyak 20 peratus iaitu KR3.



Rajah 4.4: Penguasaan Perkataan Kumpulan Rawatan

Rajah 4.5 juga menunjukkan secara graf bar, kadar atau tahap peningkatan penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan. Daripada rajah menunjukkan tiga peserta bagi kumpulan kawalan iaitu KK1, KK3 dan KK6 tidak menunjukkan peningkatan dan tidak juga menunjukkan penurunan tahap penguasaan perkataan. Manakala bagi KK2 dan KK4 menunjukkan peningkatan dari skor lima poin kepada tujuh poin atau bersamaan 7.67 peratus. Bagi KK5 pula turut menunjukkan

peningkatan sebanyak satu poin atau bersamaan 3.33 peratus. Secara keseluruhan menunjukkan berlaku peningkatan tahap penguasaan perkataan dalam kalangan peserta kumpulan kawalan iaitu bagi KK2, KK4 dan KK5. Dapatan juga menunjukkan tiga peserta kajian tidak berlaku peningkatan iaitu pada KK1, KK3 dan KK6.



Rajah 4.5: Penguasaan Perkataan Kumpulan Kawalan

4.9.2 Hipotesis Perbandingan Ho1

Hipotesis Ho1 merujuk kepada perbandingan nilai min dapatan ujian pra antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Hipotesis ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan perkataan berfungsi peserta kajian di kumpulan rawatan dan

kumpulan kawalan sama ada setara atau sebaliknya sebelum sesi intervensi dijalankan. Hipotesis H_0 menyatakan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Jadual 4.19

Ujian Pra Penguasaan Perkataan Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan

Pembolehubah	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	DK (n-2)	Nilai- <i>t</i>	Nilai- <i>p</i>
Ujian Pra Penguasaan Perkataan	Rawatan	7.00	2.00	10	0.310	0.279
	Kawalan	6.00	1.78			

Signifikan pada nilai alpha (α) = 0.05*

Jadual 4.19, menunjukkan min ujian pra penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan adalah 7.00 dan 6.00 bagi kumpulan kawalan dengan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 1.00 poin. Berdasarkan nilai min menunjukkan sesuatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang dari nilai aras *alpha* (α). Keputusan ujian *wilcoxon* menunjukkan kebarangkalian *p* adalah 0.279 dan nilai aras signifikan *alpha* (α) iaitu $0.279 > 0.05$. Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min signifikan pada ujian pra penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Oleh itu, H_0 iaitu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan adalah diterima. Secara statistiknya juga tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

4.9.3 Hipotesis Perbandingan Ho2

Hipotesis Ho2 merujuk kepada perbandingan nilai min dapatan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Hipotesis ini bertujuan untuk menilai perbezaan tahap penguasaan perkataan selepas sesi intervensi dijalankan iaitu di antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Hipotesis ini juga berperanan untuk menilai kumpulan mana yang lebih tinggi tahap penguasaan perkataan sama ada kumpulan rawatan atau kumpulan kawalan. Hipotesis Ho2 menyatakan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Jadual 4.20

Ujian Pasca Penguasaan Perkataan Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan

Pembolehubah	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	DK (n-2)	Nilai-t	Nilai-p
Ujian Pasca Penguasaan Perkataan	Rawatan	17.66	4.63	10	0.02	0.04
	Kawalan	6.83	1.47			

Signifikan pada nilai alpha (α) = 0.05*

Jadual 4.20, menunjukkan min ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan adalah 17.66, manakala bagi kumpulan kawalan adalah 6.83 dengan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 10.83 poin. Satu ujian-t dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian p adalah kurang dari nilai aras $alpha$ (α). Keputusan ujian menunjukkan kebarangkalian p adalah 0.04 dan nilai aras signifikan $alpha$ (α) iaitu $0.04 < 0.05$. Maka keputusan mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam

bacaan min ujian pasca penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Dapatan ini menunjukkan H_02 iaitu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan adalah ditolak dan menerima hipotesis alternatif (H_{A2}) iaitu terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

4.9.4 Hipotesis Perbandingan H_03

Hipotesis H_03 merujuk kepada perbandingan nilai min dapatan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Hipotesis ini bertujuan untuk menilai perbezaan peningkatan tahap penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan. Hipotesis H_03 menyatakan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan.

Jadual 4.21

Perbandingan Min antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Pembolehubah	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	DK (n-1)	Nilai-t	Nilai-p
Kumpulan Rawatan	Ujian Pra	7.00	2.00	11	-2.00	0.028
	Ujian Pasca	17.66	4.63			

Signifikan pada nilai alpha (α) = 0.05*



Jadual 4.21 menunjukkan min ujian pra penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan adalah 7.00, manakala min ujian pasca adalah 17.66, dengan perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 10.66 poin. Suatu ujian-*t* dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian *p* adalah kurang dari nilai aras alpha (α). Keputusan ujian menunjukkan kebarangkalian *p* adalah 0.028 dan nilai aras signifikan *alpha* (α) iaitu $0.028 < 0.05$. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan. Oleh itu H_03 iaitu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan adalah ditolak dan menerima hipotesis alternatif (H_A3) iaitu terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan. Secara statistiknya juga terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan.



4.9.5 Hipotesis Perbandingan H_04

Hipotesis H_04 merujuk kepada perbandingan nilai min dapatan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Hipotesis ini bertujuan untuk menilai perbezaan tahap penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan. Hipotesis H_04 menyatakan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan.



Jadual 4.22

Perbandingan Min antara Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Pembolehubah	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	DK (n-1)	Nilai-t	Nilai-p
Kumpulan Kawalan	Ujian Pra	6.00	1.78	11	-1.63	0.102
	Ujian Pasca	6.83	1.47			

Signifikan pada nilai alpha (α) = 0.05*

Jadual 4.22 menunjukkan min ujian pra penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan adalah 6.00, manakala min ujian pasca adalah 6.83, perbezaan min bagi kedua-duanya ialah 0.83 poin. Suatu ujian-t dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian p adalah kurang dari nilai aras alpha (α). Keputusan ujian menunjukkan kebarangkalian p adalah 0.102 dan nilai aras signifikan alpha (α) iaitu $0.102 > 0.05$. Maka, keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan. Oleh itu H_0 iaitu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan adalah diterima. Secara statistiknya juga tidak terdapat perbezaan signifikan dalam bacaan min antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan.

4.9.6 Rumusan Dapatan Hipotesis Perbandingan

Berdasarkan analisis perbandingan yang diperoleh dari empat hipotesis yang dikemukakan, dua hipotesis ditolak dan dua hipotesis diterima. Perbandingan dapatan ujian



pra bagi kumpulan rawatan dengan kawalan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap penguasaan antara kedua-duanya. Perbandingan dapatan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ke atas tahap penguasaan perkataan. Manakala perbandingan dalam kumpulan iaitu bagi kumpulan rawatan menunjukkan wujud perbezaan signifikan tahap penguasaan perkataan antara ujian pra dengan ujian pasca. Bagi kumpulan kawalan pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca. Berdasarkan analisis menunjukkan pengajaran berpandukan modul IPB berupaya meningkatkan tahap penguasaan perkataan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Selain itu analisis juga menunjukkan dari segi tahap atau kadar peningkatan penguasaan perkataan bagi kaedah pengajaran berpandukan modul lebih tinggi berbanding pengajaran secara konvensional..



4.10 Rumusan Dapatan Kajian

Secara rumusan dapatan data diperoleh dari lima peringkat kajian iaitu, (1) tinjauan masalah pengajaran dan keperluan modul, (2) tinjauan perkataan berfungsi, (3) penilaian kesahan modul, (4) penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan modul, serta (5) kajian kuasi eksperimental. Dapatan data dari semua peringkat kajian ini bertujuan untuk menjawab kelima-lima persoalan kajian yang dikemukakan. Semua data dianalisis berdasarkan dua jenis analisis iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Analisis-analisis berkenaan penting bagi menjawab semua persoalan dan hipotesis kajian yang diutarakan seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 4.23.



Jadual 4.23

Rumusan Dapatan Kajian Pembinaan dan Pengujian Modul Pengajaran IPB

Bil.	Soalan / Hipotesis Kajian	Dapatan Kajian
1.	Apakah tahap masalah pengajaran dan keperluan modul dalam kalangan GPK masalah pembelajaran bagi menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan?	Dapatan menunjukkan wujud masalah pengajaran pada aras 89.1 peratus dan keperluan modul pada aras 84.4 peratus.
2.	Apakah 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid?	[duduk], [makan], [rumah], [bapa/ayah], [ibu/emak], [nasi], [minum], [sekolah], [lelaki] dan [perempuan].
3.	Apakah senarai perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid bagi tujuan menjadi kandungan utama pembelajaran modul pengajaran IPB?	Dapatan dapat menyenaraikan 60 perkataan berfungsi yang dipecahkan kepada enam tema selain dari 10 perkataan utama.
4.	Apakah tahap kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian modul pengajaran IPB?	Dapatan menunjukkan kesahan pada aras 0.68, kesesuaian pada aras 0.81 dan nilai kebolehpercayaan α 0.948.
5.	Apakah tahap perubahan pembelajaran dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan setelah mengikuti pengajaran perkataan berfungsi berdasarkan perbezaan min yang signifikan?	
	Ho1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan	Ho1 diterima kerana tidak terdapat perbezaan min ujian pra kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
	Ho2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penguasaan perkataan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan	Ho2 ditolak dan menerima HA2 kerana terdapat perbezaan min ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kawalan.
	Ho3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan	Ho3 ditolak dan menerima HA3 kerana terdapat perbezaan min antara ujian pra dengan ujian pasca kumpulan rawatan.
	Ho4: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca penguasaan perkataan bagi kumpulan kawalan	Ho4 diterima kerana tidak terdapat perbezaan min antara ujian pra dengan ujian pasca kumpulan kawalan.

Jadual 4.23 menunjukkan rumusan dapatan bagi semua peringkat kajian yang dijalankan. Berdasarkan dapatan, bagi persoalan pertama menunjukkan wujud masalah pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran bagi menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan pada aras 89.10 peratus. Hasil tinjauan juga menunjukkan GPK masalah pembelajaran bersetuju dengan pembinaan modul khusus bagi membantu guru menjalankan PdP terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan pada aras 84.40 peratus.

Bagi persoalan kedua berkenaan 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid, hasil dari tinjauan dapat menyenaraikan 10 perkataan utama tersebut iaitu, (1) duduk, (2) makan, (3) rumah, (4) bapa/ayah, (5) ibu/emak, (6) nasi, (7) minum, (8) sekolah, (9) lelaki, dan (10) perempuan. Manakala bagi persoalan ketiga, hasil tinjauan turut dapat menyenaraikan 10 perkataan berfungsi bagi setiap tema. Secara keseluruhan terdapat 70 perkataan berfungsi dengan 60 perkataan berfungsi dari enam tema perkataan yang dikemukakan dan 10 perkataan utama bagi perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid.

Persoalan keempat pula berkenaan kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian modul pengajaran IPB. Hasil dari penilaian pakar dan GPK masalah pembelajaran menunjukkan aras kesahan modul pengajaran IPB yang dibina berada pada aras 0.68. Bagi kebolehpercayaan modul daripada analisis yang dijalankan, nilai kebolehpercayaan berdasarkan pekali *Alpha Cronbach* menunjukkan tahap kebolehpercayaan modul berada pada aras 0.948. Manakala bagi kesesuaian penggunaan modul menunjukkan tahap kesesuaian berada pada aras 0.81.



Berdasarkan dapatan bagi persoalan keempat menunjukkan modul pengajaran yang dibina berada pada tahap atau aras yang baik.

Persoalan terakhir pula dijawab melalui kajian kuasi eksperimental dengan mengemukakan empat hipotesis null, iaitu dua hipotesis menilai perbandingan antara kumpulan dan dua hipotesis menilai perbandingan dalam kumpulan yang sama. Pada hipotesis pertama, dapatan yang diperoleh menunjukkan H_01 diterima kerana tidak terdapat perbezaan min signifikan pada ujian pra antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Bagi hipotesis kedua, berdasarkan dapatan menunjukkan H_02 ditolak dan menerima H_{A2} kerana terdapat perbezaan min signifikan pada ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Manakala bagi hipotesis ketiga dapatan menunjukkan H_03 yang dikemukakan turut ditolak dan menerima H_{A3} kerana terdapat perbezaan min signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Manakala hipotesis terakhir pula iaitu H_04 yang melihat perbandingan antara dapatan ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan kawalan diterima kerana tidak terdapat perbezaan min yang signifikan.

Secara keseluruhan berdasarkan dapatan hipotesis dapat dirumuskan modul pengajaran IPB mampu meningkatkan tahap penguasaan perkataan berfungsi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Selain itu dapatan turut menunjukkan tahap penguasaan perkataan dalam kalangan peserta kajian bagi kumpulan rawatan lebih baik dan tinggi berbanding tahap penguasaan perkataan dalam kalangan peserta di kumpulan kawalan.



BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Permasalahan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) bukan merupakan isu baharu dalam dunia pendidikan khas. Banyak penelitian dan penyelidikan dilakukan bagi mengkaji pelbagai isu berbangkit untuk memastikan setiap individu mendapat pendidikan sama rata tanpa mengira ketidakupayaan yang dimiliki. Antara isu atau permasalahan yang wujud adalah ketidakupayaan komunikasi lisan dalam kalangan murid BPKMP atau dikenali dengan terma *non verbal learning disabilities* atau turut dikenali dengan istilah murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Terdapat pelbagai kaedah dan teknik boleh digunakan bagi membantu atau menangani permasalahan komunikasi lisan dalam kalangan murid BPKMP. Dalam konteks kajian ini, beberapa konsep dan kaedah pengajaran digabungkan secara bersama melalui pembinaan modul pengajaran yang berperanan sebagai panduan kepada guru dalam



menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Hasil dari penelitian yang dijalankan terdapat beberapa isu yang wajar dibincangkan bagi memastikan permasalahan dapat ditangani dengan baik dan memberi impak seperti mana dikehendaki.

5.2 Perbincangan dan Ringkasan Permasalahan Kajian

Permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan telah lama diberikan perhatian serius terutamanya di negara Barat sejak dua atau tiga dekad yang lalu. Dalam konteks Malaysia, permasalahan ini juga tidak terkecuali diberi perhatian dalam memastikan setiap individu mendapat pendidikan yang sewajarnya tanpa mengira keupayaan. Berbanding permasalahan lain, isu berkenaan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan lebih unit dan agak kompleks. Pelbagai aspek perlu diberi penelitian dan perhatian sama ada di pihak guru atau murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penelitian secara berperingkat bermula dari penilaian kadar atau tahap permasalahan hingga membawa kepada penelitian dari aspek keupayaan instrumen untuk meningkatkan penguasaan perkataan merupakan perkara penting bagi memastikan permasalahan ini dapat ditangani dengan baik serta mampu memberi impak seperti mana diharapkan. Terdapat empat isu utama diberi perhatian, penelitian dan perbincangan iaitu, (1) masalah pengajaran dan keperluan modul, (2) senarai perkataan berfungsi, (3) kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul serta (4) tahap perubahan pembelajaran perkataan berfungsi.





5.2.1 Masalah Pengajaran dan Keperluan Modul

Penelitian terhadap sesuatu isu atau permasalahan merupakan aspek penting bagi tujuan memastikan sesuatu isu atau permasalahan itu dapat difahami dengan jelas sebelum sebarang intervensi dapat dijalankan. Penelitian dari aspek bentuk intervensi juga merupakan perkara yang wajar dititikberatkan bagi memastikan intervensi yang dijalankan menepati seperti mana yang dikehendaki. Dalam konteks kajian ini terdapat dua aspek penelitian iaitu masalah pengajaran dalam kalangan guru dan keperluan modul pengajaran.

5.2.1.1 Masalah Pengajaran dalam Kalangan Guru



Berdasarkan penelitian yang dilakukan bagi menilai tahap atau senario permasalahan berkaitan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menunjukkan wujud masalah pengajaran dalam kalangan GPK masalah. Dapatan dari tinjauan sejajar seperti mana yang dinyatakan oleh Wright (2008) dan Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012) yang mendapati wujud masalah pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran.

Terdapat banyak faktor yang membawa kepada masalah pengajaran dalam kalangan guru. Berdasarkan penelitian menunjukkan aspek kemahiran dan rancangan pengajaran merupakan faktor yang menyumbang kepada masalah pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran. Hasil tinjauan menunjukkan hanya 3.70 peratus dari keseluruhan peserta kajian, mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Selain itu dapatan turut





menunjukkan 80.0 peratus guru mempunyai masalah dalam merancang pengajaran. Permasalahan ini perlu diberi perhatian serius terutamanya di pihak institusi yang terlibat secara langsung dengan pendidikan khas dalam usaha usaha untuk menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Kekurangan kemahiran pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran mengundang kepada masalah perancangan pengajaran yang mungkin berpunca dari kurangnya pendedahan berkenaan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Kekurangan ini mungkin disebabkan realiti kewujudan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan itu sendiri yang wujud dalam bilangan atau kuantiti yang kecil di sesuatu Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) seperti mana yang pernah dinyatakan oleh Noor Aini (2010). Namun ianya tidak wajar dipandang enteng kerana menurut Hahn (2004) kewujudan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dipengaruhi oleh genetik dan persekitaran. Antshel dan Khan (2008) turut menyentuh kaitan antara kewujudan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dengan faktor genetik. Berdasarkan apa yang telah diutarakan memungkinkan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan sentiasa wujud dari masa ke semasa.

Selain itu dapatan juga menunjukkan majoriti atau bersamaan 81.30 peratus guru mengakui mempunyai kesulitan untuk mengajar dan berkomunikasi dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Kesulitan berkomunikasi secara tidak langsung menjejaskan penyampaian dan penerimaan mesej. Chung dan Pennebaker (2007) menyatakan manusia menggunakan komunikasi untuk menyampaikan emosi dan pemikiran. Lantaran dari permasalahan komunikasi seolah mengiyakan pandangan yang dikemukakan oleh Agoratus (2014) yang menyatakan





ketidakupayaan murid berkomunikasi menyebabkan mereka sering merasa kecewa kerana tidak dapat menyampaikan maksud atau keperluan diri.

Menerusi tinjauan yang dilakukan juga mendapati majoriti iaitu 79 daripada 80 orang guru merasakan ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dapatan ini selari dengan pernyataan Toth (2009), Mehwish, Muhammad Imran dan Muhammad Imran (2012) berkenaan peranan ibu bapa dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dan keperluan membantu GPK masalah pembelajaran menangani permasalahan. Penglibatan dan peranan ibu bapa tidak dapat dinafikan kerana umum mengetahui jumlah masa kebersamaan murid dengan ibu bapa lebih tinggi berbanding dari kebersamaan murid dengan guru. Situasi ini meletakkan ibu bapa sebagai aspek atau elemen penting khususnya bagi PdP terhadap murid BPKMP atau murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

5.2.1.2 Keperluan Modul Pengajaran

Tinjauan dan penelitian senario permasalahan berkenaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan turut menilai dari aspek keperluan pembinaan modul dan faktor sampingan yang membawa kepada keperluan tersebut. Walaupun tidak dinafikan wujudnya masalah, namun penelitian dari aspek keperluan modul adalah suatu perkara yang penting bagi menilai tahap keperluan bahan sokongan seperti modul pengajaran bagi membantu guru menjalankan pengajaran yang bersesuaian dengan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.





Sejajar dengan masalah pengajaran dalam kalangan guru, dapatan turut menunjukkan majoriti guru atau 68 orang peserta iaitu bersamaan 85.0 peratus guru mengakui bahan pembelajaran sedia ada tidak bersesuaian dengan permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Ini mungkin kerana aras atau teras pembelajaran bahan sedia ada kurang bersesuaian dengan ketidakupayaan dan keperluan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Ketidaksesuaian bahan sedia ada sejajar dengan pandangan yang dikemukakan oleh Noor Aini (2010) yang menyatakan bahan pembelajaran yang bersesuaian bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan adalah menggunakan bahan pembelajaran berteknologi rendah seperti kad gambar. Berdasarkan ketidakupayaan murid untuk berkomunikasi secara lisan sememangnya memerlukan bahan atau teknik khusus yang bersesuaian. Oleh kerana itu modifikasi atau perubahan teknik pengajaran perlu dilakukan seperti mana dinyatakan oleh Mc Bride dan Goedecke (2012) yang menekankan sesuatu modifikasi perlu memberi tumpuan kepada pengetahuan dan kemahiran berdasarkan keupayaan murid.

Lantaran dari kewujudan masalah pengajaran dan ketidaksesuaian bahan pembelajaran sedia ada, berdasarkan tinjauan menunjukkan 67 dari 80 orang atau bersamaan 83.8 peratus guru bersetuju dengan pembinaan modul khusus bagi membantu guru menjalankan pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Persetujuan pembinaan modul selain atas sebab kekurangan pengetahuan dan kemahiran pengajaran ia juga mungkin disebabkan keyakinan guru terhadap kaedah intervensi menggunakan modul pengajaran. Banyak penelitian berhubung keberkesanan modul dilakukan dengan hasil menunjukkan peningkatan dalam PdP serta mampu mencapai objektif yang telah ditetapkan. Saripah Salbiah et al. (2013) dan Md Noor (2012) dalam penelitian yang dilakukan mendapati penggunaan modul





mampu meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran yang diajar. Dalam konteks kajian ini, intervensi berpandukan modul bukan sahaja dapat memberi impak kepada murid malah turut kepada guru terutamanya dari sudut meningkatkan pengetahuan berkenaan permasalahan murid dan kemahiran pengajaran khususnya kaedah komunikasi agumentatif dan alternatif (AAC).

Selain penelitian terhadap aspek masalah pengajaran dan keperluan modul, tinjauan juga turut meneliti dari aspek reka bentuk modul pengajaran. Penelitian ini bertujuan untuk memastikan modul yang dihasilkan menepati seperti mana dikehendaki oleh GPK masalah pembelajaran. Penelitian ini juga bertujuan untuk menilai kesesuaian kaedah dan konsep yang digunakan, agar modul yang dihasilkan mampu memberi impak atau hasil seperti mana dikehendaki dan seterusnya dapat menangani sesuatu permasalahan yang diberi tumpuan.

Hasil dari tinjauan menunjukkan semua guru bersetuju dengan penggunaan unsur gambar rajah dalam modul. Keseluruhan peserta juga bersetuju dengan cadangan pembinaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian disertakan dengan bersama dengan modul pengajaran IPB. Pandangan guru ini menepati seperti mana ditegaskan oleh Anderson (2001) yang menyatakan penggunaan gambar rajah lebih mudah diterima oleh murid. Manakala Burmark (2002) turut menyatakan pengajaran berdasarkan gambar rajah lebih baik berbanding pengajaran secara lisan kerana otak manusia mampu memproses visual 60,000 lebih baik berbanding pengajaran secara lisan. Zaidatun dan Norhayati (2010) turut menyatakan bahan atau isi pembelajaran menggunakan elemen visual, imej dan gambar mampu untuk





meningkatkan motivasi dan pemahaman murid dalam memahami sesuatu pembelajaran khususnya bagi pembelajaran bersifat abstrak.

Manakala dari aspek BBM, Syaiful Bahri dan Aswan (2002) menyatakan teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Bruner turut menekankan aspek penggunaan BBM dalam menjalankan pengajaran. Abdul Jalil et al. (2011) dalam penelitian dari sudut pengajaran bahasa turut menegaskan keperluan mempelbagaikan BBM dan pendekatan PdP yang menarik bagi memperkembangkan keupayaan kemahiran membaca dan menulis. Selain itu Cannella-Molene, Fant dan Tullis (2010) turut menegaskan penggunaan gambar rajah dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi antara murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dengan rakan sebaya. Ruppard, Dymond dan Gaffney (2011) turut menegaskan pengajaran menggunakan



gambar rajah mampu memberi kesan yang lebih cepat.

Penelitian turut menilai dari aspek bentuk komunikasi, di mana dapatan menunjukkan 76.3 peratus atau bersamaan 61 dari 80 orang guru bersetuju dengan penggunaan komunikasi isyarat sebagai komunikasi alternatif yang wajar diterapkan kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Hasil penelitian sejajar dengan pernyataan Anderson (2001) berhubung penggunaan kaedah komunikasi isyarat yang telah lama diguna dan menunjukkan hasil yang baik sepanjang 30 tahun yang lalu di negara Barat. Berke (2009) turut menyatakan komunikasi isyarat digunakan secara meluas dalam kalangan murid bermasalah komunikasi lisan seperti sindrom Down, autisme, *ceberal palsy*, truma dan bermasalah gangguan pertuturan. Johnson (2012) juga menegaskan penggunaan komunikasi isyarat dapat merangsang fungsi otak dari aspek pembinaan bahasa, komunikasi dan kemahiran sosial.





Hasil tinjauan juga meneliti dari aspek kandungan pembelajaran yang sesuai diterapkan kepada murid BPKMP tanpa komunikasi. Dapatan menunjukkan 66.3 peratus atau bersamaan 53 daripada 80 orang guru bersetuju dengan pengajaran berteraskan perkataan berfungsi. Menurut Leroy, Parise dan Maillart (2013) pengajaran perkataan berfungsi diaplikasi berdasarkan kaedah pengajaran secara pengulangan dan lazimnya perkataan-perkataan yang diajar lebih pendek, ringkas dan mempunyai penegasan terhadap sesuatu maksud. Alberto et al. (2013) menegaskan pemilihan senarai perkataan berfungsi adalah berdasarkan keperluan sesuatu aktiviti dalam sesuatu persekitaran. Ini bermakna keutamaan sesuatu perkataan berfungsi itu dipengaruhi oleh faktor persekitaran atau demografi seperti antara satu negara dengan negara yang lain atau antara kawasan bandar dengan luar bandar. Dalam konteks modul pengajaran IPB, pengajaran perkataan berfungsi diintegrasikan dalam bentuk simbol isyarat yang diistilahkan sebagai isyarat perkataan berfungsi.



Berdasarkan dapatan tinjauan, tidak menafikan pengajaran perkataan berfungsi mempunyai kepentingan tersendiri bagi membantu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan untuk saling berkomunikasi. Menurut Rohena-Diaz dan Browder (1996), pemilihan perkataan berfungsi merupakan salah satu kaedah intervensi yang dapat memberi manfaat terutamanya kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Browder dan Xin (1998) turut menegaskan pengajaran *sight word* atau perkataan berfungsi tidak hanya memberi kesan yang baik kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, malah turut berkesan bagi kanak-kanak normal di awal perkembangan. Deloya (2013) turut berpandangan pengajaran perkataan berfungsi boleh menjadi pembelajaran yang lebih baik dan bermakna bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan kerana dapat merangsang murid untuk belajar. Reeve (2013) turut





berpandangan dan bersetuju dengan pengajaran berteraskan perkataan berfungsi terhadap murid BPKMP bagi membolehkan mereka lebih mudah untuk berdikari dalam masyarakat.

Penelitian senario permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan perkara penting bagi mengenal pasti faktor-faktor penyumbang yang membawa kepada permasalahan di samping memastikan isu atau permasalahan dapat difahami dengan baik. Berdasarkan dapatan tinjauan jelas menunjukkan terdapat beberapa faktor dominan yang menjadi penyebab kepada wujudnya permasalahan dalam menjalankan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Antara faktor dominan adalah dari aspek pengetahuan berkenaan murid dan kemahiran pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran di samping kurangnya bahan rujukan yang dapat membantu pengajaran guru. Berdasarkan tinjauan juga menunjukkan beberapa elemen penting dalam pengajaran turut dipersetujui seperti mana dikemukakan melalui penelitian-penelitian terdahulu.

Pengajaran komunikasi alternatif berkonsepkan kaedah AAC iaitu komunikasi isyarat merupakan bentuk komunikasi yang bersesuaian dengan ketidakupayaan murid. Selain itu penekanan kandungan pembelajaran berteraskan perkataan berfungsi turut menjadi keutamaan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan harian murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Gabungan antara komunikasi isyarat, perkataan berfungsi dan gambar rajah boleh diaplikasikan dalam menjalankan pengajaran bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Namun bagi menetapkan senarai perkataan berfungsi, tinjauan perlu dijalankan kerana penetapan sesuatu perkataan berfungsi dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan demografi.



5.2.2 Senarai Perkataan Berfungsi

Perkataan berfungsi secara umumnya merujuk kepada perkataan yang lazim digunakan dan mempunyai fungsi atau peranan dalam kehidupan harian. Menurut Speechreka (2011), perkataan berfungsi merujuk kepada perkataan bagi perkara-perkara lazim dalam persekitaran murid. Penetapan sesuatu perkataan berfungsi dipengaruhi oleh faktor persekitaran atau keberadaan penutur atau pengguna perkataan tersebut. Alberto et al. (2013) turut menegaskan pemilihan sesuatu perkataan berfungsi adalah berdasarkan keperluan aktiviti dalam persekitaran. Penguasaan perkataan berfungsi merupakan perkara penting bukan sahaja bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan malah juga bagi murid normal terutamanya kanak-kanak di peringkat awal perkembangan. Browder dan Xin (1998) menegaskan *sight word* pandang atau perkataan berfungsi sangat berkesan terhadap murid BPKMP teruk atau sederhana dan juga kepada murid normal.

Dalam usaha membantu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, penelitian dan penetapan senarai perkataan berfungsi bagi menjadi teras kandungan pengajaran dalam modul pengajaran IPB merupakan perkara penting. Ini kerana bagi memastikan setiap perkataan berfungsi yang diajar menepati kehendak dan keperluan penggunaan perkataan tersebut dalam kehidupan harian bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Berdasarkan tinjauan literatur, senarai perkataan berfungsi dikelompokkan kepada tujuh jenis kumpulan perkataan dan setiap kumpulan mempunyai 10 perkataan berfungsi. Dalam konteks kajian dan pembinaan modul pengajaran melalui tinjauan yang dijalankan satu inventori perkataan berfungsi dibina dengan keseluruhan perkataan berjumlah 70 perkataan berfungsi. Antara kumpulan atau tema bagi



inventori ini yang disenaraikan ialah, (1) sepuluh perkataan utama, (2) tema ahli keluarga/diri/orang, (3) tema makanan dan minuman, (4) tema alatan/barangan lazim, (5) tema perbuatan lazim, (6) tema pakaian dan aksesori serta (7) tema lokasi/sudut/bahagian rumah.

5.2.2.1 Sepuluh Perkataan Utama bagi Perkataan Berfungsi

Hasil dari tinjauan yang dijalankan dapat mengenal pasti 10 perkataan utama yang mempunyai nilai persetujuan yang tinggi berdasarkan pandangan GPK masalah pembelajaran. Penetapan perkataan ini bagi menjadi teras pembelajaran awalan kepada murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Dalam konteks pengujian modul, 10 perkataan ini juga berperanan sebagai teras pembelajaran bagi tempoh uji kaji yang dijalankan. Secara keseluruhan menunjukkan dari 10 perkataan yang disenaraikan, empat perkataan adalah dari tema ahli keluarga/diri/orang iaitu [bapa/ayah], [ibu/emak], [lelaki] dan [perempuan], tiga perkataan dari tema perbuatan lazim iaitu [duduk], [makan] dan [minum], dua perkataan dari tema lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah iaitu [rumah] dan [sekolah]. Manakala hanya satu perkataan dari tema makanan dan minuman iaitu [nasi].

Dari segi susunan keutamaan perkataan menunjukkan perkataan [duduk], [makan] dan [rumah] merupakan tiga perkataan paling utama berbanding perkataan lain khususnya perkataan [bapa/ayah] atau perkataan [emak/ibu] yang berada pada kedudukan keempat dan kelima. Seperti mana dinyatakan penelitian keutamaan perkataan ini adalah berdasarkan pandangan GPK masalah pembelajaran. Penetapan



perkataan [duduk] sebagai perkataan paling utama mempunyai signifikan yang tersendiri khususnya dalam PdP bagi murid BPKMP. Kemampuan GPK masalah pembelajaran untuk mengawal tingkah laku murid khususnya bagi perbuatan untuk duduk diam membolehkan guru menjalankan pengajaran dengan baik. Keupayaan murid untuk duduk diam amat diperlukan khususnya bagi murid bermasalah *Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder* (ADHD). Ini kerana murid ADHD lazimnya bertingkah laku cerdas dan aktif dan boleh mengganggu sesuatu sesi PdP yang dijalankan oleh guru. Seperti mana menurut Mohd Zuri dan Aznan (2011) antara ciri-ciri bagi murid hiperaktif atau ADHD adalah seperti suka berlari atau memanjat perabut dan tidak boleh duduk diam. Oleh itu pengawalan tingkah atau memastikan murid mampu untuk diam merupakan elemen penting dalam sesuatu sesi PdP.

Namun berdasarkan penelitian literatur menunjukkan kelompok bagi ketiga-tiga perkataan utama berkenaan tidak tergolong sebagai antara perkataan yang paling utama. Ini kerana Dolch (1936) menyenaraikan perkataan [duduk] sebagai pengajaran pada peringkat keempat atau di gred dua. Manakala perkataan [makan] di peringkat kedua atau tahap asas. Bagi perkataan [rumah] pula Dolch menyenaraikannya sebagai perkataan di peringkat keenam iaitu bagi perkataan kata nama. Laura (2008) pula menyenaraikan perkataan [duduk] dan [makan] pada peringkat kedua iaitu perkataan tindakan atau perbuatan lazim. Namun jika menilai dari kelompok lima perkataan paling utama iaitu termasuk perkataan [bapa/ayah] dan perkataan [ibu/emak] yang berada pada kedudukan keempat dan kelima masih menepati seperti mana dikemukakan oleh Evans (2012) yang menyenaraikan perkataan tersebut sebagai perkataan paling utama pada kedudukan pertama dan kedua.

5.2.2.2 Perkataan Berfungsi Mengikut Tema

Selain mengenal pasti 10 perkataan utama, tinjauan perkataan berfungsi turut bertujuan untuk mengenal pasti lagi 60 perkataan berfungsi berdasarkan persekitaran murid yang dibahagikan kepada enam tema. Bagi setiap tema disenaraikan 10 perkataan berfungsi berdasarkan nilai min tertinggi untuk sesuatu tema. Secara keseluruhan terdapat 70 perkataan berfungsi di mana 10 daripadanya adalah perkataan paling utama. Tujuan utama penyenaian ini adalah bagi menjadi kandungan pembelajaran selepas pembelajaran 10 perkataan paling utama. Ini bermakna murid didedahkan terlebih dahulu dengan 10 perkataan utama sebelum mempelajari lain-lain perkataan mengikut tema.

Berdasarkan tinjauan bagi tema ahli keluarga/diri/orang, selain dari perkataan [bapa/ayah], [ibu/emak], [lelaki] dan [perempuan] yang tergolong sebagai perkataan utama adalah perkataan [abang], [kakak] dan [adik], kemudian diikuti dengan perkataan-perkataan lain seperti [saya], [datuk], [nenek], [kawan], [orang], [kamu] dan [anak]. Secara keseluruhan bagi tema ini terdapat 14 perkataan disenaraikan. Bagi tema perbuatan lazim, selain dari perkataan [duduk], [makan] dan [minum] adalah perkataan [tidur], [berdiri] dan [berjalan], kemudian diikuti perkataan [mandi], [lihat], [lompat], [main], [tulis], [lari] dan [warna]. Secara keseluruhan bagi tema ini sebanyak 13 perkataan disenaraikan. Manakala bagi tema alatan/barangan lazim, penetapan perkataan dimulakan dengan perkataan [buku], [pensel] dan [pemadam] yang berada pada kedudukan teratas. Ini mungkin kerana kesesuaian perkataan berkenaan mempunyai hubungan signifikan dengan sesi PdP. Bagi perkataan

seterusnya ialah [berus gigi], [ubat gigi], [meja], [pembaris], [sikat], [kerusi] dan [sudu].

Tema lokasi/tempat/sudut/bahagian rumah pula menunjukkan selain dari perkataan [rumah] dan [sekolah] yang digolongkan sebagai perkataan utama, menunjukkan perkataan [tandas], [bilik] dan [bilik tidur] berada pada kedudukan teratas berbanding perkataan [kunci], [pintu], [lantai], [tingkap], [tangga], [taman] dan [dinding]. Secara keseluruhan sebanyak 12 perkataan disenaraikan bagi tema ini. Untuk tema pakaian dan aksesori menunjukkan perkataan [seluar], [baju] dan [sarung kaki] berada pada kedudukan teratas berbanding perkataan [kasut], [selipar], [tudung], [topi], [tali leher], [kain] dan [tali pinggang]. Manakala bagi tema terakhir iaitu makanan dan minuman selain dari perkataan [nasi] yang tergolong sebagai perkataan utama, perkataan bagi tema ini didahului oleh perkataan [roti], [ikan] dan [ayam] dan diikuti dengan perkataan [air], [buah], [sayur], [susu], [telur], [pisang] dan [daging]. Pada tema makanan dan minuman secara keseluruhan terdapat 11 perkataan disenarai dengan satu perkataan tergolong sebagai perkataan utama dan 10 perkataan dikelompokkan dibawah tema makanan dan minuman.

Penelitian ke atas senarai perkataan yang dikenal pasti jelas menunjukkan perkataan yang dipilih mempunyai hubungan yang signifikan dengan persekitaran murid atau sekolah. Seperti mana dinyatakan, dapatan data bagi tinjauan ini adalah berdasarkan pandangan GPK masalah pembelajaran yang mana difikirkan bersesuaian dengan persekitaran dan keperluan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Namun, jika penelitian dari sudut ibu bapa berkemungkinan mempunyai perbezaan dari segi aras, keutamaan dan perkataan yang perlu ditekankan atau didedahkan kepada murid

untuk dikuasai. Secara signifikannya berdasarkan pemilihan perkataan-perkataan ini jelas menunjukkan faktor keberadaan murid mempunyai pengaruh yang signifikan dalam menentukan sesuatu perkataan berfungsi bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

5.2.3 Kesahan, Kesesuaian dan Kebolehpercayaan Modul

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan seperti mana dinyatakan perlu melihat dari pelbagai aspek sama ada dari aspek ketidakupayaan murid atau dari aspek permasalahan dalam kalangan guru. Penelitian ke atas instrumen atau medium yang digunakan bagi menangani permasalahan adalah dari sudut kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul pengajaran IPB juga wajar dilakukan. Penelitian dan penilaian ini bagi memastikan medium atau modul pengajaran IPB yang dibina menepati keperluan seperti mana dikehendaki dan seterusnya mampu memberi impak ke arah menangani permasalahan yang wujud.

5.2.3.1 Kesahan Modul Pengajaran IPB

Dalam konteks kajian ini, penelitian dan penilaian modul pengajaran IPB dari sudut kesahan merujuk kepada penilaian dari pakar dalam bidang masalah pembelajaran dan komunikasi isyarat. Berdasarkan dapatan menunjukkan secara purata nilai kesahan yang diperoleh adalah pada nilai 0.68. Terdapat lima aspek penilaian kesahan modul iaitu, (1) aras pembelajaran, (2) kandungan/sukatan pelajaran, (3) kaedah dan konsep

pembelajaran, (4) elemen penggunaan perkataan, dan (5) elemen penggunaan tulisan. Pada aspek aras pembelajaran menunjukkan nilai kesahan pada aras 0.69, aspek kandungan/sukatan pelajaran pula mencatatkan nilai kesahan pada aras 0.66. Bagi aspek kaedah dan konsep pembelajaran memperoleh nilai kesahan pada aras 0.67. Manakala pada aspek elemen penggunaan perkataan dan elemen penggunaan tulisan masing-masing mencatatkan nilai kesahan pada aras 0.74 dan 0.66.

Secara rumusan bagi dapatan kesahan menunjukkan aras kesahan modul pengajaran IPB yang dibina mempunyai aras atau nilai kesahan yang baik. Banyak faktor yang memungkinkan dapatan ini antaranya kekurangan bahan pengajaran yang khusus bagi mengajar murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Aras dan kandungan pengajaran dalam modul turut mempunyai pengaruh tersendiri yang mana kandungan pengajaran menumpukan kepada keperluan asas komunikasi bagi seseorang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penumpuan pembelajaran terhadap perkataan berfungsi dapat memastikan sekurang-kurangnya murid mampu berkomunikasi atau berinteraksi dengan individu yang berada dalam persekitaran mereka.

5.2.3.2 Kesesuaian Modul Pengajaran IPB

Manakala penelitian dari sudut kesesuaian dan kebolehpercayaan modul pengajaran IPB merujuk kepada penilaian oleh GPK masalah pembelajaran. Penilaian ini juga pada masa sama merujuk kepada kajian rintis penggunaan atau percubaan GPK masalah pembelajaran menggunakan modul pengajaran IPB dalam sesi PdP yang sebenar dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setelah percubaan menggunakan modul



tersebut satu penilaian dari aspek kesesuaian modul dijalankan terhadap semua guru yang terlibat.

Berdasarkan penelitian dan penilaian yang dijalankan menunjukkan tahap atau aras kesesuaian modul pengajaran IPB yang dibina berada pada aras 0.81. Terdapat empat aspek penilaian yang dijalankan iaitu, (1) matlamat dan objektif, (2) kandungan modul, (3) struktur, reka bentuk dan pelaksanaan, dan (4) bahasa, tulisan dan sikap penerimaan modul. Pada aspek matlamat dan objektif menunjukkan tahap kesesuaian modul berada pada aras 0.72, aspek kandungan modul pula mencatatkan tahap kesesuaian pada aras 0.84. Bagi aspek struktur, reka bentuk dan pelaksanaan memperoleh tahap kesesuaian pada aras 0.76. Manakala pada aspek bahasa, tulisan dan sikap penerimaan modul mencatatkan tahap kesesuaian pada aras 0.90.



5.2.3.3 Kebolehpercayaan Modul Pengajaran IPB

Penilaian bagi kebolehpercayaan modul adalah berdasarkan nilai pekali *Alpha Cronbach* diperoleh dari borang penilaian kesesuaian modul pengajaran IPB. Sebanyak 43 item berkaitan modul dikemukakan bagi penilaian berdasarkan pandangan GPK masalah pembelajaran. Setiap guru yang terlibat diberi draf modul untuk digunakan dalam sesi pembelajaran yang sebenar dalam sesuatu tempoh yang telah ditetapkan. Berdasarkan analisis yang dilakukan menunjukkan nilai pekali *Alpha Cronbach* berada pada nilai 0.948. Hasil analisis ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan modul berada pada tahap yang baik dan modul pengajaran yang dibina sesuai dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.





Berdasarkan penelitian secara kasar memperlihatkan wujud nilai min yang ketara di antara nilai kesahan dan nilai bagi tahap kesesuaian modul. Terdapat banyak faktor yang mungkin menyumbang ke arah perbezaan ini di mana penilaian guru menunjukkan aras yang lebih baik berbanding dari penilaian dari pakar. Perbezaan nilai atau tahap ini mungkin disebabkan kerana modul IPB merupakan antara modul terbaru yang menggunakan pendekatan pengajaran isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Namun walaupun mempunyai perbezaan yang ketara, antara keduanya mempunyai skop penilaian yang tidak sama. Bagi penilaian kesahan, penilaian adalah dari aspek keselarasan bahan dalam menepati keperluan menangani masalah, manakala bagi penilaian kesesuaian adalah untuk melihat kesesuaian dan kebolegunaan modul dalam persekitaran pembelajaran yang sebenar.



5.2.4 Tahap Perubahan Pembelajaran Perkataan Berfungsi

Penelitian dan penilaian dari aspek kemampuan instrumen atau medium bagi meningkatkan tahap penguasaan perkataan turut mempunyai kepentingan tersendiri yang penting dalam usaha menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Penilaian ini bertujuan untuk menilai kemampuan dan keupayaan modul sebagai agen dalam meningkatkan kemahiran komunikasi melalui penguasaan perkataan berfungsi. Kemampuan atau keupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menguasai atau berkemampuan berkomunikasi menggunakan isyarat perkataan berfungsi dapat membantu murid membina atau meningkatkan hubungan sosial dengan individu yang berada dalam persekitaran mereka dengan lebih baik dalam usaha menyampaikan kehendak dan keperluan mereka dalam kehidupan harian.





Terdapat dua aspek utama penelitian dilakukan iaitu melihat dari aspek perubahan tahap penguasaan perkataan dalam kumpulan yang sama dan perubahan tahap penguasaan perkataan antara kumpulan. Penilaian dari sudut keupayaan modul meningkatkan tahap penguasaan perkataan. Sebanyak 12 orang murid BPKMP tanpa komunikasi lisan dipilih dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Penelitian dalam kumpulan yang sama melihat kepada perubahan antara dapatan ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, manakala penelitian antara kumpulan melihat perbandingan dapatan ujian pra antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dan perbandingan dapatan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.



rawatan dengan kumpulan kawalan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan ke atas tahap penguasaan perkataan di peringkat ujian pra. Dapatan ini bermakna tahap penguasaan perkataan peserta bagi kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan di peringkat awalan atau ujian pra adalah setara. Namun berdasarkan data yang diperolehi jika dilihat secara terperinci wujud perbezaan tahap penguasaan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan di peringkat ujian pra tetapi dalam nilai yang rendah atau sedikit. Pada perbandingan ini menunjukkan skor tahap penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan berjumlah 41, manakala bagi kumpulan kawalan adalah berjumlah 36. Antara keduanya memperlihatkan perbezaan skor hanya pada jumlah lima poin atau bersamaan 2.78 peratus.





Penelitian kedua pula menilai perbandingan dapatan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Berdasarkan analisis menunjukkan wujud perbezaan signifikan terhadap penguasaan perkataan antara kumpulan. Dapatan data kasar yang diperoleh juga selari seperti mana penolakan hipotesis H_02 kerana skor ujian pasca tahap penguasaan perkataan bagi kumpulan rawatan menunjukkan skor lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan dengan perbezaan sebanyak 36.11 peratus atau bersamaan perbezaan skor sebanyak 65 poin.

Penelitian ketiga pula melihat perbezaan tahap penguasaan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Berdasarkan analisis, hipotesis H_03 ditolak dan menerima H_A3 kerana terdapat perbezaan signifikan tahap perkataan. Berdasarkan dapatan data secara terperinci dapat dilihat wujudnya perbezaan yang ketara antara skor ujian pra dengan ujian pasca bagi kumpulan rawatan yang mana menunjukkan skor tahap penguasaan ujian pasca lebih tinggi berbanding skor ujian pra iaitu dengan nilai skor 65 atau perbezaan sebanyak 36.11 peratus.

Manakala penelitian terakhir melihat perbezaan skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Berdasarkan analisis yang dijalankan H_04 yang dikemukakan diterima kerana tidak terdapat perbezaan signifikan perubahan tahap penguasaan perkataan antara ujian pra dengan ujian pasca. Namun dapatan data secara kasar menunjukkan masih terdapat perbezaan nilai skor antara ujian pra dengan ujian pasca. Ini bermakna kaedah konvensional turut mampu meningkatkan tahap penguasaan perkataan. Tetapi jika dilihat secara perbandingan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan menunjukkan tahap atau aras peningkatan bagi kumpulan rawatan lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Perbandingan terperinci menunjukkan





secara purata bagi peningkatan tahap penguasaan perkataan untuk kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan sebanyak 36.11 peratus. Manakala peningkatan bagi kumpulan kawalan secara purata meningkat sebanyak 2.78 peratus. Perbezaan sebanyak 33.33 peratus jelas menunjukkan penggunaan modul pengajaran IPB mempunyai tahap peningkatan penguasaan perkataan lebih tinggi berbanding kaedah konvensional.

Berdasarkan penelitian dari keempat-empat aspek tersebut, secara rumusnya dapat dikatakan modul pengajaran IPB dapat memberi perubahan peningkatan tahap penguasaan perkataan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Namun berdasarkan dapatan data secara terperinci menunjukkan tidak semua peserta di kumpulan rawatan dapat menguasai semua isyarat perkataan berfungsi yang ditekankan. Senario ini sejajar seperti mana dinyatakan oleh Toth (2009) iaitu pembelajaran isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bukan sesuatu yang mudah dan memerlukan jangka masa yang lama. Dalam penelitian yang dijalankan oleh Toth selama enam bulan juga menunjukkan tidak semua perkataan yang diajar kepada murid mampu dikuasai dengan baik. Ini bermakna pengajaran komunikasi isyarat bagi murid BPKMP tanpa komunikasi lisan memerlukan jangka masa yang lebih panjang dan sewajarnya dimulakan sejak peringkat pra sekolah. Hasil dapatan juga selari dengan pernyataan Toth dari aspek penglibatan ibu bapa dalam membantu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menguasai sesuatu kemahiran komunikasi. Oleh itu dapat dikatakan dalam usaha menangani permasalahan ini banyak aspek atau elemen perlu diambil kira terutamanya pada aspek kemahiran pengajaran GPK masalah pembelajaran.





5.3 Cadangan dan Saranan

Permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan isu yang wajar diberi perhatian walaupun permasalahan ini bersifat minor dalam bidang pendidikan khas masalah pembelajaran. Usaha menanganinya perlu sentiasa digerakkan dari masa ke semasa dalam memastikan setiap murid memperoleh pendidikan sejajar dengan kemampuan mereka. Kaedah intervensi berpandukan modul pengajaran IPB mempunyai signifikan tersendiri kerana memberi impak bukan sahaja dari sudut murid malah juga kepada GPK masalah pembelajaran.

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian menunjukkan wujud masalah pengajaran dan keperluan membina modul khusus bagi membantu GPK masalah pembelajaran menjalankan pengajaran yang bersesuaian dengan ketidakupayaan dan keperluan murid. Penilaian dari aspek kesahan, kesesuaian dan kebolehpercayaan modul juga menunjukkan modul IPB mempunyai nilai yang baik dan sesuai digunakan. Berdasarkan kajian kuasi eksperimental juga turut menunjukkan modul pengajaran IPB mampu untuk meningkatkan tahap penguasaan perkataan dalam kalangan peserta kajian atau murid BPKMP tanpa komunikasi.

Walaupun dapatan kajian bersifat positif, namun seperti mana kajian atau penelitian lain, penambahbaikan dari masa ke semasa diperlukan kerana dunia pendidikan sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Dalam usaha untuk terus membantu dan menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, kajian-kajian lanjutan perlu dilakukan bagi membantu murid BPKMP tanpa komunikasi lisan sejajar dengan peredaran masa. Antara aspek yang





wajar diberi penekanan adalah dari aspek kandungan atau teras pembelajaran. Satu usaha berterusan perlu dilakukan bagi memastikan kandungan pengajaran atau perkataan berfungsi yang dipilih merupakan perkataan umum yang tidak dipengaruhi oleh faktor geografi.

Selain itu, antara kajian lanjutan yang boleh dilakukan adalah dengan meneliti dan membuat perbandingan antara kaedah-kaedah AAC di samping menilai peranan dan kebolegunaan komunikasi alternatif tersebut dalam persekitaran sosial murid. Ini bertujuan bagi mengenal pasti kaedah AAC yang mana paling baik dalam meningkatkan tahap penguasaan perkataan dan kaedah mana yang lebih sesuai diaplikasikan dalam pembinaan kemahiran komunikasi dan interaksi murid dengan individu dalam persekitaran mereka.



Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan wujudnya masalah pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran. Oleh itu pihak berwajib wajar memberi pendedahan bukan sahaja kepada guru malah turut disyorkan kepada ibu bapa menerusi kursus jangka masa pendek. Melalui pendedahan ini membolehkan GPK masalah pembelajaran lebih bersedia dalam merancang dan menjalankan pengajaran yang bersesuaian. Pendedahan ke atas ibu bapa juga bagi memastikan ibu bapa mampu memainkan peranan dalam usaha membantu guru menerapkan kemahiran komunikasi terhadap anak mereka. Melalui kursus jangka masa pendek juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dalam kalangan GPK masalah pembelajaran. Saranan ini sejajar dengan cadangan yang dikemukakan oleh Wright (2008) dan Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012) yang mencadangkan kursus jangka



masa pendek secara berkala dan mendedahkan kaedah pengajaran berasaskan komunikasi augmentatif dan alternatif (AAC).

Selain itu, antara saranan atau cadangan yang wajar diberi perhatian adalah dari aspek pembinaan modul atau bahan pengajaran. Seperti mana maklumat yang diperolehi melalui tinjauan permasalahan, majoriti peserta kajian mengakui bahan rujukan atau modul khusus bagi permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan masih berkurangan dan bahan sedia ada tidak bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi oleh murid. Selain pembinaan modul pengajaran turut disarankan agar sebuah modul pembelajaran yang bersesuaian dibina bagi memastikan pengukuhan pembelajaran dapat dilakukan dengan lebih baik. Kewujudan modul pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru merancang dan menjalankan pengajaran yang lebih berkesan terhadap murid. Pembinaan BBM berteknologi rendah seperti kad gambar juga merupakan sesuatu yang baik seperti mana yang dicadangkan oleh Noor Aini (2010).

Sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi, pembinaan modul juga disyorkan bukan hanya dalam bentuk fizikal atau maujud seperti mana modul bercetak. Satu usaha pembinaan modul secara interaktif turut disyorkan bagi menjadikannya sebagai modul mesra penggunaan dan menarik minat serta motivasi murid untuk mempelajari komunikasi alternatif khususnya komunikasi isyarat. Pembinaan modul versi interaktif juga mampu mengwujudkan sesi pembelajaran sendiri bagi murid di mana GPK masalah pembelajaran bertindak sebagai fasilitator dengan memantau atau membantu murid belajar secara secara sendiri.



5.4 Kesimpulan

Pendidikan merupakan aspek penting bagi semua individu tanpa mengira ketidakupayaan. Keperluan pendidikan bagi murid BPKMP juga harus berubah dari masa ke semasa sejajar dengan peredaran masa. Seperti mana wujudnya kepelbagaian jenis ketidakupayaan masalah pembelajaran, kaedah menangani atau kaedah pembelajaran bagi murid BPKMP khususnya murid BPKMP tanpa komunikasi lisan tidak harus bersifat statik dan perlu berubah atau diubahsuaikan sejajar dengan peredaran masa dan ketidakupayaan yang dimiliki oleh seseorang murid.

Permasalahan yang dihadapi oleh murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan isu yang perlu diberikan perhatian yang serius, kaedah menangani juga harus bersesuaian dan bertepatan dengan keperluan murid itu sendiri. Seperti mana dinyatakan, ketidakupayaan murid menguasai komunikasi lisan, akibat dari kerencatan perkembangan neorologi yang menjejaskan sistem pembinaan bahasa yang akhirnya memberi implikasi yang cukup besar bukan sahaja dalam kalangan murid itu sendiri namun pada masa sama memberi impak kepada individu dalam persekitaran mereka.

Isu atau permasalahan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan bukan merupakan isu baharu dalam dunia pendidikan khas. Penelitian-penelitian terdahulu telah banyak dijalankan dari masa ke semasa dalam usaha membantu atau menangani permasalahan yang dihadapi sama ada dalam kalangan murid atau dalam kalangan guru. Penelitian dari sudut perbandingan kaedah AAC turut pernah dilakukan bagi menilai kaedah mana lebih baik untuk menangani permasalahan murid BPKMP tanpa





komunikasi lisan. Penelitian terdahulu turut membangkitkan isu kemampuan guru menangani permasalahan dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.

Dalam usaha menangani permasalahan berkaitan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan, harus melihat pelbagai aspek dan elemen bagi memastikan kaedah menangani mampu memberi impak seperti mana dikehendaki sama ada terhadap murid atau terhadap guru. Pemilihan kaedah pengajaran juga harus melihat kepada aspek kefungsiannya komunikasi itu sendiri diaplikasikan dalam pelbagai situasi. Kajian pembinaan dan pengujian modul IPB ini juga merupakan antara solusi bersifat serampang dua mata iaitu bagi murid dan guru. Pemilihan kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah gabungan daripada cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan. Pemilihan jenis komunikasi alternatif turut mengambil kira aspek



kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran tersebut.

Dalam konteks kajian ini, komunikasi isyarat dipilih sebagai komunikasi alternatif bagi menggantikan komunikasi lisan yang tidak mampu dikuasai. Kaedah atau teknik pembelajaran berdasarkan kaedah AAC merupakan kaedah yang lazim digunakan bagi menangani permasalahan komunikasi dalam kalangan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Manakala kandungan pembelajaran berteraskan perkataan berfungsi merupakan kosa kata perkataan asas yang penting dan diperlukan dalam kehidupan harian. Dapatan kajian menunjukkan pengajaran berpandukan modul IPB dapat meningkatkan tahap penguasaan perkataan. Namun tidak semua perkataan mampu dikuasai oleh murid kerana pembelajaran komunikasi isyarat memerlukan jangka masa panjang serta perlu melibatkan peranan ibu bapa dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan perkataan.





Lantaran dari dapatan kajian ini menunjukkan kaedah pengajaran berdasarkan kaedah AAC merupakan kaedah yang bersesuaian bagi pengajaran terhadap murid BPKMP tanpa komunikasi lisan. Melalui kaedah ini kemahiran komunikasi alternatif khususnya komunikasi isyarat dapat membantu murid berkomunikasi dan seterusnya berinteraksi dengan individu dalam persekitaran mereka walaupun mereka tidak berkeupayaan berkomunikasi secara lisan. Komunikasi isyarat sesuai diterapkan kerana komunikasi ini mampu diaplikasikan tanpa menggunakan alat bantuan komunikasi berbanding kaedah-kaedah AAC yang lain.

Secara rumusan akhir, dapat disimpulkan permasalahan yang dihadapi oleh murid BPKMP tanpa komunikasi lisan merupakan permasalahan yang wajar diberi perhatian yang serius bagi memastikan murid mampu berkomunikasi walau pun tidak mampu berkomunikasi secara lisan. Keupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan menguasai komunikasi alternatif seperti komunikasi isyarat perkataan berfungsi membolehkan murid berhubung atau berkomunikasi dengan individu dalam persekitaran mereka. Kemampuan murid berkomunikasi membolehkan murid menyampaikan kehendak atau keperluan mereka dalam kehidupan harian. Selain itu kaedah atau teknik yang digunakan haruslah tidak bersifat sama atau *stereotype* bagi menyesuaikan pembelajaran dengan peredaran masa, keperluan dan ketidakupayaan murid BPKMP tanpa komunikasi lisan.





RUJUKAN

Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darulsalam & Saedah Siraj (2011). Cabaran guru linus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*. 34, 37-51.

Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail (2013). Perlaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-64.

Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi Aplanaidu (2012). Kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pencapaian kemahiran membaca bahasa Melayu murid pemulihan sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(3), 94-105.

Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed (2014). Masalah pembelajaran: Tanda dan simptom kecacatan komunikasi lisan murid pendidikan khas. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 301-324.

Abu Bakar Nordin (1986). *Asas penilaian pendidikan*. Siri Maktab Perguruan. Selangor, Malaysia: Longman Malaysia Sdn. Bhd.



Adam Othman (2010). *Modul pembelajaran sendiri*. Dari laman sesawang: <http://adamayu.blogspot.com/2010/08/modul-kendiri.html>. Tarikh capaian: 05 November 2013

Addington, B. (2008) *For nonverbal children: Functional vocabulary kit*. USA: Amerika: LinguiSystems, Inc.

Adhi Rachdian & Andy Sikumbang (2007). *Mastering cms dengan mambo/joomla*. Jarkata, Indonesia: PT Elex Media Komputindo.

Adi Prakosa (2008). *Komunikasi verbal dan nonverbal*. Dari laman sesawang: <http://adiprakosa.blogspot.com/2008/10/komunikasi-verbal-dan-non-verbal.html>. Tarikh capaian: 25 Mac 2014.

Adrian Hartanto (2014). *Komunikasi Tulisan, awal era komunikasi*. Dari laman sesawang: <http://komunikasi.us/index.php/course/perkembangan-teknologi-komunikasi/50-komunikasi-tulisan-awal-era-komunikasi>. Tarikh capaian: 07 Jun 2015.

Agoratus, L. (2014). An alternative method of communication for consideration for children who are nonverbal. *Ep Magazine*.





Agung, S.S & Raharjo, S. Sos (2009). *Buku kantong sosiologi SMA IPS*. Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Widyatama.

Ahmad Nawawi, Anik Dwi H., Munce, R.T. & Yulian Agus S. (2009). *Media komunikasi augmentatif bagi anak autism spektrum disorder (ASD)*. Fakulti Ilmu Pendidikan. Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung.

Ahmad Rizal Madar & Jailani Md. Yusof (2005). Gaya pembelajaran visual pelajar teknikal menerusi pembangunan koswer berorientasikan grafik dan animasi. Dibentangkan dalam: *Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-18*, Pada: 16-19 September, Terengganu.

Aidah Alias, Nadzri Mohd Sharif, Nor Fariza Baharuddin, Meor Hasmadi Meor et al. Hamzah & Farihan Zahari (2016), Penerokaan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan imej visual dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. *Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 145-162.

